

KERIS MAS (Kamaluddin Muhammad, lahir pada 10 Jun 1922, di Kampung Ketari, Bentong, Pahang, dan meninggal dunia pada 9 Mac 1992 di Kuala Lumpur) adalah Sasterawan Negara Malaysia yang pertama. Sebagai salah seorang pengarang terulung dalam kesusasteraan Melayu moden, Keris Mas dianggap pengarang cerita pendek yang terkemuka selepas Perang Dunia Kedua setelah Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), di samping sebagai pemikir bangsa dan negara.

Sebagai intelektual Melayu, bakat, pengalaman, pemikiran yang tajam lagi kritis dan dengan penguasaan bahasa Melayunya yang baik, menjadikan Keris Mas pengarang penting dalam ujana kesusasteraan tanah air. Ketokohan beliau ini dibantu pula oleh pembacaan yang luas dan sering dicernakan dalam penciptaan cerpen, novel serta esei/kritikannya. Pengalaman awalnya sebagai wartawan di kota Singapura turut membantu dan memperkuuh lagi komitmennya terhadap pembangunan masyarakat dan bangsa Melayu ke arah kemerdekaan mental dan fizikal mererusi wadah kesusasteraan dan penulisan.

Jiwa perjuangan Keris Mas cukup ketara lewat karya-karyanya, sejajar dengan moto dan gagasan Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) iaitu "Seni untuk Masyarakat" yang dipimpinnya. Kehadiran beliau dalam perkembangan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu begitu berpengaruh, bukan sahaja terhadap institusi serta kegiatan kesusasteraan, malah menjadi sumber-

**SASTERAWAN
NEGARA
KERIS
MAS**
**Tanggapan Tokoh
dan Sarjana**

**A. Karim Abdullah
A. Rahim Abdullah**

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Cetakan Pertama 2001
© A. Karim Abdullah dan A. Rahim Abdullah 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sasterawan negara Keris Mas : tanggapan tokoh dan sarjana /
diselenggarakan oleh A. Karim Abdullah, A. Rahim Abdullah.

ISBN 983-62-6950-9

1. Keris Mas, 1922-1992. 2. Authors, Malay--Biography.

3. Malay literature--History and criticism. I. A. Karim
Abdullah. II. A. Rahim Abdullah.

928.9923

M

928.9923
SAS

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

M ✓

21 JUN 2002

1068046

Perpustakaan Negara

Kandungan

Pengantar

ix

Bahagian Satu

| | |
|--|----|
| TANGGAPAN TERHADAP KETOKOHAN | 1 |
| Cita-cita Keris Mas: Mendaulatkan Bahasa dan Sastera Bangsa | 3 |
| A. SAMAD ISMAIL | |
| Keris Mas: Sasterawan Sekali Gus Pemikir | 18 |
| SHAHNON AHMAD | |
| Keris Mas dan Asas '50 Hampir-hampir Sinonim | 22 |
| JOHAN JAAFFAR | |
| Keris Mas dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu | 28 |
| ISMAIL AHMAD | |
| Keris Mas: Tokoh Kesusasteraan Melayu Modern | 38 |
| HAMZAH HAMDANI | |
| Politik Sastera: Suatu Komen terhadap Keris Mas | 57 |
| S. HUSIN ALI | |
| Pancaran Wajah Nasionalis Melayu | 72 |
| ABU BAKAR HAMID | |

Bahagian Dua

| | |
|--|-----|
| TANGGAPAN TERHADAP CERPEN | 89 |
| Cerpen-cerpen Keris Mas dalam Perspektif Sejarah dan Budaya Bangsa | 91 |
| MOHAMAD MOKHTAR HASSAN | |
| Konflik Kebatinan Watak-watak dalam <i>Patah Tumbuh</i> | 106 |
| ILIAS ZAIDI | |
| Cerpen-cerpen Keris Mas: Suatu Kesinambungan dan Pencandraan | 132 |
| OTHMAN PUTEH | |
| Keris Mas: Cerpenis Melayu Terulung | 142 |
| S. HUSIN ALI | |
| Semangat Perjuangan Antipenjajah dalam <i>Patah Tumbuh</i> | 149 |
| SYED HUSIN ALI | |
| Ulasan Cerpen "Mereka Tidak Mengerti" | 160 |
| KASSIM AHMAD | |

Bahagian Tiga

| | |
|---|-----|
| TANGGAPAN TERHADAP NOVEL | 163 |
| Pandangan Seorang Penuntut Tinggi Kita tentang Sebuah Buku Melayu | 165 |
| AMINUDDIN BAKI | |
| Propaganda Halus dalam <i>Anak Titiwangsa</i> | 169 |
| YAHAYA ISMAIL | |
| Tiga Kelompok Sosial Melayu dalam <i>Rimba Harapan</i> | 174 |
| ABDUL RAHMAN AZIZ | |

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| Masalah Nilai dan Perubahan Sosial dalam <i>Rimba Harapan</i> | 184 |
| A. RAHIM ABDULLAH | |
| Keris Mas dan Transformasi Minda dalam Pembangunan | 202 |
| A. RAHIM ABDULLAH | |
| Mencari Sebahagian Teks yang Hilang di dalam Novel <i>Pahlawan Rimba Malaya</i> | 231 |
| A. RAHIM ABDULLAH | |
| <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> dari Perspektif Pembangunan Kini | 247 |
| SHAHNON AHMAD | |
| Konsep Wira Melayu Moden: Sintesis Keris Mas Melalui <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> | 258 |
| SHAHNON AHMAD | |
| Manusia Berkepentingan dalam Novel <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> | 271 |
| ABDULLAH TAHIR | |
| <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> : Suatu Kesan daripada Sudut Bahasa | 286 |
| AWANG SARIYAN | |
| Keris Mas Meletakkan Amar Maaruf di Tahap Paling Atas | 298 |
| SAHLAN MOHD. SAMAN | |
| Sifat-sifat Penting Watak Utama Novel <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> | 304 |
| AMINUDDIN MOHD. YUSOF | |
| Perspektif Psikologi Keris Mas dan Teori Personaliti dalam <i>Saudagar Besar dari Kuala Lumpur</i> | 320 |
| AMINUDDIN MOHD. YUSOF | |
| <i>Biodata</i> | 351 |
| <i>Indeks</i> | 359 |

Pengantar

Sasterawan Negara Keris Mas meninggalkan khazanah yang cukup bernilai dalam kesusasteraan Melayu moden Malaysia. Dia dianggap penulis cerpen Melayu era baru yang cukup penting selepas A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Walaupun cerpen yang dihasilkannya sekitar 75 buah dalam tempoh 43 tahun kreativitinya, tetapi jumlah tersebut memperlihatkan persepsi dan pemikiran Keris Mas yang cukup tinggi, terutamanya yang menyentuh soal sosiobudaya orang Melayu dalam tahap tiga zaman: Zaman penjajahan (selepas Perang Dunia Kedua), sebelum merdeka, dan pasca merdeka.

Tema atau persoalan yang sering dituangkannya agak menarik, kerana bukan sahaja pelbagai, malah sejarah dengan suasana dan keperluan zamannya. Pada peringkat awal Keris Mas menyentangi persoalan cinta, kepincangan masyarakat, perjuangan kebangsaan, fahaman feudal dan pemikiran kolot, pengisian kemerdekaan, ekonomi orang Melayu, kepimpinan, akidah dan fenomena Islam dan golongan terpelajar Melayu yang *pseudo*.

Dalam tinjauan peneliti sastera di luar negara, Keris Mas mendapat perhatian utama mereka. Virginia Matheson (1986) umpamanya, mendapati cerpen-cerpen Keris Mas lebih bersifat politik jika dibandingkan dengan karya-karya Usman Awang. Peneliti dari Australia ini pernah

membandingkan cerpen "Kami Yang Terlibat" (karya Usman Awang) dengan cerpen "Kedai Sederet di Kampung Kami" (karya Keris Mas). Keris Mas juga dikatakan mengkritik golongan birokrasi yang menyebabkan berlakunya penyelewengan dan kemiskinan di kampung-kampung (lihat Virginia Matheson, "Usman Awang, Keris Mas and Hamzah: Individual Expressions at Social Commitment in Malay Literature", kertas kerja untuk Asian Studies Association of Australia Sixth National Conference, University Sydney, 11–16 Mei 1986).

Selain cerpen, bidang novel juga turut mengangkat ketokohan sasterawan/wartawan ini. Walaupun Keris Mas hanya mampu menghasilkan lima buah novel, tetapi tiga buah novel terakhirnya meletakkan Keris Mas sebagai novelis yang berpotensi seajar dengan A. Samad Said, Arena Wati, dan Shahnun Ahmad. Selepas menerima Anugerah Sastera Negara pada tahun 1982, Keris Mas meneruskan usahanya menulis dua buah novel lagi iaitu *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) dan *Rimba Harapan* (1986).

Dua buah novel terawalnya, *Pahlawan Rimba Melaya* dan *Korban Kesuciannya* dianggap oleh pengarang sendiri sebagai karya yang kurang disenanginya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielak. Yang menariknya, setelah novelnya terbit, ia mendapat reaksi daripada Aminuddin Baki (*Utusan Zaman*, 12 Jun 1949), yang pada tanggapan Hashim Awang sebagai perintis kritikan sastera di Malaysia. Ketika itu Aminuddin Baki masih menjadi penuntut di Raffles College, Singapura. Dalam tulisannya itu, Aminuddin Baki cuba menjelaskan teknik (tiga cara) yang digunakan oleh pengarang Barat dalam memperkenalkan watak – secara langsung, secara tidak langsung, dan oleh pelakon (watak lain).

Seorang lagi peneliti sastera di luar negara yang turut mengangkat novel Keris Mas ialah David J. Banks (1987). Beliau menyentuh novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* dengan menyatakan sebagai usahawan Melayu yang

pulang ke kampung, terutamanya apabila dasar baru kerajaan tentang pembangunan mendapat sambutan kalangan usahawan Melayu sendiri. Sarjana dari Amerika Syarikat itu memberikan kesimpulan bahawa masalah penyelesaian perdagangan atau perniagaan yang kacau di kalangan orang Melayu itu disebabkan kurangnya pengetahuan orang Melayu dalam bidang berkenaan. (Lihat David J. Banks, 1987, *From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence*”, siri monograf no. 29, Universiti Yale, 134–143).

Kami membahagikan pandangan tokoh penulis dan pengkritik terhadap karya-karya sastera dan tulisan nonkreatif Keris Mas kepada tiga kategori: **Pertama** tentang ketokohan Keris Mas secara umum; **kedua** tentang cerpen-cerpen Keris Mas, **ketiga** tentang novel-novel Keris Mas.

Bahagian pertama, kami memuatkan 9 buah tulisan tentang ketokohan Sasterawan Negara ini dalam bidang-bidang tertentu, termasuk beberapa pandangan hasil temubual dengannya, dan juga ulasan buku Keris Mas yang penting dan menarik, iaitu *Gaya Bahasa Sastera*. Kebanyakan tulisan mereka lebih menjurus ke arah ketokohan Keris Mas sebagai pemikir sastera dan budaya, nasionalis dan aktivis ASAS '50 yang mendukung faham "Seni untuk Masyarakat". Beliau juga turut memberi arah terhadap kesusasteraan Melayu moden seperti yang terjelma dalam *Memoranda ASAS '50*.

Misalnya dalam tulisan Shahnon Ahmad ketika menyampaikan pidato penghargaan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan, Universiti Sains Malaysia, kepada Keris Mas (5 Ogos 1989): Sesungguhnya Keris Mas menjadi sasterawan yang unik, sekali gus pemikir yang tajam, penuh dinamisme dalam karya-karyanya, kaya dengan rahsia kehidupan, *wit* dan *humor*, dan kaya dengan ungkapan yang mengusik hati.

Dalam bahagian kedua, ketokohan Keris Mas sebagai cerpenis Melayu moden diperkatakan oleh lima orang

tokoh penulis/pengkritik sastera. Tulisan-tulisan mereka meletakkan Keris Mas sebagai tokoh yang berpengaruh terhadap golongan penulis muda. Kebanyakan cerpen yang ditulis pada sekitar tahun-tahun 1947-1950-an menjadi bahan penelitian mereka.

Ketokohan Keris Mas dalam bidang novel pula diperkatakan oleh sembilan orang penulis, pengkritik dan peneliti sastera tanah air. Pembicaraan yang menyeluruh terhadap novel-novel Keris Mas ini (13 artikel) ternyata lebih menjurus kepada dua buah novel terakhirnya, iaitu *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* dan *Rimba Harapan*, di samping Aminuddin Baki yang mengulas novel *Korban Kesuciannya* (1949), Yahaya Ismail mengulas *Anak Titiwangsa* dan A. Rahim Abdullah dengan teks *Pahlawan Rimba Malaya*.

Kami berharap tanggapan dan pendapat yang terkandung dalam 26 tulisan ini akan memberikan maklumat dan manfaat sebanyak mungkin kepada peneliti kesusastraan Melayu dan juga kepada para peminat Keris Mas.


Karya terawal yang disentuh oleh penulis dalam kumpulan ini ialah tentang novel *Korban Kesuciannya*. Tulisan Aminuddin Baki ini penting sebagai titik tolak bidang kritikan sastera Melayu dan juga kedudukan Aminuddin Baki sendiri sebagai intelektual Melayu yang menjadi legenda dalam sejarah pendidikan moden Melayu. Sementara tulisan terakhir yang kami muatkan ialah tulisan tokoh wartawan A. Samad Ismail yang diberi judul "Cita-cita Keris Mas: Mendaulatkan Bahasa dan Sastera Bangsa". Tulisan berupa ceramah yang disampaikan sempena "Mengenang Sasterawan Negara Keris Mas" di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 10 Jun 1997, ini kami anggap penting dan dijadikan wacana yang pertama dalam buku ini. Tulisan ini merupakan nukilan seorang tokoh penting yang sezaman dan malah banyak mengetahui dan terlibat dengan aktiviti Keris Mas sendiri.

Karya Keris Mas yang terakhir diterbitkan beberapa minggu sebelum beliau meninggal ialah *Cerpen-cerpen*

Pilihan Sasterawan Negara Keris Mas (DBP, 1991). Kumpulan cerpen dari zaman awal hingga terakhir ini menjadi koleksi khas sebagai sebuah khazanah penting yang dihasilkan oleh Keris Mas sepanjang hayatnya dalam sastera Melayu moden. Rencana nonsastera Keris Mas yang terakhir pula bertajuk "Bangsa Malaysia yang Bersatu Padu" (*Dewan Masyarakat*, Ogos 1991) menyorot berbagai-bagai permasalahan masyarakat, di samping memberi saranan bagi mempercepat proses sosialisasi massa ke arah pembangunan dan cita-cita mereka selaras dengan idea Wawasan 2020 Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kami percaya sumbangan Keris Mas selama hampir lima puluh tahun ini memang tidak dapat dinilai, kalau cuma berdasarkan tulisan dan tanggapan tokoh-tokoh sastera dan ilmuan tanah air yang kami kumpulkan ini. Usaha kami ini sekadar suatu penghormatan khalayak sastera Malaysia bagi mengingati perjuangan besar Keris Mas, yang tentunya akan dikenang oleh setiap anak bangsa Melayu pada abad akan datang. Insya-Allah.


A. KARIM ABDULLAH
A. RAHIM ABDULLAH
Kuala Lumpur



CH

BAHAGIAN SATU

Tanggapan Terhadap Ketokohan



Cita-cita Keris Mas: Mendaulatkan Bahasa dan Sastera Bangsa

A. SAMAD ISMAIL

KERIS MAS atau Kamaludin Muhammad meninggal dunia pada tahun 1992 ketika berusia 72 tahun. Sebenarnya Keris Mas lebih tua daripada saya. Khabarnya, ayahnya sengaja mencataktan umur Keris Mas lebih muda daripada umurnya yang sebenar, kerana hendakkan umur anaknya memenuhi syarat untuk layak memasuki sekolah rendah. Saya mulai mengenali Keris Mas ketika dia datang ke Singapura pada tahun 1947 untuk menghadiri kongres Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di No. 10 Bussorah Street. Dalam kongres itu Keris Mas dipilih sebagai ketua penerangan, kalau tidak silap saya.

Dalam tulisannya yang disumbangkan kepada buku karangan Dr. Cheah Boon Keng berjudul *A. Samad Ismail: Politics and Journalism*, Keris Mas menyatakan bahawa kami telah bertemu dan berbincang tentang perkembangan PKMM dalam kongres itu. Sebenarnya saya tidak pernah berbincang dengan Keris Mas tentang PKMM di kongres itu. Saya hanya bertemu sebentar dengan beliau, mengajaknya bekerja di Utusan Melayu. Juga tidak benar seperti yang ditulisnya dalam rencananya itu, bahawa

Catatan: Ceramah Tan Sri A. Samad Ismail di majlis sempena mengejeng Sasterawan Negara Keris Mas, anjuran Persatuan Kesusteraan Bandingan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, di Sudut Penulis, DBP, Kuala Lumpur, pada 10 Jun 1997.

dia pulang terlebih dahulu ke Pahang. Di sana, katanya, dia menerima surat saya menawarkan jawatan untuk menjadi kakitangan Utusan Melayu. Pun tidak tepat juga ingatannya bahawa perlantikannya itu saya bincangkan terlebih dahulu dengan Setiausaha Agung PKMM, Abdul Hamid Abdul, Ishak Haji Muhamad (Pak Sako) atau dengan tokoh PKMM yang lain.

Sebenarnya, keputusan mengambil Keris Mas menjadi anggota sidang pengarang Utusan Melayu ialah keputusan saya sendiri. Yusof Ishak pun tidak saya ajak berunding.

Keris Mas juga pernah menulis bahawa dalam masa pendudukan Jepun dia pernah datang ke pejabat *Berita Malai* di Cecil Street untuk menemui Pak Sako dan berkenalan dengan saya. Katanya, saya keberatan mene-muinya. "Tidak sebarang orang bisa menemui Samad pada ketika itu," begitulah lebih kurang tulisannya. Saya sebenarnya tidak ingat peristiwa itu. Saya bertanya kepada danya, "Benarkah aku tidak mahu menemui kau waktu aku di *Berita Malai* dahulu?" Keris Mas bermati-matian mendakwa bahawa peristiwa itu memang benar berlaku. "Saudara ego waktu itu," katanya. Tidak sebarang orang boleh menemui saudara," dia menambah. Memang benar, agaknya, ketika itu saya sukar ditemui orang yang saya tidak kenal. Bukan kerana saya sompong, tetapi mungkin kerana kesibukan saya mengendalikan *Berita Malai*.

Pada masa itu, walaupun Pak Sako menjadi pengarang setelah kematian Rahim Kajai, urusan menerbitkan *Berita Malai* dan *Semangat Asia* dibebankan ke atas saya. Ketika itu umur saya kira-kira 20 tahun, masih muda, masih panas, dan tentunya punya ego.

Saya menjadi anggota kumpulan Ibrahim Haji Yaacob mengatur suatu gerakan baru untuk mencapai wawasan Indonesia Raya. Ibrahim Haji Yaacob menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KERIS). Anggota kami tidak ramai, terdiri daripada orang-orang kepercayaan Ibrahim Haji Yaacob sahaja. Anggota kumpulan

itu adalah kader baru belaka dan bukan bekas ahli PKMM. Sebab itu agaknya, dikatakan oleh Keris dalam buku memoirnya bahawa tidak mudah menemui Ibrahim Yaacob pada masa itu dan tidak mudah pula berkenalan dengan orang-orangnya.

Kembali kepada kisah Keris Mas mula-mula bekerja di Utusan Melayu pada tahun 1947. Kami merancang untuk menerbitkan *Utusan Zaman* sebagai akhbar mingguan. Akhbar *Utusan Zaman* sebelum itu diterbitkan dalam huruf rumi sebagai akhbar harian petang, yang dipimpin oleh Salleh Daud (allahyarham). Jualannya tidak laris. Mungkin kerana ia diterbitkan dengan tidak menggunakan teknologi canggih seperti mesin *linotype* atau *rotary*. Ia menggunakan tenaga pengatur huruf dan *letterpress* – sudah tentu keluarannya tidak menarik. Tambah pula ia kekurangan tenaga pengarang dan wartawan mahir. Salleh Daud mempunyai pengalaman sebagai wartawan *Suara Rakyat* di Ipoh, bersama-sama Ahmad Boestamam dan Abdul Rahman Rahim. Saya sekadar dapat membantu, kerana saya mempunyai urusan berat mengendalikan harian *Utusan Melayu*.

Manakala kami mengatur persiapan untuk menerbitkan *Utusan Zaman* huruf jawi sebagai akhbar mingguan, saya mencari cerpen dan sajak untuk dimuatkan dalam halaman sasteranya. Hamid Abdul, yang ketika itu menjadi pembantu saya, mengingatkan bahawa saya ada menyimpan naskhah cerpen seorang pemuda bernama Keris Mas di dalam laci meja saya. Memang saya telah membaca cerpen itu, tetapi kerana tidak ada ruangan untuk menyiarkannya, saya simpan dahulu di dalam laci saya. Saya pun mengeluarkan semula cerpen yang berjudul "Ubat Merdeka". Cerpen itu ditaip kemas oleh penulisnya, tetapi kertasnya sudah agak usang kerana agak lama tersorok di dalam laci meja saya.

Saya pun memutuskan untuk menyiarkan cerpen itu. Saya sendiri membuatkan ilustrasinya. Saya terjemahkan sebuah sajak karangan Tagore berjudul "Gitanjali" untuk

disiarkan sehalaman dengan cerpen Keris Mas. Judul cerpen itu saya jadikan poster *Utusan Zaman*. Ejaan "Merdeka" juga baru dan berlainan daripada kebiasaan ejaan perkataan itu pada waktu itu, iaitu "Merdeheka". Agak saya, itulah pertama sekali sebuah akhbar menggunakan judul cerpen dalam posternya. Ketika itu saya belum lagi menemui Keris Mas. Tetapi, saya tertarik dengan cerpennya. Sebagai pengarang kebiasaan saya ialah mencari bakat baru. Hamid Abdul, Dahari Ali dan Salleh Daud mengisi kekosongan informasi saya tentang Keris Mas.

Ketika diadakan kongres PKMM di Singapura, saya mengambil kesempatan menemui Keris Mas. Saya tidak banyak bicara dengannya melainkan terus sahaja menawarkannya jawatan di *Utusan Melayu*. Saya memerlukan sesegera mungkin seorang pembantu untuk mengendalikan *Utusan Zaman*, dan kalau perlu untuk *Mastika*.

Keris Mas agaknya tahu perawakan saya menerusi teman-temannya; tentang kekasaran dan ketegasan saya terhadap orang bawahan. Dia segera menerima tawaran saya. Gaji permulaannya seratus ringgit. Keris Mas tidak pula menolaknya. Sekalipun pernah mengarang cerpen dan rencana, tetapi bekerja di sebuah akhbar harian sepenuh masa adalah suatu bidang baru bagi Keris Mas. Apalagi bekerja di bawah saya tentulah pengalaman awalnya berupa suatu kejutan juga.

Keris Mas orang yang sensitif, lembut dan bersopan. Saya sebaliknya kasar, suka mencarut dan mengherdik orang bawahan. Untuk beberapa waktu, Keris Mas melalui proses penyesuaian diri yang tentunya azab sekali dengan persekitarannya yang baru di *Utusan Melayu*.

Namun, saya tidaklah "membulinya" sebagai seorang rekrut askar. Keris Mas bukan orang yang tergolong dalam kategori pelatih mentah. Dia sudah mempunyai pengalaman sebagai penulis. Dia juga tokoh dalam perjuangan politik kiri. Sebagai penulis, dia mempunyai bakat.

Di jabatan pengarang ketika itu terdapat teman-teman yang sehaluan dengan aliran fikirannya – Dahari Ali, Salleh

Daud dan Hamid Abdul – yang secara langsung pernah terbabit dalam pergerakan parti kiri. Anggota-anggota lain dalam jabatan pengarang pada waktu itu juga boleh dikatakan mempunyai fahaman radikal sekalipun bukan bekas anggota PKMM. Bahkan Yusof Ishak boleh dikategorikan sebagai *antiestablishment* dan antifeudal.

Yang demikian sekitaran untuk Keris Mas mengasah bakatnya amat selesa. Tidak ada aturan tertentu yang mengawal dan membatasi kreativiti seseorang dalam Utusan Melayu pada zaman itu. Apa yang dituntut ke atas tiap kakitangan ialah kesetiaan terhadap Utusan Melayu dan kesediaan berkorban sebesar dan sedaya mungkin untuk memajukan syarikat itu.

Gaji cukup sederhana, hanya memadai untuk menyarai hidup yang serba kekurangan. Seingat saya, gaji saya yang hanya kira-kira tiga ratus ringgit, sekadar mampu untuk sarapan roti canai dan makan nasi di gerai kedai kopi mamak, bersebelahan pejabat Utusan Melayu. Saya belum mampu memakai kot atau tali leher. Sepatu pun setahun belum tentu berganti. Kerja sepanjang minggu tanpa cuti, tidak ada kerja lebih masa, bahkan tidak ada apa-apa elau pun. Hari raya pun tidak ada cuti. Mereka yang bersemangat waja sahaja yang sanggup bekerja di Utusan Melayu pada waktu itu. Tetapi, Keris Mas menerima semua itu dengan tabah. Semangatnya untuk menjadi wartawan dan penulis yang baik mengatasi kesulitan hidup. Dia belum berkahwin dan masih remaja, belum juga berpacaran.

Keris Mas pernah bercinta dengan seorang gadis di kampungnya. Dia patah hati lalu membawa diri mengembara hingga ke Singapura. Sejak mula saya tidak mengharapkan Keris Mas menjadi pemberita, kerana perawakannya serta kebolehannya lebih sesuai untuk menjadi subeditor.

Saya melantiknya sebagai penyunting *Utusan Zaman* menjaga halaman sastera dan rencana. Salleh Daud dan Dahari Ali menjaga berita luar negara dan berita tempatan.

Hari pertama Keris Mas menjaga *Utusan Zaman*, saya tinggalkan pejabat pada jam 4.00 petang dengan mengajak Salleh Daud menonton wayang di Panggung Capitol. Keris Mas panik kerana saya mempertanggungjawabkan padanya urusan mengawasi dan mengelolakan *Utusan Zaman* hingga akhbar itu siap untuk dicetak. Saya sengaja berbuat begitu untuk menguji adakah dia dapat menguruskan *Utusan Zaman* dalam keadaan tertekan dan terdesak. Dahari Ali yang baik hati, tampil membantu Keris Mas kerana simpatinya terhadap seorang teman.

Bekerja di *Utusan Melayu*, mendedahkan Keris Mas pada suatu dunia baru yang belum pernah dikenalinya. Saya kira, Keris Mas berasa selesa dengan budaya keterbukaan dalam pergaulan dan cara kerja di *Utusan Melayu*, terutama sekali kerana tidak ada jurang status antara se-sama pekerja di jabatan pengarang. Semuanya "marhaen". Belum seorang pun mempunyai kereta sendiri, termasuk Yusof Ishak. Tidak ada pangkat rasmi dalam jabatan pengarang. Saya sendiri tidak mempunyai kedudukan rasmi. Kedudukan saya diterima teman-teman sebagai ketua kerana saya yang paling tua dari segi pengalaman, dan barangkali juga kerana keintelektualan saya, atau barangkali kerana saya orang kepercayaan Yusof Ishak, dan akrab dengan anggota lembaga pengarah.

Saya menjadi guru Keris Mas sejak hari pertama dia melangkah ke *Utusan Melayu*. Bukan sekadar menjadi gurunya mengajar ilmu kewartawanan dan penulisan, malah memperluas ilmu pengetahuannya dalam bidang-bidang lain untuk memantapkan keyakinan dirinya menghadapi cabaran hidup.

Keris Mas sudah tidak aktif lagi dalam politik, tetapi dia tidak dapat melepaskan dirinya daripada sentuhan perjuangan politik. *Utusan Melayu* merupakan institusi yang mempelopori perjuangan kemerdekaan, maka boleh dikatakan hampir tiap pekerjanya – secara langsung dan tidak langsung – terlibat dalam berbagai-bagai corak dan bentuk perjuangan massa. Kalau tidak bergerak dalam

pertubuhan sosial seperti organisasi belia atau pelajar, mereka terseret dalam gerakan kaum pekerja. Dalam sekitaran seperti inilah Keris Mas bekerja dan beransur membina gengsinya sebagai pejuang seperti Dahari Ali, Hamid Abdul dan Salleh Daud. Di Utusan Melayu zaman Keris Mas, wartawannya tidak sekadar dinilai daripada kecekapan bekerja malah dinilai oleh teman-temannya terhadap penglibatan dan dedikasinya dalam perjuangan.

Saya mengajarnya memilih dan mengedit rencana dan cerpen, membuat *lay-out*, menilai berita, menterjemah dan mengenal rupa huruf. Sekalipun dipertanggungjawab mengelolakan *Utusan Zaman*, kerjanya terus saya awasi. Saya membaca tiap rencana, sajak dan cerpen yang akan disiarkan. Hingga hari terakhir bekerja di Utusan Melayu, dikatakan dia telah menguasai bidang tanggungjawabnya, pengawasan itu tetap berterusan. Hal itu menjadi dasar saya selamanya.

Keris Mas tidak menguasai bahasa Inggeris. Dia hanya lulus sekolah agama di Sumatera. Saya menggalakkannya meneliti akhbar-akhbar harian *Straits Times* dan *Malay Tribune*. Saya berikan buku-buku sastera Inggeris karya Maupassant, Tolstoy, Hemingway, Caldwell dan sebagainya. Keris Mas diwajibkan membaca buku-buku itu dan setelah selesai membacanya, kami berbincang. Diskusi kami tetapkan pada hari saya kelapangan pada tiap minggu. Keris Mas memang gemar membaca, tetapi yang dibacanya adalah buku-buku sastera dan politik Indonesia.

Saya muhu membuka mindanya dan mendedahkanya kepada teori dan karya sastera yang belum dikenalinya. Dia mempunyai asas ilmu yang kuat tentang sastera dan politik. Maka tidaklah terlalu sukar untuk saya membawanya menjelajahi dunia ilmu yang serba baru.

Keris Mas nasionalis berpendidikan agama yang lebih terbuka dan liberal daripada kebanyakan orang yang berlatarbelakangkan pendidikan agama. Keris Mas dipengaruhi oleh perjuangan parti Islam Indonesia. Dia akrab dengan sejarah Islam terutama sejarah kebangkitan

Islam yang dipelopori oleh Muhammad Abdur.

Saya rasa, dua aliran kebangkitan umat Islam – dari Indonesia dan Asia Barat – mewarnakan tanggapannya dalam perjuangannya di Semenanjung dan di Singapura. Akar keislamannya kuat. Sebab itulah Keris Mas tidak ikut terseret dalam perjuangan teman-teman seangkatannya mengangkat senjata di hutan, di bawah pimpinan Parti Komunis Malaya. Dia memilih menjadi wartawan, melanjutkan perjuangannya menentang penjajah menuju caranya sendiri.

Ramai temannya dalam PKMM dan API (Angkatan Pemuda Insaf) menyeberang ke barisan kerajaan, tetapi Keris Mas tetap dengan pendiriannya – bukan mengangkat senjata tetapi mengasah penanya membuka medan baru membela bangsanya.

Keris Mas orang yang teliti dan berhati-hati membuat sesuatu keputusan. Saya tertarik dengan kesederhanaannya dalam serba-serbi tindakan. Dia bisa disalahertikan sebagai orang yang berjiwa kerdil, takut berhadapan dengan risiko. Namun, Keris Mas berani dan keras mempertahankan pendiriannya, seperti waktu Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS '50) dicabar dan dikritik oleh setengah-setengah golongan pada awal tahun 1960-an. Keris Mas sahaja di kalangan teman seangkatannya yang berani berdebat, dan berpolemik di tengah umum, mempertahankan ASAS '50. Keris Mas petah bercakap, dan saya rasa beliau pendebat yang tidak mudah dikalahkan oleh lawan.

Dengan saya, beliau seorang adik walaupun usianya lebih tua. Selama menjadi sahabat, saya berperanan sebagai saudara tua. Saya menjadi tempat dia merujuk banyak masalahnya termasuk masalah peribadi dan masalah keluarga. Dia tidak ragu-ragu meluahkan kekecewaannya, harapannya, dan impiannya kepada saya.

Sewaktu saya dalam tahanan darurat antara tahun 1951 hingga tahun 1953, Keris Mas menjadi "pejabat pos" saya. Saya menyeludupkan cerpen-cerpen yang saya tulis

dalam tahanan kepadanya untuk disiarkan dalam *Utusan Melayu*. Mungkin kerana itu juga dia menjadi mangsa Yusof Ishak, yang selama saya dalam tahanan terpaksa tunduk kepada tekanan Sir General Templer, untuk melakukan pembersihan dalam Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*. Keris Mas tertekan oleh Yusof Ishak sebagaimana juga Dahari Ali dan Salim Kajai. Akhirnya Keris Mas terpaksa meninggalkan *Utusan Melayu*.

Saya yang memujuknya kembali ke *Utusan Melayu*, bukan Yusof Ishak seperti yang diceritakan oleh Keris Mas dalam buku memoirnya. Yusof Ishak terpaksa mengakui kenyataan bahawa selepas saya bebas daripada tahanan, pengaruh saya – baik di *Utusan Melayu* mahupun dalam politik di Singapura – semakin luas dan kukuh.

Saya mengikuti perkembangan dalam *Utusan Melayu* sepanjang dua tahun setengah saya dalam tahanan. Isteri saya (Hamidah Hassan, allahyarhamah) yang diambil bekerja di *Utusan Melayu* selama saya dalam tahanan, membawa laporan tiap kali dia melawat saya di tempat tahanan di Pulau Sekijang. Sebab itu saya tahu benar tentang perselisihan Keris Mas dengan Yusof Ishak dan *intrigue* politik dalaman di *Utusan Melayu*.

Saya cukup kesal Keris Mas keluar dari *Utusan Melayu*, kerana pemergiannya bererti saya kehilangan teman seperjuangan yang setia. Tetapi, seperti kata pepatah, berat mata memandang, lebih berat bahu memikul. Setiap hari Keris Mas menerima sindiran dan ejekan Yusof Ishak, hingga akhirnya dia tidak dapat menahan kesabarannya.

Sekembali saya ke *Utusan Melayu*, saya menjadi pemimpin kesatuan pekerja cetak di Singapura, lalu melan-carkan mogok di akhbar *Straits Times*. Saya menjalinkan hubungan dengan pelajar-pelajar sekolah menengah Cina dan kesatuan buruh berhaluan kiri di samping bersama Lee Kuan Yew mengatur persiapan menujuhkan Peoples Action Party (PAP). Gelombang anti penjajah mulai bergolak semula di Malaya dan di Singapura. Keris Mas mempunyai peranan menentang penjajahan.

Demikian hasrat saya memerlukan sangat kehadirannya di Utusan Melayu untuk memperkuuh golongan progresif di sana, dan memastikan Utusan Melayu tidak lagi menjadi mangsa Templer. Keris Mas bekerja di *Warta Negara* dan di *Melayu Raya*. Saya cukup kesal dia pergi ke *Warta Negara*, kerana saya tahu *Warta Negara* ingin diperkuat untuk mengambil tempat *Utusan Melayu* sebagai akhbar berpengaruh, menyokong kepentingan golongan feudal, membendung nasionalisme Melayu yang radikal.

Keris Mas mengambil waktu untuk kembali ke Utusan Melayu. Saya rasa, satu sebabnya ialah waktu itu dia tidak setajam dahulu merasakan pergolakan nasionalisme, yang mulai berkocak kembali di Semenanjung dan di Singapura. Keris Mas sudah agak lama tersisih daripada pergolakan itu, mungkin kerana tidak lagi menjadi aktivis perjuangan dan agak pesimis terhadap masa hadapannya. Ramai temannya dalam tahanan. Dia kehilangan payung, manakala saya ditahan British. Sementelahan dia telah berkeluarga.

Saya mengerti dilemanya: Kembali ke Utusan Melayu setelah pembebasan saya daripada tahanan pada tahun 1953 itu membawa berbagai-bagai risiko. Adakah kedudukan saya lebih kuat daripada kedudukan Yusof Ishak dan "mafianya"? Di manakah nanti peranannya: Adakah dia sekali lagi terpaksa berada di pihak saya menghadapi Yusof Ishak, sedangkan teman-teman lama tahun 1947 dan 1948, dahulu sudah tidak ada lagi di Utusan Melayu? Dahari Ali telah tersingkir ke Kuala Lumpur. Sejak saya dalam tahanan, jabatan pengarang Utusan Melayu bertambah anggotanya. Kebanyakan mereka tidak dikenal oleh Keris Mas. Tetapi, Usman Awang, Said Zahari, dan Awam il-Sarkam telah memulakan perkhidmatan mereka di Utusan Melayu. Mereka masih belum cekap kerana baru memasuki bidang kewartawanan. Keris Mas, seperti saya, dikatakan seorang yang hati-hati. Dia tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan terburu-buru. Dia mungkin menimbang imbangan tenaga dan kekuatan yang wu-

jud di jabatan pengarang Utusan Melayu ketika itu. Akhirnya, dia memutuskan untuk pulang, barangkali setelah saya meyakinkannya, bahawa rakyat Malaysia dan Singapura sedang menempuh suatu gelora baru dalam perjuangan menentang penjajahan.

Sejak bekerja di Utusan Melayu, Keris Mas tidak aktif dalam sebarang organisasi politik, melainkan dalam ASAS '50. Tetapi, sekitaran politik dalam masa penubuhan ASAS '50, belum memungkinkan ia berpihak pada rakyat yang masih belum berupaya mengumpulkan kekuatan baru untuk meningkatkan tahap perjuangan. Darurat masih menguasai sekitaran politik negara, membatasi apa juar kegiatan yang bercorak anti penjajah.

Sedikit demi sedikit keterbatasan berpolitik akibat darurat tidak memberi kesan: UMNO melaung dan menuntut kemerdekaan di bawah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Tunku membela orang-orang tahanan politik. Ciri-ciri keradikal meresapi perjuangan; di Singapura terjadi rusuhan pelajar menengah Cina, rusuhan pekerja Hock Lee, mogok Hartal, diikuti penubuhan PAP. Tahun-tahun awal 1950-an, penuh dengan peristiwa bersejarah dalam bidang politik, budaya dan sosial. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III, diadakan dalam sekitaran politik di mana isu bahasa kebangsaan sudah menjadi agenda perjuangan kemerdekaan, hingga menular di kalangan kelompok etnik lain, terutamanya di Singapura.

Yusof Ishak akhirnya berjaya menyingsirkan saya atas alasan Tunku melarang saya berhijrah ke Kuala Lumpur bersama-sama Utusan Melayu. Saya dihantar ke Jakarta menjelang 31 Ogos 1957. Tetapi, adakah Keris Mas akan menanggung nasib seperti saya sekiranya dia menolak tawaran bekerja di DBP? Saya tidak tahu.

Keris Mas pernah ditawarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein untuk menjadi calon UMNO dalam pilihan raya umum di Pahang. Dia menolak, kerana lebih cenderung menjadi pegawai tinggi di DBP. Menurutnya, Tun Razak memberikan sekeping tanah kepadanya di pinggir hutan di Pahang.

Bilakah Keris Mas mengenali Tun Razak? Menurut ceritanya, dalam masa awal pendudukan Jepun, Tun Razak bekerja di Bentong, Pahang. Keris Mas, Tan Sri Dato' Mohd. Asri Muda dan Khadir Khatib yang kemudian menjadi Setiausaha Politik Asri, menerbitkan sebuah majalah. Salah seorang yang membantu mereka ialah Tun Razak. Majalah itu terbit hanya satu keluaran. Apakah akan terjadi pada kerjaya Keris Mas sekiranya dia menerima tawaran Tun Razak itu? Menjadi Menteri Besar Pahang? Menjadi menteri dalam Kabinet Perikatan?

Keris Mas tidak lagi aktif dalam politik sepanjang masa di DBP. Beberapa orang teman seperjuangannya seperti Ahmad Boestamam masih aktif. Ada pula yang berjuang dalam UMNO dan ada pula yang bersara. Menjadi pegawai kerajaan tidak mudah untuk Keris Mas, apa lagi bekerja di bawah Syed Nasir Ismail. Untungnya Keris Mas ialah Syed Nasir seorang pejuang bahasa. Di sinilah juga titik pertemuan mereka. Ketika di DBP, Keris Mas sering merujuk kepada saya tentang masalahnya. Usman Awang (Tongkat Warant) bekerja menjadi pegawai bawahan Keris Mas, tetapi Tongkat didampingi atau berdampingan dengan orang seperti Ahmad Boestamam. Dia bekas pemogok Utusan Melayu. Malah Tongkat aktif pula dalam kegiatan budaya di luar DBP, yang kadang kala membawa suara keras menentang dasar-dasar Tunku. Dalam isu Hamid Tuah, seumpamanya, Tongkat menjadi *advokat* pemimpin petani itu bersama pelajar-pelajar dan para ilmuan universiti, sedangkan dia bekerja di bawah Keris Mas. Mujur Syed Nasir pemimpin yang bersikap terbuka dan liberal.

Terdengar juga suara ketika itu bahawa Keris Mas menjadi borjuis dan diserap ke dalam *establishment*. Cemuhan seperti itu juga terkena pada saya. Samad jaguh golongan kiri, kata mereka. Mengapa dia meninggalkan Lee Kuan Yew dan PAP serta Utusan Melayu, untuk bekerja di sebuah akhbar *proestablishment* seperti *Straits Times*? Seperti Keris Mas, saya pun disalahertikan juga. Teman-

teman di Utusan Melayu pada masa itu mahu saya kembali setelah Yusof Ishak tesiskir dari kemudian pulang semula ke Singapura untuk menjadi orang Lee Kuan Yew. Dahulunya, Yusof Ishak cukup takut dengan PAP. Tetapi, kalau saya mahu, saya tidak dapat pulang ke Utusan Melayu. Keadaan sudah berubah selepas merdeka, dan wartawan tidak lagi menjadi dewa. Peranan sebagai dewa sudah diambil alih oleh orang politik. Mereka memegang kuasa mengeluarkan permit surat khabar.

Pilihan orang-orang seperti Keris Mas dan saya agak sulit. Kami harus memilih satu antara dua – sama ada bidang politik atau bidang penulisan dan kewartawanan. Saya cukup selesa dalam kedua-dua bidang itu, tetapi saya memilih bidang kewartawanan dan penulisan yang lebih luas dan kurang saingan untuk saya.

Sebagai contoh masalah ini ialah apabila Keris Mas mula-mula berhijrah ke Kuala Lumpur dari Singapura dan menerima desakan daripada teman-teman agar beliau menubuhkan ASAS '50 di Kuala Lumpur.

Keris Mas meminta fikiran saya. Saya menyatakan bahawa ASAS '50 di Singapura dahulu mendapat kekuatan kerana meniti gelombang nasionalisme dan perjuangan antikolonialisme.

Sekitaran politik di Malaya sudah berubah setelah merdeka. Sekiranya ASAS '50 mahu bergerak di Malaya, ia tidak boleh meneriakkan slogan yang relevan untuk dekad awal tahun 1950-an. Ia harus mencari platform baru. Saya rasa faktor ini juga yang menjadi dorongan teman-teman untuk mendirikan Persatuan Penulis Nasional (PENA).

Keris Mas adalah teman yang setia. Hidupnya tidak *complicated*, melainkan *simple* dan lurus. Dia tidak tahu berintrigue atau berkomplot, tidak tahu berpura-pura atau "posing" seperti setengah-setengah sasterawan. Dia menghargai jasa orang-orang yang menabur budi kepadanya. Barangkali kerana kerjayanya tidak banyak berliku dan namanya ditempa setelah melalui proses ujian dan dugaan begitu lama, maka dia tidak menanggung kejutan; dan

akhirnya beliau menerima pengiktirafan kerajaan dan "legitimasi" rakyat. Saya kira, kalau umpamanya Keris terus menjadi orang politik dan tidak menjadi wartawan dan penulis, mungkin dia gagal dan kecewa.

Keris Mas merajuk dan membawa diri ke *Warta Negara* ketika saya dalam tahanan darurat. Sewaktu saya dibebaskan pada tahun 1953, saya menulis beberapa pucuk surat kepadanya. Saya menuduhnya sebagai seorang askar yang lari dari medan perang dan berbagai-bagi lagi, malah mencarutkannya. Keris Mas terus terang menyatakan bahawa dia tidak mempunyai cita-cita setinggi saya, dan tidak mempunyai kekuatan seperti saya untuk menghadapi masa hadapan yang tidak menentu.

Keris Mas termasuk dalam kabilah anak-anak muda dari barisan kiri di Pahang yang mencari perlindungan di Singapura, daripada bahang darurat di negeri mereka. Saya hanya ingat dua nama: Roomai Nor dan Mustapha Hussein atau Jaafar Hussein. Ramai teman seangkatan mereka sama ada ditahan di bawah Undang-Undang Darurat ataupun melarikan diri ke dalam hutan. Jaafar Hussein terlibat sedikit sebanyak dengan Regimen ke-10, pasukan gerila Melayu, yang bergerak di Pahang. Roomai Nor untuk beberapa waktu tinggal di rumah saya dan saya mengikhtiarkan pekerjaan untuknya di Jalan Ampas. Jaafar Hussein, saya usahakan bekerja sebagai pemberita di *Utusan Melayu*. Setelah setahun di *Utusan Melayu*, polis dapat mengesannya lalu menahannya.

Latar Keris Mas yang sedemikian, sedikit sebanyak mempengaruhinya menjadi orang yang amat berhati-hati dan teliti dalam tindak tanduknya. Bersama beberapa orang teman, dia akhirnya menujuhkan sebuah organisasi, iaitu ASAS '50. Walaupun slogan ASAS '50 begitu garang, sebenarnya dalam peringkat awal kegiatan ASAS '50 amat sederhana. Apabila gelombang anti penjajah kembali memuncak, maka ASAS '50 terseret ke dalam pergolakan massa. ASAS '50 menyerapkan identitinya dengan identiti *Utusan Melayu*. Seperti dikatakan oleh Datuk

Ahmad Sebi, akhbar *Utusan Melayu* berupa payung kepada pertubuhan itu.

Dalam suratnya kepada saya, Keris Mas menjelaskan mengapa dia berhijrah ke *Warta Negara*: Bahawa keberanian dan kegagahan bukan milik seseorang, kerana ia lahir daripada cita-cita mereka yang dipimpin. Kegagahan dan keberanian adalah hak kolektif, hak ramai, dan lahir daripada kebenaran perjuangan. "Saya tidak mempunyai cita-cita tinggi kerana saya mengerti kekurangan saya," kata Keris. "Cita-cita saya tidak sampai sejauh cita-cita saudara," katanya lagi.

Ini tidak benar, kerana cita-cita Keris Mas adalah sebesar cita-cita kita semua pada waktu itu, untuk mendaulatkan bahasa dan sastera bangsa.

Keris Mas: Sasterawan Sekali Gus Pemikir

SHAHNON AHMAD

ENAM puluh tujuh tahun satu bulan dan lima puluh hari yang lalu, lahirlah di Kampung Ketari, Bentong, Pahang, seorang bayi daripada keluarga yang amat ketat disiplin agamanya, iaitu Kamaludin Muhammad. Pada mulanya, keluarga terlalu ingin agar anaknya menjadi ulama besar, lalu dihantarnya ke Sumatera mendalami hal ehwal agama Islam; tetapi Kamaludin Muhammad atau Keris Mas begitu cenderung melibatkan diri dalam politik untuk memperjuang kemerdekaan daripada pihak penjajah Inggeris waktu itu. Dan, apabila tercetus Perang Dunia Kedua, beliau pulang ke tanah air, mendaftarkan diri sebagai anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM); lalu kemudian dia dilantik sebagai pegawai penerangan PKMM.

Beliau begitu aktif dalam politik, berjuang berganding bahu dengan Taha Kalu, Harun Aminurrashid dan Dr. Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako. Kecenderungan dalam politik waktu itu mematangkan usia Keris Mas yang masih muda. Dalam kematangan itulah, beliau sering pula berperang dalam dirinya sendiri sama ada untuk berpolitik atau bersastera, kerana waktu itu bakatnya sebagai sasterawan sudah kelihatan dalam beberapa karang-

Pidato penghargaan graduan kehormat, Haji Kamaludin bin Muhammad, di Majlis Konvokesyen USM pada 25 Ogos 1989.

an peringkat awal. Beliau sering menyoal dirinya sendiri: Adakah terus berpolitik sastera atau bersastera politik?

Jawapan kepada soalan itu sudah terjawab sekarang ini. Selama 40 tahun Keris Mas berjuang dalam dunia persuratan Melayu, bermula dengan tugasnya sebagai editor majalah *Mastika* terbitan Syarikat Utusan Melayu. Sejak itu Keris Mas tidak paling-paling ke belakang lagi, tetapi terus menghasilkan karya-karya dalam pelbagai genre termasuk cerpen, novel, esei dan kritikan; melibatkan diri dalam kegiatan bersastera bersama-sama Usman Awang, A. Samad Ismail, Asraf, Wijaya Mala, Awam il-Sarkam, Abdullah Hussain, Ishak Haji Muhammad, Harun Aminurrashid, Ahmad Bakhtiar, dan lain-lain.

Daripada *Mastika* yang berkembang dan amat berpengaruh itu Keris Mas berpindah menjadi pengarang akhbar *Melayu Raya*, kemudian pengarang akhbar *Warta Negara* di Pulau Pinang, dan kembali semula ke *Utusan Melayu* sehingga tahun 1955. Apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada tahun 1956, Keris Mas menjadi salah seorang anggota sidang pengarang di bawah Profesor Diraja Ungku Aziz, pengarah DBP pada waktu itu. Di DBP inilah, Keris Mas terus menyerlahkan lagi bakatnya sebagai sasterawan. Beliau kemudian dilantik sebagai ketua pengarang dan Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera sehingga beliau bersara pada tahun 1977. Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera di DBP ini begitu pesat berkembang, merancang pelbagai kegiatan sastera seperti pengeluaran pelbagai majalah, penerbitan buku-buku sastera, menjalankan pelbagai kursus dan bengkel untuk sasterawan-sasterawan muda, dan pelbagai lagi.

Sumbangan Keris Mas yang paling cemerlang ialah dalam bidang penulisan kreatif, khususnya cerpen dan novel, lebih khusus lagi dalam bidang cerpen sehingga pengaruh penulisannya amat jelas terserap dalam teknik-teknik penulisan cerpen pengarang-pengarang lain. Selepas Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad,

Keris Maslah yang diterima sebagai tokoh penulisan cerpen.

Cerpen-cerpennya memperlihatkan kehalusan kesenimanannya, kerapian struktur pada susasteranya, kaya dengan wawasan untuk kita memahami manusia dan kemanusiaannya. Hal ini disebabkan Keris Mas bukan sahaja sasterawan, malah seorang pemikir, orang yang sudah lama memantapkan visi dunianya, orang yang sudah ahli bermain dengan bahasa sastera, dan seorang yang benar-benar berpengalaman dalam kaedah eksploitasi keperihalan manusianya.

Sesungguhnya, Keris Mas bukan lagi seorang tukang cerita, tetapi sudah melonjak menjadi sasterawan yang unik sekali gus pemikir yang tajam, penuh dinamisme dalam karya-karyanya, kaya dengan kerahsiaan kehidupan, kaya dengan wit dan *humour*, kaya dengan ungkapan yang mengusik hati. Kita bagaikan turut sama bersedih dengan babak kesedihan yang diolahnya, kita turut tersenyum apabila episod tentang kelucuan manusia disenikannya. Obsesi Keris Mas untuk mengetengahkan visi hidupnya tentang sastera amat ketara. Di mana-mana sahaja karangannya tersiar, beliau berpegang pada prinsip "Seni untuk Masyarakat". Prinsip inilah yang menjadi landasan perjuangan Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS '50) yang amat berpengaruh itu.

Membaca karangan-karangan Keris Mas, kita bukan lagi sekadar memahami cerita, malah kita terjun ke dalam kisah, lalu terus menghayatinya, turut sama merasai konflik-konflik luaran dan dalaman para wataknya. Pengalaman kita turut diperkaya oleh pengalaman Keris Mas yang tersurat dan tersirat di dalam karya-karyanya itu.

Dalam bidang novel juga, Keris Mas memperlihatkan kebesaran daya ciptanya, terutama dalam novel-novel seperti *Anak Titiwangsa*, *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* dan *Rimba Harapan*. Dalam *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* umpamanya, amat ketara menonjolkan ketajaman dan sensitivitinya menangguk ilham daripada pergelakan masyarakat Bumiputera yang ingin cepat kaya

menerusi peluang-peluang dalam Dasar Ekonomi Baru. Secara sinis, Keris Mas merakamkan keghairahan ingin kaya secara *instant* di kalangan Bumiputera sehingga kehilangan arah asal, terhakis maruah, dan banyak juga yang terperangkap dalam jebak-jebak materialisme dan populariti, sehingga banyak yang 'terkeok' separuh jalan, tumbang 'sendeng-sendeng', dan banyak yang begitu gelojoh dan jatuh terhina lebih daripada sampah-sampah sarap yang busuk lagi meloyakan. Demikian tajamnya pena Keris Mas merakamkan episod-episod realiti yang rancak berlaku di sekeliling kita.

Selain itu, Keris Mas juga penulis eseи, pengkritik, pengulas yang amat tajam penanya. Kritikannya bukan hanya dalam bidang kesusasteraan, malah menjangkau persoalan-persoalan bahasa, agama, budaya, ekonomi, maruah bangsa, pendidikan, dan kisah muda-mudi.

Di samping itu, Keris Mas amat berjaya sebagai pentadbir kesusasteraan yang mengendalikan penerbitan pelbagai majalah, menguruskan pelbagai kegiatan kesusasteraan, usaha mematangkan sasterawan-sasterawan muda, usaha-usaha mempertingkat DBP sebagai sebuah institusi yang diberi mandat membangun dan mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan. Sebab jasa dan sumbangan yang cemerlang inilah, Keris Mas dijemput menjadi Karyawan Seni di Universiti Malaya, menjadi Penulis Tamu di DBP sesudah beliau bersara, menjadi Setiausaha Panel Hadiah Sastera Malaysia, dan menganggotai Panel Anugerah Sasterawan Negara. Pada tahun 1979, Keris Mas menerima Anugerah Pejuang Sastera. Pada tahun 1981, beliau adalah penerima Anugerah Sasterawan Negara yang pertama.

Maka kerana inilah Universiti Sains Malaysia memberi pengiktirafan kepada Keris Mas kerana sumbangan-sumbangan yang amat tinggi mutunya dalam bidang kesusasteraan.

Keris Mas dan ASAS '50 Hampir-hampir Sinonim

JOHAN JAAFFAR

SEPERTI juga Usman Awang, Awam il-Sarkam, A. Samad Ismail, Jimy Asmara dan Asraf, Keris Mas dan Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS '50) hampir-hampir menjadi sinonim. Kehadiran Keris Mas dalam dunia kesusasteraan memperlihatkan ciri yang tipikal pada tokoh ASAS '50 lainnya: Merantau, berhijrah ke Singapura, bekerja dengan akhbar, dan berkarya.

ASAS '50 menyatakan kehadiran mereka dengan cara yang amat jelas lewat slogan dan media yang menjadi pegangan mereka. Ini satu keberuntungan kerana mereka menguasai media akhbar yang amat vital itu.

Baik apa pun kritikan terhadap golongan ini mereka adalah *exponent* suatu cita-cita kerakyatan yang tidak ada kompromi – jaguh pada suatu suasana literari yang terbina di atas keutuhan semangat keperibumian dan merupakan pejuang yang muncul di tengah suatu zaman nasionalisme linguistik yang hebat.

Mereka mengidentifikasi diri dengan cita-cita dan aspirasi rakyat, tetapi dengan cara yang tersendiri: Kelantangan suara mereka masih dibentur oleh suasana romantis yang menjadi semacam stail mereka. Ini lantas menjadi semacam obsesi pada pernyataan mereka. Hal ini juga yang menjadi alasan penolakan setengah-setengah pengkritik terhadap sumbangan mereka dalam dunia

kesusasteraan keseluruhaninya.

Melihat ASAS '50 kita sebenarnya melihat beberapa ciri yang khusus. Tahun-tahun 1950-an adalah kemuncak suatu kebangkitan kolektif masyarakat Melayu; dan kebangkitan ini sebenarnya akibat daripada suatu kesedaran terhadap banyak perkara di sekitar mereka. Kita melihat suatu suasana politik Melayu yang dimatangkan oleh ura-ura penubuhan Malayan Union beberapa waktu sebelumnya. Kita melihat suasana kehidupan masyarakat yang baru sembah daripada geruh peperangan. Kita melihat masyarakat Melayu yang menjadi lebih kritikal, terlalu kritikal kadangkala, terhadap golongan pendatang – baik penjajah maupun kaum imigran.

Semua ini merupakan fenomena yang menarik yang memberikan asas pada suatu suasana pengucapan daripada seniman dan nasionalis Melayu; kerana nasionalisme di kalangan orang Melayu sebenarnya adalah perkaitan yang amat rapat antara pelajaran dan perkembangan persuratkhabaran. Para nasionalis dan penulis dalam sejarah penghidupan masyarakat Melayu hampir-hampir menjadi satu dan serupa.

Maka itu jika mereka meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke Singapura, ini bukan suatu kemustahilan apalagi suatu percubaan untuk mengasingkan diri daripada kehidupan masyarakatnya. Jadi, kalau mereka berbicara tentang Wak Siraj penjual sate, Abang Aman penarik beca, Long Bidin drebar tuan, Munah janda muda yang menjual tubuhnya – mereka sebenarnya cuba mengungkapkan realiti di sekeliling mereka. Lalu kalau mereka menyuarakan tentang perdamaian dunia, kepapaan mahupun penderitaan, maka adalah suatu kewajaran melihat daripada latar belakang hidup mereka dan betapa mereka mengidentifikasi diri mereka dengan realiti yang wujud.

Betapapun juga, di sebalik slogan dan kesetiakawanan yang menjadi semacam pegangan mereka, soal motivasi dan konsep mereka jelas berbeza antara seorang dengan

yang lain. Sekalipun mereka menyatakan konsep humanisme universal misalnya, tidak semua mereka mengamalkan konsep ini. Malah sebenarnya dalam karyanya mereka masih jelas terlihat nasionalisme yang sempit dan konflik nilai yang sama sekali tidak harmonis dengan konsep yang berat itu.

Sayangnya, segala ini sering terlepas daripada perhatian kita. Konsep sering mengelirukan penilaian kita terhadap ASAS '50. Kita sering melihat ASAS '50 sebagai suatu pernyataan kolektif, sementelahan pula slogan "Seni untuk Masyarakat" itu hampir-hampir mengacaukan penilaian kita itu. Maka hasil daripada kekeliruan ini adalah tuduhan bahawa ASAS '50 sering diidentifikasi sebagai angkatan penulis yang lebih ghairah berslogan, pengamal aliran romantis yang setia, dan penghasil karya yang stereotaip.

Polemik di sekitar "Seni untuk Masyarakat" dan "Seni untuk Seni" yang tercetus sering dijadikan alasan kelebihan konsep yang dipegang oleh ASAS '50. Polemik itu, bagi saya, terlalu kecil sebenarnya dalam pengertian ia tidak memberi sebarang impak yang bererti pada seluruh perkembangan ASAS '50. Slogan-slogan itu hanyalah abstraksi daripada keghairahan untuk menyatakan kehadiran mereka, bukan sebagai ideologi yang rigid. Anggota ASAS '50 bukan pemikir kebudayaan atau literari yang serius yang mahu menentukan arah pada perkembangan dan arus budaya bangsanya; kerana kalaupun mereka berhasrat demikian mereka tidak akan berjaya. Mereka adalah penulis kreatif yang lahir di tengah masyarakat, yang amat intim dengan permasalahan mereka, dan amat dekat dengan cita-cita masyarakat itu sendiri.

Sudah sampai masanya kita usah dikaburkan dengan konsep atau slogan. ASAS '50 mewakili segolongan penulis, dan kita harus melihatnya dalam konteks zamannya.

Tidak adil sama sekali untuk dibuat perbandingan antara ASAS '50 dan sasterawan yang muncul dalam tahun-tahun 1960-an umpamanya. Lebih kejam lagi

kalau dibuat perbandingan mutu secara menyeluruh seperti mengatakan bahawa pencapaian beberapa orang penulis tahun 1960-an berpuluhan kali ganda lebih baik daripada penghasilan anggota ASAS '50. Hal ini bukan sahaja mengelirukan malah jelas memperlihatkan sikap yang biasa dan kacau. Sastera tidak pernah diukur secara komparatif begitu, apalagi sastera antara dua periode yang berbeza daripada suasana yang berasingan pula.

Kekeliruan seumpama ini anehnya datang daripada beberapa orang pengkritik dan sarjana yang seharusnya melihat perkembangan sastera daripada perspektif yang jitu, bukan melontarkan pandangan berdasarkan beberapa pemerhatian yang singkat dan dangkal. Memang ASAS '50 mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Malah dari segi penghasilan, berapa banyakkah daripada ribuan karya kreatif yang mereka hasilkan itu yang benar-benar bermutu? Tetapi, bukankah dalam sejarah perkembangan kesusasteraan, itu menjadi amat lumrah: Bahawa daripada suatu periode akan terlihat sebilangan kecil karya bermutu dan sejumlah kecil tokoh yang menonjol.

Berapa banyakkah karya Keris Mas atau Usman Awang yang memperlihatkan unsur romantis yang tidak bertujuan, sajak-sajak cinta yang melumpuhkan, dan betapa terdapat kerinduan pada zaman silam yang mematahkan? Bukan tujuan saya untuk berhujah tentang perkara ini. Tetapi jelas, kenyataan demikian tidak berdasarkan suatu bukti yang konkret dan boleh dipegang. Tidak jauh beza daripada kenyataan yang sudah menjadi semacam klise yang memualkan dalam membicarakan ASAS '50: ASAS '50 membawa aliran romantis, ASAS '50 membawa konsep humanisme universal, ASAS '50 dipengaruhi oleh Angkatan 45 di Indonesia.

Klise seumpama itu bukan selalunya salah, tetapi masih perlu dibuktikan. Kekeliruan ini berlaku kerana kita melihat ASAS '50 dan anggotanya daripada perspektif yang salah.

ASAS '50 adalah akibat daripada suatu keghairahan

penulis mencari identiti di tengah-tengah masyarakat. Maka itu, dalam proses ini tidak kurang terjadi berantakan idea, kekeliruan pegangan, dan kecaburan konsep waima yang didukung oleh anggotanya. Tidak hairan kalau berlaku segala macam intrigan dan politik budaya yang pada akhirnya mencetuskan polemik yang menyeret soal-soal peribadi. Hal ini dimungkinkan oleh situasi sebenarnya: Situasi yang tidak mungkin berlaku dalam kesusasteraan Melayu sebelum perang.

Maka dalam proses mengemukakan kehadiran mereka, tokoh-tokoh akan muncul. Baik apa pun alasannya, mereka adalah segolongan penulis yang baik dan berkemampuan untuk melebihi yang lain. ASAS '50 memberikan kita Keris Mas, Usman Awang, dan beberapa orang lain. Sama ada diterima atau tidak mereka adalah penulis yang produktif dan berkebolehan. Sama ada diterima atau tidak, apabila kita berbicara tentang ASAS '50, kita akan berbicara tentang mereka.

Keris Mas adalah tokoh ASAS '50 yang penting. Dalam seluruh karier penulisannya Keris Mas tidaklah seproduktif mana. Keris Mas cuma mampu menghasilkan tiga buah novel, sembilan buah sajak dan kira-kira 70 buah cerpen selain tulisan bukan kreatif. Kalau tahun 1946 menjadi titik mula karier penulisannya, jumlah sebanyak itu bukanlah suatu kebanggaan. Tetapi, Keris Mas adalah antara sejumlah penulis yang memperlihatkan usaha mengejar kualiti, bukan kuantiti.

Masih banyak yang terasa tidak jelas tentang tokoh bernama Keris Mas ini. Masih terasa vacum di manapun. Hal ini amat kita rasakan apabila menatap karyakaryanya dan apa yang pernah ditulis tentangnya. Siapakah Keris Mas dalam ASAS '50 dan sejauh manakah penglibatannya dalam soal sosiobudaya bangsanya sepanjang penglibatannya? Untuk melihat Keris Mas sebagai seorang sasterawan, maka perlulah dikaji karya-karyanya secara lebih dekat dan serius.

Saya percaya memoir yang kini sedang dalam proses

penyelenggaraan itu akan banyak membantu kita untuk mengenal Keris Mas bukan sahaja sebagai sasterawan, partisipan budaya dan politik yang aktif yang sedikit sebanyak akan membantu mengatasi kekeliruan kita terhadap beliau dan ASAS '50. Saya tertarik dengan satu petikan di bahagian pendahuluan memoir itu: "Kekecewaan peribadi tidaklah seharusnya menjadi perhatian umum tetapi kekeliruan pendapat umum boleh merosakkan jalan sejarah."

Dewan Sastera, Jun 1979

Keris Mas dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu

ISMAIL AHMAD

HARI ini, kalau anda pergi ke Pahang dari Kuala Lumpur, anda akan melalui sebuah terowong dan terus melalui jalan baru yang lurus, lebar dan luas. Tetapi, kalau anda ke Pahang sebelum tahun 1978, sebelum adanya terowong, lebih-lebih lagi 20 tahun dahulu, anda akan melalui sebatang jalan sempit yang berliku-liku. Anda akan tiba di Kampung Ketari, lebih kurang satu batu sebelum sampai di Pekan Bentong.

Kira-kira 50 tahun dahulu, Ketari masih sebuah kampung kecil yang dipisahkan oleh semak belukar dari Bentong. Di sinilah, pada tahun 1922, lahir seorang anak. Kini anak itu merupakan tokoh penulis tanah air dan beliau mencatat sejarah dalam perkembangan sastera Melayu moden. Anak itu ialah Kamaludin Muhammad yang dalam dunia kesusasteraan Melayu lebih dikenali dengan nama pena Keris Mas.

Kampung kelahirannya itu kini menjadi sebahagian daripada pekan Bentong di bawah kuasa Majlis Bandaran. Ketika Keris Mas dilahirkan, kampungnya terasing daripada pekan Bentong, dan merupakan kawasan getah dan padi. Ayahnya mempunyai tanah sawah dan getah, akan tetapi tidak dikerjakannya sendiri.

Ayahnya kontraktor kecil, mengambil kerja kontrak daripada JKR (masa itu PWD) seperti menggantikan atap

sekolah, membuat pagar buluh di tebing sungai dan membersihkan hutan. Sebahagian pekerja i-pekerja ayahnya ialah Orang Asli, orang Sakai.

Apabila Keris Mas berumur 10 tahun, sebahagian orang kampungnya berpindah ke Kampung Janda Baik, kerana di kampung itu telah ditemui bijih; tetapi keluarga Keris Mas bersama-sama banyak keluarga yang lain bertahan di Ketari. Mereka tidak menjual tanah mereka kepada pengusaha lombong bijih itu.

Keris Mas masuk ke sekolah Melayu dalam Darjah Sifar waktu berumur enam tahun (1928). Masanya itu, anak-anak yang mula bersekolah dimasukkan ke dalam Darjah Sifar, sebagai kelas permulaan. Setahun kemudian baharu-lah Keris Mas masuk Darjah Satu.

Selama enam tahun di sekolah rendah, setelah tamat Darjah Lima, Keris Mas terpilih masuk sekolah Inggeris dalam *Special Malay Class*. Tetapi, ayahnya telah menge luarkannya daripada *Special Malay Class* dan menghantarnya ke Sumatera untuk belajar agama. Ayahnya berpegang kuat pada reformasi agama, dan pelajaran agama yang moden adalah cita-cita si ayah terhadap Keris Mas. Keris Mas pun mulalah menempuh hidup baru di Tawalib School - sebuah sekolah menengah agama di Sumatera.

Di Tawalib School, di samping pelajaran agama, terdapat pelajaran moden seperti Ilmu Hisab, Sejarah, Ilmu Alam dan mata pelajaran umum yang lain. Setelah empat tahun di sekolah menengah agama, kemudiannya Keris Mas meneruskan pelajaran di *Kulliahtul Mu'allimin al-Islamiah* (Maktab Perguruan Islam) selama tiga tahun lagi untuk mengambil diploma perguruan sebagai guru agama. Demikian cita-cita dan harapan ayahnya sebagai reformis Islam. Akan tetapi, Keris Mas lulus dalam jurusan umum, tidak jurusan keguruan.

Dalam tahun 1940, anak desa dari Bentong yang baru meningkat umur 19 tahun itu kembali ke kampungnya. Tetapi, dia tidak menjadi guru agama. Orang kampung tidak dapat menerimaanya sebagai ustaz. Bagaimana se-

orang anak muda yang berseluar pendek, suka menonton wayang, dan bermain badminton boleh menjadi guru agama? Maka Keris Mas pun pergi ke Singapura dengan tujuan melanjutkan pelajarannya.

Di Singapura, Keris Mas mendaftarkan diri dengan Pitman College untuk mengambil peperiksaan matrikulasi di London University melalui pertolongan Tuan Haji Idris LLB, pensyarah di Pitman College itu. Keris Mas belajar sendiri sambil bekerja. Malang baginya, Perang Dunia Kedua meletus. Jepun menduduki Tanah Melayu dan Singapura. Cita-citanya terhalang. Masa itu umurnya baru meningkat 20-an.

Ketika belajar di Sumatera, Keris Mas terlibat secara langsung dalam perjuangan Himpunan Pelajar Islam dan turut sama menentang Undang-undang Sekolah Liar (*Wilde Schoelen Ordinantie*), iaitu undang-undang yang dikeluarkan oleh kerajaan Belanda bagi menekan dan menghapuskan perkembangan sekolah rakyat yang disokong oleh parti politik.

Kegiatannya dalam gerakan pelajar juga mendedahkanya kepada perbincangan persoalan kebudayaan dan kesusasteraan secara serius. Pada masa itu, dalam tahun-tahun 1930-an, berlaku perdebatan hebat di Indonesia antara orang-orang yang ingin mengekalkan kebudayaan asli serta menentang terus kebudayaan dan pengaruh kebudayaan Barat, dengan cerdik pandai didikan Barat, yang mahukan pembaharuan dalam kebudayaan dengan menerima cara terus kebudayaan Barat. Orang-orang yang mahukan kebudayaan Barat sebagai cara hidup orang Indonesia dipelopori oleh Pujangga Baru, dan mereka ditentang oleh para ulama dan cerdik pandai yang mahu mengekalkan kebudayaan asli dan Islam. Keris Mas mempunyai kesimpulan dan pegangan sendiri dalam perdebatan antara dua pendapat dan sikap ini.

Keris Mas mahukan tiap yang baik daripada kebudayaan Barat itu diterima, di samping mempertahanan dan mengekalkan sifat baik daripada kebudayaan asli. Pendapat

dan sikap ini dipegangnya terus dan menjadi landas dalam penulisannya, dan menjadi pegangannya dalam mencari kebenaran dalam sastera dan budaya. Demikian yang sering dikemukakannya dalam karya-karya sastera. Demikian juga pegangannya apabila mengemukakan dan mempertahankan erti "Seni untuk Masyarakat" dalam ASAS '50. Demikian juga pegangannya dalam sastera hingga sekarang. Walau apa pun pengertian teman-teman sasterawananya terhadap "Seni untuk Masyarakat", bagi Keris Mas jelas: Kegiatan sastera, seni dan budaya adalah kegiatan membangkitkan jiwa orang Melayu untuk menentang penjajah, menentang kejahatan dan hal-hal yang tidak adil, menentang penindasan. Pendeknya, dalam istilah agama, memperjuang amal makruf, nahi mungkar – menentang segala macam keburukan; dan membawa manusia kepada jalan kebaikan dan kepada kebenaran. Sebab itu, Keris Mas mengakui, melalui kegiatan sastera, beliau terlibat dalam politik, walaupun tidak melalui parti politik. Politik melibatkan pula pelajaran, kebudayaan, sosial, dan ekonomi.

Dalam tulisan-tulisannya beliau sentiasa mahu menegakkan kebenaran dalam segala aspek kehidupan manusia. Sebab itu beliau banyak menulis tentang keadilan masyarakat, kebebasan berfikir, menentang penjajahan dan penindasan terhadap golongan yang lemah, dan sebagainya. Beliau amat menekankan harapannya untuk melihat bangsanya sanggup berdikari dan berjiwa besar. Kesedaran ini sudah tertanam sejak beliau belajar di Sumatera melalui perbincangan ilmu dan budaya, dan perjuangannya dalam gerakan pelajar. Sesungguhnya, tujuh tahun belajar di sekolah menengah dan kolej agama di Sumatera, meletakkan asas kepada Keris Mas dalam memahami pengertian kebudayaan dan kesusasteraan.

Ketika di Sumatera juga Keris Mas mula menulis cerpen dan terlibat secara langsung dalam bidang karang-mengarang dan kerja-kerja pengelolaan penerbitan majalah. Beliau pernah terlibat dengan majalah *Raya*, dan majalah

Setia yang diterbitkan oleh kolejnya.

Cerpennya yang pertama "Mengembara di Padang Cinta" tersiar sewaktu umurnya 18 tahun. Cerpen tersebut tersiar dalam majalah *Panji Islam*, Medan, dalam dua keluaran secara bersambung. Editor majalah *Panji Islam* ialah Zainal Abidin Ahmad dan ia merupakan majalah agama yang berpengaruh di samping *Pedoman Masyarakat* yang diterbitkan di Medan. Keris Mas tertawa besar apabila ditanyakan tentang tema cerpennya itu. "Cinta gila-gila anak muda," katanya.

Zaman belajar di Sumatera meletakkan pengertian hidup baginya bukan sahaja dari segi ilmu dan pergauluan dengan para pelajar, perbincangan tentang sastera dan budaya, tentang kebangkitan semangat kemerdekaan, akan tetapi meletakkan cita-citanya untuk masa depan. Di sinilah dia meyakini betapa pentingnya ilmu bagi setiap orang yang ingin mencapai kejayaan dalam hidup. Pengalaman hidup yang pahit juga menjadikannya belajar untuk berdikari dan tidak menggantungkan nasib pada orang lain.

Masa beliau belajar di Sumatera, dunia berada dalam zaman meleset dan Malaya juga terlibat. Harga getah jatuh. Ayahnya tidak dapat menghantarkan wang untuk membiayai persekolahannya. Keris Mas terpaksa membuat kerja sendiri. Dia memasak sendiri, dia membasuh pakaian sendiri. Semuanya perit, katanya. Akan tetapi, apabila mengenangkan kembali zaman yang paling pahit dan paling menderita dalam hidupnya itu, dia berasakan itulah zaman yang amat menggembirakan. Dia merasa gembira dalam kepahitan hidup, kerana dia melihat dengan jelas bahawa dia mempunyai tujuan untuk belajar. Dia yakin ilmu pengetahuan akan menjamin hidupnya dan akan membantunya mencapai cita-citanya.

Walaupun Keris Mas mula menulis ketika belajar di Sumatera, akan tetapi kegiatan penulisannya yang bersungguh-sungguh bermula selepas Perang Dunia Kedua, selepas zaman pemerintahan Jepun di Malaya. Pada masa

Jepun, Keris Mas cuba juga menulis dan menghantarkan karangannya ke *Fajar Asia* dan *Semangat Asia*. Ketika itu pengarang *Fajar Asia* ialah Zainal Abidin Ahmad, yang pernah jadi pengarang *Panji Islam* di Medan, di mana cerpen sulung Keris Mas pernah diterbitkan. Akan tetapi, tulisan Keris Mas tidak pernah tersiar di *Fajar Asia* atau *Semangat Asia*. Kemudiannya baru Keris Mas mendapat tahu bahawa tulisannya tidak lulus sensor Jepun. Hal ini disebabkan karangannya membangkitkan semangat orang Melayu, sedangkan Jepun tidak mahu tulisan yang berunsur semangat kebangsaan. Jepun mahukan karangan yang meniupkan semangat kekuatan tentera Jepun dan memuji keagungan Jepun.

Pada zaman Jepun, Keris Mas mula berkenalan rapat dengan Ibrahim Haji Yaacob. Ibrahim Haji Yaacob pernah mengajarnya ketika di sekolah rendah di Pahang dahulu, akan tetapi perkenalan itu hanya merupakan hubungan murid dan guru. Akan tetapi apabila berkenalan semula dengan Ibrahim Haji Yaacob di Singapura pada masa Jepun, maka perkenalan tersebut sudah ada hubungan cita-cita perjuangan kemerdekaan. Kris Mas mengikuti perjuangan politik Ibrahim Haji Yaacob. Masa itu Ibrahim Haji Yaacob memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran Jepun, iaitu ketua *Giu Gun*. Ibrahim Haji Yaacob menyemaikan semangat politik kebangsaan di kalangan pemuda Melayu.

Pertemuan Keris Mas dengan Ibrahim Haji Yaacob bagaikan ikan pulang ke lubuk. Kegiatannya dalam politik kebangsaan membawanya kembali ke Temerloh, Pahang. Apabila Jepun kalah, kegiatan politik Melayu bertambah rancak. Keris Mas juga turut giat dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Keris Mas mula berhubung rapat dengan rakyat kampung. Perhubungan dan pergaulannya dengan kehidupan penduduk kampung yang menderita di kedua-dua belah tebing Sungai Pahang, menambahkan lagi semangatnya untuk berbuat sesuatu bagi bangsanya. Tidak hairanlah kalau dalam cerpen-cerpennya banyak

terdapat unsur dan persoalan pembelaan orang yang menderita. Baginya, sastera ialah untuk membangkitkan semangat orang Melayu. Semua ini lahir dalam cerpennya yang banyak ditulisnya selepas pendudukan Jepun. Kehidupan, hubungan dengan masyarakat menderita, dan cita-citanya mendatangkan ilham kepada Keris Mas sebagai penulis.

Novelnya yang pertama, *Pahlawan Rimba Malaya*, ditulisnya selepas pendudukan Jepun. Novel ini bertemakan perjuangan orang Melayu untuk merebut kemerdekaan, dan mereka menjadi gerila di hutan. Novel ini diterbitkannya sendiri di Kelantan. Selepas perang, cerpen-cerpennya mulalah tersiar di majalah *Kencana* dan *Suluh Malaya* – dua buah majalah yang berpengaruh selepas Inggeris memerintah Malaya semula.

Apabila akhbar mingguan *Utusan Zaman* diterbitkan semula pada tahun 1946, Keris Mas diundang untuk menulis cerpen. Cerpennya yang pertama untuk *Utusan Zaman* berjudul "Penjual Ubat Merdeka". Waktu itu Keris Mas berada di Temerloh dan bergiat dalam politik PKMM. Bagaimanapun, sejarah nampaknya tidak membentarkan Keris Mas menjadi orang politik. Dalam tahun 1947 Keris Mas mula bekerja di Jabatan Pengarang Syarikat Utusan Melayu. Mulailah dia menghadapi hidup baru yang amat cocok pada jiwanya - hidup sebagai wartawan dan pengelola ruangan kesusteraan.

Ketika bekerja di Utusan Melayu Keris Mas banyak menghasilkan cerpen, termasuklah "Pemimpin Kecil Kuala Semantan", "Kedai Sederet di Kampung Kami", "Kisah Sepanjang Jalan" (1 hingga 12 yang terbit secara bersiri dalam *Mastika*) dan "Kejadian dalam Estet". Sebahagian besar cerpen tersebut terkumpul dalam antologinya *Patah Tumbuh* (1962). Semua cerpen Keris Mas itu menggambarkan latar belakang masyarakat dan zaman yang pernah dilaluinya, zaman penjajahan, zaman darurat, zaman peralihan kepada zaman kemerdekaan.

Sewaktu bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka lahir

pula cerpennya yang terkenal, "Mereka Tidak Mengerti", yang menggambarkan zaman peralihan pentadbiran Inggeris kepada anak tempatan, zaman penjajah dan kuasa kulit putih mula terlepas dan digantikan oleh kuasa anak negeri yang sekarang dikenali sebagai Bumiputera; dan cerpen "Menjelang Merdeka", tentang konflik siswazah antara cita-cita membela rakyat dengan kemewahan hidup sebagai pegawai tinggi.

Cerpen-cerpen yang ditulis dalam tahun 1950 menggambarkan perjuangan orang Melayu untuk merebut kemerdekaan, jelas sekali kritikan dan pandangannya terhadap penderitaan dan penindasan.

Cerpen-cerpennya memperlihatkan gabungan segi teknik dan isi yang mewakili masyarakat sezaman. Kita dapat melihat sesuatu gambaran manusia melalui cerpen-cerpennya; dan manusia dalam cerpennya mewakili zaman penjajahan, zaman darurat, zaman baru merdeka, dan zaman merdeka.

Sewaktu bekerja di Utusan Melayu juga lahir novelnya yang kedua, *Korban Kesuciannya*. Novel ini diterbitkan oleh Syarikat Utusan Melayu (tahun 1959).

Di Utusan Melayu, Keris Mas bertugas mengelolakan majalah *Mastika* dan mingguan *Utusan Zaman*. Masa ini-lah kedua-dua penerbitan ini banyak menyarkan cerpen dan tulisan tentang kesusasteraan. Dapat dikatakan mingguan *Utusan Zaman* dan *Majalah Mastika* merupakan peneroka kesusasteraan Melayu selepas Perang Dunia Kedua dan menjadi gelanggang kritik dan penyiaran karya kreatif dan melahirkan banyak penulis muda. Ketika bekerja dengan Utusan Melayu jugalah Keris Mas bersama-sama temannya yang lain menubuhkan Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) yang membawa sastera Melayu selepas perang kepada peringkat yang lebih matang dan melahirkan cita-cita sastera sebagai saluran mendidik, memperjuangkan dan menyuarakan keinginan masyarakat, dan melahirkan semangat percayakan diri dan antipenjajahan.

Selain bertugas di Utusan Melayu, Keris Mas juga pernah bekerja dengan *Melayu Raya* (Singapura) dan *Warta Negara* (Pulau Pinang), tetapi tidak lama. Akhirnya beliau kembali semula ke Utusan Melayu (1953) hingga pada tahun 1957, apabila beliau berkhidmat dengan DBP yang baru sahaja ditubuhkan hingga bersara pada tahun 1977.

Keris Mas tidak banyak menulis cerpen ketika bertugas di DBP. Hanya empat buah cerpen yang dapat ditulisnya, iaitu "Mereka Tidak Mengerti", "Menjelang Merdeka", "Runtuh", dan "Salah Pimpin". Hal ini disebabkan di DBP Keris Mas menumpukan masanya dengan pengelolaan penerbitan majalah *Dewan Bahasa* dan *Dewan Masyarakat*, di samping sibuk dengan kerja pentadbiran sebagai ketua pengarang, ketua bahagian, dan sebagainya.

Sewaktu di DBP, cita-cita Keris Mas untuk memberikan perhatian terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu memberikan kesan hingga hari ini. Antara cita-cita DBP ialah untuk mempertinggikan nilai dan mutu kesusasteraan Melayu. Dalam tahun 1971, DBP menubuhkan satu bahagian khas untuk memajukan dan mengembangkan kesusasteraan, iaitu Bahagian Perkembangan Sastera, di bawah pimpinan Keris Mas sendiri. Bahagian ini menjadi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera mulai 1976.

Sewaktu di DBP, dalam kesibukan kerjanya, dapat juga beliau menulis sebuah novel berjudul *Anak Titiwangsa* (1966) – kisah anak muda yang gagal dalam peperiksaan LCE, ter dorong masuk ke dalam kumpulan jahat yang akhirnya dengan asuhan pak ciknya yang menjadi wartawan, anak muda itu kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna. Buku ini diulang cetak beberapa kali dan digunakan sebagai bahan bacaan tambahan di sekolah menengah.

Sebagai menghargai kegiatannya dan sumbangannya terhadap perkembangan dan kemajuan kesusasteraan Melayu moden, Keris Mas dianugerahkan Hadiah Pejuang Sastera oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1975.

Boleh dikatakan sejak tahun 1947 hingga kini, hidup Keris Mas tidak renggang daripada kegiatan kesusasteraan. Malah seluruh hidupnya merupakan penglibatan dalam pembangunan dan pengembangan kesusasteraan Melayu – sebagai wartawan, sebagai editor, sebagai pentadbir sastera, dan sebagai penulis sastera kreatif dan pengkritik.

Keris Mas bersara daripada DBP dalam tahun 1977, dan terus diberikan penghargaan oleh DBP sebagai Penulis Tamu selama setahun. Sebagai Penulis Tamu beliau menghasilkan sebuah buku memoir tentang kegiatan dan penglibatannya dalam arena kesusasteraan (1945–1977). Mulai Januari 1979, Keris Mas, dilantik menjadi Karyawan Seni bertugas sebagai Penulis Tamu di Universiti Malaya dan membantu dalam kursus penulisan kreatif.

Menoleh kembali masa lampau, Keris Mas membuat kesimpulan bahawa dia adalah orang yang tidak pernah merasa dirinya telah berjaya. Hingga sekarang beliau masih belajar, menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman. Bagi Keris Mas, kebahagiaan hidup bukan bererti kepuasan atau kesenangan material, tetapi kebahagiaan dapat dirasakan kalau kita sentiasa dapat membuat kebajikan dan memberikan kebahagiaan kepada orang lain, membimbing orang pada jalan kebajikan, dan menentang kejahanan.

Keris Mas: Tokoh Kesusasteraan Melayu Moden

HAMZAH HAMDANI

I

SASTERA Melayu moden meskipun kemunculannya ditandai oleh kehadiran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1796–1854), tetapi ia hanya benar-benar diterima sebagai 'moden' dari segi isi dan bentuknya selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada awal tahun-tahun 1950-an. Para penulis atau sasterawan yang telah melahirkan karya-karya cerpen, puisi dan eseи/kritikan yang dapat dianggap 'moden' ialah Angkatan Sasterawan 50 (ASAS '50). Berbicara tentang ASAS '50, sekali gus kita harus membicarakan tokoh utamanya, Kamaludin Muhammad, yang lebih dikenali sebagai Keris Mas.

Meskipun sehingga kini Keris Mas tidak begitu banyak menghasilkan karya (terutama karya kreatif), tetapi dengan cerpen-cerpennya yang terkumpul dalam *Patah Tumbuh* (1962), novelnya *Anak Titiwangsa* (1967), memoirnya *30 Tahun Sekitar Sastera* (1979) dan *Esei Pilihan Keris Mas* (1981), membuktikan kemampuannya untuk digelar sebagai "tokoh kesusasteraan Melayu Moden". Di samping itu, kegiatannya sebagai aktivis persatuan dan birokrat sastera selama lebih 30 tahun telah berhasil membina dan mengembangkan bentuk sastera Melayu moden menjadi sastera nasional. Di sini akan dibuat pe-

nilaian terhadap tiga aspek penting tentangnya: Karya kreatif, sumbangan fikiran untuk memajukan dunia kesusasteraan, dan kegiatan yang telah mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera nasional.

II

Sejak tahun 1946, Keris Mas menghasilkan tiga buah novel, iaitu *Korban Kesuciannya*, *Pahlawan Rimba Malaya*, dan *Anak Titiwangsa*; 69 buah cerpen (1946–1960). Dua puluh buah cerpen beliau yang terbaik dikumpulkan dalam *Patah Tumbuh* (1962) di samping dalam beberapa antologi bersama penulis-penulis lain seperti *Mekar dan Segar* (1959), *Dua Zaman* (1963), dan *Pertentangan* (1968). Walau-pun Keris Mas menghasilkan novel, tetapi beliau lebih dikenali sebagai tokoh bidang cerpen selepas Perang Dunia Kedua. Dalam genre inilah sumbangannya sebagai sasterawan amat bererti.

Dalam "Kata Pengantar" *Patah Tumbuh*, Syed Husin Ali berpendapat, Keris Mas ialah salah seorang penulis yang terulung dalam kesusasteraan Melayu baru. Walau-pun cerpen-cerpen beliau sedikit jumlahnya, tetapi lebih bernilai daripada kebanyakan cerpen yang dihasilkan oleh penulis lain yang sezaman dengannya. (Syed Husin Ali, 1973:vii–xvi)

Syed Husin Ali membahagikan perkembangan penulisan cerpen Keris Mas selama 15 tahun (1946–1960) kepada tiga peringkat. Dalam peringkat pertama (1946–1948), terlihat pemusatan karya-karyanya di sekitar peristiwa cinta, membayangkan jiwanya yang romantis. Namun, melalui cerita-cerita cinta itu beliau cuba menggambarkan kemiskinan rakyat bawahan. Dalam peringkat pertama ini beliau menghasilkan sebanyak 28 buah cerpen. Dalam peringkat kedua (1949–1955), Keris Mas menyuarakan semangat politik dan kritikan sosial. Pada peringkat ini beliau berhasil memperbaiki teknik penulisannya. Dari segi jumlah, dalam peringkat inilah

Keris Mas begitu prolifik kerana berjaya menghasilkan sebanyak 35 buah cerpen. Antara tahun 1956 hingga tahun 1960, iaitu dalam peringkat ketiga perkembangan penulisannya, Keris Mas tiba pada kemuncak kematangannya. Walaupun jumlah cerpennya pada peringkat ini hanya enam buah, tetapi beliau berjaya menghasilkan cerpen-cerpen yang bermutu tinggi dalam olahan teknik dan pemilihan temanya. Plot ceritanya lebih terpelihara dan tersusun rapi. Beliau mengemukakan cerita berdasarkan bahan-bahan daripada situasi waktu itu: Zaman darurat, sikap pemimpin-pemimpin yang curang dan gambaran suasana selepas merdeka, menyindir golongan pemerintah yang baru muncul. Dalam kesimpulannya, Syed Husin Ali menegaskan, Keris Mas telah berjaya menghasilkan beberapa buah cerpen yang bersifat realistik, yang benar-benar merupakan sumbangan besar kepada kesusastraan Melayu seluruhnya.

Menurut M. Noor Azam (1968:31), cerpen-cerpen Keris Mas berjaya melukiskan gambaran tiga zaman. Zaman pertama ialah zaman perjuangan menentang adat-adat kolot, pengaruh kekuasaan dan sistem feudal yang menindas rakyat jelata. Juga perjuangan menentang sikap serta cara berfikir yang bertentangan dengan tuntutan zaman yang menyekat kemajuan hidup rakyat jelata. Zaman kedua ialah zaman perjuangan kebangsaan menentang penjajahan untuk mendapatkan kemerdekaan. Sebagai salah satu daripada akibat perjuangan ini ialah timbulnya keadaan hidup yang sulit dan kebebasan yang tersekat kerana munculnya zaman darurat. Dan, zaman ketiga ialah zaman perjuangan sesudah merdeka. Perjuangan ini menjadi kacau dan kompleks kerana apa yang hendak ditentang oleh masyarakat tidak sejelas perjuangan pada zaman pertama dan kedua. Kekuasaan feudal sudah boleh dikatakan lenyap, tetapi saki-baki unsur feudal itu masih hidup. Penjajahan politik sudah tamat, tetapi penjajahan ekonomi masih kuat. Kemerdekaan yang baru dicapai itu perlu pula diisi, dan hal ini menimbulkan

berbagai-bagai masalah baru yang rumit.

Cerpen-cerpen Keris Mas yang dianggap paling baik ialah "Merdeka Tidak Mengerti" dan "Runtuh", yang dihasilkan pada tahun 1959 dan 1960. Menurut A. Bakar Hamid (1979:162), dalam dua buah cerpen ini kemahiran tekniknya sudah mengimbangi pernyataan maksudnya. "Mereka Tidak Mengerti" sebenarnya sudah merupakan sebuah cerpen. Ia menepati pengertian cerpen sebagai suatu bentuk kesusasteraan. Ia bukan lagi semata-mata cerita ataupun sketsa. Peristiwa-peristiwa dijalinkan dengan rapi dan keseluruhannya mengarah kepada suatu pengertian yang merupakan tema cerpen itu. Gerak laku dapat mengimbangi lukisan perwatakannya. Penggunaan teknik imbas kembali lebih terkawal. Perincian juga memainkan peranan yang besar untuk menghidupkan cerita ini.

Prof. A. Teeuw (Firdaus Abdullah, 1964) memberi penghargaan terhadap cerpen-cerpen Keris Mas dalam *Patah Tumbuh*. Menurut beliau, cerpen-cerpen "Salah Pimpin", "Runtuh", dan "Mereka Tidak Mengerti" terkandung unsur-unsur kejenakaan yang menyegarkan, kerana mengandungi unsur psikologi yang memuaskan.

Menurut buku *Wajah: Biografi 100 Penulis* (1981:235), dalam perkembangan cerpen Melayu selepas perang, Keris Mas merupakan tokoh yang terpenting dan berpengaruh terhadap golongan penulis muda. Beliau membentuk namanya sebagai penulis melalui bakat, fikiran yang kritis, penguasaan bahasa yang baik, dan kematangan pengalamannya. Keris Mas merupakan contoh penulis yang lebih mementingkan mutu daripada kuantiti karya. Kejayaan cerpen-cerpennya adalah kerana beliau mampu menghidupkan daya imaginasi pembaca, dan hal ini menjadi anak kunci kepada berjaya atau tidaknya sebuah hasil seni atau karya sastera. Selain itu kerana kejayaannya mengawal teknik dan menggerakkan fikiran pembaca terhadap masalah sosial, melalui bahasa yang mudah, jelas, dan kreatif.

Daripada pandangan-pandangan ini dapatlah disim-

pulkan bahawa kekuatan cerpen-cerpen Keris Mas adalah hasil kecekapannya menguasai tema, teknik penceritaan dan stil bahasanya yang dapat menyampaikan kesan, dapat menangkap dan memaparkan pergolakan masyarakat yang *real*.

A.M. Thani (1969:35–36) menyimpulkan, "Mengikut perkenbangan cerpen-cerpen yang dicipta oleh Keris Mas dalam masa kira-kira 15 tahun, para peminat sastera, khususnya cerpen, dapat merasakan bahawa Keris Mas menyoroti segala aspek kehidupan manusia, mendedahkan segala kepincangan masyarakat yang meliputi semua peringkat dan golongan manusia. Perubahan suasana yang dilukiskannya mengemukakan beberapa kenyataan yang meyakinkan, dan menampakkan kejadian yang realistik, dan gambaran yang serupa ini benar-benar merupakan sumbangan besar terhadap kesusasteraan Melayu seluruhnya. Beliau berjaya menyalurkan aliran "Seni untuk Masyarakat" yang diperjuangkannya dalam ASAS '50.

Dua buah novel Keris Mas yang awal meskipun tidak memperlihatkan mutu yang tinggi, tetapi tetap menarik hati untuk disentuh dalam penilaian ini. Novel *Pahlawan Rimba Malaya*, yang ditulisnya dalam masa tiga bulan pada akhir tahun 1945, mengisahkan perjuangan gerila Melayu menentang Jepun untuk memerdekaikan tanah air. Novel yang sepatutnya terbit sekitar 150 halaman telah menjadi mangsa sentimen politik hingga akhirnya tinggal 60 halaman. Novel tersebut lebih merupakan sinopsis kerana perkembangan plot dan penghayatan watak-wataknya telah dihilangkan (Keris Mas, 1979:22–26). Novel keduanya, *Korban Kesuciannya*, diakui sendiri oleh Keris Mas seratus peratus romantik dan idealistik. Bahasanya berbunga-bunga dengan kiasan dan penggambaran suasana yang amat sentimental (hlm. 74). Meskipun demikian, novel ini telah menarik perhatian Aminuddin Baki, mahasiswa Raffles College Singapura, yang telah mengulas dalam akhbar *Utusan Zaman* (12 Jun 1949) dengan

judul "Pandangan Seorang Penuntut Tinggi Kita tentang Sebuah Buku Melayu". Menurut Hashim Awang, tulisan tersebut menjadi perintis kepada tradisi kritikan sastera Melayu, kerana pandangan yang diberikan itu merangkumi dua unsur utama, iaitu isi dan teknik, yang disampaikan dalam bentuk pembicaraan sastera yang lebih bererti dan bermanfaat. Aminuddin Baki menitikberatkan soal gaya bahasa, plot dan penokohan (lihat "Meninjau Keadaan Kritik Sastera di Malaysia. Sekarang" dalam *Kritik Sastera di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1974:3). Walaupun novel ini tidak mempunyai kedudukan yang bermakna dalam sejarah perkembangan novel Melayu selepas Perang Dunia Kedua, tetapi kemunculannya menggerakkan minat sehingga melahirkan tradisi kritikan dalam dunia kesusasteraan Melayu moden.

III

Untuk menilai sumbangan pemikiran Keris Mas dalam usaha memajukan dunia kesusasteraan Melayu moden, kita harus meneliti eseи-есcinya yang hingga kini berjumlah lebih 190 buah, serta memoirnya yang berjudul *30 Tahun Sekitar Sastera*. Sumbangan pemikiran Keris Mas dalam bentuk eseи banyak dilahirkan ketika beliau menjadi penulis rencana pengarang untuk majalah *Dewan Bahasa* (sebagai ketua pengarang) dalam tahun 1957–1967. Sumbangan pemikiran beliau tidak terbatas pada bidang kesusasteraan sahaja, malah meliputi juga bidang kebahteraan dan kemasyarakatan.

Namun, sumbangan pemikiran Keris Mas yang paling bererti ialah ketika perjuangannya pada zaman kegemilangan ASAS '50. Sebagai salah seorang pengasasnya, beliau bersama-sama merumuskan konsep dasar perjuangan ASAS '50, seperti yang tercatat dalam buku *Memoranda* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1961) yang berbunyi:

- Bahasa dan kesusasteraan mestilah dijadikan alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan kemerdekaan;
- Bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk memajukan fikiran rakyat, sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran dan perdamaian hidup;
- Bahasa dan kesusasteraan dapat menjadi alat memajukan fikiran kebangsaan dan alat meninggikan ilmu pengetahuan.

Konsep dasar ini seterusnya menjadi landas arah pemikiran Keris Mas dalam dunia penulisannya.

Dalam sebuah eseinya yang awal, Keris Mas membicarakan tentang "Timbulnya Kesusasteraan Melayu Baru" (*Utusan Zaman*, 11 November 1951). Menurut beliau, karya sastera Angkatan Baru mesti membawa ketegasan tentang cita-cita, membawa aliran fikiran yang hidup, menegaskan sikap masyarakat, sikap orang Melayu terhadap hidup dan perjuangannya. Dalam sebuah esei yang lain – jawapan terhadap pandangan yang keliru tentang konsep ASAS '50 (lihat "Pandangan yang Keliru terhadap Aliran Angkatan Baru", *Mastika*, Julai 1952) – beliau menyatakan Angkatan Baru dalam dunia persuratan Melayu bercita-cita melepaskan jiwa orang Melayu daripada belenggu kemalasan, ketakutan, kelemahan, pemalu dan pemurah yang tidak ada tempatnya. Jiwa yang suka berkhayal akan segala yang indah-indah yang akan dicapai apabila kita telah banyak menderita, menjadi abu berterbang dan kita menjadi papa kerana segala hak milik berpindah tangan. Angkatan Baru harus menghasilkan karya sastera yang menggambarkan keburukan masyarakat dan memberi sebab terjadinya keburukan itu serta menghidupkan jiwa masyarakat untuk membaikinya.

Bagi Keris Mas, jika Angkatan Lama memandang hidup adalah pinjaman dan mempunyai satu tujuan sahaja, iaitu mati, maka Angkatan Baru muhu membangunkan jiwa bangsa Melayu yang lemah dan mundur, kerana terpen-

dam dalam kekarutan dan khayal akibat penjajahan dan kemiskinan.

Sumbangan fikiran Keris Mas dalam kesusasteraan amat jelas sejak awal perkembangan penulisannya. Hal ini adalah hasil kemampuannya menguasai bahasa Melayu moden yang baik, jelas dan kreatif, membayangkan kejelasan idea yang diyakininya. Penguasaan stil bahasa yang hidup inilah yang jarang dimiliki oleh penulis-penulis yang seangkatannya. Beliau pernah mengatakan bahawa bayangan pertama bakat seseorang penulis mudah terlihat dalam teknik penulisannya. Tetapi, kesempurnaan dan kematangan bakat itu pula bergantung pada kesanggupannya mengisikan hasil fikiran dan pengalamannya ke dalam kata-kata, ayat-ayat dan keseluruhan pengolahan karangannya. (Lihat *Wajah: Biografi 100 Penulis*, hlm. 237). Dalam eseinya "Timbulnya Kesusasteraan Melayu Baru" (*Utusan Zaman*, 11 November 1951), beliau menegaskan, kesusasteraan bukanlah pekerjaan mengubah-ubah kelaziman bahasa dan bukan pekerjaan memain-mainkan kata-kata sahaja. Pertambahan kata-kata dalam sesuatu bahasa, perubahan cara menumpahkan perasaan dan fikiran dengan bahasa dan kata-kata yang baru, sebenarnya ialah kehendak daripada perubahan yang dialami oleh kemajuan jiwa dan fikiran bangsa itu. Daripada pandangan ini ternyata sekali Keris Mas menyakini bahawa bahasa adalah jiwa kepada bangsa. Jadi, untuk memajukan bahasa, jiwa bangsa itu harus berkembang maju.

Dalam zaman selepas merdeka, cita-cita sastera Keris Mas tetap untuk rakyat. Bagi beliau, perjuangan yang harus dipikul oleh kaum penulis kini adalah untuk memerangi kemiskinan dan kepincangan masyarakat. (Keris Mas, 1962). Menurut beliau, rancangan selepas merdeka merupakan rancangan pembangunan kebudayaan yang besar, yang memerlukan kekuatan lahir dan batin untuk melaksanakannya. Jadi, menjadi tugas sasterawan untuk menghidupkan semangat pembangunan dalam diri

tiap-tiap anggota masyarakat, kerana rancangan pembangunan itu hanya akan berjaya jika dikerjakan dengan jiwa dan semangat pembangunan. Tugas utama sasterawan ialah menghasilkan bahan bacaan yang dapat menimbulkan pergolakan jiwa dan mengubah sikap dan cara berfikir rakyat terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial, terutama kepada angkatan muda yang umumnya boleh membaca dan menulis tetapi tidak mempunyai pendidikan jiwa yang seimbang dengan pergolakan zaman-nya.

Keris Mas menegaskan, tugas sasterawan kini tidak cukup dengan membongkar keburukan masyarakat pada kulitnya sahaja. Ia harus menyelami sesuatu hingga ke akar umbinya, menganalisis manusia hingga ke dalam jiwanya sekali, menembusi segala lapisan masyarakat kota dan desa, pegawai kerajaan, nelayan, petani, buruh hingga galah kepada pemuda-pemuda yang sentiasa mahu melarikan diri dari desa menuju ke kota. Jadi, jelasnya, tugas sasterawan selepas merdeka ialah memberi pendidikan jiwa kepada rakyat supaya pandangan hidup mereka sentiasa bersesuaian dengan perkembangan di sekitar mereka.

Persoalan integrasi kaum juga menarik perhatian Keris Mas. Kesedaran ini jelas timbul akibat tercetus "Peristiwa 13 Mei 1969" – peristiwa berdarah pertelingkahan kaum di Malaysia. Sebagai sasterawan yang sentiasa melihat hubungan kesusasteraan dengan masyarakatnya, Keris Mas menyedari bahawa integrasi kaum dapat dicapai melalui kesusasteraan nasional. Kesusasteraan nasional, bagi beliau, harus dapat menembusi batas unit masyarakat; dan hal ini secara tidak langsung dapat menolong penembusan yang dilakukan oleh pengintegrasian sosio-budaya melalui sistem ekonomi, politik, pelajaran dan lain-lain. Pandangan beliau ini dikemukakan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 17 Ogos 1971. (Lihat "Kesusasteraan dan Masyarakat Umum", *Dewan Sastera*, Oktober 1971).

Masalahnya kini ialah bagaimana mewujudkan kesu-

sasteraan nasional itu? Menurut beliau, yang patut dilakukan ialah mendirikan sebuah pusat pentadbiran, di mana usaha yang teratur dapat dijalankan untuk menggembangkan kaum sasterawan belajar mengenal unit-unit masyarakat yang membentuk masyarakat nasional kita. Di samping itu, belajar juga mempertajam kesanggupan daya seni dan daya pemikiran dengan meneliti secara pengajian yang mendalam terhadap unsur-unsur yang diperlukan dalam penciptaan karya sastera yang boleh menjadi ciri integrasi sosiobudaya nasional. Penubuhan sebuah akademi sastera dalam erti yang sesuai dengan kehendak nasional masa ini memang sangat diperlukan. Melalui akademi sastera ini akan terbuka jalan bagi sasterawan yang menulis dalam bahasa yang bukan bahasa kebangsaan untuk belajar berfikir dan mencipta dalam bahasa kebangsaan. Beliau menegaskan, pokok utama dalam keunggulan kesusasteraan sebagai ciri integrasi sosiobudaya ialah bahasa.

Meskipun sejak zaman kegemilangan ASAS '50 Keris Mas terus menekankan konsep "Seni untuk Masyarakat", tetapi beliau tidak mengabaikan soal mutu teknik penulisan. Dalam sebuah esainya, "Dari Hadiah Karya Sastera kepada Anugerah Tertinggi Kesusasteraan" (*Dewan Sastera*, April 1973), beliau membicarakan soal mutu karya ini secara jelas dan tepat. Baginya, kualiti mestilah dijamin kemajuannya di samping kemajuan kuantiti. Mutu sastera ditentukan oleh dua faktor. Pertama, keindahan estetik yang mengharukan perasaan (perasaan terharu oleh keindahan teknik yang timbul pada saat menikmati sebuah karya). Kedua, kesan yang sesuai dengan perikemanusiaan yang ditinggalkannya (isi karya). Dua faktor ini merupakan kesatuan asas yang menentukan ketinggian mutu sebuah karya sastera.

Bertolak daripada pemberian Hadiah Karya Sastera yang dimulai sejak tahun 1971 (dan berakhir 1976), Keris Mas menyarankan pemberian satu hadiah kesusasteraan yang tertinggi. Menurut beliau (dalam esei yang sama),

sasterawan yang didapati benar-benar memperoleh pencapaian tertinggi serta mempunyai dedikasi dan kejujuran yang teruji hendaklah diberi anugerah tertinggi dalam kesusasteraan. Sasterawan yang wajar diberi anugerah tersebut ialah sasterawan yang dalam satu-satu periode tertentu, berhasil melahirkan pembaharuan yang menjadi tanda, atau tapal batas antara teknik dan pemikiran, daripada nilai lama dengan nilai teknik dan pemikiran yang baru.

Daripada pandangan-pandangan ini, jelas sekali menunjukkan bahawa Keris Mas tidak sahaja memperhati tugas kesusasteraan kepada masyarakat dan mutu teknik penulisan yang tinggi, malah beliau juga memberikan perhatian terhadap diri sasterawan sendiri. Jika sasterawan menyumbangkan hasil karya yang bermutu, yang dapat memperkaya pengalaman batin bangsanya, maka wajarlah dia dihargai, bukan sahaja dengan wang ringgit malah dengan kehormatan negara. Keluasan dan kedalaman jangkauan fikiran Keris Mas inilah sumbangan fikirannya yang amat bererti terhadap dunia kesusasteraan Melayu moden.

IV

Kesusasteraan nasional adalah kesusasteraan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, sebagai alat penyampaiannya. Hasil kesusasteraan, walaupun menggambarkan corak kehidupan di Malaysia, tetapi jika ditulis dalam bahasa Tamil, Tionghoa atau Inggeris, ia merupakan sastera sukuan.

Berbicara tentang kesusasteraan nasional, maka timbulah kepentingan peranan bahasa kebangsaan. Cita-cita mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah cita-cita para pejuang bahasa selepas negara mencapai kemerdekaan. Selama sepuluh tahun (1957-1967) DBP menjalankan kempen penggunaan dan pendaulatan bahasa kebangsaan. Keris Mas yang ketika

itu menjadi pegawai kanan di DBP terlibat secara langsung dengan kempen tersebut. Sebenarnya kesedaran terhadap bahasa ini muncul dalam diri Keris Mas sejak beliau mengasaskan ASAS '50 bersama teman-temannya seperti Arif Ahmad (MAS), Hamzah, Jimy Asmara, Rosmera dan kemudiannya bersama Usman Awang, Asraf, Awam il-Sarkam dan Wijaya Mala. Dan kesedaran tersebut menjadi bertambah jelas dalam tahun-tahun akhir sebelum menjelangnya kemerdekaan, seperti yang disuarakannya dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga (1956). Hasil daripada Kongres inilah munculnya DBP yang diwujudkan untuk tujuan memajukan dan mengembangkan bahasa dan sastera Melayu.

Selama lebih 30 tahun penglibatannya dalam dunia kesusasteraan, Keris Mas secara langsung turut mengukir sejarah perkembangan sastera Melayu moden. Peranannya sebagai wartawan di Utusan Melayu dan kemudian sebagai pengarang majalah *Mastika* – yang dianggap majalah kesusasteraan Melayu yang bermutu tinggi pada waktu itu – menyebabkan Keris Mas berjaya membentuk penulis dan meningkatkan mutu sastera. Hasil usaha beliau dan teman-teman seangkatannya, cerpen, puisi dan eseи/kritikan menjadi genre yang penting dalam kesusasteraan Melayu. Mutu karya waktu itu mulai meninggalkan mutu karya zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

Hasil perjuangan mempopularkan sastera Melayu bentuk baru yang membawakan semangat (isi) dan teknik serta stail bahasa yang lebih hidup oleh ASAS '50, menyebabkan sastera Melayu lebih dipandang tinggi daripada hasil kesusasteraan Melayu sebelum perang dahulu. Inilah asas utama pembentukan sastera nasional. Pada zaman selepas merdeka, Keris Mas dengan jawatan sebagai ketua pengarang di DBP mengasaskan kelahiran berbagai-bagi majalah yang serius, yang membantu perkembangan sastera nasional, umpamanya *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Pelajar* dan *Dewan Sastera*. Majalah-majalah ini berjaya melahirkan karya – baik

untuk orang dewasa mahupun untuk kanak-kanak – yang bermutu tinggi. Penulis dalam majalah-majalah ini selalunya dianggap sebagai penulis yang berjaya mencapai kedudukan yang baik dalam dunia penulisan di Malaysia. *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera* menjadi rujukan pengkaji perkembangan kesusasteraan Melayu selepas merdeka.

Penghidupan penulis dan kesusasteraan tidak bergantung pada akhbar dan majalah sahaja, malah juga kegiatan berpersatuan, yang menjadi penyalur kuat untuk menyuarakan rasa hati mereka secara kolektif. Meneliti kegiatan Keris Mas selama 30 tahun, ternyata beliau terlibat dengan persatuan-persatuan penulis yang besar dan berpengaruh seperti ASAS '50 (1950), Persatuan Penulis Nasional Malaysia atau PENA (1961) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional atau GAPENA (1970). Suara persatuan-persatuan inilah yang mewujudkan suasana hingga lahir apa yang dikenal sebagai kesusasteraan nasional kini. Walaupun dalam PENA dan GAPENA peranan Keris Mas tidak begitu menonjol, tetapi beliau tetap berdiri di belakang sewaktu rancangan penubuhan organisasi tersebut dan dalam kegiatan seterusnya.

Keris Mas bersama-sama dengan Ali Haji Ahmad, Syed Husin Ali, A. Samad Ismail, Said Zahari dan Asraf Haji Wahab menyusun sebuah kertas kerja yang menyarankan perlunya ditubuhkan PENA. Kertas kerja tersebut menggambarkan keadaan pemikiran sastera dewasa itu dan juga menggambarkan hasrat para penulis untuk bersatu, kerana melalui persatuanlah kebebasan penulis menyatakan pendapat dan fikiran dapat dipertahankan dengan berkesan (Keris Mas, 1979:197). Setelah ditubuhkan, PENA dengan tegas mengatakan "bahawa keperibadian sastera nasional harus dalam penjelmaan dari bahasa nasional (Malaysia)". Salah satu daripada dua tujuan PENA ialah berusaha seluas-luasnya dalam lapangan kebahasaan, kesusasteraan dan ilmu pengetahuan, bersesuaian dengan kepentingan nasional dengan tidak terikat kepada dasar

politik kepartian atau terkeluar daripada bidang undang-undang negara.

Selama kecemerlangannya dalam tahun 1960-an, PENA berjaya melaksanakan rancangan berbentuk nasional dalam cita-cita murninya. Tetapi, PENA tidak benar-benar berjaya menjadi persatuan tunggal yang dapat menyuarakan rasa hati penulis di seluruh tanah air. Lalu PENA merancangkan penubuhan GAPENA, yang merupakan gabungan persatuan penulis seluruh tanah air pada 20 September 1969. Keris Mas turut menjadi ahli jawatankuasa penggubal perlembagaan GAPENA. Setelah ditubuhkan secara rasmi pada bulan Oktober 1970, Keris Mas dipilih menjadi Ketua Dua (hanya setahun) dan Prof. Ismail Hussein sebagai Ketua Satu. GAPENA berjaya melaksanakan cita-cita PENA kerana ia diakui – baik di dalam maupun di luar negara – sebagai badan nasional yang mewakili seluruh penulis di Malaysia. GAPENA dalam aktivitinya yang cemerlang selama satu dasawarsa yang lalu, ternyata berhasil meninggikan imej penulis di mata masyarakat, dan turut mempercepat wujudnya sastera nasional dengan semua kaum akan menulis karya dalam bahasa Melayu. Hakikat ini mulai nyata apabila akhir-akhir ini terlihat bakat penulis dari kaum bukan Melayu yang menulis dalam bahasa Melayu, terutama dalam bidang puisi, cerpen dan eseи. Walaupun Keris Mas tidak aktif lagi sebagai aktivis, tetapi beliau terus memberi sumbangan pemikiran yang bernas dalam pertemuan sastera yang dihadapinya.

Sumbangan penting Keris Mas dalam kegiatan yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera nasional ialah ideanya untuk mewujudkan Bahagian Perkembangan Sastera (kemudian dinamakan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera) yang khusus berusaha memperkembang dan memajukan sastera nasional. Melalui bahagian ini Keris Mas bercita-cita melahirkan sastera nasional sebagai penyubur asas kejiwaan, penyubur kehalusan budi dan kesopanan, penyubur daya fikiran yang

bebas dan rasional, penyubur inisiatif untuk hidup cergas dan dinamik (Keris Mas, 1979:209). Sejak tahun 1971 hingga beliau bersara pada tahun 1977, banyak kemajuan yang dicapai dalam usaha melahirkan sastera nasional yang bermutu tinggi. Usaha-usaha penyelidikan sastera (lama dan baru), penerbitan buku (kreatif dan hasil penye-lidikan), penerbitan majalah dan kegiatan sastera lebih terancang dan mengesankan.

Di samping itu, Keris Mas juga dilantik menjadi Setiausaha Panel Hadiah Karya Sastera. Pemberian hadiah terhadap karya-karya sastera sebagai penggalak perkem-bangan sastera ini selama enam tahun telah menggerak-kan kehidupan kesusasteraan Malaysia dalam tahun 1970-an dengan ghairahnya. Tidak sedikit karya terutama cerpen, puisi, drama dan eseи yang bermutu tinggi dari segi teknik dan persoalan dihasilkan oleh para penulis.

Dasar pendidikan bahasa kebangsaan di sekolah mulai memperlihatkan kesannya yang positif. Kini mulai kelihatan bakat penulis daripada kaum bukan Melayu yang menulis dalam bahasa Melayu. Mereka bukan sahaja mampu menguasai persoalan yang cuba dikemukakan, malah yang penting berhasil menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kreatif, baik prosa maupun puisi. Malah ada yang berjaya memenangi Hadiah Karya Sas-tera. Walaupun semua ini bukan hasil usaha Keris Mas secara individu, tetapi dasar perkembangan awalnya turut dipancang oleh beliau, baik sebagai sasterawan, editor, birokrat sastera maupun sebagai aktivis persatuan.

V

Setelah bersara daripada tugas birokrat sastera, Keris Mas dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap dunia penulisan, baik kreatif maupun eseи bercorak kemasya-rakatan. Secara tetap beliau menyumbangkan eseи pendek-nya untuk majalah *Dewan Budaya* (sejak Ogos 1980) dan novel bersiri dalam *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Zaman*

(mulai 22 Mac hingga 8 November 1981) berjudul *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (*SBDKL*). Novel ini mengandungi 50 bab, tetapi yang tersiar hanya 34 bab, dan diterbitkan oleh DBP pada 1982.

Novel *SBDKL* ini memiliki jalinan cerita yang menarik. Ia mengisahkan kehidupan dunia dagang yang penuh dengan tipu muslihat. Encik Muhammad bin Datuk Indera Idris, saudagar Melayu yang berjaya di Kuala Lumpur, telah menubuhkan sebuah syarikat perlombongan bersama seorang saudagar Cina, Datuk Tan. Encik Muhammad juga pengarah urusan salah sebuah daripada anak syarikat kepunyaan Datuk Tan yang baru selesai merancangkan pembukaan ladang lada hitam di Johor.

Encik Muhammad dijadikan pengurus syarikat perlombongan yang baru tertubuh itu, kerana dia diperayai dapat mempengaruhi penduduk Kampung Pulai, sebuah kampung yang termasuk di dalam kawasan yang akan dilombong. Dia sendiri berasal dari kampung tersebut, dan banyak tanah di kampung itu masih kepunyaaan keluarganya (tanah pusaka).

Untuk dapat membeli dan menguasai semua tanah di kampung tersebut, Encik Muhammad secara halus menggunakan muslihat melalui seorang wakil rakyat kawasan itu untuk memindahkan seluruh penghuni kampung itu menyertai rancangan FELDA. Encik Muhammad juga menggunakan tipu muslihat yang halus untuk mendapatkan tempat bagi beberapa orang tua yang berpengaruh tetapi tidak layak lagi menyertai rancangan FELDA. Imam Saad (Imam Kampung Pulai yang sudah tua) dijadikan Imam Kerajaan di Pekan Tualang. Imam yang sedia ada di Pekan Tualang dipindahkan ke Pekan Kuala (tidak jauh dari Pekan Tualang), dan Imam Pekan Kuala dipersarakan. Tuk Empat Ketua Kampung dijadikan penghulu di Pekan Tualang, menggantikan abang Encik Muhammad yang diangkat oleh sultan menyandang gelaran Datuk Indera, gelaran yang turun-temurun disandang oleh ayah, datuk, dan moyangnya.

Encik Muhammad melakukan berbagai-bagi tipu muslihat yang licin. Falsafahnya ialah: Pembangunan ekonomi orang Melayu seperti banjir, harus bergerak melanda apa sahaja halangan dan rintangan. Tetapi, falsafah yang menggerakkan Encik Muhammad itu mendapat tentangan daripada Rahim, anaknya sendiri yang sedang belajar di London. Rahim menganggap ayahnya individualis yang kejam dan tamak. Encik Muhammad menjodohkan Rahim dengan setiausahaannya sendiri, Mahani, yang memang dikasih oleh Rahim. Encik Muhammad hendak menggunakan bakal menantunya yang jelita dan amat pintar itu untuk mempengaruhi anaknya supaya berhenti daripada menentangnya.

Encik Muhammad akhirnya ditentang secara amat halus tetapi tajam oleh Maarup, lebai muda yang mahu menyerahkan tanah pusaka ayahnya sebagai tanah wakaf supaya tidak dilombong. Sudin, seorang pegawai Encik Muhammad sendiri, kemudian berkomplot dengan lebai muda itu supaya tanah wakaf tempat surau ayahnya, Imam Saad, juga tidak dilombong, walaupun ayahnya menyerah kalah kepada Encik Muhammad dengan menerima ganti tanah wakaf di Kampung Pulai itu dengan sebidang tanah keluarga Encik Muhammad di Pekan Tualang. Sudin menyertai komplot itu semata-mata kerana berasa dirinya terlalu banyak menjadi alat tipu helah Encik Muhammad, dan untuk mengembalikan sedikit perasaan bahagia kepada ayahnya. Mahani yang turut menyertai komplot tersebut dapat memujuk Rahim, memaksa Encik Muhammad supaya sedar akan kesalahan faham individualisnya.

Encik Muhammad akhirnya bersetuju dengan syarat yang dikemukakan oleh anaknya, iaitu dia sanggup menerima jawatan pegawai pentadbir pengurusan lombong itu, kalau ayahnya tidak memasukkan tanah pusaka Lebai Maarup, dan tanah wakaf Imam Saad serta sejuring tanah keluarganya sendiri yang menghubungkan kedua-dua tanah wakaf tersebut. Tanah itu akan tinggal

menjadi tapak kompleks tempat mendirikan rumah pekerja, pejabat, stor, dan sebuah surau. Encik Muhammad menerima syarat anaknya, kerana dia ingin sekali melihat anaknya menjadi pegawai pengurusan lombong tersebut, sebagai langkah pertama ke arah menggantikannya menjadi saudagar dan usahawan.

Dengan novel *SBDKL*, bakat penulisan kreatif Keris Mas yang hampir ‘dibunuh’ oleh kesibukan tugas sebagai birokrat sastera kini menggilap kembali. Persoalan yang cuba dikemukakan kelihatan lebih matang, dan kemahiran teknik penulisannya perlahan-lahan menjelma kembali dengan meyakinkan.

Keris Mas berjaya memaparkan persoalan yang amat bersesuaian dengan situasi masyarakat masa kini, iaitu tentang kemunculan saudagar Melayu dan giatnya gerakan dakwah Islamiah di kalangan generasi muda. Keris Mas menyimpulkan bahawa dalam usaha mencari kekayaan dan kemajuan, asas keagamaan harus dikuat-kan supaya arah kemajuan yang hendak dicapai tidak akan menghancurkan bangsa dan agama. Penyelesaian Keris Mas yang mencantumkan tanah wakaf Imam Saad dengan tanah wakaf Lebai Maarup melalui tanah Encik Muhammad sebagai tapak kompleks, pada hemat saya, merupakan lambang percantuman antara generasi lama dan generasi baru. Dengan kesinambungan yang harmoni itulah kemajuan dapat dicapai secara lebih mantap dan wajar.

Melalui novel ini juga terlihat kemampuan Keris Mas dalam mengolah suatu persoalan yang besar dan kompleks. Setiap peristiwa yang dikemukakan saling berkait dan akhirnya menjurus kepada peleraian yang dicitacitakan oleh pengarang. Unsur-unsur perwatakan, plot, sudut pandangan, latar dan gaya bahasa memperlihatkan kesatuan dan keindahan. Novel ini akan menjadi salah satu sumbangan yang bermakna daripada Keris Mas, penerima Anugerah Sastera Negara yang pertama, kepada dunia kesusastraan Malaysia, khususnya dalam sejarah perkembangan novel.

Kesimpulan panel Anugerah Sastera Negara 1981 terhadap ketokohan Keris Mas tepat sekali, iaitu Keris Mas pemula beberapa pembaharuan dalam sastera Melayu moden. Usaha dan kerja beliau bagaikan suluh menerangi perkembangan sastera Melayu moden selanjutnya. Ketinggian mutu yang dicapainya, kehalusan teknik yang diukirinya dan keindahan bahasa yang dianyamnya, selalu menjadi contoh untuk diikuti dan menjadi latar bandingan untuk diukur oleh penulis-penulis lain." (*Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1981*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 28).

Bibliografi

- A. Bakar Hamid, 1979. *Diskusi Sastera: Kesusasteraan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.M. Thani, 1969. "Kata Pengantar" kepada "kumpulan Cerpen Keris Mas". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (mss. yang tidak diterbitkan).
- Firdaus Abdullah, 1964. "Teeuw dengan Sastera Melayu Moden". *Berita Minggu*, 27 September 1964.
- Keris Mas, 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1962. "Sastera dan Pembangunan Masyarakat", *Dewan Bahasa*, Januari 1962.
- Jurnal *Penulis*, 1983, terbitan Persatuan Penulis Nasional (PENA).
- Jurnal *Penulis*, 1983.
- M. Noor Azam, 1968. *Sorotan Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Syed Husin Ali, 1973. *Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Wajah: *Biografi 100 Penulis*, 1981. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Politik Sastera: Suatu Komen terhadap Keris Mas

S. HUSIN ALI

UCAPAN penerimaan Anugerah Sastera yang telah disampaikan oleh Keris Mas di majlis gilang-gemilang di Dewan Bangkuasi, Bangunan Parlimen, pada 26 April 1981, sangat menarik. Walaupun ia mengandungi banyak pendapat serta fikiran yang sepatutnya boleh menimbulkan kontroversi, namun sehingga ini ucapan itu belum lagi mencetuskan apa-apa perbincangan. Dalam makalah ini saya akan cuba memberikan suatu komen ringkas, berdasarkan perspektif yang mungkin berlainan sedikit daripada perspektif Keris Mas. Komen ini terbahagi kepada tiga bahagian: (a) merumuskan inti pati ucapan Keris Mas, (b) mengulas perkara-perkara khusus dalam ucapan itu; dan (c) membincangkan implikasi umum daripadanya.

Keris Mas membincangkan tentang kedudukan sastera dalam arena politik, dengan membezakan antara dua aspek, iaitu apa yang dikatakan sebagai politik sastera dan sastera politik. Baginya, politik sastera "ialah pendirian politik terhadap sastera, iaitu politik mengenai sastera dalam hubungannya dengan kehidupan kebangsaan." Sastera politik pula ialah sastera "yang dipergunakan untuk memperkuat perjuangan politik sesuatu golongan atau parti tertentu."

Menurut Keris Mas, apabila sastera diperalatkan oleh kepentingan politik parti atau golongan, maka ia tidak

berfungsi lagi, bahkan menjadi propaganda yang tidak menegakkan seluruh kebenaran. Tetapi, jika kepentingan nasional mengatasi kepentingan parti atau golongan, sastera masih boleh berfungsi. Inilah yang berlaku selepas perang, manakala sastera dijadikan alat untuk mencapai kemerdekaan. Dalam suasana ‘politik kemerdekaan’ itu “sastera mengambil peranan untuk membuka mata, menyedarkan tiap orang, baik rakyat maupun pemimpin, yang terlibat atau tidak terlibat dalam perjuangan parti politik”. Hal ini sesuai dengan slogan “Sastera untuk Masyarakat”.

Bagi Keris Mas, pada zaman selepas merdeka, sastera politik tidak berfungsi lagi sebab “kepentingan golongan atau kepentingan parti kadang-kadang mengatasi kepentingan nasional.” Dalam keadaan ini maka perlulah ditentukan “sikap politik bangsa kita dan negara kita terhadap sastera”. Sikap inilah yang dianggap oleh Keris Mas sebagai politik sastera. Ini perlu, “pertamanya, untuk menjaga kesusasteraan itu tetap menjadi alat menegakkan kebenaran tentang nilai-nilai yang sesuai dan diperlukan untuk mencapai keadilan masyarakat, kemakmuran, perdamaian dan kesejahteraan manusia. Keduanya, untuk menubuhkan faham perpaduan kebangsaan, mengurangkan jurang perpecahan kebangsaan yang ditimbulkan oleh politik pelbagai parti dan golongan. Ketiganya, untuk menjamin kebebasan berfikir dan mencipta dalam kalangan sasterawan. Dan keempat, untuk memberikan suasana bernafas yang segar bagi kesusasteraan berkembang dan maju.”

Mengikut Keris Mas lagi, sastera Melayu dalam pelbagai bentuk dan melalui pelbagai zaman memberikan erti untuk mempertahankan “nilai kebenaran, nilai hakiki yang perlu dijunjung dan dihayati oleh masyarakat dan manusia Melayu seluruhnya.” Mantera dan hikayat, katanya, mengukuhkan masyarakat purba yang mistik berunsur Hindu, syair mistik dan falsafah mengembangkan nilai mistik Islam, dan seterusnya pantun, pepatah.

peribahasa dan lain-lain meneguhkan nilai-nilai susila, adat, sopan santun serta budi bahasa.

Sebaliknya, pengaruh "Barat yang masuk melalui kekuasaan penjajahan politik, ekonomi, kebudayaan dan agama" dan pengaruh pemikiran Barat berbentuk *humanisme universal humanism* tidak disuarakan sepenuhnya oleh sastera Melayu. Bahkan "nilai-nilai hakiki dari kebudayaan Melayu dan agama Islam masih dipertahankan."

Sesuai dengan kebangkitan semula Islam di dunia, dan meluasnya gerakan dakwah di negara ini, maka akhir-akhir ini muncul pula "keinginan para sasterawan kita hendak menulis sastera yang berunsur Islam". Tetapi, perkembangannya masih pada peringkat "cetusan fikiran dan keinginan" dan belum lagi "mantap menjadi pegangan dan keyakinan". Keris Mas berpendapat bahawa jika nilai-nilai Islam ditegakkan oleh "manusia kita yang tidak serius beragama", yang menulis tanpa pengertian tentang kebenaran hakiki, maka akibatnya ialah: "Pertamanya, karya menjadi dangkal dan lemah; keduanya, tafsiran menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar; dan ketiganya, sastera 'menjadi alat propaganda kepentingan politik golongan'."

Keris Mas berpendapat, manusia yang hidup dengan nilai-nilai Islam ialah yang takwa, dan pertentangan watak-watak takwa yang murni dengan watak-watak infaq yang keji jikalau dibentangkan dengan nilai estetika yang halus dan indah "dapat mengharukan, mempengaruhi perasaan, fikiran dan sikap manusia untuk menjadi lebih tinggi lagi darjatnya". Ini tidak akan tercapai sekiranya sastera diperalatkan oleh parti atau golongan politik. "Sastera yang mengkonflikkan kepentingan satu golongan terhadap golongan lain," tegas Keris Mas, hanya akan mengakibatkan kemusnahan dan kebinasaan yang dikutuki Allah. Jika "sastera berunsur Islam mendorong kepada berlakunya perkara yang dikutuk Tuhan", maka ia palsu semata-mata.

Keris Mas menganjurkan supaya kita menentang sebarang percubaan menjadikan sastera itu sastera politik dan supaya "kita memegang satu konsep politik sastera yang teguh, yang hanya berpihak kepada yang benar, menjunjung dan mempertahankan kebenaran yang hakiki."

Akhirnya Keris Mas menerangkan bahawa beliau menerima anugerah sastera ini kerana pengalamannya memberikannya keyakinan bahawa sasterawan di Malaysia "adalah antara sasterawan dunia yang mendapat ruang luas untuk bebas mempertahankan kebenaran", dan Kerajaan Malaysia sekarang "begitu menaungi, faham dan simpati sikapnya terhadap perkembangan kesusteraan dan kebebasan kaum sasterawan".

Sungguhpun banyak perkara dalam ucapan Keris Mas yang boleh dipertikaikan, pada umumnya yang saya bersetuju melebihi yang saya tidak bersetuju. Biarlah saya bincangkan di sini perkara-perkara yang hendak diper-tikaikan sahaja.

Keris Mas membahagi serta membezakan antara politik sastera dan sastera politik. Maksud Keris Mas itu jelas, tetapi pembahagian yang dilakukannya, saya rasa, tidak begitu perlu; sebab kedua-duanya berkaitan rapat dan mungkin boleh disamaartikan sahaja. Keris Mas menjelaskan politik sastera sebagai "pendirian politik terhadap sastera". Tidakkah mungkin salah satu pendiriannya politik golongan yang dimaksudkan oleh Keris Mas sebagai sastera politik itu? Seterusnya, pendirian siapakah yang dimaksudkan? Bagi saya, ia boleh merujuk kepada pendirian kerajaan, golongan atau individu. Golongan serta individu itu boleh mempunyai sikap politik atau tidak, boleh menyokong kerajaan atau tidak. Pendirian kerajaan, golongan atau individu, boleh mencerminkan kepentingan masing-masing.

Tetapi, Keris Mas akan mengatakan bahawa politik sastera itu melibatkan politik yang berhubung dengan 'kehidupan kebangsaan'. Ertinya, yang disuarakan

seharusnya adalah kepentingan kebangsaan, bukan kepentingan golongan atau parti. Tetapi, dia soalan timbul di sini: Kepentingan kebangsaan itu apa? Siapakah yang berhak menentukan apa yang merupakan kepentingan kebangsaan dan apa yang bukan? Sesebuah kerajaan, misalnya, boleh mendakwa bahawa politiknya bertujuan mempertahankan kepentingan kebangsaan, walaupun yang sebenarnya ia hanya untuk melanjutkan kuasa golongan tertentu dalam kerajaan itu. Apakah yang boleh menyekat mereka daripada menggunakan semua saluran – termasuk sastera – untuk mempropagandakan pendiriannya itu?

Sebaliknya, pendirian yang dibuat oleh sesuatu golongan atau parti tidak semestinya menyuarakan kepentingan golongan atau parti itu sahaja. Bahkan ia boleh juga merupakan sebahagian daripada kepentingan nasional. Masalah golongan boleh merebak menjadi masalah negara seluruhnya. Tidak wajar jika kepentingan golongan dientengkan sahaja. Bukankah dalam demokrasi hak dan kepentingan golongan harus dilindungi juga? Tidak adillah jika mana-mana pihak yang menyuarakan kepentingan golongannya terus dicap sebagai tidak mendukung kepentingan kebangsaan. Jikalau golongan atau parti menggunakan sastera untuk menyuarakan sesuatu, tidak bererti mereka memperalatkan sastera untuk menyuarakan kepentingan mereka sendiri sahaja; sebaliknya, secara tidak langsung mereka mungkin menyuarakan sebahagian daripada kepentingan kebangsaan ataupun keseluruhannya.

Cuba kita lanjutkan perkara ini kepada soal perjuangan untuk kemerdekaan. Memang benar, seperti kata Keris Mas, bahawa merdeka merupakan kepentingan nasional. Tetapi, cita-cita untuk kemerdekaan itu bukan timbul sekali gus sehingga dihayati oleh semua golongan pada ketika yang sama. Pada peringkat permulaan, golongan yang sedar tentang perlunya merdeka itu merupakan golongan yang kecil sahaja. Antaranya ialah penulis, dan

sebab itu mereka menggunakan tulisan-tulisan mereka untuk menimbulkan kesedaran tentang perlunya kemerdekaan itu.

Dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara ini, ada beberapa hal yang dapat dilihat, misalnya (a) wujud golongan yang hendakkan kemerdekaan di samping golongan yang mahu menolaknya; (b) wujud golongan yang hendakkan kemerdekaan secepat mungkin di samping golongan yang mahu melengah-lengahkannya; (c) wujud golongan yang menuntut kemerdekaan tulen serta penuh di samping golongan yang mahukan kemerdekaan beransur-ansur khusus dalam bidang politik dulu; (d) wujud golongan yang mahu menoleh ke belakang kepada kegemilangan zaman feudal di samping golongan yang mahu memandang ke hadapan yang lebih maju; dan, (e) wujud golongan yang mementingkan golongan atasan di samping golongan yang mahu memperjuangkan kepentingan golongan bawahan.

Mana satu atau kombinasi manakah yang mahu dianggap sebagai mencerminkan kepentingan nasional? Adakah perjuangan UMNO sahaja yang harus dianggap sebagai menyuarakan kepentingan kebangsaan, dan perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) hanya menyuarakan kepentingan golongan atau parti? Dalam bidang kesusasteraan boleh dikatakan bahawa perjuangan ASAS '50 adalah lebih dekat dengan perjuangan PKMM. Sebenarnya, apabila ASAS '50 memperjuangkan kemerdekaan sebagai jalan untuk menegakkan keadilan sosial, kemakmuran serta keamanan, dan seterusnya menyuarakan penderitaan rakyat miskin daripada golongan bawahan, mereka tidak boleh dianggap sebagai menyuarakan kepentingan satu golongan sahaja. Kebanyakan penulis ASAS '50 terdiri daripada orang muda yang radikal dan yang mahukan kemerdekaan tulen, yang memandang maju ke hadapan serta mementingkan kelas bawahan. Mereka sebenarnya menyuarakan kepentingan nasional, yang pada waktu itu disuarakan oleh satu

golongan kecil sahaja.

Perbezaan pandangan tentang kemerdekaan inilah yang mencorakkan pelbagai pendekatan tentang apakah jalan pembangunan negara yang hendak diikuti selepas merdeka. Pandangan yang disuarakan oleh ASAS '50 ini bertentangan dengan kepentingan nasional. Sekiranya ada orang ASAS '50 atau penulis yang melanjutkan cita-cita ASAS '50, adakah mereka harus dianggap sebagai mengamalkan sastera politik atau memperalatkan sastera hanya untuk kepentingan golongan atau parti? Tentu tidak. Soal keadilan sosial, kemiskinan dan seumpamanya berkaitan rapat dengan kepentingan kebangsaan.

Keris Mas menegaskan bahawa selepas merdeka kepentingan golongan atau parti kadang-kadang mengatasi kepentingan kebangsaan. Sebab itu, penting ditentukan sikap terhadap sastera, yang perlu untuk menegakkan nilai-nilai kebenaran, perpaduan kebangsaan, kebebasan dan kemajuan sastera. Keris Mas banyak menumpukan perbincangannya terhadap perkara pertama, tetapi boleh dikatakan tidak menyentuh tiga perkara berikutnya. Keris Mas menyebut tentang "nilai-nilai kebenaran, nilai-nilai yang perlu disanjung dan dihayati oleh masyarakat dan manusia Melayu seluruhnya". Tetapi, apakah nilai-nilai kebenaran itu tidak pula dijelaskannya. Beliau menyebut tentang nilai-nilai kebenaran yang disuarakan dalam bentuk sastera lama seperti mantera, hikayat, pantun, dan syair. Tetapi, adakah nilai-nilai ini yang harus disanjung dan dihayati? Tidak semua nilai itu unggul atau benar. Bahkan banyak contoh yang boleh dikemukakan untuk mengukuhkan bahawa hasil sastera lama itu banyak juga mengandungi nilai negatif yang jauh dari pada kebenaran dan tidak patut disanjung.

Apabila berbicara tentang sastera moden pula Keris Mas menegaskan bahawa, kita (digunakannya selalu perkataan ini tanpa menjelaskan siapa sebenar yang dimaksudnya) telah berjaya menolak pengaruh luar mahupun daripada politik penjajahan ataupun aliran

pemikiran humanisme universal. Kedua-dua pengaruh ini memang berpunca daripada serta berkiblat ke Barat - kedua-duanya menekankan nilai-nilai kebaratan. Sebenarnya penentangan terhadap Barat tidak seharusnya berdasarkan penolakan nilai-nilai mereka sahaja. Sistem ekonomi dan politiknya yang menguasai serta menindas negara-negara yang pernah mengalami penjajahan terutamanya seperti negara kita, seharusnya ditolak juga. Sebaliknya, ada juga unsur daripada peradaban Barat yang boleh diteladani atau diterima, seperti yang berkaitan dengan kemajuan sains dan teknologi dan juga beberapa aspek daripada ilmu pengetahuan mereka. Keris Mas tidak membezakan antara unsur positif dan unsur negatif daripada pengaruh Barat itu. Juga, apabila beliau berkata bahawa "nilai-nilai hakiki dari kebudayaan Melayu dan agama Islam masih dipertahankan" sewaktu Barat kuat berpengaruh, Keris Mas tidak menerangkan apakah nilai-nilai hakiki itu. Padahal ini penting dilakukan, sebab Keris Mas menegaskan bahawa ia sangat perlu dalam menentukan sikap yang disebut oleh beliau sebagai politik sastera itu.

Berbicara tentang perkembangan Islam akhir-akhir ini, Keris Mas bimbang bahawa kalau-kalau ia diperalatkan oleh golongan yang tidak begitu faham tentang Islam untuk kepentingan golongan atau parti mereka sahaja. Memang disetujui bahawa daripada segi Islam yang dipandang mulia sekali di sisi Allah adalah mereka yang takwa. Keris Mas menjelaskan, bahawa mereka ini menganut empat perkara pokok, iaitu teguh iman, menjalankan amal ibadat, beradab mulia, dan beramal salih. Tetapi, adakah sastera Islam itu akan diukur semata-mata daripada segi ketakwaan penulisnya sahaja? Bagaimana pula dengan hasil penulisan mereka, adakah ditinjau sama ada dari segi isi Islamnya ataupun daripada segi mutu seninya sebagai sebuah hasil sastera? Masyarakat kita tidak kurang dengan orang yang dapat dianggap sebagai bertakwa, tetapi nampaknya kita masih menunggu hasil

sastera Islam yang berjaya menyuarakan nilai-nilai hakiki yang disebut oleh Keris Mas itu.

Keris Mas seolah-olah berpendapat bahawa daripada segi isi sastera Islam perlu membataskan dirinya hanya kepada pertentangan antara watak takwa yang murni dan watak infaq yang keji. Hal ini terlalu menyempitkan bidang kesusasteraan, walaupun yang dipanggil sastera Islam. Bukankah di kalangan orang Islam itu wujud berbagai-bagai golongan dan bermacam-macam pertentangan sebagai hakikat dalam masyarakat? Sepatutnya mereka juga boleh menyuarakan kepentingan golongan-golongan dan apakah bentuk-bentuk pertentangan yang berlaku. Tetapi, Keris Mas tidak mahu mengkonflikkan kepentingan antara golongan dengan golongan sebab hal ini hanya akan membawa kepada kebinasaan dan kemusnahan. Hal itu, menurutnya, tidak direday Tuhan. Tetapi, bukankah kadang-kadang pertentangan itu perlu untuk perubahan serta kemajuan? Tidak semestinya "sastera Islam" yang mengkonflikkan pertentangan antara golongan itu bertopengkan kepalsuan atau memperalatkan sastera untuk kepentingan golongan atau parti semata-mata.

Sastera tidak wujud dalam kekosongan; ia wujud dalam masyarakat dan berhubung rapat dengan apa yang berlaku di dalamnya. Dalam banyak hal, sastera mencerminkan keadaan dalam masyarakat, dan melaluinya sasterawan atau penulis menyuarakan pendapat atau sikap mereka terhadapnya. Melalui sastera juga penulis boleh menimbulkan kesedaran tentang masyarakat dan berbagai-bagai masalahnya. Dengan kesedaran itu penulis juga boleh menimbulkan dorongan keinginan untuk mengubah masyarakat menuju matlamat yang maju atau progresif.

Pada masa ini masyarakat negara ini sedang berubah dengan pesat. Seperti yang diterangkan oleh Keris Mas, proses perubahan ini menimbulkan "golongan-golongan politik yang mempunyai fahaman, ideologi dan pan-

dangan tertentu dan berlainan malah bertentangan di antara satu sama lain". Ini hanya satu daripada proses perubahan itu, bahkan lebih tepat jika dikatakan cuma salah satu penjelmaan daripada perubahan asas yang berlaku dalam bidang-bidang ekonomi dan politik. Dari segi sosioekonomi, negara ini sedang dibangunkan atas asas kapitalisme dengan kekuasaan ekonomi asing yang bertapak sejak zaman penjajahan masih dibenarkan berlanjutan dan institusi-institusi baru ditegakkan dalam usaha untuk menggalakkan penyertaan lebih luas bagi orang Melayu (lebih tepat sebilangan kecil orang Melayu). Dari segi politik pula, didirikan sistem demokrasi berparlimen yang pada praktiknya membataskan kekuasaan sebenar hanya pada segelintir elit baru yang berjaya dalam bidang politik (dan kadang-kadang juga ekonomi) dan bergantung pada pentadbir profesional dalam urusan pemerintahan sehari-hari; rakyat cuma menyertai proses pemerintahan apabila diadakan pilihan raya kira-kira lima tahun sekali.

Perubahan ekonomi dan politik ini menimbulkan berbagai-bagai sistem dan golongan baru dalam masyarakat. Kampung dan pertanian diteruskan, tetapi sudah muncul juga bandar dan industri. Lambang kepimpinan dan kedaulatan tradisional dilanjutkan, tetapi cara-cara pentadiran dan pemerintahan moden diperteguhkan. Bermacam jenis pekerjaan timbul, yang berbeza antara satu sama lain, memainkan peranan serta menjalankan tugas berlainan dan kadang-kadang disusun lapis pula mengikut taraf tinggi rendah mereka dalam masyarakat. Terdapat bermacam jaringan hubungan di antara anggota-anggota masyarakat, dan yang berbentuk kerjasama dan ada yang berbentuk pertentangan. Jaringan hubungan ini menjelaskan lagi proses pengelompokan mereka ke dalam kelas-kelas yang berlainan. Secara mudah mereka boleh dikelompokkan kepada kelas atasan, pertengahan dan bawahan. Untuk menjadikan gambaran masyarakat lebih kompleks, maka akibat daripada dasar penjajahan

membawa masuk imigran dari luar, wujud pula pengelompokan yang berasaskan perbezaan kaum atau etnik. Dalam suasana politik perkauman badan-badan politik yang berjaya adalah yang lebih banyak menyuarakan perbezaan serta tuntutan kaum, agama, dan nilai yang berbeza itu.

Perbezaan, diskriminasi, dan ketidakadilan dari segi kedudukan sosioekonomi atau kelas bukan tidak wujud. Penindasan kelas bukan tidak ada. Dalam keadaan yang ada pada hari ini nampaknya politik kaum lebih selamat daripada politik kelas; sebab golongan yang memerintah sendiri mengamalkan politik kaum di samping mengadakan pelbagai undang-undang untuk menekan politik kelas. Pada logiknya, kalau satu-satu pemerintahan itu mengaku dirinya sebagai pendukung demokrasi yang sejati, maka seharusnya ia membenarkan apa sahaja golongan dalam masyarakat menyuarakan kepentingan mereka. Jika golongan itu merupakan golongan atau parti politik, sepatutnya ia dibenar menggunakan apa sahaja saluran – termasuklah sastera – untuk memperluas pengaruhnya. Tujuan golongan atau parti politik memang untuk mendapatkan sokongan yang luas, kerana hanya dengan itu baru mereka mendapat kuasa.

Namun, kita tentu menyetujui bahawa pertentangan golongan – khususnya golongan kaum – yang diruncingkan pula oleh politik parti bercorak perkauman boleh menimbulkan kemusnahan yang tidak mendatangkan apa-apa untung kepada negara dan rakyat. Dari segi kepentingan nasional perlu ada pengawalan. Tetapi, apa ertiya kalau pengawalan itu tidak dilaksanakan secara adil, dan ditujukan semata-mata untuk menguatkan politik pemerintah dan melemahkan politik lawan. Dan silap pula jika dianggap bahawa tiap-tiap penyuaran kepentingan satu-satu golongan atau parti politik itu semestinya perkauman atau antinasional. Memang perkauman, misalnya, jika disuarakan kepentingan orang Melayu sahaja (sebagai satu kaum) dengan memper-

tentangkannya kepada kepentingan orang bukan Melayu (juga sebagai satu kaum) sambil dituntut supaya satu-satu kaum itu dikorbankan demi menegakkan kepentingan kaum yang lain. Tetapi, apa salahnya kalau diperjuangkan kepentingan orang Melayu yang miskin (misalnya petani atau pekerja) dan menuntut supaya diubah sistem ekonomi-politik yang menjadi punca kemiskinan itu? Bukan orang Melayu sahaja yang miskin; masalah kemiskinan, kalau tidak diatasi, akan menimbulkan kecelakaan terhadap negara akhirnya. Seseorang atau segolongan yang hendak memperjuangkan nasib orang miskin tentu sekali tidak boleh dianggap sebagai hendak mencari keuntungan politik bagi diri dan golongannya sahaja. Mereka juga sekali gus memperjuangkan kepentingan nasional.

Apakah erti semua ini bagi sastera dan perkembangannya? Pertama, perubahan yang berlaku dalam masyarakat juga mempengaruhi perubahan di kalangan penulis sendiri. Sekarang ramai penulis yang sudah mencapai pelajaran dan jawatan yang agak tinggi; penghidupan setengah-setengah mereka sudah lumayan, ada yang mempunyai rumah dan boleh berkereta ke tempat kerja. Kebanyakan mereka yang sudah berjaya boleh digolongkan ke dalam kelas pertengahan. Boleh dikatakan bahawa mereka lazimnya terasing daripada kelas bawahan, tidak mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan yang mendalam tentangnya untuk mengasaskan karya-karya mereka pada penghidupan atau penderitaan kelas tersebut. Selain itu, kebanyakan mereka tidak mempunyai kepercayaan atau pegangan hidup (yang kadang-kadang disebut juga sebagai ideologi) yang boleh membuat mereka bersimpati dan terus memperjuangkan kepentingan kelas bawahan itu. Mereka mudah terbawa-bawa oleh berbagai-bagai pengaruh dan *trend* baru dari sastera Barat yang tidak memandang berat terhadap kelas bawahan serta masalah yang dihadapi mereka dalam kehidupan sehari-hari. Mereka juga mudah terpikat dengan pengaruh dari kelas atasan yang boleh

memberikan kesenangan dan kemuliaan.

Seterusnya, timbul juga badan yang menggabungkan penulis dalam persatuan yang mengakui diri serta diiktiraf oleh pihak tertentu sebagai bertaraf kebangsaan dan bertujuan menyuarakan kepentingan kebangsaan. Penulis-penulis dalam erti kata yang sebenar (iaitu mereka yang sudah banyak mencipta karya sastera) yang sudah terkenal, tidak ramai yang terlibat aktif dalam badan seperti ini. Mereka lebih banyak dikuasai oleh golongan yang boleh digelar sebagai birokrat kesusasteraan yang lazimnya tidak menghasilkan karya sastera tetapi berjawatan penting dalam bidang atau kegiatan kesusasteraan. Birokrat kesusasteraan ini kadang-kadang senang berbicara tentang kelas bawahan – masyarakat luar kota terutamanya – dan kebebasan kaum sasterawan. Tetapi, sebagai pemimpin penulis, mereka sering berusaha mencari pengakuan dan naungan daripada pihak yang mempunyai pengaruh politik dan kuasa ekonomi, dari kelas atasan di dalam negara ataupun pemodal antarabangsa, untuk kegiatan mereka. Birokrat kesusasteraan ini lebih banyak menerima sokongan daripada peminat-peminat sastera dan penulis-penulis baru yang sedang mencari tempat bergantung dan juga pengiktirafan. Semakin dekat mereka dengan golongan yang mengongkosi kegiatan mereka, maka semakin jauhlah mereka daripada masalah rakyat biasa; semakin banyak mereka berpesta sastera di taman-taman pembesar atau di hotel-hotel ternama sambil memberikan publisiti murah kepada pemimpin politik atau kapitalis antarabangsa yang menaungi kegiatan mereka, maka semakin lemahlah komitmen mereka hendak memperjuangkan masalah yang dihadapi rakyat serta negara dan masalah kebebasan tulen bagi penulis.

Keris Mas mahu kita menentukan kedudukan sastera dan segala kegiatannya itu dan dikecualikan daripada kepentingan "politik golongan" atau "politik parti". Selagi dalam masyarakat ada golongan dan parti maka selagi

itulah akan ada penulis yang menyuarakan kepentingannya. Sebenarnya memang perlu diberikan kebebasan luas untuk semua golongan menyuarakan kepentingan mereka tentang sesuatu, asalkan mereka didorong oleh kepercayaan, keyakinan, keikhlasan, dan asalkan mereka terus menghasilkan karya sastera yang bernilai tinggi. Yang harus menjadi keimbangan ialah manakala wujud sekatan yang mencekik kebebasan penulis untuk menyuarakan pendapat serta keyakinan mereka dalam bentuk sastera yang baik, atau manakala ada birokrat kesasteraan, penulis atau persatuan yang mendakwa konon memperjuangkan kepentingan nasional tetapi pada hakikatnya cuma membenarkan diri mereka diperalatkan untuk keuntungan golongan politik atasan dan kapitalis antarabangsa yang diketahui menindas rakyat dan memeras negara.

Kedua, penulis sebagai pencipta karya sastera tidak dapat dan tidak harus melepaskan diri daripada masyarakat dan segala yang berlaku dalam masyarakat. Seorang penulis yang teliti memerhati, mengkaji dan menganalisis keadaan dalam masyarakat dan kemudian menulis tentangnya ataupun anggota-anggota di dalamnya. Cara penulis berbuat demikian berlainan daripada cara yang dilakukan oleh ahli ekonomi yang sering mengemukakan pemerhatian, pengkajian dan penganalisisan dengan mengemukakan segala angka, data atau fakta. Dia tidak banyak mengemukakan pendapat persendirian atau perasaan persendirian, dan tidak sama sekali memasukkan khayalan atau imaginasinya. Karangannya kadang-kadang ditulis dengan cara mekanis, tanpa perasaan, dan boleh membosankan.

Lain keadaannya dengan ciptaan sastera. Ada dua aspek ciptaan sastera yang penting – pertama isi dan kedua teknik. Terkandung dalam isi ialah tiga unsur sekurang-kurangnya, iaitu bahan yang ditimba daripada masyarakat (hasil daripada pengalaman atau pengetahuan), sikap atau pendirian penulis yang mencerminkan pan-

dangan hidupnya, dan imaginasi atau khayalan yang digunakannya untuk mengolah segala-galanya menjadi sesebuah ciptaan yang menarik. Daripada segi teknik pula, yang dipentingkan ialah nilai seni yang terdapat pada ciptaan itu, khususnya bagaimana isi dikemukakan dengan cara yang imaginatif, halus, indah dan meyakinkan sehingga boleh menggetarkan jiwa dan menyedarkan fikiran pembacanya. Hasil ciptaan sastera yang bermutu ialah yang dapat menggabungkan kedua-dua aspek isi dan teknik. Ia akan menjadi propaganda kalau aspek teknik tidak dihiraukan dan isi dikemukakan dengan mengesampingkan kenyataan sebenar dalam masyarakat dan lebih menekankan sikap atau pendirian subjektif penulis yang memberatkan sebelah pihak sahaja.

Jadi, yang menentukan sama ada sesebuah karya sastera itu bernilai atau tidak bukan faktor kepentingan yang disuarakan – kepentingan nasional atau golongan. Ini hanya satu aspek daripada isi sastera itu. Ciptaan sastera yang kononnya menyuarakan kepentingan kebangsaan boleh juga berkhutbah dan berpropaganda tanpa menghiraukan kenyataan sebenar dalam masyarakat; dari segi teknik ia mungkin kasar dan tidak bermutu sama sekali. Sebaliknya, sebuah ciptaan sastera yang lain, yang menyuarakan kepentingan golongan atau parti politik, boleh ditulis dengan mengaitkan kepentingan golongan itu dengan kepentingan nasional yang lebih luas sehingga ia menggambarkan kenyataan benar dalam masyarakat. Ia mungkin pula dicipta dengan imaginasi yang kuat serta seni yang halus. Hasilnya ialah satu bentuk ciptaan yang bermutu tinggi, bukan propaganda murah. Untuk mengatakan bahawa setiap ciptaan sastera yang menyuarakan kepentingan golongan atau parti adalah propaganda semata-mata sebenarnya tidak tepat dan tidak adil.

Dewan Sastera, Ogos 1962

Pancaran Wajah Nasionalis Melayu

ABU BAKAR HAMID

KERIS Mas bukanlah penulis yang prolifik. Dari segi jumlah hasil karyanya, jauh daripada mengagumkan. Beliau menulis sejak tahun 1946 dan hingga kini berhasil menerbitkan beberapa buah sajak, kira-kira 70 buah cerpen, 195 buah esei, tiga buah novel, dan sebuah memoir. Dengan ukuran mana pun, jumlah ini kecil. Dengan mudah dapat dideretkan nama sasterawan tanah air yang hasil karyanya melebihi Keris Mas meskipun jangka masa berkarya mereka lebih singkat.

Sebenarnya, kalau diambil kira tahun-tahun awal penulisannya – iaitu hingga tahun 1950 – Keris Mas produktif sekali. Dalam tahun 1948, mengalir daripada penanya 23 buah cerpen dan lima buah esei; tahun 1949 pula, 13 buah cerpen dan 13 buah esei; sementara tahun 1950, 17 buah cerpen dan dua buah esei. Sesudah itu jumlah penerbitannya merosot, malah ada beberapa tahun – misalnya tahun 1954 dan tahun 1955 – beliau tidak menerbitkan satu apa pun. Pada waktu itu beliau berada di Pulau Pinang dan terlepas daripada kesibukan dunia kesusteraan yang berpusat di Singapura.

Waktu itu, menurut pengakuannya, dia meneliti diri

Tulisan ini berupa kata pengantar buku *Esei-esei Pilihan Keris Mas*, 1987, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dan menambah pengetahuan. Ternyata 'waktu menyendiri di Pulau Pinang' itu mendatangkan hasil yang baik. Beliau kembali semula ke arena penulisan dalam tahun 1956, dan kali ini sebagai orang yang lebih matang, lebih kenal akan kekuatan-kelemahan dirinya dan lebih arif akan batas kemampuan media yang digunakannya. Dalam bidang kesusasteraan, pada tahun inilah dia menghasilkan cerpen "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" dan "Kedai Sederet di Kampung Kami" – suatu permulaan zaman baru baik bagi dirinya mahupun bagi perkembangan cerpen Melayu. Cerpen "Kedai Sederet di Kampung Kami" bersama beberapa buah cerpennya yang ditulis lebih kemudian, seperti "Mereka Tidak Mengerti" dan "Runtuh", merupakan sumbangannya terbesar terhadap khazanah kesusasteraan Melayu.

Cerpen-cerpen tersebut memperlihatkan kerapiannya sebagai seniman dan pencerita; beliau bukan sahaja menggunakan unsur-unsur cerpen secara berkesan, malah memperluaskan kemungkinan-kemungkinan yang ada pada bentuk itu. Seni menghemat yang menjadi faktor utama pada cerpen dikuasainya dengan baik. Beliau mengawal pemerian watak, pelukisan suasana, jalinan gerak laku, sehingga semuanya diberikan dengan sewajarnya untuk membayangkan maksudnya. Dan, maksud ini penting sekali bagi Keris Mas, orang yang percaya kepada "Seni untuk Masyarakat". Dalam hal ini pula terlihat ketimewaannya sebagai penentang kuat "Seni untuk Seni" tetapi tidak pernah mahu mengkompromikan peranan seni pada karyanya.

Begitu berjaya Keris Mas dalam penulisan cerpen sehingga karya-karyanya menjadi contoh dan asas ukuran nilai cerpen pada zamannya, malah sehingga hari ini. Namun, kejayaan yang sama tidak dapat dikatakan terhadap novelnya. Sebenarnya beliau memasuki bidang cereka dengan menulis novel. Novelnya yang pertama – *Pahlawan Rimba Malaya* (1946) – ditakdirkan lahir cacat; daripada jumlah naskhah asal kira-kira 150 halaman ber-

cetak, terbit hanya 59 halaman. Keris Mas sendiri menyingskatkannya, kerana itu sahaja caranya untuk melihat novel itu terbit pada waktu itu. Hingga hari ini Keris Mas menyesali tindakannya yang dianggap tragik itu. Barangkali, lebih mendukacitakan lagi kerana naskhah asal novel itu tidak diketemukan lagi.

Ketika menulis dalam tahun 1979, Keris Mas menyebut novel *Pahlawan Rimba Malaya* sebagai berikut:

Di dalamnya terkumpul segala perkembangan imajinasi yang fantastik tentang perjuangan gerila Melayu menentang Jepun yang terjalin dengan aspirasi keperwiraan anak Melayu, cita-cita kemerdekaan tanah air dan penanggungan serta pengalaman hidup lahir yang kasar dan keras di samping hidup batin yang halus bergumul cinta dan perikemanusiaan (Keris Mas, 1979: 21).

Novelnya yang kedua, *Korban Kesuciannya* (1949), menarik perhatian golongan sasterawan dan cerdik pandai pada masa itu, tetapi tidaklah dapat dikatakan telah membawa apa-apa pembaharuan dalam bidang penulisan cereka selain gaya bahasanya yang lancar dan romantis. Keris Mas sendiri menyebut novel ini dalam memoirnya sebagai "seratus peratus romantik dan idealistik"; sementara bahasanya "berbunga-bunga dengan kiasan-kiasan dan penggambaran suasana yang amat sentimental."

Dalam tahun 1967 muncul *Anak Titiwangsa*, novel ketiganya. Novel ini ditulis sebagai bahan bacaan untuk remaja. Pengolahan dan gaya bahasanya sesuai sekali dengan tujuan itu, tetapi sebagai hasil kesusastraan karya ini tidak berhasil menempatkan Keris Mas di antara penulis novel tanah air yang sungguh-sungguh. Pada saat ini pengkaji dan peminat sastera mengikuti dengan penuh harapan akan terbitnya novelnya yang terbaru, *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*.

Jika dalam bidang cereka Keris Mas memperlihatkan

keuletannya dengan cerpen sedangkan novel-novelnya agak biasa sahaja. dalam bidang eseи juga kelihatan bentuk yang pendek lebih dikuasainya daripada bentuk yang panjang. Esei-esenya yang pendek, pada amnya, memperlihatkan sikapnya yang tegas, pemikirannya yang jelas lagi tenang dan disampaikan dengan bahasa yang segar lagi lancar. Di mana dia mengkritik pun terasa sindirannya lembut sungguhpun kritikannya tetap tajam. Barangkali ini pengaruh daripada pengalamannya bertahun-tahun sebagai penyunting dan penulis rencana pengarang.

Memoirnya adalah satu contoh rencana panjang yang tidak begitu berhasil dikuasai oleh Keris Mas. *30 Tahun Sekitar Sastera*, pada pendapat saya, tidak diberi pengolahan yang sewajarnya untuk benar-benar memenuhi kehendak sebuah memoir. Dari segi bentuk, memoir adalah segolongan dengan riwayat hidup diri atau autobiografi. Bezanya, memoir lebih luas dan memberikan perhatian kepada tokoh-tokoh selain penulis sendiri. Daripada penulis memoir diharapkan pernyataan fakta dengan tepat di samping usaha membuat tafsiran terhadap fakta tersebut. Fakta dan tafsiran, yang sering kali disokong pula oleh warkah dan anekdot, dikemukakan dengan tujuan menyampaikan perwatakan dan pemikiran tokoh-tokoh yang dibincangkan.

Letaknya memoir ialah di antara sejarah dengan sastera. Sama dengan sejarah, memoir mementingkan ketepatan fakta dan kejujuran pentafsiran. Sama dengan cereka, memoir menekankan aspek kemanusiaan, sementara cara dan gaya penyampaian dianggap sama pentingnya dengan tujuan dan pengertian. Maka itu daripada penulis memoir dituntut keluasan pengetahuan, kemantangan tafsiran, kelincahan bercerita dan kemahiran berbahasa. Tidak syak lagi semua sifat ini ada pada Keris Mas. Tetapi, entah kerana apa, ramuan-ramuan ini tidak teradun sebuah hasil yang besar.

Barangkali suatu kesilapan Keris Mas ialah minatnya yang lebih, malah kadang-kadang agak tergesa-gesa, un-

tuk mengemukakan peristiwa dalam erti menyampaikan maklumat daripada menyajikan sesuatu dengan halus dan berkesan. Kelihatan seolah-olah beliau tidak mahu berlengah-lengah melukiskan suasana dan memperincikan wataknya. Jarang-jarang sekali beliau melukiskan watak dengan terperinci sehingga menjadikan mereka manusia yang hidup. Pembaca yang ingin mengetahui aspek individu dan psikologi tokoh-tokoh yang dibicarakan itu akan kecewa. Sementara kita tidak menemukan gambaran yang padu tentang pemikiran dan perwatakan tokoh-tokoh yang penting dalam memoirnya. Keris Mas jarang pula menggunakan alat bantu seperti warkah dan kisah lucu di sekitar manusia yang diceritakan. Ada semacam keengganahan Keris Mas membuka cerita di sebalik cerita, dan hal ini akhirnya menjadikan memoir ini mendekati bentuk laporan rasmi.

Bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh Keris Mas adalah yang umum dihadapi oleh orang Melayu apabila menulis memoir. Daripada penulis memoir dituntut kejujuran dan keberanian menyatakan fakta dan membuat tafsiran dengan tepat lagi lengkap tentang tokoh dan peristiwa daripada kehidupan yang sebenar, walaupun ini akan menimbulkan kemarahan orang tertentu dan melukakan hati teman-teman. Hal ini bukan mudah dilakukan terutama oleh orang Melayu. Ada kalanya dia akan dikatakan mencaci orang yang sudah meninggal dan menyakitkan hati orang yang masih hidup atau keluarga orang yang sudah meninggal. Saya kira, Keris Mas memilih untuk menghindari daripada melakukan ini semua, dan akibatnya bentuk memoir membatasi kreativitinya.

Seperti telah disebutkan, dalam bidang eseи Keris Mas paling berjaya dengan bentuk yang pendek yang memusatkan satu persoalan khusus dengan satu amanat yang jelas. Di sini kita melihat fikirannya yang hening dan tenang, mempersoal dan menghujahkan sesuatu secara matang dan teratur. Sebagai contoh perhatikan tulisannya yang bertajuk "Dakwah dan Ajaran Sesat: Dua

Perkara yang Bertentangan" (*Dewan Budaya*, Januari 1981). Beliau mulai dengan menyebutkan keganjilan yang dilakukan berhubungan dengan agama. Ini diikuti dengan pengungkapan masalah yang sebenar iaitu adanya golongan yang tidak diterima oleh Islam bukanlah sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya. Ia kemudian memperlihatkan betapa rumitnya masalah ini dan kemungkinan ia diguna oleh pihak musuh Islam. Sesudah menjelaskan masalah, ia sampai kepada penyelesaian. Cadangannya ialah supaya diadakan penyelidikan yang teliti, tetapi sementara itu beliau mencadangkan pula pendidikan Islam diberi secara betul dan dengan meluas.

Persoalan yang dibicarakan bukan baru dan penyelesaian yang dicadangkan juga bukan kali pertama dikemukakan. Tetapi beliau membicarakan persoalan ini dengan tenang dan menyusunnya secara teratur, mudah dimengerti, dan hujahnya kuat serta meyakinkan. Beliau mahu dipisahkan secara jelas antara dakwah yang sebenar dengan pengajaran yang sesat. Masyarakat hari ini, termasuk kalangan pemimpin dan cerdik pandai, selalu mengelirukan kedua-duanya sehingga timbulah istilah 'dakwah songsang' dan sebagainya.

Saya kira, Keris Mas dengan rencana ini bertujuan menghuraikan kekeliruan yang berlaku di kalangan anggota masyarakat dan beliau berhasil mengajak pembaca berfikir dengan tenang dan memperlihatkan garis-garis pemisah yang kabur antara kedua-duanya.

Bahasa adalah cermin watak manusia; cara seseorang menggunakan bahasa membayangkan ciri-ciri peribadi-nya. Hakikat ini jelas sekali pada Keris Mas. Bahasanya memancarkan watak pemikir yang jelas, pembicara yang tenang lagi teliti, dan pengkritik yang lembut tetapi tajam. Ungkapan berikut daripada rencana yang terakhir ditulis setakat ini – barangkali dapat sedikit sebanyak menjelaskan apa yang saya maksudkan:

Barangkali sudah tiba masanya kita memikirkan mahu yang konkret untuk mengurangkan, menghapuskan

kalau boleh, segala unsur negatif dalam pelengkap hidup kita kita ini. Barangkali patut kita menutup, menyumbat sebanyak mungkin, sumber-sumber yang menjadi saluran unsur negatif itu. Hiburan-hiburan yang mengkhayalkan fikiran dan menghanyutkan perasaan muda-mudi, walau yang diberi cap seni sekali-pun, adalah di antara unsur negatif yang mungkin berbahaya dan bertentangan dengan amanat-amanat kebatinan yang sering diucapkan itu. Ini patut disederhanakan kalau tidak dapat dihapuskan. Demikian juga halnya kemewahan-kemewahan yang jauh melebihi kermestian hidup asasi patut disederhanakan. Segalanya ini adalah unsur luar yang dapat ditahan kemasukannya, disumbat salurannya, kalau mahu. Jika ini tidak diusahakan, kemungkinan orang muda pelopor generasi baru yang akan menjadi *frust* semakin ramai jumlahnya. *Frustasi* ini dapat membawa kepada dadah, arak, judi, rompak, samun dan sebagainya. Dan melihat kepada halalnya (dengan kawalan undang-undang, tentunya) peminuman arak, penjualan loteri, pengusahaan kasino dan sebagainya, maka apa yang disebut-sebut dengan nada serius tentang pembangunan rohani itu sudah semestinya ditingkatkan kepada ikhtiar yang lebih konkret dan hanya sebut-sebutan saja.

"Ciku Masak di Kuala Lumpur"
Dewan Budaya, Mac 1981

Di sini beliau membicarakan tentang pengaliran muda-mudi dari desa ke kota. "Kesempatan yang melambakk-lambak dan amat menghairahkan" tetapi tidak dapat dicapai oleh muda-mudi di kota "mengakibatkan frustasi". Keris Mas mencadangkan suatu cara penyelesaian kepada masalah yang dibangkitkan itu. Saranannya dengan gaya bahasa yang tinggi lagi halus itu jelas dan meyakinkan. Perhatikan ungkapan-ungkapan yang digunakan seperti "unsur negatif dalam pelengkap hidup kota", "mengkhayalkan fikiran dan menghanyutkan perasaan", dan "kemewahan-kemewahan yang jauh melebihi kermestian hidup asasi". Ungkapan-ungkapan

ini sederhana tetapi cukup jelas dan tepat membayangkan maksudnya. Ayat terakhir para ini sebenarnya merupakan sindiran tentang pertentangan antara apa yang dikuliahkan dengan yang sebenarnya wujud. Tetapi Keris Mas mempunyai caranya tersendiri menyindir, halus dan bergaya tetapi tetap menusuk.

Cara Keris Mas memilih perkataan, perbandingan dan metafora juga memperlihatkan wataknya. Pada peringkat awal penulisannya perbandingannya masih banyak bercorak tradisi. Contohnya:

"Serentak dengan itu dalam dunia susastera pun jiwa itu mulai berkembang sebagai bunga di pagi hari menerima cahaya hidup yang segar."

"Maka lahirlah calon-calon pujangga Melayu menghiasi taman dengan aneka warna bunga puspa keindahan rasa yang tercipta dalam keindahan bahasa."

"Cahaya susastera gilang-gemilang aneka warna, indah dan permai dalam taman bahasa Melayu."

"Ibarat segara luas maka jiwa kita adalah perahu panjang yang tidak pun mempunyai layar."

Dalam tahun-tahun kemudiannya pemilihan perkataan, perbandingan dan metaforanya berubah; unsur-unsur zaman dan suasana baru sudah menjadi sebahagian daripada dirinya. Contohnya:

"Keindahan teknik yang tidak menghubungi perasaan dan pemikiran manusia terhadap alam dan kehidupan akan hanya berupa hiburan sambil lalu seperti *sedative* atau *tranquilizer* hanya menahan sakit buat sementara tidak menjadi ubat yang menyembuhkan."

"... segala rumput dan lalang yang menjadikan pekan atau bandar itu seperti seorang hippi yang tak pernah mandi dan bercukur janggut ..."

"Buku bagi golongan ini adalah sesuatu yang ditakuti seperti doktor gigi bagi orang sakit gigi. Ia pergi kepada doktor gigi dengan menggeletar takut giginya dicabut."

Ia bersyukur dan senang bila giginya sudah dicabut, Kemudian ia berusaha menjauhkan diri dari sang doktor, kalau boleh untuk selama-lamanya. Demikianlah, kalau boleh, setengah-setengah para siswa tidak mahu membaca buku tetapi terpaksa kerana hendak lulus peperiksaan. Apabila tidak lulus dan mendapat ijazah ia senang sekali dan lebih merasa senang kerana sudah boleh menjauhkan diri dari puaka yang menakutkannya: buku."

Ungkapan-ungkapan baru dan asing digunakannya secara bersahaja, berjejeran dengan ungkapan Melayu asli. Dalam rencananya kita bertemu dengan kata-kata asing seperti "eksekutif", "ikuiti", "negatif" dan "infrastruktur" bersama dengan kata-kata yang sering terdapat dalam bahasa Melayu klasik, seperti "adapun", "tebu", "mencambah", dan "melipur kesunyian". Beliau selalu mahu memelihara yang asli tetapi tidak segan silu pula menerima dari luar unsur-unsur yang boleh memperkaya bahasa ibunda. Baginya, jelas apa yang perlu diambil dari luar dan apa pula yang perlu dipertahankan keasliannya. Beliau selalu mempertahankan nahu bahasa Melayu bukan sahaja pada amalannya malah selalu mengingatkan rakan penulis tentangnya. Dalam hal ini beliau berkata:

Saya setuju perlunya stail-stail baharu dalam karangan bahasa Melayu, terutama dalam karangan-karangan sastera. Tapi saya tidak setuju kesalahan-kesalahan bahasa dikatakan stail. Tiap-tiap stail baharu itu berpunca dari cara berfikir yang baharu. Dalam zaman yang serba ringkas dan serba tegas ini stail bahasa mestilah sesuai dengan kecergasan dan ketegasan cara berfikir kita; atau pernyataan fikiran mestilah lebih realistik. Tetapi kesalahan memilih kata-kata hingga menerbitkan kekeliruan maksud bukanlah menyatakan fikiran yang tegas sebaliknya menyatakan fikiran yang kelam kabut. Kesalahan aturan-aturan bahasa hingga mengikut aturan-aturan bahasa Inggeris, bukanlah stail yang menunjukkan ketegasan fikiran melainkan menunjukkan betapa tidak teraturnya fikiran itu dinyata-

kan atau betapa keinggerisannya kita berfikir hingga mempengaruhi cara menyatakan fikiran itu dengan stail bahasa Inggeris.

"Bahasa dalam Cerita-cerita Pendek:
Kesalahan dan Kejanggalan Bukanlah Stail",
Dewan Bahasa, Jun 1963

Sikapnya dalam bidang kebahasaan membayangkan pendiriannya dalam hal-hal lain yang berhubung dengan kebudayaan. Beliau orang yang cintakan kemajuan, dan percaya kemajuan itu hanya boleh dicapai dengan mengambil pengaruh yang baik dari luar. Kita tidak sahaja harus memilih apabila berhadapan dengan unsur-unsur dari luar, malah harus pula mempertahankan akar kita, asas tempat berdiri dan tapak tempat bertegak. Perhatikan apa yang dikatakannya tentang pengaruh asing:

Apabila kita berbicara tentang usaha meninggikan taraf hidup, kita sentiasa memandang kepada dunia-dunia Barat yang lebih maju. Kita ingin menjadi seperti Amerika, Inggeris, Jerman, Jepun dan lain-lain negeri yang maju. Tetapi kita lupa akan keburukan-keburukan yang memakan akan moral dan budi negeri-negeri yang tinggi taraf hidupnya itu. Kita mencuba sedaya upaya menumbuhkan kemajuan seperti yang di Eropah, Amerika dan Jepun untuk negeri kita, tetapi kita lupa bahawa bersama-sama dengan segala kemajuan itu masuk juga segala pekung dan nanahnya.

"Meninjau Segi Moral dalam Usaha-usaha
Pembangunan Ekonomi dan Masyarakat",
Dewan Masyarakat, September 1963

Sifat kerapian dan ketelitian juga terlihat dalam cara beliau mengolah rencananya. Analisisnya selalu matang, dan beliau mencuba *exhaustive* apabila mengemukakan bahannya. Dalam rencananya tentang kekurangan bahan bacaan untuk kanak-kanak misalnya, beliau tidak meng-

abaikan satu aspek pun yang berkenaan dengan penge-
luaran buku, disentuh semuanya – penulis, pembaca,
penerbit, perpustakaan sekolah, ibu bapa, dan kerajaan.
Sewajarnyalah soal seperti itu hanya dapat dihadapi
dengan serampang banyak mata.

Tulisan-tulisan Keris Mas – baik cereka maupun ren-
cana – selalunya mudah dibaca. Sebagai orang yang lama
bekerja dalam lapangan media massa, beliau arif sekali
dengan proses komunikasi, dan kerana itu sewajarnyalah
memberikan perhatian kepada aspek keterbacaan sesuatu
tulisan. Unsur-unsur *human interest* selalu diperhatikan
untuk menarik dan mempertahankan minat pembaca.
Kelihatannya beliau mematuhi apa yang disebut "teori
turun naik" dalam penulisan. Maksudnya, tiap tulisan
yang baik dan mudah dibaca akan mengandungi
kenyataan-kenyataan umum. Kenyataan-kenyataan
umum ini memberikan keluasan kepadanya, menghubungkan
tajuk perbincangan dengan persoalan-persoalan
lain. Tetapi, kenyataan-kenyataan umum ini harus segera
diikuti oleh yang konkret, baik dalam bentuk kisah, contoh
ataupun ilustrasi. Tanpa yang konkret ini tulisan akan
tinggal di awang-awang dan sukar dimengerti. Sesungguhnya
perimbangan di antara naik turun inilah ter-
letaknya seni penulisan rencana. Keris Mas kelihatannya
selalu sedar akan aspek ini, dan kerana itulah beliau
berhasil menyampaikan persoalan yang besar, analisis
yang mendalam, dan kritikan yang tajam kepada pembaca
umum. Tulisannya mengandungi isi tetapi tidak terasa
sebagai tesis atau buku teks.

Keris Mas menulis dengan tujuan. Beliau percaya
kepada "Seni untuk Masyarakat" dan menentang dengan
kuat "Seni untuk Seni". Tujuan tulisan baginya juga jelas:

... membangun dan menyedarkan rakyat sesuai dengan
tuntutan jiwa rakyat zaman ini yang telah penuh
dengan pengalaman dan penderitaan dan hendak
bangun dengan cara yang hebat cepat; kalau boleh
seperti kilat.

... melepaskan jiwa orang Melayu dari belenggu kemasan, ketakutan, kelemahan, pemalu, pemurah yang tidak pada tempatnya ...

... menggambarkan terang-terang keburukan, kelemahan dan kerendahan darjah kita dalam hidup di dunia ini ...

... membawa satu aliran baru dalam kesusasteraan kita, iaitu jalan fikiran yang hidup dan pandangan yang luas terhadap hidup.

... membawa mereka (bangsa Melayu) berfikir sebagai seorang manusia, menimbang dan memutuskan sesuatu yang sesuai untuk dirinya.

... supaya kita menjadi manusia dunia yang bukan lagi sempit sebagai orang-orang Melayu dahulu dan tidak bermaya.

"Pandangan yang Keliru Terhadap Aliran Angkatan Baru", *Mastika*, Julai 1952

Sungguhpun pandangan ini diberikan oleh Keris Mas berhubung dengan tugas angkatan baru dalam kesusasteraan, ia merupakan kepercayaan peribadinya yang sungguh-sungguh. Hingga hari ini tujuan penulisan seperti itu masih dianutinya dengan sepenuhnya. Ini terbukti daripada pidatonya "Politik Sastera" yang disampaikan waktu menerima Anugerah Sastera Negara pada 26 April 1981.

Dalam rencana-rencana yang awal, beliau banyak meniupkan semangat kemerdekaan, baik kemerdekaan bangsa mahupun kemerdekaan jiwa individu daripada belenggu kejahilan, tahayul, khurafat, dan feudalisme. Apabila menulis tentang agama juga, pembebasan itu selalu menjadi tujuan utamanya. Beliau bertanya:

Bolehkah menegakkan Islam yang suci itu dengan tenaga kita yang telah terikat sebagai hamba kepada bangsa-bangsa yang berkuasa menentukan dan me-

nyekat kehidupan kita?

"Perayaan Maulud dan Nasib Bangsa",
Utusan Zaman, 8 Februari 1948

Berbicara tentang pendidikan, beliau mencadangkan supaya didikan semangat diberikan di sekolah Melayu:

Oleh sebab itu kepada kaum-kaum guru terutamanya dan kepada segenap bangsa Melayu yang bersungguh-sungguh hendak memperbaiki darjat dan mutu pelajaran sekolah Melayu, maka tidaklah rasanya patut dilupakan penyiasatan dan penyelidikan dari segi semangat dan hemah dalam didikan kanak-kanak kita.

"Didikan Semangat Perlu di Sekolah-sekolah Melayu", *Utusan Zaman*, 13 Mac 1949

Walaupun begitu besar peranan semangat bagi Keris Mas, beliau tidak pernah lupa akan peranan ilmu dan kemahiran:

Pemuda yang sudah merasa dirinya mempunyai tanggungjawab terhadap bangsanya dan tanah airnya hendaklah mempunyai isi yang penuh di dalam dadanya. Kepintaran dan kebijaksanaan dalam segala suasana adalah lebih bermakna daripada mengikutkan semangat yang bernyala-nyala dengan tidak membuat perhitungan yang sesuai.

"Hakikat Kewajipan Pemuda",
Utusan Zaman, 20 Februari 1949

Sebagai seorang yang mendapat pendidikan daripada sebuah Kolej Islam di Sumatera, Keris Mas memulakan kerjaya penulisannya dengan membuat ulasan tentang hal-hal keagamaan. Banyak amalan orang Islam negara ini, menurut pandangannya, tidak benar; dan beliau tidak ragu-ragu mengemukakan pendapatnya dan mengkritik golongan yang bertanggungjawab terhadapnya. Apa yang ditulisnya lebih 30 tahun yang lalu itu barangkali masih

tepat untuk hari ini. Misalnya:

Sementara ulama-ulama mengajarkan kepada kita faedah dan pahala membaca al-Quran al-Karim, murid-murid mengaji yang merdu suaranya diberi hadiah dan dipuji-puji tetapi orang-orang yang menjalankan perintah Quran itu sebetulnya, memperjuangkan keadilan dan persamaan di muka bumi ini, dikutuki dan dimarahi oleh ulam-ulama sebab tidak fasih lidahnya membaca suratan Quran. Seolah-olah suratan itulah yang lebih penting dan utama dari isinya.

"Agama Tidak Salah: Kitalah yang
Terbongkok-bongkok Melalui Jalan Raya
yang Luas", *Utusan Zaman*, 15 Februari 1948

Rencana-rencananya yang lain mengenai agama membawakan nada yang hampir sama, kritis dan tidak konvensional. Agak menarik juga diperhatikan apabila beliau kembali menulis sesudah sekian lama tenggelam dalam jawatan pentadbiran kebudayaan, soal agama menarik perhatiannya semula. Beberapa buah rencananya di majalah *Dewan Budaya* memperlihatkan kesedaran Islam yang mendalam yang disertai pengetahuan yang luas serta pandangan yang kritis. Selain pendidikan dan kebiasaan hidup setiap harinya ternyata perasaan keislaman Keris Mas tebal. Apabila menyendiri di Pulau Pinang, beliau mempunyai banyak kesempatan meneliti diri; dan pada saat kritis seperti itu jelas jiwa keislaman, yang berpokok kepada tasawuf, muncul untuk membantunya menyelesaikan masalah. Katanya:

Beberapa tahun yang akhir sebelum ke Pulau Pinang itu saya sebenarnya mulai diserang penyakit riak dan takbur. Keupayaan saya dalam lapangan kewartawanan dan kesusasteraan saya rasa sudah benar-benar merupakan kejayaan sehingga saya bersikap megah dan sombang. Kemegahan dan kesombongan itu mungkin belum kelihatan pada mata kasar khalayak ramai, tetapi kebanyakan keputusan dan tindakan yang saya laku-

kan sering dipengaruhi oleh sifat riak dan takbur itu, sifat mengakui bahawa diri sendiri selalu benar, sifat meyakini bahawa khalayak ramai di pihak menerima saja.

30 Tahun Sekitar Sastera, hlm. 152

Ulasan-ulasan yang dibuatnya selalu bertitik tolak daripada pendirian sebagai orang Melayu yang cintakan bangsanya dan ingin melihat bangsanya maju dalam semua lapangan kehidupan – politik, ekonomi, pelajaran, sosial, dan budaya. Menulis tentang pancaragam Melayu, misalnya, beliau bertanya:

Bilakah bangsa Melayu akan mempunyai pancaragam dan penyanyi-penyanyi serta pengarang-pengarang lagu yang terbilang, yang tidak sahaja berpusat di sekeliling pancaragam hiburan sebagaimana hari ini, melainkan meningkat kepada ketinggian seni halus dalam banyian dan pancaragam klasik, simfoni dan sebagainya.

"Sedikit Perhatian kepada Pancaragam Melayu",
Mastika, September 1949

Berbicara tentang filem Melayu pula beliau menyatakan:

Apa yang perlu rasanya bagi filem Melayu menuju kepada cita-cita ini (alat peradaban yang baik - p) ialah persefahaman dan kerjasama antara ahli-ahli pengeluar filem itu dengan pengarang-pengarang cerita dan pengarahnya, kerjasama untuk menghasilkan filem-filem hiburan yang membayangkan cerita-cerita penghidupan yang mengandungi pokok-pokok ajaran untuk meninggikan darjah pemikiran dan moral.

"Filem dan Masyarakat",
Mastika, Ogos 1952

Tentang kebudayaan kebangsaan pula, sikapnya ialah:

Untuk mendirikan suatu konsep kesatuan di dalam kepelbagaian maka asas bagi kesatuan itu mestilah ada, yang menjadi pusat untuk menerima segala kepelbagaian. Di dalam teori yang paling ideal dan telah diterima berdasarkan pola politik negara kita sekarang, asas bagi kesatuan yang akan menerima kepelbagaian itu ialah kebudayaan bumiputera.

"Konsep Kesatuan dalam Kepelbagaian untuk Pembentukan Kebudayaan Nasional",
Dewan Masyarakat, Ogos 1971

Sebagai seniman, beliau selalu sensitif tentang harga yang terpaksa dibayar apabila kemajuan berat sebelah; lebih mementingkan aspek ekonomi daripada aspek rohani. Soal ini penting, dan kerana itu perlu disuarakan:

Kerajaan mempunyai penasihat-penasihat yang pakar dalam masalah pembangunan ekonomi; telah, sedang dan akan menjalankan usaha pembangunan perusahaan, pertanian, perniagaan dan lain-lain acara sungguh-sungguh dengan tidak menyangka dan tentu tidak mengharapkan bahawa rakyat menerima hasil-hasil pembangunan yang menekan fikiran, tenaga dan wang yang banyak itu dengan sikap yang keliru, dengan sikap mengejar kemewahan dan kesenangan lahir semata-mata ...

Manakah cerdik pandai, manakah pakar kemasyarakatan, manakah ahli kebudayaan, ahli moral, ahli agama dan ahli pendidik yang berfikir sungguh-sungguh untuk mengajak kerajaan dan orang ramai memikirkan pula masalah pembangunan moral kita? Ada juga orang yang memikirkan masalah moral itu tetapi dengan diam-diam sahaja. Hasilnya hanya keluhan dan sesalan yang menggelegak dalam dada sendiri.

"Meninjau Segi Moral dalam Usaha-usaha Pembangunan Ekonomi dan Masyarakat",
Dewan Masyarakat, September 1963

Demikianlah, dalam masa kira-kira 35 tahun menulis,

Keris Mas telah merakamkan buah fikirannya dalam karya-karya berbentuk puisi, cereka, dan rencana. Daripada karya-karya ini terpancarlah wajah seorang nasionalis Melayu yang pengetahuan tentang agamanya luas, kepercayaan tentangnya teguh, sementara sikap terhadapnya radikal, terutama dalam menghadapi kekolotan dan khurafat; sasterawan yang percaya kepada seni bertujuan, sensitif terhadap pergolakan masyarakat, halus dan rapi caranya berbicara serta arif akan batas kemampuan medianya; dan intelektual yang tanpa ragu-ragu mengemukakan dan mempertahankan pendapatnya, tanpa jemu-jemu menyuarakan moral dan mutu hidup yang tinggi dan terus-menerus memperjuangkan keadilan sosial.

Bibliografi

Keris Mas, 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAHAGIAN DUA

Tanggapan Terhadap Cerpen



Cerpen-cerpen Keris Mas dalam Perspektif Sejarah dan Budaya Bangsa

MOHAMAD MOKHTAR HASSAN

SASTERA mempunyai hubungan yang amat erat dengan masyarakat, penulis atau sasterawan pun ikut terlibat dengan pelbagai pergolakan yang berlaku dalam masyarakatnya. Karya sastera membicarakan apa yang berlaku dan yang ditemui pada sesuatu masyarakat sambil menge-mukakan sikap dan pandangan pengarangnya.

Hubungan pengarang dengan masyarakat membuatkan De Bonald menyatakan bahawa sastera merupakan ekspresi sosial. Wellek dan Warren (1988:146-147) pula menyebut bahawa sastera dapat memperlihatkan pandangan dunia (*world view*) sesuatu masyarakat. Menurut mereka, sastera mewakili "kehidupan" dan "kehidupan" itu dalam ukuran yang lebih luas merupakan realiti sosial. Memang ada tanggapan bahawa karya sastera merupakan pantulan daripada suatu realiti, sehingga karya sastera dianggap sebagai dokumen sosiobudaya seperti yang terlihat dalam penelitian sosiologi sastera. (Laurenson dan Swingewood, 1972:13).

Keris Mas atau nama sebenarnya Kamaludin Muhammad yang dilahirkan di Kampung Ketari, Bentong, Pahang, pada 10 Jun 1922, merupakan penulis Melayu yang memperlihatkan segala kematangan dan kesungguhannya dalam pemikiran, dan ketekunannya dalam cara gaya mengekspresi nilai estetika melalui karya-karya

yang dihasilkannya. Keris Mas juga berusaha menge-mukakan pengalaman baru, melihat kehidupan dari sudut pandangan yang tersendiri berlandaskan keteguhan peribadi, dan keyakinan akan prinsip yang menjadi pegangan diri. Keris Mas melihat kehidupan bukan sahaja dengan ketajaman pemikiran dan sikap yang serba terbuka, malah menganalisisnya dengan kritis; dan sekali gus melihat setiap pergolakan itu dengan saksama, baik dari luaran maupun dalamannya. Hal ini diperlihatkannya melalui karya-karya cerpen yang dihasilkannya sejak tahun 1946 sehingga tahun 1989. Sepanjang tempoh tersebut Keris Mas menghasilkan sejumlah 76 buah cerpen. Secara umum tahap kepengarangan Keris Mas dapat dibahagikan kepada lima peringkat, iaitu:

- i. Zaman awal (selepas Perang Dunia Kedua),
- ii. Zaman darurat,
- iii. Era ke arah kemerdekaan,
- iv. Era selepas kemerdekaan,
- v. Zaman pmodenan.

Zaman Awal (Selepas Perang Dunia Kedua)

Pada tahun-tahun awal selepas Perang Dunia Kedua, permasalahan sosial yang paling ketara ialah budaya materialistik dan status. Golongan feudal yang kebanyakannya menjadi tuan tanah di desa dianggap oleh golongan muda sebagai tali barut penjajah dan penghisap darah rakyat. Mereka lebih mementingkan kekayaan, darjat dan pangkat demi kepentingan peribadi dan kaum keluarga serta cenderung menggunakan kekuasaan dan harta benda mereka menekan rakyat tanpa menghiraukan nilai kemanusiaan.

Ego golongan feudal ini memperlihatkan betapa ketidakadilan dilakukan ke atas anggota masyarakat bawahan dan sekali gus mewujudkan rasa benci mereka terhadap golongan feudal. Keris Mas memperlihatkan protesnya terhadap golongan feudal ini antaranya mene-

rusi "Wasiat Orang Bangsawan", "Sumpah Seorang Peon", "Keinsafan di Malam Sunyi", dan "Panga Kembang Tak Jadi".

Cerpen "Wasiat Orang Bangsawan" (*Suluh Malaya*, 1 Jun 1946) memaparkan budaya materialistik dan status yang dilambangkan melalui watak Tengku Indera Kelana, sebagai mewakili golongan feudal Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Watak Anuar dilambangkan sebagai golongan bawahan, yang cuba menentang institusi feudal yang wujud kukuh zaman berzaman. Anuar gagal mengahwini Kemalawati, puteri tengku Indera Kelana, semata-mata kerana perbezaan darjat, harta, dan keturunan. Kegagalan tersebut menyebabkan Anuar meluahkan perasaan kecewanya ketika Kemalawati ingin kembali semula kepadanya:

"Ya Wati, jangan kau bercerita panjang lagi tentang perkara cinta, aku lebih maklum sebab aku lebih dalam dan lebih puas merasai akibatnya. Bagiku, Wati, cinta itu adalah barang suci, bukan benda buatan atau hawa nafsu yang boleh dipermain-mainkan, ditukar atau dinilai dengan emas kekayaan atau bangsa keturunan."

Cerpen "Sumpah Seorang Peon" (*Utusan Zaman*, 28 Disember 1948) juga memaparkan persoalan budaya materialistik dan status yang diagung-agungkan oleh golongan feudal. Datuk Setia yang mewakili golongan feudal menggunakan Kamil yang bekerja sebagai peon untuk kepentingan dirinya sendiri. Kamil yang berhasrat mengahwini anak perempuan Datuk Setia, Siti Marliah, kecundang apabila gadis itu dijodohkan dengan Tengku Yahya, yang setaraf dan sedarjat dengan Siti Marliah.

Protes Keris Mas dalam situasi masyarakat sedemikian diluah melalui kekecewaan Kamil bahawa "sebagai seorang peon, orang kebanyakan, yang miskin dan sengsara akan tetap tinggal peon dengan kemiskinannya dan kesengsaraannya, tinggal rendah dan hina dalam pemandangan orang besar-besar".

Ego golongan feudal dengan budaya materialistik dan status, tanpa perikemanusiaan dan tidak bertimbang rasa itu sanggup memutuskan perhubungan cinta seorang gadis terhadap seorang pemuda. Hal ini diperlihatkan oleh Keris Mas melalui watak Anisah dalam cerpen "Bunga Kembang Tak Jadi" (*Utusan Zaman*, Februari 1948). Anisah, anak orang kaya Mohd. Nor, amat mencintai kesederhanaan hidup. Justeru, dia tidak mengendahkan kecantikan dan kemewahan hidup seperti gadis kota. Malah Anisah sanggup mengabdikan diri untuk berbakti memajukan masyarakat golongan bawahan.

Tiga kali dalam seminggu ia pergi mengajar ibu-ibu di kampung Melayu menulis dan membaca. Ramai murid-muridnya orang-orang kampung yang miskin hidup sederhana, semua menumpahkan kasih sayang kepadanya seperti kepada anak-anak mereka sendiri.

Dengan sikap sederhana itu, dia jatuh cinta pada Samdi, pengarang muda yang hidup sederhana. Malangnya, Anisah kemudiannya dikahwinkan oleh ayahnya dengan seorang pegawai muda yang kaya dan berpangkat tinggi. Dengan perkahwinan tersebut "ia sudah dipisahkan dari alam yang dicintainya, dari ibu-ibu dan kawan-kawannya yang sederhana. Dan dari Samdi yang sejiwa dan sehaluan dengannya".

Kekecewaan Anisah terhadap masyarakat yang angkuh dengan pangkat, harta, dan kekayaan dapat diamati daripada luahan perasaannya: "Alangkah ganasnya masyarakat ini, ratapnya di dalam hati dan alangkah kosongnya hidup setelah berpisah dari alam yang dicintai, dari kesederhanaan dan penderitaan kawan-kawan yang dihormati dan dicintainya".

Golongan feudal juga menggunakan kedudukan mereka menindas dan memperalatkan golongan miskin demi kepentingan diri dan keluarga. Keris Mas melihat semua itu sebagai suatu ketidakadilan sosial yang terpengaruh dengan budaya zaman kolonial.

Keris Mas yang ketika itu baru berusia dalam lingkungan 20 tahun, ditulari jiwa romantis. Berkemungkinan Keris Mas ingin bercinta dan berumah tangga; dan, hal ini dapat dikaitkan dengan teori Freud dalam hubungan melepaskan keinginannya yang tidak tercapai itu, maka persoalan demikian diungkapkannya. Walau apapun, semangat perjuangan menghapuskan golongan feudal ini amat kuat mempengaruhi jiwa Keris Mas.

Zaman Darurat

Selepas zaman pendudukan Jepun (1941–1945) Tanah Melayu bergelora lagi dengan peristiwa pemberontakan komunis yang mengakibatkan darurat dikuatkuasakan pada tahun 1948. Zaman darurat merupakan tempoh yang penuh dengan penderitaan, ketakutan, dan kepahayahan hidup. Banyak nyawa terkorban, termasuk mereka yang tidak berdosa. Pengalaman pahit tersebut turut dirasai dan dialami oleh Keris Mas. Cerpen-cerpen "Kejadian di Dalam Estet", "Kedai Sederet di Kampung Kami", dan "Surat dari Tempat Tahanan" melukiskan kepahitan itu.

Melalui cerpen "Kejadian di Dalam Estet" (*Mastika*, April 1950), Keris Mas memaparkan persoalan penderitaan hidup, penindasan, perjuangan, dan kecurangan yang menimpa rakyat ketika darurat. Orang Melayu yang rata-rata tinggal di kampung tidak mempunyai pendidikan bagi menjamin kehidupan masa hadapan mereka. Mereka masih bergelumang dengan kemiskinan dan kemunduran yang diwarisi sejak zaman berzaman. Bedul sebagai lambang orang Melayu terpaksa kembali ke desa, dan hanya layak menjadi Polis Khas untuk memburu penganas komunis di hutan, bagi menjaga kepentingan ekonomi penjajah Inggeris yang menguasai tanah air. Malangnya, dalam usaha menentang musuh, Bedul terkena tembakan. Darurat mengakibatkan Bedul cedera parah dan tenaganya tidak diperlukan lagi. Hidupnya kembali sunyi, apatah

lagi apabila isterinya turut terkorban ditembak musuh.

Melalui cerpen ini juga Keris Mas secara sinis menyelitkan budaya bangsa Melayu yang sanggup bertuankan penjajah Inggeris. Hal ini terbukti daripada sikap Bedul yang sedia berkhidmat sebagai Polis Khas untuk mengawal estet yang dimiliki oleh orang Inggeris. Begitu juga Mariam (isteri Bedul), ibu Mariam, dan amah Cina yang menjadi orang gaji Tuan Manager estet. Mereka amat berbangga dapat bekerja dengan orang Inggeris (lambang penjajah), dan tambahan pula disediakan kemudahan tempat tinggal dan dilayani dengan baik.

"Tuan kita ini baik sangat hatinya. Kami yang bekerja di rumahnya dapat bilik masing-masing. Saya dengan emak tidak tinggal satu bilik."

Kematian Mariam dan Tuan Manager (ditembak komunis) dapat dilihat sebagai balasan terhadap mereka yang menyimpang daripada nilai budaya Melayu dan agama Islam. Mariam yang sudah bersuami berpeluk-pelukan dan bercumbu-cumbuan dengan Tuan Manager.

Dalam cerpen "Kedai Sederet di Kampung Kami" (*Mastiqa*, Januari 1956) Keris Mas memaparkan kisah seluruh penduduk sebuah kampung diperintah pindah akibat kebakaran. Mereka dituduh bersubahat dengan pengganas komunis yang membakar lapan buah kedai.

Apabila undang-undang darurat diisyiharkan, jalan raya di kampung itu sering dilalui kereta-kereta polis. Kedengaran tangisan ibu-ibu kehilangan anak-anak muda mereka yang dibawa polis kerana disyaki bersubahat dengan komunis. Rakyat hidup dalam kesusahan, barang makanan tidak boleh dijual sesuka hati. Keadaan pada waktu itu menyekat kebebasan rakyat. Perasaan takut sentiasa menyelubungi penduduk kampung apabila mendengar bunyi tembakan.

Namun, pengarang memperlihatkan gambaran masyarakat yang tetap mengekalkan budaya tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain

dalam menangani segala rintangan dan permasalahan yang mereka hadapi.

"Semangat kami masih ada – ringan hendaklah sama dijinjing, berat sama dipikul – tetapi tenaga kami sudah lama lumpuh oleh kemiskinan yang tidak terderita lagi."

Pahit maung ketika zaman darurat yang dialami Keris Mas memperkuatkan semangat perjuangannya menuntut kemerdekaan tanah air. Menerusi cerpen "Surat dari Tempat Tahanan" (*Utusan Zaman*, 24 Julai 1949) pengarang mengisahkan dia menerima surat daripada kawannya, seorang pejuang pergerakan yang ditahan di bawah undang-undang darurat. Surat tersebut menimbulkan semangatnya untuk terus berjuang.

"Tetapi saya yakin bahawa pemimpin-pemimpin saya, kawan-kawan saya dan teman sejahter yang seperjuangan (di dalam tahanan atau di luar tahanan) tentu semuanya berjiwa besar. Soal rumah tangga adalah soal kecil meskipun ia adalah perkara yang paling besar dalam beberapa perkara yang kecil itu. Soal yang besar, sebetul-betulnya besar ialah soal menjadi cita-cita kemerdekaan dan tanah air".

Era ke Arah Kemerdekaan

Peristiwa bersejarah yang bertalu-talu berlaku dalam jangka waktu tidak sampai sepuluh tahun telah membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat jelata. Serangan Jepun pada tahun 1941; pemerintahan Jepun selama tiga tahun lapan bulan kemudiannya; kekalahan Jepun dan pemerintahan kembali Inggeris dengan gagasan penubuhan Malayan Union pada tahun 1946; meletusnya zaman darurat yang membawa peristiwa berdarah pada tahun 1948 adalah beberapa rentetan penting negara.

Peristiwa-peristiwa tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di kalangan orang Melayu. Mereka

merasakan tanah air mereka menjadi gelanggang pertarungan merebut kuasa oleh berbagai-bagai pihak. Kemerdekaan sahaja merupakan jalan keluar bagi mengatasi percaturan yang semakin menjadi-jadi itu.

Keris Mas – seperti anak muda Melayu lain di kota Singapura – juga berasa *committed* terhadap pergolakan politik tanah air. Peristiwa-peristiwa dalam negara dicampur dengan pengalaman pahit peribadi di tengah-tengah pusat tamadun Singapura itu mendorongkan mereka menulis dan meluahkan perasaan mereka. Mereka mahukan rakyat Tanah Melayu menikmati udara kebebasan daripada belenggu penjajah.

Sesuai dengan slogan yang diperjuangkan oleh ASAS '50, iaitu "Seni Untuk Masyarakat", Keris Mas dan rakan-rakannya merasakan penulisan dan kesusteraan berupa salah satu jalan yang paling berkesan untuk menyedarkan masyarakat dan meniupkan semangat perjuangan kemerdekaan dan kebahagiaan hidup. Antara cerpennya yang memaparkan persoalan semangat perjuangan ialah "Tetap Merdeka", "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan", dan "Perjuangan Perut dan Cinta".

Dalam cerpen "Tetap Merdeka" (*Utusan Zaman*, 2 Januari 1949), misalnya, tersirat hasrat dan pernyataan perasaan Keris Mas yang inginkan kemerdekaan tanah air. Cerpen ini mengisahkan "dia" menghadiri kongres para pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan. Kelantangan beberapa orang pemimpin parti berpidato di kongres itu amat menusuk hati "dia":

"Kita tidak akan berhenti berjuang selagi cita-cita kemerdekaan bangsa dan tanah air belum tercapai, orang yang ingin merdeka pasti merdeka. Perlembagaan rakyat yang kita telah kumpulkan dan kita taja ini adalah akan jadi pedoman perjuangan kita yang sihat dan tidak melanggar undang-undang perjuangan parti politik bagi mencapai cita-cita yang suci".

Begitulah Keris Mas memperlihatkan sikapnya dalam

memperjuangkan kemerdekaan tanah air yang diperlakukan melalui perasaan watak "dia". Bagi Keris Mas, "sekali bergerak kita akan tetap bergerak". Demikian juga budaya yang ingin ditanamkan oleh Keris Mas supaya sekali bertekad untuk berjaya, walau apa pun rintangan dan halangan yang melintang, perjuangan itu harus diteruskan.

Keris Mas amat membenci bangsanya yang berjuang semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Kesenangan dan kebahagiaan hidup, dan kemerdekaan negara harus diperjuangkan. Hal ini dipaparkannya menerusi perjuangan Yahya dalam cerpen "Perjuangan Perut dan Cinta" (*Mastika*, Oktober 1949). Bagi Yahya, perjuangannya ialah perjuangan perut, perjuangan pakai, dan perjuangan senang. Hakikatnya ialah kegembiraan. Bagi Keris Mas, perjuangan Yahya itu sama dengan cara hidup binatang, seperti yang diluahkan melalui kata-kata Manaf, "Kalau hanya mahu hidup senang sendiri apa bezanya kita dengan yang berkaki empat."

Keris Mas mengajak bangsanya memahami masalah yang dihadapi oleh rakyat negara yang dijajah. Beliau mengajak bangsanya berjuang seperti yang dilambangkan melalui watak Muhammad Hassan sebagai pejuang kemerdekaan dalam cerpennya "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" (*Mastika*, 1956). Muhammad Hassan merupakan pemimpin kecil di kalangan penduduk di sepanjang Sungai Pahang. Dia mahu melihat bangsanya bebas daripada belenggu penjajahan demi kemerdekaan tanah air.

Era Selepas Kemerdekaan

Suasana politik pada zaman penjajah agak berlainan daripada suasana pada zaman negara mencapai kemerdekaan. Perjuangan banyak berubah sesuai dengan isu-isu semasa. Persoalan-persoalan yang digarap lebih kepada mengkritik pihak pemerintah sendiri, dengan watak-watak Melayu dan masalah kepimpinannya di samping mengkritik

pegawai-pegawai Inggeris yang berkhidmat di negara ini selepas merdeka. Semuanya ini diamati serta dikritik oleh Keris Mas. Dalam cerpen "Menjelang Merdeka" (*Dewan Bahasa*, Oktober 1957), misalnya, terdapat suatu bentuk budaya perjuangan generasi baru – iaitu golongan anak muda lepasan universiti yang menjawat jawatan pegawai M.C.S. Ketika di universiti, Shahrum menampilkkan perjuangannya ke arah kebajikan, terutamanya terhadap masyarakat berpendapatan rendah. Dia juga memperjuangkan masalah pengagihan ekonomi yang tidak sama rata dan soal pendidikan rakyat.

"Pokok percakapannya selalu tentang rakyat, tentang kehidupan golongan yang menderita, tentang ekonomi dan pendidikan nasional".

Tetapi, selepas menjawat jawatan Pegawai M.C.S., perjuangan Shahrum berubah sama sekali. Perjuangannya lebih mengarah kepada perjuangan peribadi dan keluarga. Menghisap rokok dan meminum minuman keras dianggap sebagai suatu budaya bagi pegawai sepertinya. Melalui cerpen ini, Keris Mas memperlihatkan kritikannya terhadap budaya pegawai-pegawai kerajaan yang hanya berjuang hebat membela rakyat ketika di universiti. Tetapi, perjuangan itu luput apabila mereka berada di tengah-tengah masyarakat, apatah lagi setelah menjawat jawatan pegawai kerajaan.

Dalam cerpen "Mereka Tidak Mengerti" (*Dewan Bahasa*, Oktober 1959) pula, Keris Mas menggambarkan sikap dan pandangan Bill (perlambangan orang Inggeris yang bekerja di negara ini) terhadap ketidakmampuan kaum bumiputera mentadbir negara. Bill memandang rendah terhadap kebolchan pegawai-pegawai di kalangan rakyat setempat.

"Orang Malaya ini bodoh, mahu lekas-lekas memegang semua kerja. Mereka fikir mereka sudah layak. Belum, belum. Dan aku, kita, semua pegawai-pegawai expat-

riate mesti bertanggungjawab melihat bahawa kemerdekaan negeri ini tidak akan menjadikan dia terasing dari kita, dari gurunya, dari bekas pelindungnya".

Keris Mas jelas memperlihatkan kebenciannya terhadap orang Inggeris yang pernah menjajah negara ini. Apatah lagi dengan sikap dan tindakan Bill yang ibarat duri dalam daging. Pengarang menggambarkan watak Bill yang mempunyai hidung terlalu tinggi, tipis dan bengkok pula seperti paruh burung nuri. Keris Mas memberi komen "orang Melayu ada mempunyai satu kepercayaan karut bahawa orang-orang yang bengkok hidungnya bengkok pula hatinya." Di samping itu, Bill pernah mengharapkan "mudahan-mudahan Lim dan Ramasami berani menentang". Dia mentohmah dengan mengatakan "orang-orang Cina dan India selalu iri hati kepada orang Melayu. Ini sudah banyak menolong dan sekali ini mesti menolong lagi."

Demikianlah betapa tipikalnya budaya penjajah yang membawa dasar pecah dan perintah sejak bertapak di tanah air ini. Bill tidak terkecuali daripada sentimen dan niat jahat ini. Apabila rancangannya mendapatkan projek kerajaan gagal, Bill secara berterus terang dan angkuh berkata:

"Kita lihat saja kegagalan si Kassim itu dengan projek kerajaannya. Nanti mereka akan mencari kita juga," kata Bill seperti menghibur. Orang-orang ini tidak tahu mereka mesti menerima latihan kita lagi untuk beberapa lama. Merdeka, huh!"

Demikianlah Keris Mas dalam menggambarkan perjuangan rakyat mengisi kemerdekaan. Kemerdekaan dalam erti kata bukan sahaja bebas daripada penjajah Inggeris, malah bebas daripada dibelenggu budaya dan pemikiran yang bersifat penjajahan. Rakyat negara ini diseru supaya mempunyai budaya yang menuju ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup.

Zaman Pemodenan

Tahun-tahun 1970-an dan 1980-an merupakan zaman negara ke arah pemodenan. Rakyat diseru menuju ke suatu taraf bangsa yang moden tamadunnya. Dalam menyelusuri arus pemodenan, ternyata terdapat anak bangsa yang menyimpang jauh daripada lunas budaya ketimuran, sehingga menimbulkan kekalutan hidup dan konflik batin yang merunsingkan.

Dalam hal ini kita menemui pelbagai budaya individualistik, *hippies*, kuning, *rock*, dan pelbagai budaya Barat yang menyelusuri jiwa anak-anak bangsa negara ini. Semua ini menjadi bahan pengamatan yang tajam oleh Keris Mas. Hal ini diperlihatkan oleh Keris Mas dalam cerpen-cerpennya yang berhasil pada tahun-tahun 1980-an. Cerpen "Nenek" (A. Ghani Abdullah dan Khatijah Ismail, 1987) memaparkan keterharuan seorang nenek akibat tidak dipedulikan sangat oleh anak dan cucu-cucunya. Sikap dan haluan masing-masing mereka mengakibatkan nenek membawa diri. Perasaan nenek yang menganggap rumahnya neraka diluahkan melalui Nani cucunya.

"Dia marahkan ayah, marahkan Nana, marahkan Kak Nona, marahkan Abang Manan, marahkan semua orang. Tapi lebih sekali dia marahkan ayah dengan Abang Adnan. Katanya Abang Adnan sudah gila isim, gila nak jadi Arab celup; mengaji benda pelik-pelik tapi tak tahu jaga diri sendiri, tak ambil tahu hal keluarga di rumah sendiri. Katanya lagi Abang Adnan sudah tua berjanggut tak mahu kahwin-kahwin. Ada kerja ditinggalikan. Ada ayah dilawan. Derhaka. Dia kata ayah gila masjid. Sembahyang, mengaji siang malam tapi anak cucu bertaburan tak terpelihara. Abang Manan, katanya gila bertaburan '*uniform*'. Abang Karim dan, Kak Nona gila pangkat, gila rumah besar. Katanya semua kita ini gila."

Setelah nenek menghilangkan diri barulah anak dan

cucu-cucunya sibuk mencari. Demikianlah gambaran budaya masyarakat kini yang bersifat individualistik hingga mengabaikan generasi tua. Tidak hairan jika kini terdapat generasi muda yang sanggup menempatkan orang-orang tua di rumah kebajikan. Lebih menyedihkan lagi generasi kini sanggup mengamalkan budaya Barat, bersekedudukan (tanpa nikah). Hal ini dipaparkan oleh Keris Mas dalam cerpen "*Hallucination*" (*Dewan Sastera*, Mei 1981) dan "*Cerita Sebuah Mimpi*" (*Dewan Budaya*, Ogos 1989).

Sungguhpun cerpen "*Hallucination*" memaparkan khayalan yang tidak wujud berlaku pada watak utama ketika berada di atas katil sebuah rumah sakit, namun terdapat gambaran yang sering berlaku dalam realiti masyarakat Melayu. Salah satunya ialah bagaimana "Karim ditangkap basah, berkhalwat dalam bilik yang mereka kongsi berdua". Manakala cerpen "*Cerita Sebuah Mimpi*" memperlihatkan perbuatan curang Ali dengan isteri Amat hingga melahirkan anak di luar nikah.

Dalam menghadapi godaan syaitan dan iblis, Keris Mas mengajak manusia berpegang pada jalan yang direddai oleh Tuhan. Keris Mas memperlihatkan nafsu seksual watak "aku" dalam cerpen "*Hallucination*". Tuan Guru memberikan nasihatnya, "iblis dan syaitan boleh menggunakan segala jenis perempuan termasuk yang bertudung lingkup sekalipun". "Aku" dinasihatkan supaya selalu berpuasa dan kalau boleh lekas-lekas berkahwin. Sebagai umat Islam kita disuruh supaya berkahwin apabila mampu menanggung seorang isteri.

Dalam menyelusuri arus pemodenan, Keris Mas mendapati manusia kini tidak punyai pendirian dan pegangan. Budaya manusia kini tidak lebih sebagai budaya pak turut. Hal inilah yang cuba dipaparkan oleh Keris Mas dalam cerpen "*Ekor Kepala*" (*Dewan Sastera*, Julai 1989). Menurut Keris Mas, "kebanyakan kita ini selalu terikut-ikut. Orang mesyuarat kita mesyuarat, orang kata merdeka, kita pun kata merdeka, orang kata politik kita kata politik,

tapi kualiti ilmu kita, kualiti kemahiran dan semangat, tak ada atau tidak seimbang.... Ini masalah yang dialami kini. Kita tidak ada pendirian. Kita *commit* pada *commitment* orang lain. Orang nak kaya, kita pun berjuang untuk kaya, terkenal, berjuang untuk terkenal. Oleh sebab kemahuan rakyat sekarang adalah hiburan, khayal, romantik kepada keindahan maka banyak penyanyi jadi terkenal dan banyak pula orang mahu terkenal, penyajak pun ingin terkenal ala penyanyi, mungkin tidak *commit* kepada apa-apa. Cerpen "Ekor Kepala" diproses dengan idea seperti itu, memperlihatkan secara psikologi betapa orang yang tak berkualiti menjadi pak turut". (Wawancara Abdullah Tahir dalam Ahmad Kamal Abdullah, 1993: 171).

Demikianlah Keris Mas, yang berpegang teguh pada konsep "Seni untuk Masyarakat", memperlihatkan kesan perjuangan yang menarik dan bererti dalam cerpen-cerpennya. Semangat perjuangannya yang tidak pernah luntur itu dapat dikaitkan dengan ungkapan dalam cerpennya "Masanya Sudah Terkunci" (*Di Sebalik Jendela Utusan*, 1989), iaitu "kita sudah lama merdeka. Dia masih dalam perjuangan". Semangat perjuangan sentiasa wujud dalam dirinya, kerana Keris Mas merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Menjadi tanggungjawabnya menyedarkan masyarakat, membangkitkan semangat bangsa supaya terus berjuang menuntut kemerdekaan, melepaskan diri daripada penindasan mental dan fizikal, serta mengkritik nilai-nilai yang bertentangan dengan budaya bangsa. Sebagai cerpenis, Keris Mas mempunyai kekuatan jiwa yang murni dan kesedaran yang tinggi. Kekuatan serta kesedaran tersebut terbentuk melalui pengalaman dan pengaruh yang diterimanya sepanjang hubungannya dengan alam dan kehidupan manusia. Semuanya itu digarapkan sebaik-baiknya dalam karya cerpennya.

Bibliografi

- A. Ghani Abdullah dan Khatijah Ismail, 1987. *Di Sisi Rinda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah (peny.), 1993. *Jambak 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Di Sebalik Jendela Utusan*, 1989. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurenson, Diana dan Swingewood, Alan, 1972. *The Sociology of Literature*. London: MacGibbon and Kee.
- Mohamad Mokhtar Hassan dan Abdul Razak Mohd. Kassim, 1993. *Analisis Komprehensif Patah Tumbuh*. Petaling Jaya: Aneka Publishing.
- Othman Puteh, 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wajah Biografi Penulis*, 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wellek, Rene dan Warren Austin, 1988. *Teori Kesusasteraan*. Terj. Wong Seng Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konflik Kebatinan Watak-watak dalam *Patah Tumbuh*

ILIAS ZAIDI

KUMPULAN *Patah Tumbuh* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1963) memuatkan 20 buah cerpen Keris Mas yang dihasilkan antara tahun 1946 hingga tahun 1960. Empat buah cerpen dimuatkan dalam antologi bersama *Mekar dan Segar* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1959), iaitu "Kejadian di Dalam Estet" (*Mastika*, April 1950), "Keras Hati" (*Mastika*, Ogos 1951), "Kedai Sederet di Kampung Kami" (*Mastika*, Januari 1956), dan "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" (*Mastika*, Februari 1956).

Sungguhpun begitu, bukanlah sekadar 20 buah cerpen ini yang dihasilkan oleh Keris Mas. Beliau menghasilkan sebanyak 69 buah cerpen dalam jangka waktu tersebut. Memandangkan cerpen sulungnya berjudul "Wasiat Orang Bangsawan" (*Suluh Malaya*, 1 Jun 1946), pengkaji sastera meletakkan Keris Mas pada tahap kedua dalam pencapaian penulisan cerpen Melayu moden. Mana Sikana beranggapan demikian kerana Keris Mas berjaya melepaskan diri dengan pembaharuan seperti yang dilakukan oleh pentahap pertama, A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad yang lebih terkenal dengan nama Pak Sako. (Lihat "Fokus terhadap Keris Mas", *Berita Harian*, 2 September 1975). Kejayaan beliau, bagaimanapun, belum mencapai tahap pencapaian Shahnon Ahmad yang boleh dikatakan sebagai tahap ketiga dalam sejarah perkem-

bangan cerpen Melayu.

Kalau menoleh pada perkembangan cerpen tahap pertama, kita akan mendapati bahawa cerpen-cerpen Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad lebih merupakan laporan-laporan tajam tentang kepincangan masyarakat, dilihat daripada pandangan yang romantis dan idealistik. (Hashim Awang, 1975:75) Cerpen-cerpen mereka lebih menitikberatkan soal tema atau perutusan, sedangkan soal teknik atau struktur seolah-olah tidak dipentingkan. Oleh itu, kita mendapati struktur cerpen Melayu pada zaman sebelum perang agak kacau dan bercampur-aduk dengan unsur-unsur lama. Sebarang teknik diguna nam-paknya, asalkan perutusan atau mesej terselit di dalamnya.

Tetapi, dengan Keris Mas, struktur cerpen sudah maju setapak lagi. Cerpen pertamanya "Wasiat Orang Bangsawan" dapat dipetik sebagai contoh:

Beberapa tahun yang telah lalu dia telah meninggalkan Kota Medan yang sedang indah dan jaya dengan suatu kenang-kenangan yang pilu, dengan hati yang hancur luluh, tetapi dengan semangat bernyala-nyala dan suatu dendam yang susah hendak dipadamkan.

Perenggan pertama ini sudah dapat mengekang rasa ingin tahu di kalangan pembaca. Dapat dibayangkan bahawa tokoh "dia" tersepit di antara keindahan dan kenangan yang pilu. Dia tersepit di antara hati yang luluh tetapi dengan semangat yang bernyala dan dendam. Kita terus kepada perenggan kedua untuk mengetahui mengapa dia meninggalkan Kota Medan, "kerana hendak melupakan peristiwa-peristiwa yang pahit di Kota Medan dulu itu, hendak mengubat luka yang parah dalam jiwanya."

Dari sini barulah Keris Mas mengembangkan ceritanya, membawa pembaca kepada suatu situasi masa "pagi-pagi tadi dengan tidak disangka-sangka dia telah ditemui dengan tiba-tiba oleh seorang gadis juita, Kemalawati

namanya." Gadis cantik itu diperkenalkan sebagai puteri bangsawan keturunan raja-raja dari istana Deli Tua. "Dulu pada masa enam tahun yang telah silam pernah menjadi kekasihnya, menjadi gemala tempat jiwanya memuja cinta." (Hlm. 2). Tokoh "dia" diperkenalkan sebagai Anuar. Mengapa Wati tiba-tiba sahaja hadir di hadapan Anuar? Pengarang mengisahkan peristiwa tersebut menerusi teknik sorot balik, iaitu menyangkut dua peristiwa, pertama tentang hubungan antara Anuar dengan Wati yang berakhir dengan kehancuran kedua-dua belah pihak disebabkan bapa Wati lebih mementingkan darah bangsawannya; dan peristiwa kedua (melalui penceritaan Wati) ialah "pemberontakan sosial di Sumatera Timur yang berlaku baru-baru ini. Semua sekali raja-raja di Sumatera Timur telah dihapuskan." (Hlm. 6). Wati dengan orang tuanya turut melarikan diri, dan akhirnya terlantar di hospital.

Selepas itu, berlakulah konflik kebatinan dalam jiwa Anuar. Walaupun perkara konflik ini tidak begitu diberi perhatian oleh pengarang, tetapi penerokaan begini lebih menarik dan meninggalkan kesan daripada kecenderungan pengarang hendak bercerita secara terus-menerus. Wati masih tidak melupakannya, tetapi ada permintaan yang amat berat hendak ditunaikan. Permintaan supaya menziarahi orang tuanya di hospital lebih merupakan ujian sejauh mana teguhnya cinta Anuar terhadapnya. Inilah konflik yang dihadapi oleh Anuar. Dia mengambil keputusan menziarahi Tengku Indera Kelana bukanlah disebabkan telah memaafkan orang tua itu, tetapi "semata-mata kerana hendak mengambil hati kekasihnya" (hlm. 7). Cerita diperkembangkan lagi dengan pemergian Anuar ke hospital, tetapi tidak sempat menemui Tengku Indera Kelana. Orang tua itu ada meninggalkan surat wasiat. Kandungan surat wasiat itu antara lain berbunyi, "Hidup berkelas-kelas yang berdasarkan kepada keturunan darah itu sudah lama dan tiada sesuai lagi dengan aliran zaman" (hlm. 9).

Inilah perutusan yang hendak disampaikan oleh Keris Mas melalui cerpennya yang sulu. Cinta antara dua orang teruna dara yang tidak daripada kelas dan martabat yang sama selalunya tergendala. Sungguhpun begitu, pengarang tidak memutuskan langsung hubungan percintaan itu. Pada pengarang, cinta yang murni tidak harus dipisahkan oleh kelas atau keturunan, warna kulit, agama, dan sebagainya. Cinta itu murni. Ketewasan golongan tua terhadap golongan muda dapat disimbolikkan daripada perenggan berikut:

"Maka kepadamu, Anuar dan Wati, aku tinggalkan wasiat ini, hiduplah rukun dan damai supaya menjadi simbol kepada orang yang di dalam masyarakatmu bahawa akibat keruntuhan kaum feudal itu menjadi nikmat kepada kehidupan manusia."

(Hlm. 10)

Akhiran cerita yang berkesan seperti ini sudah jauh terpisah daripada kebanyakan cerpen sebelum perang. Suatu contoh cerpen sebelum perang yang dapat diperlakukan di sini ialah:

Wahai pembaca-pembaca sekalian:

Daripada cerita ini dapatlah kita buah pandangan yang berharga seperti di bawah ini:

(1) Tentang pergaulan isteri yang ikhlas dan mesra dan tiada reda melihat suaminya di dalam kesusahan dan reda sama-sama susah.

Daripada cerpen "Cerita Balasan Kebajikan = Kelebihan Orang yang Hati pada Perkara Agama" (*Utusan Zaman*, 15 Disember 1935, hlm. 6)

Cerpen ini ternyata ada penglibatan pengarang untuk meyakinkan lagi agar perutusan yang hendak disampaikan itu begitu jelas kepada pembaca. Sedangkan akhiran cerita Keris Mas lebih merupakan bayangan kepada kebahagiaan antara Anuar dan Wati. Sungguhpun

begitu, cerpen Keris Mas ini tidaklah dapat dikatakan seratus peratus berjaya. Yang perlu disedari inilah cerpen sulung beliau, dan sudah tentu ada beberapa ketempangananya. Suatu perkara yang nyata ialah gejala pematahan plot dan kemunculan suara pengarang. Gejala ini kuat terasa pada dialog yang diungkapkan oleh Wati ketika berbicara dengan Anuar, dan surat wasiat itu lebih merupakan suara hati pengarang. Itulah sebabnya kita terasa dialognya panjang-panjang dan tidak begitu *natural*. Dari segi lain, struktur cerpen ini sudah boleh dikatakan kemas dan boleh diperturunkan urutannya seperti berikut:

(A) – (B) – sorot balik – (B) – (C) – (D)

(A) ialah bahagian pembukaan, dituruti dengan (B) sebagai situasi masa kini (pertemuan antara Anuar dengan Wati). Sorot balik diguna untuk menerangkan mengapa pertemuan itu terjadi dan dibawa berterusan sampailah kepada keadaan Anuar terpaksa menghadapi konflik kebatinannya. (C) membawa situasi di hospital, sedangkan (D) ialah perenggan akhir yang lebih merupakan penamat cerpen.

Syed Husin Ali dalam kata pengantar antologi ini membariskan cerpen "Wasiat Orang Bangsawan" bersama cerpen-cerpen lain yang dihasilkan sehingga tahun 1948 sebagai peringkat pertama perkembangan Keris Mas. Dalam masa dua tahun ini, banyak cerpen berkisar di sekitar soal cinta, yang menunjukkan kecenderungan orang muda yang romantis. Cerpen-cerpen yang dihasilkan selepas tahun 1948 hingga tahun 1955, merupakan peringkat kedua perkembangan Keris Mas, yang memperlihatkan kelantangan beliau dalam berpolitik. Fokusnya lebih menekankan masyarakat dan rakyat; sementara dari pada segi teknik pula, sudah dapat menunjukkan kemajuan. Cerpen-cerpen selepas tahun 1955 merupakan peringkat ketiga. Pada peringkat ini Keris Mas banyak

menimba peristiwa yang berlaku hasil daripada kemerdekaan negara. Pengarang sendiri nampaknya bersetuju dengan pendapat Syed Husin Ali ini seperti yang dinyatakan dalam ceramahnya tentang "Penulisan dan Pengalaman Hidup" pada malam 22 Ogos 1975 di Bilik Kuliah G, anjuran Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cerpen-cerpen yang termasuk dalam peringkat kedua yang dibicarakan di sini ialah "Cerita-cerita Sepanjang Jalan" dan "Kejadian di Dalam Estet". Keris Mas menghasilkan 12 siri cerita sepanjang jalan. Siri yang ke 12 dimuatkan dalam majalah *Mastika*, Disember 1950. Dalam *Patah Tumbuh* ini, tiga siri "Cerita Sepanjang Jalan" dimuatkan. Pada saya, "Cerita Sepanjang Jalan (1)" lebih berupa coretan atau sketsa, tentang watak Tengku Kulup. Keris Mas yakin bahawa darat seseorang tokoh bukanlah menjadi ukuran baik budi bicaranya. Mesej yang mahu disampaikan oleh pengarang melalui cerpen ini ialah "Bagaimanapun hidup ini masih berkelas-kelas juga. Orang-orang yang ada wang memerintah orang yang tak ada wang dan orang tak ada wang membanting tulang untuk memberi keuntungan kepada orang yang berwang itu." (Hlm. 70).

Tengku Kulup sudah menyedari bahawa sekali dia bersikap menyerah, sudah mencukupi. Sekarang dia harus bertahan. "Hidup ini mesti berani, kalau orang tindas kita, kita mesti balas tindas. Kalau Minah sudah diambil orang, Munah tidak boleh lagi." (Hlm. 71). Kelas-kelas dalam masyarakat yang dipandang oleh pengarang ini ialah antara golongan kaya dan miskin, dan bukan lagi antara golongan bangsawan dan golongan bawahan seperti cerpen "Wasiat Orang Bangsawan". Inilah yang ditegur oleh pengarang. Selagi sistem berkelas-kelas ini wujud, maka selagi itulah pembahagian yang tidak merata akan wujud. Pengarang menonjolkan watak Tengku Kulup untuk merombak kelas-kelas seperti itu.

Mula-mula dia pergi ke Singapura bukanlah hendak

mencari pekerjaan. Pemergiamnya semata-mata mengiringi tuannya – “orang putih”. Mula-mula tersinggung juga perasaannya apabila orang-orang di Singapura ber “aku” dan ber “awak” dengannya. Tetapi, akhirnya, dia menjadi kuli buruh di Harbour Board setelah mendapat “Di sini, di Singapura ini, senang, tak ada orang kontrol, tak ada orang yang mesti dihormati dan tak ada pula orang mesti kita tunjukkan kebesaran padahal hidup melarat.” (Hlm. 69). Sungguhpun hidup melarat, tetapi prinsipnya ada. Sekali haknya dirampas, namun selepas itu, dia akan bertindak dan bertahan.

Cerita “Sepanjang Jalan (II)” sudah jauh meningkat maju berbanding dengan “Sepanjang Jalan (1)”, ia bukan sekadar sketsa lagi. Unsur-unsur moden dalam penulisan cerpen mula diperhitungkan. Pengarang sudah dapat mengekang rasa ingin tahu sejak perenggan pertama lagi yang terus kepada dialog seperti berikut:

“Tak tahan, kalau macam ini juga selamanya, tak tahan. Tentu mati kesudahannya.” Abu meletakkan baldi getahnya. Berat sekali, bahunya runtuh ditekan pengandar, pinggangnya bengkok dan muka kerut.

“Huh....” Keluar keluhan dari dadanya melalui mulut yang dibulatkan dan badannya melorot longlai di pangkal batang getah seperti sumpit kosong bersandar.

(Hlm. 72)

Permulaan seperti ini terus dapat menggerakkan cerita, dan dialog itu pula memberikan gambaran tentang tokoh Abu dan latar cerita secara tidak langsung. Keluhan “Huh” membayangkan betapa penatnya Abu bertungkus-lumus bekerja menoreh getah di kampung yang hasilnya tidak seberapa. Ada nada dan tindakan penyesalan pada tokoh ini, dan dialog ini dapat menarik dan menimbulkan minat pembaca untuk mengetahui tindakan yang akan dilakukannya: Adakah dia akan terus menginap di desa, ataupun merantau ke kota bagi mencari rezeki supaya

dapat membaiki hidupnya? Sudut latarnya pula dapat dijengah dari "pangkal pokok getah" walaupun tidak dihirai secara terperinci selepas itu.

Cerpen ini dianggap berjaya kerana penggunaan dialog yang lebih singkat, *natural*, dan lebih berupa perlontaran watak-watak itu sendiri. Pembahagian babak juga tidak begitu terasa. Dan, lebih menarik lagi, apabila diperhatikan babak pertengkaran antara Abu dan isterinya Minah yang berpunca daripada hasrat Abu hendak menjadi "mata-mata khas" lebih merupakan kemuncak cerpen ini. Abu tetap berkeras dengan tujuan murninya. Tetapi, sayangnya, pengaruh kawan-kawan lebih kuat daripada desakan hatinya hendak membaiki taraf hidup. Dia mendapat pekerjaan di bandar dan pengaruh kawan-kawan menyebabkan dia mengenal hiburan, dan berlakulah konflik kebatinan dalam jiwa Abu apabila mendapati wangnya sudah habis untuk dibawa pulang. Hatinya tidak begitu gembira hendak pulang. Mahu tidak mahu, Abu terpaksa juga pulang, tetapi mujurlah Minah tidak menunjukkan sikap membantahnya lagi. Hal ini mudah kita mengerti. Dia tidak selamanya membenarkan Abu mencari pekerjaan di bandar, lebih-lebih lagi sebagai "mata-mata khas". Abu mengambil keputusan tidak mahu lagi mencari pekerjaan lain, langsung menetap di desa.

Abu dalam "Sepanjang Jalan (III)" bekerja sebagai tukang kayu. Dia tidak mahu anaknya, Aman, mewarisi pekerjaan tersebut; biarlah anaknya menjadi doktor. Inilah yang menjadi punca pertengkaran dia dan isterinya, Timah. Cerita ini terbahagi kepada tiga suasana, iaitu: (1) pertengkaran antara Abu dan isterinya; (2) di sekitar Aman; dan (3) kematian Abu.

Harapan Abu melihat anak tunggalnya menjadi doktor cuma tinggal harapan cuma. Sebab terjadi demikian bukan sahaja kerana minat anaknya lebih tertumpu pada bidang pertukangan kayu (sudah dibuktikan kebolehannya dengan kejayaan membuat kuda kayu) dan bukan juga

disebabkan oleh kecenderungan Timah melihat anaknya mewarisi kebolehan suaminya, malah disebabkan oleh konflik kebatinan Aman sendiri yang lebih memikirkan tentang keuzuran bapanya sehingga menyebabkan pelajaran darjah lapanya merosot. Apabila Abu meninggal dunia, maka bertambah malaplah harapan tersebut, dan hal ini diperkuat oleh pendapat ibunya:

"Engkau jadilah apa yang engkau suka, Man, tetapi emak senang melihat engkau meneruskan kepandaian ayah engkau ini."

(Hlm. 84)

Melalui cerpen ini sekali lagi kita berhadapan dengan komentar dan sindiran pengarang terhadap perbezaan kelas dalam masyarakat – kelas miskin dan kaya. Walau-pun suara komentar masyarakat ini diungkapkan menerusi dialog Aman dengan ibunya, tetapi dialog yang dipertuturkan begitu panjang sehingga terasa pematahan plot cerita. Pematahan ini sudah tentu kurang meninggalkan kesan. Ertinya, pengarang begitu terbawa-bawa hendak memantulkan komentarnya melalui dialog yang diungkapkan itu. Perhatikan petikan berikut:

"Saya telah membaca banyak buku, dan saya tahu di mana-mana saja dalam negeri-negeri yang seperti kita ini susunan masyarakatnya, tidak ada orang miskin yang boleh sampai kepada kesenangan walau dengan jalan apa juga pun melainkan kalau orang itu ada peluang menempuh jalan yang sukar-sukar..."

(Hlm. 83)

Tentu ada alasan mengapa kita mengatakan bahawa cerpen-cerpen Keris Mas dalam peringkat kedua perkembangan penulisan cerpennya menampakkan kejayaan. Alasan yang nyata ialah pengarang sudah mula memberi perhatian terhadap penokohan watak-wataknya. Suatu kecenderungan yang nampaknya jelas ialah pengarang gemar sekali membuat penokohan menerusi dialog watak

lain. Dialog Timah dalam "Cerita Sepanjang Jalan (III)" ini membuktikan hakikat tersebut; dan dalam peringkat ketiga berikutnya, kita dapat memperhatikan betapa penokohan watak-watak ini diberikan dengan begitu terperinci:

"Ayah engkau dulu macam engkau ini benar lakunya: sabar dan tenang, kuat dan rajin menarah dan mengetam tak berhenti-henti, sampai pindah ke bandar ini dan sampai menyekolahkan engkau."

(Hlm. 83)

Keris Mas turut memperkatakan tentang "Masalah Perwatakan dalam Kesusasteraan Kita". (Lihat rencana pengarang *Dewan Bahasa*, Oktober 1965, hlm. 433) Dalam rencana yang dimaksudkan itu, Keris Mas antara lain berpendapat: Kita sering sahaja berhadapan dengan watak-watak yang mewakili manusia yang seolah-olah tidak berdaya untuk berfikir secara serius dan bergerak secara dinamik. Kita bertemu dengan pemuda-pemuda liar, tetapi keliaran mereka itu biasa, yang tidak berketentuan.

Pengarang membuat teguran ini setelah gagal menemui watak-watak yang degil melalui karya baik dalam bentuk novel, cerpen, mahupun drama. Ertinya, dalam mengikuti perkembangan kesusasteraan tanah air yang begitu pesat, pengarang sukar menemukan watak-watak segigih tokoh Usman dalam cerpen "Keras Hati" (hlm. 85). Cerpen ini ditulis pada tahun 1951 dan sudah tentulah rasa kekecewaan itu kian menebal apabila tidak pun menemui kedegilan tokoh Usman setelah perkembangan sastera berarusan kira-kira 14 tahun kemudian.

Watak Usman memang cukup degil dilukiskan oleh Keris Mas. Oleh itu, memang sesuai sekali cerpen ini diberi judul "Keras Hati". Dia tidak serik-serik walaupun telah tiga kali masuk perangkap MP. Berkelahi dengan adik perempuannya dan Tauke Panjang berpunca daripada perniagaan telur ayam. Akhirnya Usman hilang dari kampung setelah mencuri telur. Di Kelantan dia menjadi

lebai dan mula terkenal di kalangan anggota masyarakat kampung. Mulalah dia bermiaga telur dan beras. Sungguhpun percintaannya dengan Salma gagal tetapi pengalamannya dengan kakak kekasihnya – yang kebetulan menjadi tauke dan yang mula-mula membuka jalan baru dalam penghidupannya – sungguh luar biasa. Tetapi, nasibnya malang, ada golongan yang kurang senang dengan perbuatannya di kampung. Dia diserang dengan pukulan 6-9 dalam perjalanan pulang ke pondok dari Kota Bharu. Namanya di pondok kian menurun dan akhirnya dipukul sekali lagi.

Di Kuala Trengganu, Usman berazam “hendak hidup dengan cara yang lurus dan benar” (hlm. 91). Dengan pertolongan ketua kampung dia mendapat sebidang tanah di tepi hutan untuk berhuma dan mendirikan pondok. Tetapi, nasibnya malang lagi. Perbuatan anak tuk khatib membunuh kerbaunya yang sedang bunting menjadi sempadan titik kesabarannya. Perebutan gadis hanya perkara *secondary*, sebab sekiranya kerbau itu tidak dibunuh, harapannya hendak berkahwin cerah. Itulah sebabnya dia mengambil keputusan memenggal lebai tersebut dengan parang di depan orang ramai di masjid pada hari Jumaat.

Mesej yang mahu disampaikan oleh Keris Mas menerusi cerpen ini ialah individu akan bertindak mengikut kemahuan hati sekiranya anggota masyarakat sekitar tidak mahu bertolak ansur dengan cita-cita murninya hendak memulakan lembaran hidup baru. Pengarang tidak meletakkan kesalahan pada Usman sehingga menyebabkan dia lahir sebagai “tokoh pipih” dari awal hingga akhir cerita, tetapi kesalahan tersebut terletak pada pandangan anggota masyarakat yang menganggap seseorang individu jahat akan selamanya berwajah hitam, ataupun kalau putih maka akan putihlah buat selamanya.

Usman bersedia menerima hukuman dan tidak menyesal dengan kekerasan hatinya. “Tetapi dia mahu meny-

takan kepada pengadilan bahawa jiwanya telah dirosakkan oleh cara orang lain berfikir yang tidak mahu mengendahkan kesucian cita-citanya itu." (Hlm. 93).

Adakah dengan azam tersebut Usman akan terlepas daripada menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahannya itu? Pembaca boleh memberikan berbagai-bagi tafsiran terhadap peleraian cerpen ini, dan di sinilah pula menapaknya setakuk lagi kejayaan Keris Mas dalam penulisan cerita pendek. Orang boleh menyatakan Usman tidak boleh bertindak sekejam itu. Dia boleh mengadu kepada pihak berkuasa setelah kerbau buntingnya dibunuh! Tetapi, orang lain pula berpendapat, tindakannya itu wajar untuk mengajar anggota masyarakat yang selamanya menganggapnya sebagai "tokoh hitam".

Acap kali disebutkan bahawa cerita-cerita pendek angkatan selepas perang mempunyai tema kerakyatan dengan latar belakang kemasyarakatan. Keadaan darurat serta suasana pergolakan politik tanah air tidak dibiarkan terlepas begitu sahaja. Cerpen-cerpen Keris Mas berjudul "Kejadian di dalam Estet" dan "Kedai Sederet di Kampung Kami" dapat dilihat tentang tema darurat itu.

Kita tidak bersimpati dengan tokoh Tuan Manager dan Yam (Mariam) yang mati dibaham peluru pihak musuh yang menyerang rumah tuan ladang. Tujuan pengarang ialah menarik rasa simpati pembaca terhadap Bedul yang bertugas sebagai polis khas. Ironi yang halus nampaknya dilemparkan kepada Mariam, yang masih berfoya-foya dengan Tuan Manager ladang getah tempat dia bekerja walaupun sudah bersuamikan Bedul dan tiba-tiba tersentak apabila Bedul yang bertugas di posnya, menyergah mereka. Dia mati bukanlah di tangan Bedul tetapi di tangan pihak musuh; dan demikian juga halnya dengan Tuan Manager.

Keris Mas berjaya membangunkan rasa ingin tahu setapak demi setapak melalui "Kejadian di dalam Estet" ini sehingga sampai kepada puncaknya apabila Bedul menyergah Mariam dan Tuan Manager sedang berjalan

berpeluk-peluk pinggang pada suatu malam. Bedul tidak terus bertindak. Pengarang terus membumbunya dengan rentetan sorot balik yang panjang, semuanya sampai kepada satu titik: Kecurangan Mariam sebelum berkahwin dengannya. Dan, yang paling nyata padanya ialah; "Teringat dia akan peristiwa mula berpeluk-pelukan dengan Mariam dahulu. Mariam mengucup bibirnya macam orang putih. Siapa mengajar dia?" (Hlm. 65).

"Kedai Sederet di Kampung Kami" lebih berupa sebuah coretan. Saya kuat beranggapan demikian kerana pengarang banyak menonjolkan diri sebagai pencerita. Lapan buah kedai sederet di kampung itu musnah dijilat api yang tidak diketahui daripada mana puncanya. Tetapi, dalam coretan pengarang di akhiran cerita ini, menyebutkan pula "Kami dituduh membantu pengganas, membantu anak-anak muda kami yang masuk ke dalam hutan. Kami yang disyaki membakar kedai sederet yang menjadi lambang kampung kami itu kerana hendak melindungkan pemuda-pemuda kami lari balik ke hutan ketika diburu oleh pasukan keselamatan malam tadi." (Hlm. 155).

Keris Mas melalui coretan ini nampaknya sudah menguasai penggunaan bahasa dengan cukup baik dan sudah menampakkan ketokohnya sebagai penulis cerpen yang unggul untuk zamannya. Beliau memberikan sifat metafora terhadap benda mati seperti contoh ini:

Angin pagi bertiup sekarang. Asap tipis berkuak memecah diri di atas tungkul-tungkul hitam kedai lapan sederet di kampung kami yang telah musnah."

(Hlm. 155).

Keris Mas sendiri pernah memperkatakan tentang "Bahasa dalam Cerita-cerita Pendek". (*Dewan Bahasa*, Jun 1963, hlm. 254, 271). Dalam rencana tersebut beliau membuat teguran tentang "penggunaan kata-kata yang tidak tepat, stail yang keinggerisan dan ayat-ayat yang tidak lengkap serta pemakaian penambahan yang salah dan lain-lain lagi." Beliau masih tidak bersetuju untuk

mengatakan bahawa kesalahan dan kejanggalan atau pemilihan kata-kata yang tidak tepat adalah satu stail yang membawa pembaharuan. Beliau memegang pendapat bahawa tiap-tiap pembaharuan mestilah satu langkah kepada kemajuan dan kesempurnaan bukan suatu langkah kepada kekacauan. Saya sendiri dapat merasakan tentang perubahan stail dan penguasaan bahasa yang lebih lincah dan menarik dalam cerpen-cerpen "Kejadian di dalam Estet" dan "Kedai Sederet di Kampung Kami" jika dibandingkan dengan stail penceritaan cerpen-cerpen peringkat pertamanya.

Perubahan stail atau gaya bahasa ini sudah mencerminkan perubahan dan kemajuan berfikir Keris Mas sendiri. Hal ini diakui sendiri oleh pengarang yang beranggapan bahawa:

"Kita tidak dapat hendak bercalistik dalam pengucapan atau pernyataan fikiran kalau kita tidak lebih dahulu sudah boleh berfikir secara realistik. Kita tidak dapat berdinamik dengan kata-kata yang kita pilih kalau fikiran kita sebenarnya masih belum dinamik."

(Hlm. 271)

Cerpen-cerpen Keris Mas yang dihasilkan selepas tahun 1955 yang merupakan titik tolak dalam proses kematangan penulisan cerpen beliau banyak mengambil soal yang bergolak di sekitar tahun-tahun menjelang kemerdekaan negara dan kesan-kesan daripada kemerdekaan tersebut. Saya bersetuju dengan pendapat Mana Sikana yang menyatakan bahawa sikap Keris Mas lebih jelas lagi dalam peringkat kematangan ini. Beliau ternyata lebih berhati-hati dalam tulisannya. Pencapaian teknik dan fungsinya sebagai pengarang benar-benar menonjol.

Pengarang sudah mengalihkan fokus latarnya ke kota Singapura. Hal ini tidak menghairankan kerana beliau sendiri sudah biasa dengan hiruk-pikuk masyarakat kota tersebut sewaktu berkhidmat dengan Ultusan Melayu. Sungguhpun begitu, Keris Mas tidak terus melarikan diri

daripada persoalan masyarakat desa lalu langsung menyerahkan diri dengan kisah-kisah yang berlaku di kelab malam, bilik dansa yang suram dan dingin, berfoya-foya dengan gadis kota dan sebagainya. Saya mendapati beliau melakukan perimbangan antara desa dan kota. Pemuda desa merantau ke kota dengan harapan memperbaiki penghidupan setelah pimpinannya tidak dikehendaki di kampung seperti yang digarap dalam cerpen "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" (hlm. 156). Muhammad Hasan yang berasal dari Kuala Semantan merantau ke Singapura sebagai manusia yang "sudah hilang perhitungan sebab membenci kekerasan". Beliau ialah anggota Kongres Parti Kebangsaan yang bersikap *non* tetapi Hasan muah mengubah taktik kepada *co*. Oleh kerana tidak muah diterima, maka dia tidak ikut berjuang di hutan kerana dasar kekerasan tidak sesuai dengan jiwanya.

Kalau A digariskan sebagai peristiwa yang berlaku di sekitar Hasan, dan B sebagai tokoh "aku" yang bertugas di pejabat akhbar yang terletak berhadapan dengan tempat Hasan berdiri suatu pagi dalam pendahuluan cerpen yang langsung kepada aksi tokoh, maka struktur cerpen ini dapat dibuat seperti berikut:

A – B (sb) – (A – B) – sb (sb dalam sb) – A (sb) –
(A – B) – B

Sb menggambarkan sorot balik dan cerpen dileraikan dengan "aku" mencari kerja untuk Hasan.

Dari perenggan pertama lagi aksi tokoh sudah bermula dalam cerpen ini. Perhatikan: Sesungguhnya dia dalam keadaan sangat serba salah. Dan perenggan ini dilanjutkan lagi dengan aksi "dia": Dia berdiri di balik tiang tembok sebuah padang di Cecil Street. Jalan raya sunyi dicurahi hujan lebat. Sekali-sekali lalu bas dan sekali-sekali lalu beca dan kereta bertutup rapat dalam rupa kesejukan. (hlm. 156).

Sekali gus, aksi tokoh menggambarkan pula tentang

latar di mana aksi atau persitiwa itu berlaku. Datang "aku" mendapatkannya, iaitu kenalan lama sewaktu di desa. Sesungguhnya ini merupakan bahagian pertengahan cerita, dan dalam perkembangan selanjutnya barulah ditimbulkan permulaan cerita sebenarnya tentang siapakah yang dimaksudkan dengan pemimpin kecil itu menerusi sorot balik atau imbas kembali. Sekurang-kurangnya ada tiga sorot balik digunakan dan salah satu daripada sorot balik itu lebih merupakan sorotan dalam sorotan.

Tadi disebutkan bahawa kematangan Keris Mas bercerpen sudah bermula daripada cerpen ini. Buktinya perhatikan tentang penokohan watak, gaya bahasa, dan stail penceritaannya yang lebih banyak membiarkan tokoh-tokoh beraksi sendiri tanpa penglibatan pengarang untuk melontarkan idea dan mesej tertentu. Penokohan dibuat secara begitu terperinci oleh pengarang, yang disogokkan dengan penceritaan secara langsung seperti ini:

Baju kemeja putih, lusuh dan kumal. Seluarnya berwarna coklat muda, kotor, sempit dan memutih oleh tuanya. Sepatunya sepatu getah hitam tinggi, yang menutup buku lalinya, seperti sepatu bola. Dan dia berjambang tidak terurus. Rambutnya juga panjang tidak terurus. Berkaca mata hitam pula dia.

(Hlm. 157)

Bukankah penokohan ini sudah cukup jelas pada kita tentang watak "dia". Hal ini merangsang ingin tahu kita terhadap siapa "dia" dan apakah yang menyebabkan "dia" berkeadaan demikian, mengapa "aku" tertarik hati padanya, apakah insiden berurutannya yang berlaku terhadap "dia". Pendeknya berbagai-bagi pertanyaan membumbui ruang saraf ingin tahu kita. Perhatikan pula penggunaan bahasa Keris Mas yang ringkas, padat, dan tepat. Demikianlah stail bahasa dalam cerpen-cerpen Keris Mas seterusnya. Kalaupun ada unsur puitis dan nada melankolik, tetapi tidak begitu dominan. Kepuitisan bahasa dan stail

yang dimaksudkan itu pun ditemui dalam cerpen ini seperti:

Dan kami telah lama merebahkan diri berselimut gelap-gelita. Titis hujan di cucuran atap membuat titik-titik perhitungan dalam kepala.

(Hlm. 163)

"Menjelang Merdeka" (hlm. 165) mengutarakan dua persoalan. Pertama, kisah pejuang kemerdekaan yang dilupakan begitu sahaja; dan kedua, perubahan sikap seorang mahasiswa yang ketika menjadi penuntut mahu berbakti kepada rakyat dengan hidup dan berjiwa rakyat, tetapi sekarang mahu memimpin mereka dari kedudukan tinggi yang diperolehnya hasil kemerdekaan negara. Tokoh pejuang dengan penuntut itu dikaitkan sebagai bapa dengan anak. Ayah Shahrum, pejuang kebangsaan itu, pernah meringkuk di dalam penjara ketika Shahrum belajar di universiti. Dia pernah meletakkan jawatan daripada kedudukannya yang baik kerana hendak memimpin rakyat. Tetapi, sekarang orang tua yang banyak jasa itu terbuang begitu sahaja ketika negara hendak merdeka. Sewaktu menjadi penuntut, hidup Shahrum tidak mahu dihubungkan dengan ketinggian pangkat dan jawatan. Dia sekarang pegawai yang memestikan menghisap rokok dan minum minuman keras (hlm. 168); dan wataknya sudah berubah – perut yang memboyot dan perawakannya yang kemas dan teratur.

Persoalan ini menarik perhatian, tetapi kejayaan sebuah cerita bukan sahaja terletak pada pokok persoalan malah teknik atau strukturnya. Keris Mas sendiri mengakui hakikat ini (Keris Mas, 1961:442-446). Keris Mas menarik perhatian bahawa "pemilihan tema yang berpusat pada kehidupan rakyat jelata yang hidup menderita itu kelihatan makin lama makin berkurangan, tetapi pemilihan yang berpusat pada kehidupan kaum menengah dan atasan makin bertambah. Dengan mudah dapat diperhatikan, terutama dalam cerita-cerita pendek – cerita-

cerita tentang kehidupan di kebun getah, di sawah, di surau, jalan lecak di kampung, bilik-bilik sewaan di kota, di kilang dan sebagainya, sudah banyak berkurang, yang banyak menjelma ialah cerita-cerita tentang kehidupan di *night club*, di rumah-rumah tukang urut (*massage*), di lorong-lorong belakang dalam kota (pelacuran) atau cerita-cerita tentang motokar besar, tentang radiogram, tentang piano, tentang dapur elektrik, tentang *cocktail* dan sebagainya." (*Ibid*: 442). Keris Mas sendiri sudah mengalihkan perhatian tentang pemilihan tema ini kalau diperhatikan daripada cerpen "Menjelang Merdeka". Dia sudah mula mendedahkan tentang anak-anak muda berpelajaran yang banyak berslogan dan berteori hendak memimpin rakyat miskin sewaktu menuntut di universiti, tetapi lebih mementingkan kedudukan, pangkat, kerasmian merokok, minum-minum, dan bercocktail setelah keluar universiti dan mulalah lupa tentang cita-cita murni mereka.

Kata Keris Mas, "Pemilihan tema yang beralih pemusatannya ini bukan satu gejala kemunduran yang bukan pula tanda kemajuan." Tadi sudah disebutkan bahawa banyak unsur lain yang mempengaruhi kejayaan sebuah cereka. Yang penting daripada unsur yang dimaksudkan ini ialah pendekatan atau cara menghadapi persoalan daripada tema itu. Kalau kita menoleh pada cerpen Keris Mas tadi, ternyata beliau sudah dapat menilai realiti dalam masyarakat dewasa itu. Memang, kisah pejuang kebangsaan tulen yang dilupakan dan kisah penuntut melupakan tanggungjawab terhadap rakyat miskin begitu menjolok mata. Pengarang cuba meraba kebenaran daripada keadaan yang menjolok mata ini. Di sini timbulah soal sebab dan akibat.

Ironi halus lembut yang tersisip dalam cerpen "Menjelang Merdeka" ini ialah pendedahan Shahrum pada tokoh "aku" tentang perjuangan ayahnya. Katanya, "Ayah saya seorang pejuang kemerdekaan dan kebangsaan.... ia telah melalui berbagai-bagai penderitaan - rohani dan

jasmani. Sekarang orang akan merdeka, orang tua yang berjasa itu terbuang saja seperti sampah di tepi jalan." (Hlm. 167). Cakap-cakap Shahrum ini mengandungi mak-sud tertentu, iaitu pembalasan jasa daripada perjuangan kemerdekaan. Oleh kerana orang yang berpura-pura berjuang mendapat kedudukan yang lebih istimewa, maka ayahnya sekarang mengidap penyakit "jiwa" dan penyakit tua. Inilah sebabnya diri Shahrum berubah, dan sebagai akibatnya berangkatlah dia ke luar negara menjadi pegawai tinggi. Lenyaplah seorang pemimpin muda dari tengah-tengah masyarakat. Keris Mas dapat mencari sebab dan akibat daripada penonjolan kebenaran masyarakat menjelang merdeka itu.

Tiga buah cerpen berikutnya menonjolkan konflik kebatinan tokoh-tokoh yang amat berat. Bill, yang menjadi pegawai kementerian dan tuan besar sewaktu negara belum merdeka menaruh anggapan yang salah sekali, kononnya orang seperti Kasim tidak tahu menjalankan tugas apabila dilantik memegang sesuatu jawatan. Bill mahukan Bob dilantik kerana dia ialah pegawai *expatriate*. Berlakulah konflik dalam batin Bill apabila Menteri menyatakan "dia anak negeri, tahu kehendak rakyat, pegawai tinggi berpengalaman serta berkelulusan tinggi." Tetapi, Bob mengingatkan Bill seperti ini, "Aku tidak merasa rugi kalau pegawai anak negeri ini sendiri mendapat kesempatan memimpin projek itu." (Hlm. 187).

Meneliti episod demi episod yang mendukung cerpen ini, kita mendapati bahawa kegelisahan sebenarnya terletak pada diri Bill terus-menerus. Daripada lapangan terbang lagi dia terasa pegawai kastam memandang sinis dan mengejeknya. Kemudian, dia gelisah menunggu mesyuarat ahli jawatankuasa pada pukul 11:00 pagi. Dalam keadaan serba salah itu, Menteri pula ada temu janji dengan anggota Majlis Undangan dari Pantai. Bill terasa Yang Berhormat dan Menteri memandang sinis dan senyum mengejek padanya. Selepas itu, dia bersama-sama dengan Bob menghabiskan masa minum-minum pagi di

kelab; kononnya, Menteri akan lambat sampai. Dan, sekali lagi dia terjebak dan terejek. Dia bagaikan tidak percaya bahawa "Menteri sudah datang." Bill masuk lif Federal House dalam keadaan serba salah lagi. Menteri juga menghadapi konflik iaitu terhadap orang gaji yang gemuk, tentang isteri yang sudah membawa kereta keluar-keluar, tentang pemandunya Amat dan Bill yang pandai mengangkat-angkat tetapi kerja tidak pernah betul. Bagaimanapun, fokus pengarang ialah untuk menonjolkan rentetan konflik yang dihadapi oleh Bill, rasa kesal disebabkan oleh perubahan masa menyebabkan peranannya dan orangnya tidak diperlukan lagi.

"Runtuh" menggambarkan perubahan buruk yang berlaku ke atas seorang tokoh politik yang serta-merta menduduki tempat penting setelah keadaan politik berubah. Mula-mulanya Hashim merupakan pegawai muda di Pejabat Pelajaran. Dia baru menerima fahaman sosialis, berhenti daripada jawatannya kerana hendak berjuang. Dua tahun dahulu menceburkan diri dalam parti nasional yang liberal. Kawannya, Said, menuduhnya melacurkan diri pada politik; tetapi Hashim tidak mahu menerima tuduhan tersebut. Prinsipnya ialah berjuang. Seorang tauke memperkenalkan Nancy kepada Hashim dan inilah yang menyebabkan Said menuduhnya sebagai pelacur jantan. Ada keinsafan pada dirinya. Tetapi, konflik kebatinan sebenarnya dihadapi oleh isterinya, Hasnah, yang berterusan daripada awal hingga akhir. Sebab dikatakan sampai ke hujung itu ialah perhitungan terbaharu yang dibuat oleh suaminya – "Malam ini Nancy tak datang. Aku akan pulang kepada rumah, isteri dan anakku. Besok aku akan menemui rakyatku." (Hlm. 199) – tidak pernah dan belum pernah diketahui oleh Hasnah. Dia cuma tahu suaminya pelacur politik sahaja.

Cerita bermula dengan Hasnah memandang dirinya dalam cermin. Kemudian sorot balik kepada masa dua tahun silam ketika kempen pilihanraya begitu heboh dan Hashim mula melupakan tanggungjawabnya sebagai

suami. Jawatan diletakkan dan begitu juga dengan Hasnah kerana hendak menjaga anaknya, Anas. Balik ke masa kini bilamana Hasnah bersiap-siap hendak ke pajak gadai. Sorot balik kembali ketika dia usik-mengusik dengan Hashim langsung mendirikan rumah tangga. Fokus cerita dialihkan kepada tokoh Said di kedai kopi kerana menunggu kawan. Secara kebetulan pula bertemu dengan Hasnah. Kembalilah perasaan lama yang terputus (hlm. 194). Di pasar, di dalam bas dan sampai di dapur, perkataan Said mengusik hati Hasnah: "Dulu pun, dia menang dengan kempen juga," katanya (hlm. 195).

Akhirnya berlaku pertemuan antara Said dengan Hashim, dan seterusnya Hasnah masih menguliti diri dalam cermin. Hashim sudah menjadi wakil rakyat, Hasnah teringatkan kereta suami dan sedarlah dia sekarang orang membelikan kereta untuk suaminya bertujuan menggunakan pengaruh politik yang ada padanya. Tauke memperkenalkan Nancy pada Hashim. Hashim benar-benar sudah melupakan tanggungjawabnya terhadap keluarga. Tetapi dia insaf akhirnya. Itulah inti pati cerita yang didedahkan. Dua perkara yang benar-benar diberi perhatian oleh pengarang ialah penokohan watak dan latar. Satu lagi perkara ialah tentang teknik cerita ini yang kuat menunjukkan betapa pemerhatinya Keris Mas. Perhatikan petikan berikut:

Seekor itik menggelupur dari bakul seorang amah Cina bertocang panjang. Terlompat-lompat itik itu memasukkan dirinya ke dalam longkang di depan kaki lima tempat Said minum, kakinya terikat tetapi kepaknya dan muncungnya bergerak luar biasa melahirkan tenaga dan suara. Amah itu mengacau, barangkali memaki dan menghamun binatang yang nanti bakal disembelih itu. Tocangnya terhayun ke kiri dan di kanan. Itik itu sempat melenyapkan dirinya ke bawah kolong tangga kedai kopi dan amah itu kian bising hingga tenggelam suara itik oleh maki hamunnya.

(Hlm. 194)

Dalam cerpen "Salah Pimpin", Keris Mas mengingatkan bahawa "Kemajuan yang dikehjarn oleh mereka tidak cocok dengan wanita kampung yang miskin. Di kampung sekarang, kemiskinanlah yang mesti diperangi." Akibatnya, Agus yang bekerja sebagai penoreh getah di desa menghadapi konflik jiwa atas desakan isterinya, Halimah, supaya membelikan peralatan dapur. Agus juga yang salah kerana mahukan isterinya mengejar kemajuan dan terpilih pula mahu kursus wanita insaf di Kuala Lumpur. Pertengkaran berlaku antara Agus dan Halimah yang berpunca daripada desakan Halimah untuk membelikan oven. Agus ingin mengurangkan belanja dapur. Rumahnya sudah bertukar wajah. Itulah sebabnya dia bersetuju apabila Halimah meminta supaya dia membelikan dapur minyak tanah. Tetapi, hal ini hanya permulaan daripada perubahan-perubahan berikutnya. Tiga orang rakannya berpakat hendak membelikan oven untuknya. Agus tidak bersetuju. Dia berpendapat, "Cara cik puan ini bukan memimpin namanya tetapi meruntuhkan." (Hlm. 210). Dia tidak mahu mereka mencampuri urusan rumah tangganya. Setelah tetamu-tetamu kehormat itu pulang, barulah Agus berasa lega. Sebenarnya dirinya tidak kurang satu apa, seperti yang disebutkan sejak awal-awal lagi: "Apakah yang kurang?" (Hlm. 200). Pertanyaan ini menimbulkan *suspence* yang berpanjangan sehingga tetamu-tetamu yang mahu memimpin anggota masyarakat kampung supaya celik dan tahu hidup dalam zaman moden itu pulang.

Demikianlah kita mengikuti rentetan realiti masyarakat yang didedahkan oleh Keris Mas melalui 20 buah cerpennya dalam *Patah Tumbuh*. Nampaknya, cerpen-cerpen ini menurut urutan perkembangan realiti yang berlaku di hadapan mata pengarang sendiri. Pemusatkan cerita bertolak daripada kelas-kelas dalam masyarakat, berengsot kepada kemiskinan hidup, khususnya pada zaman darurat dan penjajahan; dan akhirnya menyorot kepada pergolakan yang berlaku setelah negara mencapai

kemerdekaan. Demikian juga halnya dengan teknik cereka. Sedikit demi sedikit teknik penceritaan Keris Mas menampakkan kemajuan sehingga mencapai kematangan selepas tahun 1955. Bahasa Keris Mas terperinci dia berhati-hati dengan kata-kata dan ungkapan-ungkapan supaya benar-benar menepati apa yang dimaksudkan.

Cerpen-cerpen dalam *Patah Tumbuh* ini membuktikan bahawa Keris Mas sudah meletakkan dirinya pada tahap kedua dalam perkembangan cerpen Melayu selepas A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Peneroka cerpen tahap pertama lebih mementingkan mesej daripada teknik, sedangkan Keris Mas menampakkan kemajuan daripada segi teknik. Sewaktu Keris Mas 'mendiamkan diri' daripada bercerpen selepas "Salah Pimpin", genre cerpen kita sudah memasuki tahap ketiga. Antara tokohnya yang paling menonjol ialah Shahnon Ahmad. Prof. Lloyd Fernando mengakui tentang kelainan yang diutarakan oleh Shahnon Ahmad melalui cerpen-cerpen terbarunya. Beliau telah mengkaji cerpen-cerpen Shahnon Ahmad yang dihasilkan daripada tahun 1970 hingga tahun 1975 dan mengambil kesimpulan berikut:

Dengan kumpulan ini, penulis prosa Malaysia sezaman yang terkemuka ini menunjukkan bahawa dia telah melangkah masuk ke suatu peringkat yang baru dan kompleks dalam penulisannya. Dari segi tema, dia telah berusaha memperluas bidang tumpuan minatnya dan juga memperdalamkannya: serentak dengan itu, dia membawa kepada penguasaan bahasa dan teknik gema keintelektualan yang lebih lantang daripada yang wujud dalam prosa Melayu moden sebelumnya

(Fernando, 1976)

Ketokohan Keris Mas bukan sahaja dalam bidang cerpen, malah dalam bidang penulisan esei dan kritikan. Sejak bulan Februari 1948 sehingga akhir tahun 1975, beliau menghasilkan sebanyak 175 buah esei dan kritik

yang dimuatkan dalam pelbagai penerbitan. Kebanyakan esei tersebut ialah rencana pengarang sewaktu beliau memimpin majalah bulanan *Dewan Bahasa*. Keris Mas ternyata begitu berterus terang dalam mengemukakan pendapat. Yang selalu disuarakannya ialah tentang kedudukan Bahasa Kebangsaan pada suatu masa dahulu. Beliau menyalurkan pendapat dan idea yang bernas dalam rencana-rencana pengarang itu daripada semasa ke semasa. Misalnya, soal "Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar di Universiti", mula disuarakan dalam *Dewan Bahasa* keluaran Disember 1975 lagi. Sejak tahun tersebut, Keris Mas tidak menaruh sebarang keraguan tentang kemampuan dan kebolehan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di pusat pengajian tinggi. Hakikat ini terbukti kini. Daripada soal ini, Keris menyebut pula tentang "Meninggikan Nilai Ekonomi Bahasa Melayu" (*Dewan Bahasa*, Mac 1959). Dan, masalah "Bahasa Melayu sebagai Pengantar Pelajaran Tinggi" disentuhnya kembali dalam tahun 1966 seperti yang dapat dibaca dalam rencana pengarang *Dewan Bahasa*, bulan Disember 1966.

Daripada satu segi yang lain, Keris Mas menitikberatkan pembelajaran bahasa kebangsaan di kalangan bukan bumiputera, penggunaan bahasa kebangsaan di pejabat kerajaan, pengajaran bahasa dan sastera di sekolah dan sebagainya. Beliau juga banyak membuat cadangan bernas berhubung dengan penyatuan pemakaian bahasa dengan Indonesia. Soal ini mula dibangkitkannya sejak tahun 1958, iaitu setahun selepas negara mencapai kemerdekaan. Selepas itu, perkara tersebut terus-menerus ditimbulkan seperti yang dapat diikuti daripada rencana-rencana yang berjudul "Kehendak Perjanjian Persahabatan ke Arah Persamaan Bahasa Melayu-Indonesia" (*Dewan Bahasa*, Februari 1967) "Sebelum Sampai kepada Sistem 'Ejaan Baru'" (*Dewan Bahasa*, Oktober 1967).

Menyangkut soal sastera dan tugas sasterawan, sebuah rencana beliau yang menarik perhatian untuk dirumung bersama ialah "Sastera dan Pembangunan Negara"

(Dewan Bahasa, Januari 1962). Rencana ini dimuatkan dalam buku susunan Anwar Ridhwan, *Di Sekitar Pemikiran Kesusastraan Malaysia 1957-1972* (lihat hlm. 303-307). Keris Mas berpendapat, hubungan antara sastera dengan pembangunan negara harus mengutamakan hubungan pengetahuan manusia dalam berbagai-bagai bidang seperti ekonomi, pemikiran sosial, dan politik. Kalau sebelum merdeka, sastera Melayu turut mengukuhkan semangat nasionalisme, maka pada zaman sesudah merdeka, penulis-penulis haruslah masih mampu memainkan peranan secara dewasa dan bijak membangunkan negara.

Menurut Keris Mas, dalam zaman pembangunan "tugas sasterawan, penyair dan pengarang" ialah untuk "menghidupkan semangat pembangunan dalam diri tiap-tiap anggota masyarakat, kerana rancangan-rancangan pembangunan hanyalah akan berjaya jika dikerjakan dengan jiwa dan semangat pembangunan". (Hlm. 304). "Dengan lain perkataan kita memerlukan bahan-bahan pembacaan yang bersifat pembangunan, yang dapat menimbulkan pergolakan jiwa dan mengubah sikap dan cara berfikir rakyat terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial di negara kita ini khususnya dan dunia umumnya, terutama kepada angkatan muda yang umumnya boleh membaca dan menulis tetapi tidak mempunyai pendidikan jiwa yang seimbang dengan pergolakan zamannya". (Hlm. 305).

Soalnya sekarang ialah sejauh manakah kesan dari pada penyuaraan hasrat dan harapan Keris Mas ini terhadap penulis-penulis selama ini? Rasanya, perkara tersebut perlu diperhitungkan. Kita tahu, selama ini sastera kita sudah digunakan untuk menentang penjajahan dan membangkitkan semangat nasionalisme bagi mencapai kemerdekaan dan selepas itu menyingkap realiti di sebalik kepincangan dan kemiskinan di kalangan masyarakat dalam usaha memberi kupasan dan syor untuk mengurangkannya kepada tahap berikutnya, sudah wajarnya ditanamkan semangat bekerja keras dan bergerak maju

di jiwa rakyat seperti yang disuarakan oleh Keris Mas. Yang berlaku kini adalah sebaliknya. Soal kemiskinan sudah jarang disentuh, tetapi ramai pengarang sudah memisahkan diri mereka daripada pergolakan masyarakat. Perkara ini pernah disuarakan oleh Usman Awang. Adakah sasterawan sudah menjayakan peranan mereka untuk "menghidupkan semangat pembangunan dalam diri setiap anggota masyarakat?"

Bibliografi

- Asraf, 1959. *Mekar dan Segar*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hashim Awang, 1975. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1963. *Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Keris Mas, 1961. "Beberapa Soal Mengenai Perkembangan Prosa Melayu Selepas Perang", *Dewan Bahasa*, Oktober 1961.

Dewan Sastera, Oktober 1977

Cerpen-cerpen Keris Mas: Suatu Kesinambungan dan Pencandraan

OTHMAN PUTEH

MENELITI *Kumpulan Cerpen Sasterawan Negara Keris Mas 1946-1989*, memperlihatkan wujudnya mata rantai pen- ceritaan yang berkesinambungan dengan pencandraan tentang pemikiran politik, sosial, dan ekonomi yang sebelumnya pernah dibicarakan secara harfiah oleh beberapa orang pengarang yang terdahulu seperti A. Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Keris Mas, seperti dua orang pengarang yang terdahulu itu, cenderung mengangkat fenomena masyarakat kelas bawahan sebagai fokus atau pusat perbincangan cerpen-cerpennya.

Dengan mengambil dan menampilkan peranan utama di kalangan anggota masyarakat bawahan, Keris Mas membincangkan pelbagai fenomena kehidupan yang wujud dalam realiti objektif semasa dengan pengucapannya yang agak romantis dan idealis, terutama pada tahap awal penglibatannya dalam dunia pencerpenan; tetapi sikapnya tegas dan konsisten dalam menghadapinya. Justeru, pemikiran tentang cinta, perjuangan politik, kritikan sosial, terutama yang berkaitan dengan kemiskinan dan penindasan, sikapnya terhadap golongan muda dalam masyarakat, peri pentingnya pelajaran terutama di kalangan wanita, persoalan moral akibat pengaruh Barat dan sikap protesnya terhadap golongan bangsawan ternyata amat ketara, teguh, lantang, dan mantap.

Sekadar untuk perbandingan, melalui *Sejarah Melayu*, pengarangnya, Tun Seri Lanang, mengungkapkan pelbagai episod dan cerita tentang kaum feudal – kemunculan, kekuasaan, kesanjungan, keruntuhan, dan kritikan yang bersifat alegoris – maka Keris Mas lewat kumpulan cerpennya ini melengkapi realiti objektif kehidupan dalam susun lapis masyarakat dengan mengemukakan pelbagai fenomena hidup yang dilalui oleh anggota masyarakat terbanyak yang berada di paras horizontal bentuk piramid. Di samping itu, Keris Mas memperguna keadaan semasa bagi menjolok dengan tegas dan berani terhadap golongan yang berada di puncak piramid, kerana perlakuan mereka tidak menguntungkan bangsa Melayu – selalu bertindak menentang arus kebangkitan semangat kebangsaan, kegoaan, kurang bermoral, serakah, dan gelojoh.

Menurut Keris Mas, dia menikmati dua kepuasan dalam menghasilkan cerita pendek, dan hal ini adalah pengakuannya pada peringkat awal menghasilkan karya sastera. Pertama, kepuasan dapat memperkembang daya imaginasi dengan seluas-luasnya. Kedua, kepuasan dapat menyalurkan semangat perjuangan kemerdekaan di kalangan pembaca (Keris Mas, 1979:29). Hakikat objektif diri pengarang sendiri pasti sahaja merupakan sebahagian daripada pengalaman yang sangat bererti yang dimanfaatkan, lalu muncul dalam bentuk realiti imaginasi. Dalam memperkembang daya imaginasi, Keris Mas pernah mengakui betapa cerpen terawalnya "Mengembara di Padang Cinta" (*Panji Islam*, Medan, Sumatera) hanya berupa coretan angan-angan romantik anak muda belasan tahun (Keris Mas, 1979:8-9).

Keris Mas banyak sekali menghasilkan cerpen yang menampilkan pemikiran cinta, penindasan, kemiskinan, kesenjangan sosial, dan perjuangan politik ke arah pencapaian kemerdekaan tanah air. Lazimnya pula, akan ditemukan gandingan atau pembauran dua pemikiran yang hampir seimbang, saling berkaitan dan merata pada cerpen-cerpen terawalnya, terutamanya yang diha-

silikan selepas Perang Pasifik.

Cerpen "Wasiat Orang Bangsawan" mengambil realiti objektif keangkuhan golongan feudal yang begitu memeningkatkan keturunan dan menjaga status kebangsawanannya hingga menafikan hak cinta insan biasa. Akan tetapi, akibat revolusi sosial yang tercetus di Sumatera, menyebabkan Tengku Indera Kelana lari dan semacam mencari suaka di Tanah Melayu. Kematian tokoh bangsawan itu sebelumnya telah pun menyatakan penyesalan dan merestui perkahwinan anak gadisnya dengan Anuar merupakan lambang kehancuran tembok perbezaan dan leburnya penindasan antara golongan.

Tidak semua percintaan berakhir dengan perkahwinan. Banyak hambatan, malah gagal di pertengahan jalan. Anisah gadis kaya dan berpendidikan, ingin hidup sederhana dan berusaha membimbang ibu-ibu Melayu yang buta huruf; dipaksa berkahwin dengan orang berada. Anisah dalam "Bunga Kembang Tak Jadi" bukan sahaja tidak sekufu dengan Samdi, pengarang miskin, malah terbantut usaha murninya untuk mencelikkan kaum sejenisnya. Demikian juga nasib Kamil dalam "Sumpah Seorang Peon" yang gagal memperisterikan Siti Marliah, anak gadis Datuk Setia Muhammad Hanif, yang dikahwinkan dengan Tengku Yahya. Ternyata Kamil menjadi perkakas, diperalatkan bagi kuda tunggangan untuk kepentingan orang bangsawan. Justeru itu, dia bersumpah, "... mulai sekarang biarlah tenaga dan jiwaku tersedia untuk membela nasib segala manusia yang tertindas dan tertipu seperti aku." (Hlm. 328)

Pemikiran Keris Mas tidak sahaja radikal dalam menghadapi pelbagai fenomena sosial, malah kritis dalam mentafsir dan menganalisis realiti objektif yang berada di persekitarannya. Cerpen-cerpennya jelas menghantar protes sosial terhadap golongan feudal, menghentam golongan agama dan kaum tertentu dalam hal perkahwinan. Melalui cerpen "Bayangan Hitam", Keris Mas mengkritik golongan tuk guru yang memperalat agama untuk mem-

nuhi tuntutan pengaruh iblis bagi memuaskan hawa nafsunya. Perubahan sikap Pak Mat Pencen, ayah Aini, yang melihat anak gadisnya menderita terlantar sakit kerana tidak mahu bersuami dengan "... tua bangka yang rakus itu ... tidak sudi dimadu ...", maka telah menyelamatkan Aini daripada "... manusia yang durjana ..." yang kemudiannya ternyata berangkat meninggalkan kampung setelah keempat-empat isterinya diceraikan sekali gus. Sementara cerpen "Nana yang Cemburu" menampilkan citra Naina Marikan, India Muslim yang rakus nafsu, tidak berperikemanusiaan, bertindak secara tidak rasional, berperilaku hodoh, berperangai cemburu, dan tidak percaya pada kejujuran isteri sendiri.

Sedangkan cerpen "Dia Jatuh Cinta" memperlihatkan keprihatinan aku (Arif), pemuda perjuangan, dalam merancang hidup berumah tangga. Arif amat khuatir untuk beristeri, kerana dia beranggapan hidup berkeluarga akan menjadi kucar-kacir seperti keluarga Ahmad dan Anwar yang tidak memahami sikap dan perjuangan seorang suami. Dalam kemelut inilah munculnya Mariati, gadis perjuangan dalam bidang pendidikan, menyatakan kesediaan untuk "... menderita membela rumah tangga untuk seorang pemuda harapan bangsa dan harapan saya (Mariati - OP), boleh menenangkan hati dan membara semangatnya (Arif - OP) tiap-tiap kali kembali dari medan pergerakan ..." (hlm. 184-185). Di sini, kita menyaksikan betapa pengarang cuba menegaskan peri pentingnya peranan dan pengertian seorang isteri dalam rumah tangga yang suaminya adalah orang perjuangan.

Memperkatakan cerpen-cerpen yang menyerlahkan pemikiran gandingan cinta dan perjuangan kemerdekaan, sewajarnya kita mengetahui tentang sikap Keris Mas terhadap politik. Dalam usia 20-an Keris Mas memang "... menggilai politik. Ingin berjuang untuk kemerdekaan. Tetapi ini sebenarnya hanya penerimaan konsep saja ... tidak berbuat apa-apa ... masih berkhayal dan berangan-angan." (Keris Mas, 1979:23). Demikianlah pada usianya

yang ke-25 – sesuai dengan pergolakan politik semasa. Keris Mas mengambil ketetapan "... tidak dapat lagi meneruskan kegiatan politik" (Keris Mas, 1979:47), kerana dia lebih memikirkan sikap dan jiwa rakyat daripada hakikat perjuangan politik.

Pemikiran gandingan yang demikian banyak dihantar-kan melalui cerpennya seperti "Darah dan Air Mata" yang menonjolkan semangat keperwiraan dan kegigihan perajurit kita bertempur di medan perang menentang penjajah Belanda di Pulau Jawa. Perajurit kita itu bukan sahaja cekal berjuang, malah berjiwa agak romantis, idealistik, dan terlihat semacam mencari kekuatan daripada kekasihnya, Suriati, yang mula dikenali sewaktu terlantar di hospital. Ternyata cinta terhadap gadis dan cinta terhadap tanah air saling melengkapi bagi kebanyak-an pejuang yang berdarah muda.

Sementara cerpen "Dalam Pelukan Wanita Sedar" pengarang memaparkan kesiapsediaan Norkamala Wati, merestui pemergian bakal suaminya untuk "... majulah terus kanda dalam medan perjuangan, biar Wati tinggal memperkuuhkan garis belakang, menyediakan sebuah rumah tangga untuk pahlawan tanah air pulang dari perjuangan". (Hlm. 38). Cerpen "Penjual Ubat Merdeka" pula mendedahkan Muhammad sebagai penjual ubat yang berjaya menuupkan api semangat menyatakan rindu dendamnya terhadap Cikgu Mek Mariah. Namun, sampai ketikanya dia berangkat kembali ke Indonesia untuk memenuhi panggilan ibu pertiwi.

Bauran pemikiran perjuangan-cinta ditentukan juga dalam cerpen "Tertawan di Medan Kongres". Seperti pada cerpen "Penjual Ubat Merdeka", watak pemudanya, Affandi, sanggup berpisah dengan Habibah, gadis kota yang materialistik, lalu ikut dalam arus perjuangan dan pembangunan bangsa Melayu. Cerpen-cerpen lain yang membawa pemikiran yang sama ialah "Sampaikan Salamku kepadanya", "Normah yang Pemalu", "Tetap Merdeka", dan "Surat dari Tempat Tahanan".

Penindasan dan kemiskinan hidup akibat kesenjangan sosial yang menimpa golongan bawahan sering mendapat sorotan pengarang kawakan ini. Penindasan majikan dan penderitaan hidup kuli pelabuhan digambarkan lewat cerpen "Air Mata Buruh". Cerpen "Keinsafan Malam Sunyi" menceritakan kekejaman golongan feudal menindas rakyat biasa dan merampas hak kebebasan diri dan jiwa. Pengalaman getir pahit kehidupan pengemis tua adalah manifestasi kesenjangan masyarakat yang berlaku dengan parah dan sewenangnya tanpa mendapat perhatian dan pembelaan langsung. Hal yang hampir serupa ditemukan pada cerpen "Bukan Kerana Dia", "Berhari Raya ke Kubur Nenek", dan "Miskin".

Dalam tempoh kurang lebih empat tahun (1946–1949) sebanyak 43 buah cerpen dihasilkan oleh Keris Mas, dan ini dimungkinkan kerana beliau ditugaskan mengelola ruangan kebudayaan dan kesusastraan majalah *Mastika* dan mingguan *Utusan Zaman*. Kecuali lapan cerita detektif (karyanya sebagai pengimbang kisah romantik dalam *Mastika*) selebihnya adalah hasil karya Keris Mas yang membicarakan pemikiran gandingan cinta-perjuangan, cinta-penindasan, dan cinta-kesenjangan sosial.

Sepanjang tahun 1950, Keris Mas menghasilkan 17 buah cerpen, 12 buah daripadanya berada dalam siri "Cerita Sepanjang Jalan" yang menonjolkan pelbagai fenomena sosial dalam hidup berkeluarga yang ada hubung kaitnya dengan kecurangan insan daripada jantina yang berlainan, harapan dan ketidakmampuan insan bawahan agar anak mereka berjaya dalam pendidikan/kerjaya, dan kecuaian lelaki terhadap diri dan keluarga akibat ligat di pentas joget moden.

Sementara lima buah cerpennya yang lain, yang di luar siri "Cerita Sepanjang Jalan", tetap melanjutkan tradisi kepekaan pengarang tentang pemikiran kesenjangan sosial yang semakin berleluasa dan memperlihatkan keparahannya dalam negara yang masih terjajah. Cerpen "Mangsa Masyarakat", umpamanya, membincangkan

tentang pembahagian penghidupan yang tempang dan ada semacam kejulingan dalam persepsi masyarakat. Yang menariknya, insan yang menjadi mangsa masyarakat itu begitu lugu menyalahkan perempuan lacur dan masyarakatnya sebagai punca penderitaan hidupnya. Jelas, ada kecenderungan menuduh orang lain daripada watak itu sendiri menyalahi dirinya.

Tentang kecurangan isteri, perempuan meladeni nafsu bosnya, ditemukan dalam "Kejadian dalam Estet". Sikap seorang isteri polis khas itu bukan sahaja untuk mencari kelainan berseronok, malah juga memenuhi tuntutan keselesaan hidup dalam zaman menderita akibat belenggu undang-undang darurat.

Pembelaan terhadap insan yang tidak bernasib baik dan berada dalam dunia cemar jijik, dipaparkan lewat cerpen "Lapar". Sementara dalam "Habib yang Cerdik" pengarang menonjolkan dua sisi kehidupan seorang keturunan Arab yang dalam penyerentakan waktu melakukan amal jariah dan dosa tidak berpuasa. Cerpen-cerpen tersebut menyingkapkan kehidupan insan kerdil, daif, dan hipokrit dengan menonjolkan sisi suram kelam. Bagaimanapun, cerpen "Ditimbuni Surat-surat Cinta" – walaupun mengemukakan konflik gadis menerima surat cinta dan lamaran kahwin – menyerlahkan sikap positif dan ceria pengarang dengan melibatkan ayah gadis mendorong anaknya lebih mengutamakan pelajaran daripada memikirkan gangguan ketibaan surat-surat cinta itu. Di sini pengarang mengemukakan peri pentingnya ilmu pengetahuan berbanding hidup berumah tangga dalam usia masih remaja.

Cerpen "Keras Hati" menampilkan insan yang ingin mengubah hidup daripada jahat kepada baik, tetapi masyarakat semacam tidak memberikan ruang kesempatan padanya sama sekali. Pada sisi candranya, pengarang memaparkan sikap tidak rasional dan emosional, tanpa berfikiran waras, tidak bijaksana, tunduk pada rasa amarah terhadap dua orang lebai muda yang terlibat

membunuh binatang dan manusia. Kedua-dua insan lebai muda itu jelas mencerminkan citra negatif insan berpendidikan agama, yang hanyut dalam arus nafsu dan tiada upaya mengekang nafsu amarah. Cerpen "Banyak Anak" pula menonjolkan manusia Hamzah yang pintar berhujah, mempunyai wawasan, tetapi terbukti pula dia begitu individualistik, tidak memiliki nilai pengorbanan, kurang bertanggungjawab terhadap keluarga sendiri. Hamzah bukanlah kategori pemuda yang tahu makna balas budi.

Cerpen "Bilik Belakang" merupakan kritikan sosial terhadap manusia hipokrit. Watak Yusuf semacam ada titik persamaan dengan watak Habib dalam "Habib yang Cerdik". Kedua-duanya kelihatan begitu pintar berlakon, lebih takutkan sesama insan daripada Allah. Sementara cerpen "Gila Anak Jantan" menunjukkan kegilaan Encik Rahman untuk memperoleh anak lelaki lalu berkahwin lagi. Yang menariknya, oleh kerana isteri tuanya juga melahirkan anak lelaki lalu dia lupa pada tanggungjawabnya terhadap isteri muda. Begitu anaknya itu mati, Encik Rahman mulai tidak siuman. Hakikat inilah yang semacam tidak dapat diterimanya dalam menjalani hidup berumah tangga.

Cerpen-cerpen Keris Mas yang dihasilkan menjelang pembebasan tanah air daripada belenggu penjajahan seperti "Kedai Sederet di Kampung Kami" dan "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" membincangkan tentang kebangkitan sikap golongan pemuda dalam menghadapi kerentahan penjajah dengan gerakan politik untuk perjuangan mencapai kemerdekaan, penyesuaian dalam strategi perjuangan, tekanan undang-undang darurat yang menyekat kebebasan bertindak rakyat.

Empat cerpen Keris Mas yang terhasil dalam zaman merdeka seperti "Mereka Tidak Mengerti", "Menjelang Merdeka", "Runtuh", dan "Salah Pimpin" mengemukakan sikap dan pemikiran individu tertentu dalam tindak-tanduk mereka mengisi makna hidup di negara baru merdeka.

Keris Mas melihat perilaku individu itu dengan pengamatan yang tajam, lalu melontarkan kritikannya dengan sinis dan lugu.

Selama 23 tahun selepas "Salah Pimpin", Keris Mas sempat menerbitkan lima buah cerpen terakhirnya, masing-masing berjudul "*Hallucination*", "*Nenek*", "*Ekor Kepala*", "*Cerita Sebuah Mimpi*", dan "*Masanya Sudah Terkunci*". Kelima-lima cerpen tersebut tetap memperlihatkan konsistensi pengarang dalam menggarap pemikiran yang tercetus dalam masyarakat, dan masih cenderung mengangkat insan Melayu yang berhadapan dengan gejala sosial semasa seperti dakwah, pergaulan bebas yang dikaitkan dengan keruntuhannya moral, kepimpinan dalam perjuangan, dan konflik dalaman yang merantai kebebasan jiwa individu tertentu.

Suatu hal yang cukup menarik yang dapat diteliti lewat cerpen-cerpen terakhir Keris Mas ialah tentang adanya minat dan kesedarannya cuba bereksperimen dengan menyorot psikologi watak-watak utamanya, dan hal ini amat ketara lewat "*Hallucination*", "*Cerita Sebuah Mimpi*", dan "*Masanya Sudah Terkunci*". Hal ini merupakan suatu kewajaran bagi Keris Mas.

Demikianlah, Keris Mas yang pada suatu ketika dahulu, terutamanya dalam awal tahun 1950-an, amat menyedari dan menyatakan pengakuannya betapa dirinya, termasuk pengarang muda seangkatan dengannya, amat kurang menelaah teori sastera dan mekanisme penulisan; lebih banyak meneladani karya-karya daripada Indonesia dan teman penulisan yang dianggap baik; kemudiannya lahir sebagai penulis cerpen yang berjaya, matang, dan membawa banyak pembaharuan dalam dunia pencerpenan itu sendiri.

Dahulu, Keris Mas yang kurang memahami disiplin ilmu bantu, akan peri pentingnya ilmu jiwa bagi menyelemati perilaku insan dan tindak balasnya dengan persekitaran, dan pemerhatian terhadap dasar-dasar pemikiran yang berkaitan dengan hukum logik – akhirnya muncul

dengan karya mutakhirnya yang bernalas dan mantap. Hal ini sesungguhnya memperlihatkan wujudnya mata rantai kesinambungan seperti yang dinyatakan di awal tulisan ini.

Segala-galanya itu diangkat daripada persekitaran realiti objektif yang dilaluinya, yang kemudiannya dicerna menjadi realiti imaginasi yang kreatif, indah dan mencabar daya intelek. Sejak dahulu pun, pengarang kawakan ini tidak pernah memikirkan adakah sastera boleh secara langsung dan tuntas mengubah struktur masyarakat yang menjadi sasaran kritikannya. Yang penting baginya betapa kesedaran dan perkembangan pemikiran berupaya disalurkan lewat karya sastera, dan dalam konteks ini fungsi sastera itu haruslah mempunyai upaya memutuskan mata rantai yang membenggu fikiran dan jiwa agar muncul insan yang bersikap aktif, kreatif dan inovatif. Tugas ini, saya kira, terus terserlah dan dapat direnung dan difikirkan lewat perutusan candra yang dihantar melalui cerpen-cerpennya yang terhimpun dalam koleksi terbarunya ini.

Bibliografi

- Asraf (peny.), 1959. *Mekar dan Segar*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hashim Awang (peny.), 1985. *Satira Kajai*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hashim Awang dan A. Karim Abdullah (peny.), 1987. *Cerpen-cerpen Pak Sako*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1967. *Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Keris Mas, 1979. *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1991. *Kumpulan Cerpen Sasterawan Negara Keris Mas 1946-1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh, 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa tentang Pemikiran dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh dan Ramli Isin, 1988. *Berkenalan dengan Cerpen*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Shellabear, W.G. (peny.), 1977. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
1963. *Dua Zaman*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Keris Mas: Cerpenis Melayu Terulung

S. HUSIN ALI

SESUAI sekali lagi bagi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan *Kumpulan Cerpen Sasterawan Negara Keris Mas 1946–1989*. Kumpulan ini memuatkan 76 buah cerpen Keris Mas, yang dapat ditemui setakat ini. Ia merupakan rakaman yang agak lengkap; ertinya ini bukan pilihan cerpen yang baik sahaja.

Keris Mas sendiri mengakui bahawa banyak daripada cerpen yang pernah ditulisnya bukanlah cerpen yang kuat dan baik. Jadi, daripada kumpulan ini, pembaca khushusnya pengkaji sastera, akan dapat melihat segala kelemahan dan kekuatan Keris Mas sebagai penulis cerpen dan seterusnya membuat penilaian yang wajar serta objektif tentang kedudukan serta sumbangan beliau terhadap sastera Melayu moden secara keseluruhan.

Pada tahun 1961, tatkala Oxford University Press menerbitkan kumpulan 27 buah cerpen terbaik Keris Mas yang diberi judul *Patah Tumbuh*, beliau baru kira-kira 15 tahun berkecimpung dalam dunia penulisan. Pada masa itu beliau menghasilkan hampir seluruh cerpennya dan hanya sebuah novel.

Sejak itu sehingga tahun 1988, Keris Mas menambah

Catatan: Tulisan ini asalnya kata pengantar buku *Kumpulan Cerpen Keris Mas 1946–1989*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

27 tahun lagi kepada usianya. Dalam jangka masa itu beliau hanya menghasilkan dua buah cerpen, tetapi menerbitkan tiga buah novel dan sebuah memoir. Nyata sekali bahawa Keris Mas akhir-akhir ini lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada novel daripada cerpen.

Namun, Keris Mas terus disanjung sebagai penulis cerpen. Masih menjadi anggapan luas bahawa sumbangan beliau yang terpenting adalah dalam bidang penulisan cerpen. Memang sukar untuk menyangkal pendapat bahawa beliau merupakan salah seorang daripada penulis cerpen yang terulung atau mungkin yang ulung sekali dalam kesusasteraan Melayu.

Latar Belakang

Keris Mas adalah nama samaran yang paling sering digunakan oleh Kamaludin Muhammad. Beliau dilahirkan pada 10 Jun 1922, di Kampung Ketari, Bentong, Pahang; dan mendapat pelajaran dalam bidang keagamaan di Sumatera. Sekembalinya dari sana beliau terlibat dalam perjuangan kemerdekaan di bawah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), sehingga dipilih menjadi pegawai penerangan dalam PKMM Pahang.

Kemudian beliau berhijrah ke Singapura lalu bekerja dengan Syarikat Utusan Melayu. Selepas berpindah sebentar di *Melayu Raya*, beliau kembali ke Utusan Melayu. Walaupun Keris Mas sudah mulai menulis sebelum ke Singapura, tetapi ketika berkhidmat di Utusan Melayulah beliau paling banyak menghasilkan cerpen. Beliau berbuat demikian sebagai orang yang telah diberi tugas untuk mengendalikan *Utusan Zaman* dan *Mastika*, iaitu mingguan dan bulanan bercorak sastera yang diterbitkan oleh Syarikat Utusan Melayu.

Utusan Melayu merupakan tempat bertumpunya ramai pejuang kemerdekaan yang progresif daripada golongan tua dan muda. Antaranya ialah Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail, Saleh Daud, Dahari Ali,

dan lain-lain. Utusan Melayu memainkan peranan aktif untuk meniupkan semangat kemerdekaan di kalangan rakyat. Keris Mas turut serta, tetapi beliau berbuat demikian khususnya melalui sastera.

Selain beliau sendiri menulis, Keris Mas juga menggalakkan ramai penulis muda berkarya dengan menerbitkan karya-karya mereka. Bersama-sama beliau di Utusan Melayu bekerja juga beberapa orang sasterawan muda seperti Usman Awang, Asraf Wahab, dan A. Wahab Muhammad. Mereka, bersama penulis-penulis muda daripada kalangan guru dan wartawan di luar Utusan Melayu, telah membentuk Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS '50). ASAS '50 terkenal dengan pendirian Keris Mas, iaitu "Sastera untuk Masyarakat".

Apabila DBP ditubuhkan di Johor Bahru pada tahun 1956, berikutan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, Keris Mas diangkat menjadi pengarang. DBP berkembang pesat di Johor Bahru ke Kuala Lumpur dan Keris Mas turut juga meninggikan kedudukannya dan terus ikut menerajui organisasi yang bertambah besar.

Beliau begitu banyak terlibat dengan tugas organisasi sehingga tidak dapat menumpukan banyak masa dan tenaga terhadap kegiatan kreatif. Namun, ketika di situ beliau sempat juga menulis beberapa buah cerpen di dalam majalah *Dewan Bahasa* dan menerbitkan sebuah novel berjudul *Anak Titiwangsa*.

Setelah bersara daripada DBP, Keris Mas menyelesaikan dua buah novel lagi, iaitu *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* serta *Rimba Harapan* dan sebuah autobiografinya. Dalam tempoh persaraan ini juga Keris Mas menulis lima buah cerpen lagi iaitu "Hallucination" (*Dewan Sastera*, 1983), "Nenek" (*Di Sisi Rinda*, DBP, 1988), "Ekor Kepala" (*Dewan Sastera*, Julai 1989), "Cerita Sebuah Mimpi" (*Dewan Budaya*, Ogos 1989), dan "Masanya Sudah Terkunci" (*Di Sebalik Jendela Utusan*, Utusan Melayu [M] Berhad, 1989).

Sebagai seorang yang telah mengabdikan dirinya lebih

dari 40 tahun dalam bidang kesusasteraan, Keris Mas bukanlah penulis yang dapat dikatakan produktif. Tetapi, secara keseluruhan, jumlah hasilnya tidaklah kecil jika dibandingkan dengan penulis-penulis lain.

Seperti kebanyakan mereka, Keris Mas bukannya penulis sepenuh masa. Sewaktu bertugas di Utusan Melayu dan DBP beliau banyak dibebani dengan tugas lain. Menulis cerpen, walaupun kadang-kadang diperlukan untuk memenuhi ruangan, merupakan kerja sampingan sahaja. Hitung panjang kita dapat melihat bahawa beliau menghasilkan tidak sampai dua buah cerpen setahun sejak mula menulis sehingga kini. Bagaimanapun, dalam meneliti cerpen-cerpennya nanti, ada tahun-tahun tertentu, Keris Mas agak produktif.

Membaca cerpen-cerpen yang terkandung di dalam kumpulan ini kita melihat bahawa berbagai-bagai bentuk cerita dan tema yang dibawa oleh Keris Mas. Cerita dan tema ini sebahagian besarnya mencerminkan perubahan-perubahan yang berlaku ke atas masyarakat dan juga terhadap Keris Mas sendiri. Cuba kita tinjau sedikit detik-detik penting dalam perubahan masyarakat dan diri Keris Mas itu.

Daerah kelahiran Keris Mas boleh dikatakan salah sebuah daripada pusat pertumbuhan perjuangan kebangsaan. Daerah Bentong pada zaman prapenjajahan termasuk di bawah kuasa Orang Kaya Semantan (Temerloh) dan di Temerloh kita mula-mula melihat Datuk Bahaman serta Mat Kilau menentang penjajahan Inggeris. Di sana juga kemudiannya telah berkembang pengaruh Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan seterusnya PKMM dengan sayap pemudanya, Angkatan Pemuda Insaf (API), yang dipimpin, antara lainnya, oleh anak-anak Pahang seperti Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad. Semangat kebangsaan yang mereka semai bercambah sampai ke kampung-kampung di Pahang. Keris Mas dan ramai lagi pemuda kampung sepertinya telah juga terpengaruh.

Apabila anak kampung berjiwa kebangsaan yang menerima pelajaran agama ini berhijrah ke Singapura pada tahun 1947, tujuan utamanya, di samping bekerja di sana, ialah untuk mengembangkan bakat, meluaskan ilmu, dan berhubung lebih dekat dengan pucuk pimpinan PKMM. Tidak sampai setahun selepas itu Darurat diisyiharkan di Semenanjung Malaya dan PKMM pun diharamkan. Selain Keris Mas, ramai juga pemimpin PKMM yang berpindah ke Singapura, dengan tujuan melepaskan diri daripada tangkapan beramai-ramai ke atas pejuang kemerdekaan oleh kerajaan kolonial Inggeris.

Singapura, berbeza daripada Bentong dan Temerloh, ia sebuah kota dengan masyarakat yang boleh dikatakan kosmopolitan. Di Singapura terdapat kekayaan dan juga kemiskinan serta kesengsaraan hidup, sebagaimana juga di kampung-kampung di Pahang. Tetapi, Singapura juga sebuah tanah jajahan, walaupun masyarakatnya tidak memperlihatkan tanda-tanda kesedaran antipenjajahan yang semakin merebak di Tanah Melayu ketika itu.

Utusan Melayu, tempat Keris Mas bekerja, melibatkan diri secara aktif dengan perkembangan politik kebangsaan Melayu di Semenanjung. Dalam pada itu, kerana ia didirikan dan diusahakan oleh orang Melayu di Singapura sendiri, maka Utusan Melayu juga mengambil berat ke atas masyarakat Melayu di pulau itu. Masyarakat ini boleh dikatakan hampir keseluruhannya terdiri daripada lapisan bawahan. Di Utusan Melayu gaji yang diterima oleh Keris Mas dan rakan-rakan sejawatnya sangat rendah, dan oleh itu turut meletakkan mereka dalam lapisan bawahan yang sama.

Jadi, di Utusan Melayu Keris Mas masih dapat mengikuti segala pergolakan kebangsaan yang berlaku di Semenanjung. Dalam masa yang sama beliau juga mengalami serta merasakan kesesakan hidup masyarakat Melayu bawahan di kota mewah Singapura. Tetapi, Keris Mas tidak melibatkan diri secara langsung dalam politik Malaya atau gerakan golongan pekerja bawahan di Singa-

pura. Beliau terikat dengan tugasnya sebagai wartawan dan cuma mampu melanjutkan cita-cita politik atau impian sosialnya secara tidak langsung melalui pertubuhan secara penulisan karya sastera.

Pada tahun 1957 Malaya mencapai kemerdekaan. Sebuah demi sebuah syarikat akhbar berpindah ke Kuala Lumpur. Oleh kerana ramai penulis terikat dengan akhbar sebagai wartawan, maka Kuala Lumpur berkembang menjadi pusat kegiatan bahasa dan sastera Melayu yang baharu, menggantikan Singapura. Perkembangan ini diperkuatkan lagi dengan pengukuhan kedudukan DBP di Kuala Lumpur.

Kemerdekaan memberi kedudukan baharu pada bahasa dan sastera Melayu. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Sistem pendidikan mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Nilai bahasa ini meningkat. Kedudukan guru Melayu dihormati, bukan semata-mata kerana mereka mencapai status yang baru bersama-sama dengan kenaikan taraf bahasa Melayu itu, malah kerana mereka memainkan peranan besar dalam perjuangan kebangsaan melalui UMNO yang muncul sebagai organisasi teras dalam perjuangan kemerdekaan.

Begitu juga para wartawan dan sasterawan Melayu, sudah mulai baik kedudukan mereka. Akhbar-akhbar dalam bahasa Melayu berkembang sehingga mengatasi akhbar yang berbahasa Inggeris dan Cina. Buku-buku sastera Melayu mulai banyak diterbitkan. Penghormatan demi penghormatan diberikan kepada sastera dan sasterawan Melayu oleh pemerintah.

Pendapat guru dan wartawan Melayu (yang dahulu dipandang rendah kerana tidak mempunyai kelayakan bahasa Inggeris) meningkat tinggi. Walaupun para penulis masih belum boleh hidup dengan menulis semata-mata, tetapi mereka yang bertugas dengan badan-badan penerbitan, apatah lagi dengan DBP, dibayar gaji yang boleh dikatakan lumayan juga sebagai pengarang (editor) dan sebagainya.

Ekoran semua itu suatu corak kelas menengah Melayu baharu muncul yang kebanyakannya tidak pernah mendapat pendidikan Inggeris. Mereka akan terpisah daripada golongan bawahan. Kawasan kediaman dan cara hidup mereka berubah. Tugas jawatan tidak memberikan mereka masa yang banyak untuk berhubung rapat dengan rakyat biasa di Kuala Lumpur. Ikatan rasmi tidak membenarkan mereka menyertai kegiatan politik, lebih-lebih lagi yang bercorak progresif seperti yang pernah diceburi oleh setengah-setengah mereka sewaktu muda dahulu. Segala perubahan ini juga berlaku ke atas Keris Mas.

Namun, bagi Keris Mas nilai politik dan agama yang membentuk sikap serta pendiriannya terhadap bahasa dan sastera dalam tahun 1950-an nampaknya terus dipegangnya sehingga dekad 1980-an. Hal ini sedikit sebanyak terjelma dalam cerpen-cerpennya yang terakhir dan juga dalam novel-novelnya. Beliau tetap bersympati terhadap golongan yang lemah dan menentang segala jenis kecurangan, penipuan, kepura-puraan dan penindasan.

Dewan Sastera, Mei 1992

Semangat Perjuangan Antipenjajah dalam *Patah Tumbuh*

S. HUSIN ALI

KAMALUDIN MUHAMMAD, lebih terkenal dengan nama samarannya Keris Mas, salah seorang penulis terulung dalam kesusastraan Melayu baru. Bahkan pada masa ini dia merupakan penulis cerita pendek yang paling terkemuka dan disanjung tinggi. Sebenarnya tradisi menulis cerita pendek sangat baru dalam perkembangan kesusastraan Melayu. Bentuknya mulai kelihatan samar-samar sebelum Perang Dunia Kedua dalam cerita-cerita gubahan Ishak Haji Muhammad dan Abdul Rahim Kajai; tetapi hanya sesudah itu tumbuhnya subur, lebih subur daripada pertumbuhan hasil-hasil sastera bentuk lain.

Selepas perang, sesuai dengan perubahan yang meresap luas dalam bidang politik, sastera Melayu khususnya yang berbentuk cerita pendek dan sajak, telah mencurah keluar menerusi akhbar dan majalah tempatan. Cerita pendek dan sajak bukan sahaja telah membawa bentuk dan nada baru, bahkan juga sikap serta bahan yang sudah berbeza. Yang banyak sekali mengeluarkan hasil karya sastera ini ialah penulis daripada golongan muda yang masih di bawah umur 30-an. Mereka banyak dipengaruhi

Tulisan ini asalnya berupa kata pengantar kumpulan cerpen *Patah Tumbuh* karya Keris Mas yang diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, pada tahun 1963.

oleh perkembangan politik pada masa itu, dan kuat mendapat dorongan daripada perkembangan kesusasteraan di Indonesia pada ketika yang sama.

Keris Mas ialah salah seorang daripada penulis muda yang muncul selepas perang itu. Dia mempunyai pengalaman yang banyak serta fikiran yang luas, dan dibantu oleh pena yang tajam, dia telah dapat menggubah cerita-cerita yang menarik serta bernilai tinggi. Dengan bakat yang ada, Keris Mas cepat muncul sebagai pemimpin dan pengasuh penulis golongan muda.

Sungguhpun Keris Mas terkenal dan berpengaruh dalam peranannya sebagai penulis cerita pendek, tidak bermakna pula dia produktif dalam jurusan ini sahaja. Telah beberapa kali dia cuba melahirkan fikiran dan perasaan dalam sajak. Ada juga dia menulis novel; dan usahanya menulis rencana tentang bahasa, sastera dan budaya memang luas. Sebagai penyajak, Keris Mas tidak berjaya, dan dia sendiri mungkin menyedari hal ini, sebab itu dia cepat-cepat meninggalkan lapangan tersebut. Selama usia menulisnya, dia telah menghasilkan hanya sebuah novel, jadi tidak banyaklah yang dapat diperkatakan tentang Keris Mas selaku seorang penulis novel. Dalam bidang penulisan rencana, dia lebih produktif dan berkesan. Sungguhpun Keris Mas agak *versatile*, tidak dapat dinafikan bahawa dia paling terkenal dan paling berpengaruh sebagai penulis cerita pendek.

Sejak Keris Mas mula berkecimpung dalam lautan kesusasteraan, tidak banyak cerita pendek yang dihasilkannya. Bilangan yang dapat ditemui dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang dikaji berjumlah kira-kira 50 buah sahaja. Kebanyakan daripadanya terbit dalam mingguan *Utusan Zaman* dan bulanan *Mastika* - kedua-duanya keluaran Utusan Melayu dan baki yang lain terdapat pada majalah-majalah *Suluh Malaya*, *Kencana* dan *Dewan Bahasa*. Menimbangkan bahawa Keris Mas sudah menulis selama hampir 15 tahun, tentulah bilangan hasil ini tidak dapat dikatakan banyak. Tetapi,

faktor bilangan bukan menjadi ukuran yang penting. Cerita pendek Keris Mas yang sedikit itu lebih bernilai daripada kebanyakan cerita yang dihasilkan oleh ramai penulis lain. Itulah sebabnya Keris Mas mendapat tempat istimewa dan dianggap sebagai tokoh sastera baru yang terkemuka.

Untuk memahami Keris Mas dengan lebih mendalam, perlu sekali kita mengetahui kenyataan keadaan sekelilingnya dalam tempoh dia menulis, kerana kenyataan tersebut merupakan latar belakang dan bahan terpenting dalam cerita yang digubahnya. Keris Mas mulai menulis selepas tamat pendudukan Jepun di negara ini dan telah mengarang dengan agak prolifik juga sehingga tahun 1952. Setelah 'mendiamkan diri' lebih kurang tiga tahun, dia muncul semula pada tahun 1956, dan sampai sekarang masih menunjukkan bukti akan terus menulis, walaupun tidak begitu subur. Ditinjau dari beberapa aspek, tempoh yang dilalui oleh Keris Mas sebagai penulis ialah suatu tempoh yang penuh bererti dalam sejarah negara ini.

Selepas pendudukan Jepun, Malaya telah menyaksikan gerakan politik yang hebat. Rakyat Malaya yang dikatakan berpuas hati hidup di bawah naungan penjajahan Inggeris sebelum Perang Dunia Kedua mulai bergerak menentang penjajahan. Perjuangan mereka dipelopori oleh sebuah badan politik nasionalis, Kesatuan Melayu Muda (KMM), yang menggunakan taktik bekerjasama dengan pemerintahan Jepun untuk melawan penjajahan Inggeris. Dan, setelah pemerintahan Inggeris datang kembali ke Malaya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) tertubuh pada pertengahan bulan Oktober 1945, dengan tujuan meneruskan jalan yang sudah dirintis oleh KMM.

Perjuangan hebat menentang penjajahan meluas di segenap lapisan rakyat apabila kerajaan Inggeris membuat rancangan mendirikan *Malayan Union* yang tertakluk terus sebagai sebuah tanah jajahan di bawah mahkota Inggeris. Dalam bulan Oktober 1945, Inggeris dengan secara sulit menghantar seorang kakitangannya bernama

MacMichael ke Malaya, dan dengan tipu helah serta putar belitnya beliau mendapat persetujuan daripada raja-raja Melayu untuk meletakkan Tanah Melayu sebagai jajahan takluk Inggeris. Helah penjajahan ini menerima tentangan. Pada awal tahun 1946, sebuah kongres dianjurkan untuk menubuhkan Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (PKMB), dan tunjuk perasaan diadakan di merata tanah air. Penentangan mereka mendatangkan hasil apabila Perjanjian Persekutuan dipersetujui pada bulan Februari 1948.

Sesungguhnya Perjanjian Persekutuan itu telah dibuat di antara kerajaan Inggeris dengan golongan konservatif dalam PKMB. Golongan progresif di bawah lambang PKMM dan sebagainya, yang sejak awal telah bergabung dengan PKMB, menyedari bahawa perjanjian itu hanya akan mengembalikan Malaya kepada keadaan asal. Jadi, mereka terpaksa mengasingkan diri. Inggeris menuduh gerakan progresif ini mendapat inspirasi daripada komunis dan menganggap mereka mengancam keselamatan negara, lalu kerajaan Inggeris mengambil kesempatan mengisyiharkan Undang-undang Darurat pada pertengahan tahun 1948. Akibat pengisyiharan tersebut beratus-ratus tokoh politik yang disyaki telah dihumbangkan ke dalam tahanan, beratus-ratus lagi mengundurkan diri, dan parti-parti politik yang progresif satu demi satu telah bubar.

Perjuangan kemerdekaan sangatlah penting, kerana tanpa terkikisnya penjajahan, negara tidak dapat bergerak menuju keadilan dan kemakmuran bagi rakyat jelata. Sejarah membuktikan bahawa penjajahan hanya menguntungkan pihak penjajah. Dengan menguasai politik negara ini, Inggeris dapat menguasai lapangan lain dan menggerakkannya untuk mendatangkan sebesar-besar faedah bagi diri mereka sendiri dan segelintir manusia di sini sahaja. Sebaliknya, anak negeri dan rakyat jelata begitu ramai terbiar dalam bermacam-macam penderitaan dan penekanan.

Golongan yang perit sekali menanggung penderitaan diakibatkan oleh dasar pincang politik penjajah ialah rakyat jelata di lapisan bawah yang tidak berupaya. Kebanyakan mereka tinggal di kampung. Dalam serba-serbi, mereka tidak dipandang, walau dengan sebelah mata. Kebajikan mereka tidak dihiraukan sehingga bermacam-macam jenis penyakit bermaharajalela di kalangan mereka, dan sampai jumlah kematian di kalangan anak-anak yang baru lahir besar sekali. Pelajaran mereka tidak dipedulikan. Sekolah-sekolah kampung didirikan begitu rupa supaya anak-anak kampung yang belajar hanya dapat mengenal alif, ba, ta dan membuat kira-kira campur tolak yang senang-senang sahaja. Sistem pelajaran yang disediakan bagi mereka tidak memberikan peluang, apatah lagi jaminan, untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik dan lebih berbahagia.

Sebahagian besar rakyat jelata terbiar meneruskan usaha-usaha tradisional yang mendatangkan pendapatan kecil lagi tidak mencukupi. Tanah yang boleh dikerjakan semakin kecil dan hasil semakin berkurangan oleh sebab bertambah besarnya bilangan penduduk. Sistem ekonomi yang berdasarkan ukuran wang telah mengubah corak susunan hidup mereka, menjadikan yang miskin bertambah miskin dan yang kaya bertambah kaya. Yang miskin sering sahaja ditindas dan dipandang rendah oleh yang kaya, sebab dalam hubungan hidup sehari-hari si miskin selalunya terpaksa bergantung pada ihsan si kaya. Oleh kerana sikap feudal masih menebal di kalangan anggota masyarakat, biasalah terjadi golongan miskin dan hina beralih sahaja apabila menghadapi kebuasan golongan kaya yang dipandang mulia.

Begitulah kenyataan politik dan masyarakat di sekitar Keris Mas dalam usianya sebagai penulis. Bagaimanakah reaksinya terhadap kenyataan ini dan apakah sikap serta pendirian yang diambilnya?

Keris Mas dilahirkan dan dibesarkan di Negeri Pahang. Di sana dia melihat dan mengalami segala kemelaratan

yang ditanggung oleh rakyat jelata. Pengalaman tersebut menumbuhkan cita-cita murni di sanubarinya untuk membela nasib mereka, dan menguatkan keyakinan serta kesedarannya bahawa langkah pertama yang perlu diambil untuk mencapai cita-citanya itu ialah dengan perjuangan menghapuskan penjajahan. Hanya dengan kemerdekaan barulah rakyat akan mempunyai tapak yang kukuh untuk membina masyarakat yang adil dan makmur. Keris Mas sendiri melibatkan dirinya dalam perjuangan politik hingga tahun 1948.

Pada penghujung tahun 1947, dua tiga bulan sebelum Perjanjian Persekutuan termeterai, dia bekerja dengan Utusan Melayu di Singapura sebagai anggota sidang pengarang, dan dengan itu mengundurkan diri daripada lapangan politik. Sungguhpun di sana hubungannya secara langsung dengan gerakan politik yang aktif telah terputus, tetapi perjuangannya belum selesai lagi. *Utusan Melayu* sebagai sebuah akhbar kebangsaan telah turut serta dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, dan dalam Utusan Melayu terdapat beberapa orang tokoh progresif yang menjalankan tugas politik masa itu dengan menggunakan pena mereka yang tajam. Selain itu, dengan perantaraan penerbit Syarikat Utusan Melayu, Keris Mas sempat berkenalan dengan ramai pemuda yang selalu mengirimkan rencana atau hasil-hasil sastera untuk disiarkan.

Suasana seperti itu telah menolong Keris Mas berserta beberapa orang penulis muda tadi senang mencapai persetujuan ketika mereka berkumpul pada bulan Ogos 1950 untuk membincangkan penubuhan sebuah badan yang dapat menggembung mereka untuk sama-sama bergerak dalam lapangan kebahasaan dan kesusteraan. Badan yang ditubuhkan itu mereka beri nama Angkatan Sasterawan 50 (ASAS '50). Tidak syak lagi ASAS '50 merupakan suatu penjelmaan yang sesuai daripada kenyataan politik dan masyarakat masa itu. Ia digerakkan dengan cita-cita hendak mengalirkan semangat perjuangan rakyat

melalui saluran bahasa dan sastera. Penulis-penulis muda dalam pertubuhan inilah yang mula menyuarakan semboyan "Seni untuk Masyarakat" dalam sejarah kesusasteraan Melayu.

Mereka mempercayai bahawa "bahasa dan kesusasteraan ialah alat dalam perjuangan manusia menuju kemerdekaan, keadilan kemakmuran, keamanan dan perdamaian." Sebagaimana yang dihuraikan oleh Keras Mas berserta Tongkat Warrant dalam kata pengantar kumpulan memorandum serta kertas-kertas kerja yang disediakan oleh ASAS '50 untuk Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada tahun 1956 di Singapura, sejak mula ia ditubuhkan pada Ogos 1950, ASAS '50 telah bergerak ... dengan sikap dan pendirian yang tegas bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan kemerdekaan; bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat, sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup. Inilah yang dimaksudkan oleh mereka dengan "Seni untuk Masyarakat" itu.

Keris Mas telah berhubungan rapat dengan ASAS '50 sejak penubuhannya, bahkan dia salah seorang penggerak dan pemimpinnya yang terpenting. Dia telah mengambil tumpuk pimpinan ASAS '50. Jelas bahawa ASAS '50 memberikan Keris Mas satu saluran untuk melanjutkan perjuangan politiknya. Sebagai pemimpin dalam gerakan kesusasteraan baru yang dipelopori oleh ASAS '50, Keris Mas senantiasa berpegang teguh pada semboyan "Seni untuk Masyarakat" itu.

Daripada huraian ini, agak nyata pada kita bahawa pada sifatnya sebagai tokoh politik dan kemudiannya tokoh sastera, Keris Mas telah mengambil sikap yang betul, iaitu sikap yang sesuai mencerminkan kehendak rakyat jelata. Pendiriannya menyebelahi pihak yang menentang penjajahan yang menuntut keadilan dan kemakmuran bagi rakyat. Soalnya sekarang ialah: Setakat

manakah menerusi hasil-hasil sastera - khususnya cerita-cerita pendek – Keris Mas berjaya mengemukakan sikap serta menegaskan pendiriannya itu? Seperti yang telah dikatakan terlebih dulu, Keris Mas menghasilkan kira-kira 50 buah cerita pendek sahaja. Dalam kumpulan *Patah Tumbuh* dapat dihidangkan cuma sepertiga daripadanya, iaitu yang difikirkan paling baik. Juga, cerita ini dikumpulkan untuk mencerminkan perkembangan yang telah dilalui oleh Keris Mas sebagai penulis. Oleh itu, dengan berdasarkan kumpulan ini dapat agaknya kita mengkaji serta mengukur kejayaannya itu.

Untuk menyenangkan penganalisisan, secara umum kita boleh membahagikan perkembangan Keris Mas sebagai penulis cerita pendek kepada tiga peringkat. Dalam peringkat pertama, dari tahun 1946 hingga tahun 1948, ceritanya berputar di sekitar peristiwa cinta – menunjukkan kecenderungan pemuda Keris Mas yang romantis. Tetapi cerita cintanya lain sedikit. Selain memperkatakan bahawa cinta berkuasa menggegarkan ketabahan hati seseorang pejuang politik, dia cuba menegaskan – misalnya dalam "Wasiat Orang Bangsawan" – bahawa cinta antara dua makhluk yang tidak sama kelas dan martabat selalu tergendala.

Selanjutnya, oleh kerana cerita-cerita seperti "Menjual Tanah Air", "Berhari Raya ke Kubur Nenek" dan "Bukan Kerana Dia" berlaku di kalangan rakyat jelata yang hidup menderita, berkesempatanlah Keris Mas mengeluhkan pahit maung dan perit pedih yang dialami oleh mereka, dan seterusnya menggambarkan bagaimana selalu sahaja orang-orang ini menjadi mangsa segelintir manusia yang punya kedudukan dan kekayaan tetapi tidak punya hati perut.

Dalam peringkat kedua, kita melihat Keris Mas membuat perubahan. Dia telah meninggalkan soal cinta. Oleh kerana perubahan suasana selepas pertengahan tahun 1948 tidak mengizinkan, dia tidak dapat membebaskan diri daripada menyuarakan dengan lantang semangat

politiknya, seperti yang telah dilakukannya dalam "Darah dan Air Mata". Tidak mungkin juga dia menggambarkan dengan terang dan tegas tentang penderitaan rakyat jelata sebab bimbang ditafsirkan hendak menghasut rakyat dan memburuk-burukkan dasar pemerintah pada masa itu. Tetapi, pengalamannya di kota Singapura sebagai wartawan memberikan bahan yang banyak. Keris Mas dapat menggambarkan sebilangan watak dan peristiwa curang dan menggelikan hati. Kita berjumpa dengan Usman, orang muda yang tidak berjaya mengubah dirinya sebab jiwanya dirosakkan oleh cara orang lain berfikir yang tidak mahu mengendahkan kesucian cita-citanya; kita bertemu dengan Encik Rahman, suami yang memandang isterinya hanya sebagai alat untuk memenuhi kehendak dan keinginannya; dan kita berkenalan dengan Encik Yusof, *manager* yang hidup berpura-pura kerana hendak mengabui mata orang bawahannya. Dalam "Banyak Anak" kita dibawa oleh Keris Mas mengikuti sebuah cerita yang rancak untuk memikirkan beberapa masalah sosial.

Terbukti bahawa bahan-bahan kampung masih berguna kepada Keris Mas. Tetapi cara dia menggunakan bahan ini berbeza. Dalam "Cerita-cerita Sepanjang Jalan" dan "Kejadian di Dalam Estet" dia dapat menggambarkan kepicikan hidup rakyat secara halus dan terlepas daripada kasaran dan kebekuan cerita-cerita permulaannya. Antara kisah-kisah itu dapat juga dia menyisipkan kecurangan yang selalu dapat dilihatnya dalam masyarakat. Nyata sekali bahawa dalam peringkat ini Keris Mas berjaya memperbaiki tekniknya sebagai pencerita.

Dalam peringkat ketiga yang bermula lebih kurang selepas tahun 1955, kita berdampingan dengan Keris Mas selaku penulis cerita pendek yang sudah mencapai puncak kematangannya. Dalam cerita-cerita yang terjaga baik dan tersusun rapi dia berjaya dengan berkesan sekali membentangkan bahan-bahan yang disedut daripada kenyataan sekitarnya mengikut aliran kepercayaannya sendiri. Beberapa halaman sahaja dalam "Kedai Sederet di Kam-

pung Kami" dan "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" sudah cukup untuk memberikan gambaran yang padat tentang perkembangan politik, undang-undang darurat dan akibat-akibat yang ditimpa olehnya ke atas rakyat jelata yang tidak bersalah dan pemimpin-pemimpin yang disyakwasangkan. Sangat berani Keris Mas menjelaskan sikapnya, dan dia dapat berbuat demikian sebab dalam tahun kedua-dua cerita itu diterbitkan, semangat kemerdekaan sudah berkobar-kobar di kalangan pemimpin dan rakyat negara ini.

Selepas tercapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kelihatan muncul berbagai-bagai golongan, sama ada yang mendapat untung atau menanggung rugi disebabkan oleh peralihan keadaan ini. Oleh kerana sudah berpindah ke Kuala Lumpur pada ketika itu, Keris Mas dapat melihat telatah golongan-golongan yang cukup menarik untuk dijadikan bahan ceritanya. "Menjelang Merdeka" menceritakan perubahan sikap seorang bekas mahasiswa yang mahu memimpin rakyat, tetapi hanya dari atas, dari kerusi kedudukan tinggi yang dapat dinikmatinya selepas kemerdekaan. "Merdeka Tidak Mengerti" menggambarkan kesalan hati seorang *expatriate* Inggeris sebab melihat masa sudah berubah dan peranannya tidak sepenting dulu lagi; dan "Runtuh" menceritakan perubahan buruk yang berlaku ke atas seorang tokoh politik yang serta-merta menduduki tempat penting setelah keadaan politik berubah. Dalam "Salah Pimpin" kita diingatkan betapa rancangan kemajuan yang dijalankan untuk rakyat jelata hendaklah bersesuaian dengan kehendak dan keadaan mereka; kalau tidak bencana padahnya.

Menghalusi cerita-cerita pendek Keris Mas kita melihat bahawa dia telah menggunakan sepenuh-penuhnya masyarakat sekelilingnya untuk mendapat ilham dan mencari bahan. Kita tidak mengetahui sejauh mana kenyataan yang digambarkan, perasaan yang dilukiskan dan fikiran yang dikemukakan oleh Keris Mas selama kira-kira 15 tahun itu telah berjaya memajukan fikiran rakyat. Rasa-

nya ini tidak mustahak dirunsingkan kerana kita sedar bahawa faktor-faktor yang lebih asasi, yang lebih penting, diperlukan untuk mengubah serta memajukan fikiran rakyat. Faktor sastera berkesan hanya apabila cita-cita di belakangnya sejarar dan diberi galakan pula oleh cita-cita di sebalik faktor-faktor lain itu. Yang kita ketahui dan yang boleh kita banggakan ialah Keris Mas telah berjaya menghasilkan beberapa buah cerita pendek bersifat realiti yang benar-benar merupakan sumbangan besar kepada kesusasteraan Melayu seluruhnya.

Ulasan Cerpen "Mereka Tidak Mengerti"

KASSIM AHMAD

CERITA pendek "Mereka Tidak Mengerti" mengisahkan sikap dan gelagat seorang pegawai ekspatriat, Bill, terhadap suatu projek pembangunan pemerintah. Bill menghendaki seorang ekspatriat juga menjadi pengarahnya; lalu dia pun merancang, tetapi apabila tiba hari mesyuarat untuk memutuskan soal itu, beberapa perkara berlaku yang berakhir dengan kekecewaan rancangannya.

Cerita ini, saya kira, cerita pendek Keris Mas yang paling baik. Temanya merupakan konflik yang terkemuka dalam masyarakat Malaya sesudah merdeka, iaitu konflik antara saki-baki penjajahan Inggeris dan cita-cita nasional rakyat Malaya. Konflik ini sesungguhnya ialah konflik kelas, meskipun timbulnya tidak begitu nyata, malahan sebaliknya kelihatan seolah-olah konflik antara kaum penjajah (imperialisme) dan rakyat Malaya (nasionalisme).

Di sinilah saya mendapati kelemahan cerita ini. Bill yang mewakili cita-cita imperialisme-kapitalis Inggeris ditentang oleh menteri, Dato' Hamid, dan beberapa orang lain lagi yang mendukung cita-cita nasional. Apakah Bill tidak mempunyai kawan daripada kalangan rakyat negara ini sendiri? Bagaimanakah kedudukan dan perhubungannya dengan unsur-unsur kapitalis asing dan nasional di dalam negara ini? Apakah pertentangan ini demikian bentuknya – di sebelah pegawai ekspatriat dan

di sebelah lagi rakyat Malaya? Saya kira, gambaran konflik yang demikian tidak patuh pada kenyataan. Mungkin juga cerita pendek begitu terbatas bentuknya sebagai alat untuk dapat memperlihatkan segala segi konflik ini. Diperlukan sebuah novel barangkali. Namun, harus ditegaskan bahawa gambaran konflik yang timbul daripada cerita ini kurang tepat.

Seperkara yang menarik sekali ialah perihal tersebutnya konflik antara kaum. Apabila Bill was-was tentang apa yang akan terjadi dalam mesyuarat yang demikian penting bagi kepentingannya dia menenteramkan hatinya dengan fikiran;

"Mudah-mudahan Lim dan Ramasami berani menentang. Orang-orang Cina dan India selalu iri hati kepada Melayu. Ini sudah banyak menolong dan sekali ini mesti menolong lagi."

Saya kira, peri tertimbunya hal ini – sungguhpun secara tidak begitu jelas dan konkret – amat menggembirakan dari segi seni sastera. Sebab, memang begitulah kenyataan dalam masyarakat kita. Masyarakat kita dikumani bukan sahaja oleh unsur-unsur konflik antara kelas (yang sesungguhnya belum begitu jelas), malah oleh unsur-unsur konflik antara kaum. Di sinilah duduknya, saya kira, keanehan situasi politik dan sosial masyarakat Malaya sesudah merdeka. Keanehan ini harus pula dihadapi dengan pemikiran yang khusus dan *original*. Kedua-dua konflik penting masyarakat kita sekarang tidak dapat dipecahkan dengan pidato enak dan basi daripada mana pihak jua. Konflik tersebut harus dianalisis secara konkret dan realistik sebelum masyarakat umum dapat mencapai suatu gambaran yang jelas tentang konflik yang meruncingkan hidupnya. Tanpa gambaran tersebut, konflik yang utama bagi masyarakat kita sekarang tidak dapat diselesaikan secara rasional. Maka di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab angkatan pengarang kita sekarang – menganalisis secara artistik konflik ini.

Itulah dua hal penting yang saya dapati dalam cerita Keris Mas – dua hal yang sama-sama menyebabkan keistimewaan dan kelemahannya.

Ingin juga saya berkata sedikit tentang tajuknya (kalau buah tangan ini bukan daripada Keris Mas, mungkin saya tidak menganggapnya demikian berat). Pertama, tajuk ini (“Mereka Tidak Mengerti”) menjatuhkan hukum. Kedua, tajuknya tidak tepat.

Tentang perkara yang pertama, barangkali tidak perlu saya mengulas dengan panjang lebar. Seorang sasterawan haruslah menjauhkan dirinya daripada melahirkan kesubjektifannya sendiri ke dalam ciptaan. Apa-apa kesimpulan harus timbul daripada ciptaan itu juga, tanpa campur tangan daripada si pengarang.

Ungkapan “mereka tidak mengerti” tidak terdapat dalam cerita. Yang paling hampir ialah ungkapan “mereka ini tidak faham” – dengan istilah “mereka” dimaksudkan unsur-unsur yang menentang rancangan Bill, tegasnya, orang Melayu. Tetapi “mereka” dalam erti kata ini tidak logik dirumuskan ke dalam tajuk kerana kenyataan yang timbul daripada cerita terang-terang menunjukkan bahawa “mereka” ialah unsur-unsur yang sesuai dengan Bill. Perhatikan kalimat-kalimat berikut: “Barangkali Bob memang benar, barangkali Si Amat lebih betul, barangkali mem orang Melayu tadi lebih mengerti” – ertinya, Bill tidak benar, Bill tidak (kurang) betul, Bill tidak (kurang) mengerti. Tetapi, unsur-unsur ini dijelaskan secara konkret ke dalam watak Bill, maka istilahnya haruslah “dia” bukan “mereka”.

Dari segi pengolahannya, cerita ini sudah mencapai tingkat kesempurnaan yang paling tinggi. Dengannya terbukti bahawa Keris Mas sudah menguasai bentuknya.

*pand
Tin,*

BAHAGIAN TIGA

Tanggapan Terhadap Novel

Pandangan Seorang Penuntut Tinggi Kita tentang Sebuah Buku Melayu

AMINUDDIN BAKI

DI BAWAH kita siarkan pandangan Aminuddin Baki, penuntut Raffles College, Singapura, terhadap buku *Korban Kesuciannya* karangan Keris Mas.

Banyak surat kita terima memperkatakan tentang buku tersebut. Ada yang memuji, ada pula yang membidas daripada segala segi. Daripada bermula kita memutuskan tidak akan menyiarkan surat-surat tersebut.

Tetapi, pandangan Aminuddin Baki ini kita rasa tidaklah hanya tentang buku *Korban Kesuciannya* sahaja, malah mengandungi isi yang amat berharga untuk diperhatikan oleh sebarang pengarang dan penerbit buku bangsa kita. Maka selain merupakan rasa penghargaan kepada perhatian penuntut pengajian tinggi kita terhadap buku karangan bangsanya yang baharu tumbuh, adalah juga mengharapkan perhatian pembaca terhadap isi tulisan Aminuddin Baki ini mudah-mudahan ada faedahnya. Itulah tujuan kita.

Pengarang *Utusan Zaman*, 12 Jun 1949

Isi

Buku ini sebenarnya bagi cermin menggambarkan keadaan dan pergerakan bangsa kita pada zaman perubahan

politik dan sosial. Ia menggambarkan keadaan penderitaan kita pada tiga zaman yang beriwayat, iaitu zaman Jepun, zaman lepas peperangan, dan zaman darurat.

Tetapi, sayangnya kebenaran yang diberi adalah lebih kepada batin, iaitu semangat dan perasaan dan juga gerak langkah di lapangan masyarakat dan siasah. Sungguh apa yang dibayangkan pengarangnya akan menghidupkan semangat. Saya rasa, buat menyalakan dan menghidupkan lagi semangat, maka di samping penderitaan jiwa sebaliknya dibayangkan penderitaan badan. (Disebabkan kesempitan hidup dan kerendahan darjah kehidupan) seharusnya mendapat tempat di buku-buku cerita. Lebih tegas maksud saya ialah soal ikhtisas.

Satu perkara lagi yang diharap mendapat perhatian ialah soal agama. Sungguh, dalam *Korban Kesuciannya* Ustazah Aminah dikenalkan sebagai orang yang "ingin berkhidmat untuk agama dan bangsanya" dan juga sebagai guru yang mengajar di sekolah agama cara zaman sekarang. Ada seorang pembaca biasa, perkataan "berkhidmat untuk agama" dan "Sekolah Agama Zaman Sekarang" adalah semata-mata kosong. Selalunya si pembaca tidak memikirkan satu per satu apakah maksud si pengarang dan apakah makna di antara barisan. Disebabkan itu tidak dapat tidak penjelasan diberi.

Apakah agama cara zaman sekarang? Adakah ia kolot ataupun sealiran dan sesuai dengan zaman? Sepatutnya soal itu dikupas secukupnya buat pengertian si pembaca.

Perlunya persoalan agama itu dipapar dan dikupas dalam buku-buku cerita hanya diketahui apabila pandangan dihadapkan kepada perselisihan dan kesalahan pemahaman agama di kalangan bangsa kita.

Bahasa

Di bahagian bahasa ini ada satu dua perkara yang diharap mendapat perhatian. Perkataan bahasa Inggeris seboleh-bolehnya ditinggalkan. Perkataan ibu kandung haruslah

diutamakan, biarpun perkataan Inggeris itu diketahui ramai. Sekiranya perkataan ibu kandung tidak ada buat satu-satu perkara, maka seharusnya istilah yang baharu diperbuat, dan sebagai penjelasan sebaiknya pula istilah Inggeris dipaparkan bersama-sama dalam kandungan.

Ada masanya pengarang *Korban Kesuciannya* tergelincir dalam bahasanya. Seumpamanya pada muka 20, jika di permulaan Busu memanggil Aini dengan bahasa halus sebagai "Suami Cikgu Aini" dan "Cik Aini", maka di akhir percakapan mereka, ia tidak lagi menggunakan bahasa halus sebagaimana yang sudah, tetapi terus berbahasa mesra sebagai "Aini" dan "suamimu" sahaja. Adakah disebabkan salah cetakan ataupun disengaja pengarang, maka pertukaran bahasa itu tinggal canggung?

Kecanggungan juga didapati di muka enam apabila Aini memberitakan kepada Busu, "Alangkah kasarnya pelukan penghabisan itu." Dalam peradaban kita, kejadian yang sebeginu sulitnya tidak akan diceritakan oleh seorang isteri, lebih-lebih lagi kepada seorang pemuda.

Bahasa yang digunakan, selain kejadian di atas, adalah baik sekali, lembut manis dan berbunga-bunga.

Cara

Di bahagian ini pengarang menceritakan Jamil, dan apa yang ada di hatinya. Jika kita bandingkan *Korban Kesuciannya* sebagai sebuah sungai yang mengalir ke laut, maka kita mendapati aliran ke kuala tidaklah melompati jeram, bahkan alirannya lemah lembut. Dari pangkal ke pangkal aliran cerita itu terus-menerus, ketiadaan apa-apa gencatan, tidak sebagaimana beberapa cerita yang tidak tentu hujung dan pangkal.

Dalam *Korban Kesuciannya* pengarang berjaya memperkenalkan kelakuan dan budi pekerti pelakonnya dengan tiga jalan yang diagungkan oleh ahli-ahli persuratan Barat:

1. Pengarang sendiri menceritakan kelakuan dan budi bahasa pelakon *Korban Kesuciannya*; kita dapat perkenalan tersebut apabila pengarang sendiri memperkenalkan Ustazah Aminah masih gadis, urusan rumah tangga sulit Rumiat menghendaki tenaga dan fikiran yang lebih erat (hlm. 26). Ini ialah perkenalan sebagai berterus terang (*direct characterisation*).
2. Pelakon juga dikenalkan kepada pembaca dalam percakapan pelakon sama pelakon. Umpamanya perbualan perempuan tua, "Memang pergaulan mereka telah lebih dari patut" dan "Ah, Aini itu kan baik orangnya." (Hlm. 36)
3. Perkenalan dengan tutur kata pelakon itu sendiri apabila Aini berkata, "Biarlah penderitaan itu aku menanggungnya ... boleh kita teruskan." (Hlm. 68). Maka pembaca akan dapat membayangkan tingginya hemah dan budi pekerti Si Aini.

Inilah tiga jalan yang digunakan pengarang Barat memperkenalkan pelakonnya kepada pembaca. Pertama ialah sebagai '*direct*' dan yang dua lagi itu sebagai "*indirect character*" (pengenalan tidak berterus terang). Jika dipilih di antara dua bahagian itu seharusnya cara *indirect* diutamakan, kerana ia akan menambah lagi lembutnya aliran cerita.

Sebagaimana kata pengarangnya, *Korban Kesuciannya* ialah buat memberitakan "sebahagian kecil daripada babak masyarakat kita" dan buat mencerminkan hidup yang kecil, maka saudara pengarang itu telah berhasil mencipta tujuannya. Bayangan masyarakat kampung, semangat dan penderitaan.

Utusan Zaman, 12 Jun 1949

Propaganda Halus dalam *Anak Titiwangsa*

YAHAYA ISMAIL

MUNGKIN ada peminat-peminat kesusasteraan Melayu yang terperanjat melihat sebuah novel dihasilkan oleh Keris Mas pada tahun 1967 ini. Beliau begitu lama 'beristirahat' dan tidak menghasilkan apa-apa yang besar sejak lahirnya kumpulan cerpen *Patah Tumbuh*.

Sejak tahun 1950-an hingga lahirnya *Anak Titiwangsa*, sudah tiga buah novel dihasilkan Keris Mas. Jarak waktu antara dua buah yang terdahulu, iaitu *Korban Kesuciannya* dan *Pahlawan Rimba Malaya* dengan *Anak Titiwangsa* jauh sekali.

Bagaimanapun, sebagai peminat kesusasteraan, kemunculan karya Keris Mas, orang kuat ASAS '50, menarik perhatian kerana beliau dianggap sebagai sasterawan atau lebih tepat lagi cerpenis yang terkemuka. Adakah Keris Mas bisa menjadi novelis yang terkemuka pula? Soal ini sukar kita bicarakan dengan hanya berdasarkan *Anak Titiwangsa* ataupun dua buah novelnya yang terdahulu. Kalau dipandang daripada segi kegiatan penghasilan novel yang pesat pada hari ini, *Anak Titiwangsa* bisa dibawa untuk dibandingkan dengan beberapa buah novel karya beberapa orang novelis muda yang muncul sekarang.

"Istimewa untuk anak-anak bangsaku pelajar dan muda belia", demikianlah kata-kata dedikasi Keris Mas dalam bukunya itu. Memang pengarang memusatkan

daerah penceritaannya pada peringkat umur belia kita. Sudin, Karim, Usop, Hanim, Hashim dan lain-lain lagi memainkan peranan mereka dalam karya ini; dan orang-orang dewasa seperti Pak Cik Samad, Yang Berhormat Ah Kow, Pak Nordin, Mak Limah dan Mak Minah juga memainkan peranan dalam karya ini sebagai acuan dalam penjalinan kisah yang berpusat kepada anak-anak muda tadi.

Pada pendapat saya, novel *Anak Titiwangsa* sesuai sekali untuk bacaan pelajar menengah. Semangat yang dicetuskan pengarang ialah semangat membangun, semangat untuk bekerja dan berjiwa perintis. Daripada segi pengajaran, novel seperti ini benar-benar menepati tujuannya.

Kelincahan cerita dalam novel ini dan teknik penceritaan Keris Mas yang baik itu, dan ditambahkan pula dengan dialog yang hidup dan segar membuatkan pembaca tidak bosan untuk membaca novel ini. Di beberapa tempat pengarang menggunakan teknik 'imbas kembali', dan seorang pembaca yang kurang berhati-hati mungkin berasa keliru dengan jalan cerita *Anak Titiwangsa*. Saya mendapati ada paduan yang baik antara teknik, dialog, dan gaya bahasa (*style*). Walaupun perbandingan dan ungkapan baru kurang digunakan, namun pemilihan kata-kata yang sesuai masih terdapat dalam novel ini.

Apakah ceritanya dalam *Anak Titiwangsa* ini?

Seorang pemuda, Sudin, berasal dari kampung, kini berhijrah ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan pelajarannya dalam tingkatan H.S.C. sejak ayahnya meninggal kerana bekerja membuka tanah baru. Sudin dibawa oleh bapa saudaranya, Pak Cik Samad, pengarang akhbar, untuk meneruskan pelajarannya di ibu kota. Di samping belajar malam, Sudin juga menjadi wartawan sambilan dengan akhbar Pak Cik Samadnya.

Mungkin cerita novel ini akan tamat dengan pengalaman Sudin sebagai orang surat khabar sahaja. Tetapi tidak. Untuk meneruskan lagi jalan ceritanya Keris

Mas mengemukakan seorang watak lain, Karim, sahabat karib Sudin dan Usop pada waktu kecil-kecil di kampung dahulu. Kini Karim lari dari kampung dengan mencuri wang tiga ratus ringgit daripada ibunya. Apabila Sudin balik ke kampung, cerita kehilangan Karim terburai sudah. Mak Limah menangis-nangis dengan kehilangan anaknya, dan berharap Sudin dapat mencari dan memujuk Karim balik ke pangkuannya. Sudin berjanji untuk mencari Karim sekiranya dia berada di ibu kota.

Di sinilah Sudin mula bergerak dan bertindak untuk mengesan sahabat karibnya itu. Dia berjumpa dengan Wakil Rakyat Ah Kow, sahabat karib Pak Cik Samadnya. Tetapi, Karim masih menjadi misteri pada mereka. Pak Cik Samadnya asyik berteori sahaja dan nampaknya tidak menghiraukan langsung tentang kehilangan seorang manusia seperti Karim. Pada waktu Sudin sedang sibuk mencari rakannya, Pak Cik Samad pergi ke Afrika bersama dengan rombongan menteri.

Dia cuba bergaul dengan abang Hanim, gadis lincah sahabatnya, kerana Hashim gemar berpeleseran untuk mencari Karim. Karim masih belum dijumpai lagi. Lamalama dia meminta pertolongan Malek, wartawan yang melaporkan perkara-perkara jenayah. Di sinilah Sudin mempelajari selok-belok kecekapan seorang wartawan yang mahir. Malek tahu di mana untuk mencari punca kehilangan Karim. Mereka pergi ke pejabat buruh. Memang ada, Karim bin Nordin mendaftarkan diri untuk mencari kerja. Alamatnya Kampung Datuk Keramat sahaja.

Sudin pergi ke Kampung Datuk Keramat mencari Karim. Tidak berjaya. Kampung Datuk Keramat bukan kampung kecil. Dengan pertolongan Malek dan Mat Nor, Sudin dapat bertemu dengan seorang penghuni rumah haram yang kenal baik dengan Karim. Puncanya telah dapat. Hanya mengesan tempat-tempat dan sumber-sumber lain sahaja lagi.

Bersama-sama dengan Malek, Sudin pergi ke kilang tayar di mana Malek bertemu dengan kawannya Mutu,

pemuda yang menjadi kaki polis dan juga orang yang rapat dengan kumpulan-kumpulan gangster. Melalui Mutulah Sudin mengetahui bahawa Karim sekarang dalam perhatian polis kerana dia juga menjadi abli gangster dan terlibat dalam beberapa rompakan.

Sebagai orang surat khabar Malek rapat dengan pihak polis, dan melalui kerjasama dengan Wakil Rakyat Ah Kow, Karim dijaga oleh yang berhormat itu di rumahnya. Pada suatu hari, Sudin dan Pak Cik Samad yang baru balik dari Afrika mengunjungi rumah wakil rakyat untuk bertemu dengan Karim. Pegawai polis ada bersama. Pertemuan dua orang sahabat lama itu agak mengharukan. Karim insaf atas perbuatannya yang buruk itu, dan mahu mengubah nasibnya.

Sudin? Dia tidak mahu menjadi wartawan. Dalam hatinya dia mahu menjadi seperti Francisco Rabat, petani Melayu Filipina yang terkenal itu. Pengetahuannya hendak dicurahkan dalam bidang pertanian. Tetapi, dia masih belum boleh membuat keputusan yang muktamad. Karim kembali ke kampung asalnya, membuka lembaran baru di kampung tersebut, kampung di sebalik Gunung Titiwangsa.

Pengarang veteran Keris Mas menimbulkan beberapa gejala mengapa anak-anak muda kampung menjadi lemas dalam percaturan hidup hari ini. Karim menjadi tumpuan fikirannya. Dan Karim juga menjadi sumber kajian sosial pengarang secara halus. Tanpa bimbingan yang baik dan pelajaran yang tinggi Karim terlonta-lonta dalam dunia kekosongannya yang tersendiri. Di kota besar seperti Kuala Lumpur kehidupannya lagi tersepit, dan untuk hidup dia harus nekad memperjudikan nyawa dalam pertarungan jasmani yang kasar. Arus hidup Karim di Kuala Lumpur tidak mendamaikan hatinya, dan untuk menghapuskan segala kekotoran dan kekejaman itu dia harus kembali ke pangkal jalan – kembali semula ke kampungnya yang damai.

Watak Sudin ialah watak ideal pengarang sendiri.

Pemuda yang insaf untuk berbakti dan menjadi pemimpin kaum sebangsanya di kampung, di kalangan petani yang rata-rata miskin. Seperti Basir dalam *Subuh* dan seperti Francisco Rabat dia mahu menerjukkan diri ke lapangan pertanian. Tetapi, malangnya, dia masih terkutung-kutung dalam dunia cita-citanya, tanpa mendapat keputusan yang tegas. Dia masih diayun oleh nasihat Pak Cik Samadnya dan keinginan yang membunga di dada. Sayangnya watak ideal pengarang masih menjadi watak yang teraba-raba mencari pegangan dalam hidup.

Memang unsur propaganda ada dalam novel ini, tetapi propaganda yang dicetuskan pengarang mempunyai nilai estetik yang baik. Setiap novel atau cerpen yang berunsur pengajaran mempunyai pengaruh propaganda, tetapi untuk memberi hukuman apakah sesbuah karya pekat-pekat propaganda murah atau propaganda *sophisticated* yang bernilai sastera harus kita tinjau daripada aspek komposisi secara keseluruhannya. Dan, dalam *Anak Titiwangsa* ini unsur propagandanya halus dan berkesan sebagai karya sastera. Unsur propaganda dalam *Anak Titiwangsa* lebih halus dan bernilai daripada propaganda yang ditimbulkan oleh pengarang *Hujan Panas* ataupun oleh Jihat Abadi dalam novelnya *Terkulai*.

Kalau inilah novel Keris Mas yang dianggap berjaya (dalam perbincangannya dengan saya dahulu beliau tidak menganggap dirinya sebagai novelis sebelum ini walau-pun pernah melahirkan dua buah novel), maka peminat-peminat kesusasteraan mengharapkan karya-karya yang lebih besar lahir daripada pena pengarang orang kuat ASAS '50 ini. Kekuatan dan kebolehan Keris Mas sebagai novelis memang ada, dan memang kuat pula bakatnya. Sekiranya beliau dapat meluangkan masanya dan menumpukan perhatian dalam bidang penciptaan novel, saya rasa, novel-novelnya dapat menjadi *standard* dengan beberapa buah novel yang baik pada hari ini.

Tiga Kelompok Sosial Melayu dalam *Rimba Harapan*

ABDUL RAHMAN AZIZ

TANAH Melayu yang menjadi latar novel *Rimba Harapan* (DBP, 1986) adalah Tanah Melayu yang memasuki suatu sistem dunia moden. Sistem dunia moden yang menjaring kehidupan sosial dalam novel ini adalah kapitalisme. Kapitalisme terbentuk daripada urutan sejarah dunia sejak abad ke-16 lagi, yang banyak mempengaruhi dan mencorakkan tamadun Eropah. Kemajuan yang dicapai oleh Eropah adalah ekoran daripada beberapa perkembangan yang berlaku sejak zaman Renaissance dan Reformasi yang memberi sumbangan ke arah kemantapan pembentukan sistem sosial dan tamadun yang berasaskan sains, rasionalisme, sekularisme, individualisme, materialisme, dan liberalisme. Secara umumnya melalui adunan unsur-unsur tersebutlah terbentuknya kapitalisme.

Perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu *Rimba Harapan* adalah berbentuk pemodenan. Pemodenan diertikan oleh S.N. Eisenstadt sebagai:

... the process of change toward those type of social, economic and political systems that developed in Western Europe and North America from the seventeenth century to the nineteenth century.

Dalam pemikiran orang Melayu, pemodenan dilihat sebagai satu cara bagaimana sesebuah masyarakat ber-

usaha mempertingkat kedudukannya sebagai masyarakat yang maju. Kemajuan sesebuah masyarakat dalam konteks ini, didasarkan kepada penguasaannya dalam bidang-bidang seperti perindustrian, perniagaan, pelajaran, pemikiran, perekonomian, politik, kemasyarakatan, dan kebudayaan. Inilah keadaan yang mahu digambarkan oleh Keris Mas lewat novelnya *Rimba Harapan*. Keris Mas cuba menyelami permasalahan ini daripada dua aspek, iaitu aspek dalaman dan aspek luaran. Aspek dalaman berkaitan dengan penerimaan orang Melayu terhadap proses pemodenan yang tidak diundang itu. Aspek luaran pula berkaitan dengan tekanan kapitalisme British, dalam bentuk peluasan lombong bijih timah dan ladang getah yang mengasak orang Melayu lari ke dalam rimba. Keris Mas, saya kira, cukup berjaya dalam menggambarkan kehidupan orang Melayu dalam era perubahan itu. Malah beliau membuat hipotesis bahawa di sinilah bermulanya dasar-dasar baru kerajaan British. Pada masa ini orang Melayu dalam *Federal Council* di Kuala Lumpur menuntut supaya orang Melayu dilindungi, diberi hak-hak istimewa. Sebenarnya, ketika ini orang Melayu mula berasa terdesak kerana penghijrahan kaum-kaum pendatang yang dibawa oleh British.

Novel *Rimba Harapan* menggambarkan kehidupan beberapa keluarga Melayu di Ketari, Bentong dan Janda Baik dalam dekad 1920-an dan 1930-an. Kehidupan sosial, ekonomi dan kepercayaan orang Melayu di sini tergugat kerana kapitalisme British bergerak untuk memperluas penanaman getah dan perlombongan bijih timah selepas Perang Dunia Pertama. Di samping itu, faktor bencana alam juga mempengaruhi dan menghancurkan ketenteraman hidup orang Melayu. Mereka terpaksa lari meneroka rimba belantara untuk membentuk penghidupan baru.

Janda Baik dibuka dan diteroka dengan kegigihan dan penderitaan orang Melayu. Sekiranya sejarah mentafsirkan kemunduran Melayu disebabkan oleh peralihan

penguasaan Melayu daripada kawasan pesisiran kepada kawasan pedalaman, maka *Rimba Harapan* merupakan satu lagi tafsiran yang dikemukakan oleh Keris Mas tentang tertolaknya orang Melayu ke kawasan rimba belantara akibat peluasan lombong dan ladang getah milik British. Di atas bekas tanah orang Melayu yang terusir inilah terbinanya bandar-bandar yang bukan lagi dimiliki oleh orang Melayu.

Novel ini terbahagi kepada empat bahagian dan tiap bahagian dibahagikan pula kepada bahagian-bahagian kecil. Bahagian satu mengisahkan tentang kehidupan masyarakat Melayu di Ketari. Sepanjang 63 halaman Keris Mas mengisahkan tentang konflik masyarakat Melayu di Ketari sebelum mereka berhijrah ke Janda Baik. Cerita dimulakan dengan kegusaran Pak Kia menghadapi hidup. Sawahnya tidak menjadi. Cuaca tidak menentu. Banjir melanda. Bagaimanapun, nasibnya baik sebab adiknya Zaidi hidup mewah. Kemewahan Zaidi disebabkan oleh perubahan sikapnya. Zaidi hidup mewah kerana dia juga membuka kampung baru dan bertanam getah. Ternyata kehidupan keluarga di kampung darat itulah yang lebih makmur, berwang, dan ada yang berharta. Selain berkebun getah, Zaidi juga bermiaga bahan-bahan dari hutan. Pak Kia masih hidup di takuk lama, tinggal di sawah. Bencana alam menjadikan Pak Kia dan orang-orang yang bersawah susah, seperti yang digambarkan oleh Keris Mas:

Kemudian datang musim kemarau panjang. Tanah sawah menjadi kering-kontang, merekah-rekah. Sungai Bentong dan Sungai Benus tidak berair. Lubuk-lubuknya yang dulu dalam tiba-tiba menjadi kubang kerbau.

(Hlm. 6)

Sejak kemarau, kawan-kawan Pak Kia menjual tanah sawah dan dusun, pindah jauh masuk hutan ke Lebu, Asap, dan Janda Baik. Namun, keyakinan mereka masih kuat pada padi, kerana bagi mereka: "Hidup berasaskan padilah yang selamat, mereka mati-matian percaya padi

itu berbudi sedang getah selalu melatah." (Hlm. 37)

Angin perubahan melanda kehidupan masyarakat Melayu. Zaidi bukan sahaja mewah, malah mula berjinak-jinak dengan kaum muda, iaitu golongan reformis Islam yang bergerak untuk menghapuskan faham "kemunduran beragama" di kalangan anggota masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja yang dilakukan oleh Zaidi, Cikgu Nasir dan Cikgu Brahim untuk menyedarkan masyarakat Melayu supaya giat berusaha dan tidak lagi menjadi anggota masyarakat yang "*consumption oriented*". Zaidi dan rakan-rakannya faham akan erti perubahan zaman, lantaran itu mereka menyalurkan faham:

"Orang Ketari biarlah jadi orang Ketari selama-lamanya. Kalau Bentong menjadi besar Ketari tentulah ikut kembang menjadi besar juga. Tanah inilah modal orang Kampung Ketari. Kalau sekarang mereka lari ke hutan, Ketari ini nanti akan menjadi bandar Cina seperti Bentong juga."

(Hlm. 15)

Banjir yang melanda Ketari memusnahkan sawahnya. Kerajaan penjajah mula mengintip-intip gerakan kaum muda dan mempersoalkan guru-gurunya, kerana kononnya mereka mengajar tanpa tauliah. Taring kapitalis British semakin menyinga, tali barutnya berkeliaran memujuk orang Melayu yang bersawah dusun supaya menjualkan tanah mereka, kerana Tuan Pekok hendak melombong bijih di situ. Pendekar Atan berkeliaran di Ketari memujuk Pak Kia, Pak Abu, Tutung, Tapa dan lain-lain supaya menjualkan tanah mereka kepada Tuan Pekok.

Walaupun pada awalnya Pak Kia berkeras tidak mahu menjualkan tanah sawahnya, tetapi akhirnya terpaksa akur, kerana kawan-kawannya yang lain sudah pun menjualkan tanah sawah dan dusun mereka. Terfikir Pak Kia, bagaimana hendak mengerjakan sawah nanti? Kesukaran akan timbul untuk mendapatkan air. Pak Kia tidak ikut perubahan, dia tidak inovatif dan tidak kreatif. Dia mahu berpindah ke Janda Baik, meneroka tanah

untuk dijadikan sawah dan dusun seperti lazimnya orang Melayu.

Keseluruhan bahagian kedua novel *Rimba Harapan* mengisahkan tentang persediaan untuk membuka tanah rimba di Janda Baik. Pak Kia menjualkan tanah sawah dan dusunnya kepada Tuan Pekok. Kemudiannya Pak Kia mengorak langkah membuka tanah baru untuk berkampung halaman di Janda Baik. Langkah pertama Pak Kia ialah memberhentikan persekolahan anaknya Karim. Bagi Pak Kia, Karim mestilah mewarisi hidup cara nenek moyangnya. Dia tidak mahu anaknya menjadi salah seorang anak Melayu yang hidup seperti kiambang terapung di air, ke atas tidak berpucuk ke bawah tidak berakar. Anak-anaknya mestilah berakar tunjang pada kehidupan cara ayahnya, cara nenek moyangnya. Idealisme Pak Kia cukup tradisional sifatnya. Mereka hendaklah mempusakai kesejahteraan hidup cara orang Melayu.

Bahagian kedua ini juga mengisahkan bagaimana Maidin menjadi mediator di antara kawasan pedalaman dan kawasan bandar. Hal ini jelas dapat diperhatikan dari pada gambaran Keris Mas seperti berikut:

Kedai Maidin didirikan dengan bantuan gotong-royong orang Janda Baik. Semua bahan untuk mendirikan kedai itu diramu oleh orang Janda Baik dari hutan keliling. Merekalah yang meramu buluh dan mencincangnya menjadi pelupuh. Merekalah yang menebang kayu untuk tiang, peran, kasau dan belebat. Merekalah yang meramu bertam dan menganyaminya untuk dijadikan atap. Rotan dan paku saja yang dibeli oleh Maidin kerana dalam hutan dekat-dekat tepi jalan raya itu tidak ada rotan. Maidin hanya mengeluarkan belanja membayar upah mendirikan kedai itu kepada tukang Sidin dari Ketari.

(Hlm. 68-69)

Demikianlah sikap orang Melayu golongan tradisional, rela mengorbankan tenaga demi kebahagiaan orang lain. Sedangkan aktiviti Maidin selepas itu ialah untuk mengaut

sebanyak-banyak untung daripada titik peluh mereka. Tujuan mereka membantu Maidin itu adalah untuk:

Orang Janda Baik rela menolong Maidin kerana kedai itu perlu bagi mereka untuk jadi tempat perhentian dan penantian dalam perjalanan turun naik ke jalan raya dan ke kampung asal mereka di Ketari dan Benus atau ke Bandar Bentong. Kedai ini juga perlu bagi mereka nanti untuk mendapatkan barang-barang keperluan dan sebagainya.

(Hlm. 69)

Rancangan pembangunan bandar di mana-mana pun memang mendapat lebih banyak keuntungan daripada kawasan desa. Konsep *urban-bias* dalam pembangunan memang terjadi dalam *Rimba Harapan*, hingga menyebabkan orang Melayu menjadi pengeluar yang setia dan tidak sebagai pemasar yang utama. Itu Maidin. Ah Soo yang bermiaga di pasar Bentong pula sedia membeli apa sahaja hasil tanaman kampung serta binatang-binatang buruan seperti kancil, napuh, dan pelanduk. Bahkan Ah Soo juga membeli ular, biawak, babi, dan harimau.

Bagi Zaidi, penghijrahan abangnya ini merupakan suatu penderitaan yang tidak berkesudahan. Pada fikiran Zaidi, penghijrahan itu berlaku kerana untuk mencari kekayaan, yang mesti dilakukan ialah: "Rajin. Banyak tipu muslihat. Cerdik". Itu sahaja tidak cukup untuk jadi kaya. Sebab, kalau hendak jadi mesti ada *ong*, "ada nasib baik". *Ong* ialah istilah Cina, dan ia selalu dinanti-nantikan oleh orang Cina, sekarang ia menular pula pada Pendekar Atan kerana persahabatannya dengan Tauke Chan. Tauke Chan berpegang pada prinsip:

Cari wang ialah berjudi. Orang berjudi kadang-kadang kalah kadang-kadang menang; boleh hidup, boleh dapat makan. Bila satu kali datang nasib naik, datang *ong*, kita menang besar dan terus menjadi kaya. Kita tidak tahu bila perniagaan atau pertanian kita akan dilanda *ong* yang menjadikan kita kaya tapi kita mesti terus tekun, rajin, sabar dan cerdik.

(Hlm. 140)

Orang seperti Pendekar Atan berada di mana-mana. Gambaran Keris Mas terhadap watak Pendekar Atan ini seperti berikut:

Pertama-tama dia mesti berlaku sopan dan baik terhadap Zaidi. Dia sudah tahu benar bahawa Zaidi ini cerdik. Tapi dia tahu juga Zaidi berpegang teguh kepada ajaran agama. Hidup cara berjudi, baik bermiaga atau apa saja, tidak akan disenangi oleh Zaidi. Sebab itu kalau dia baik dengan Zaidi dia akan disenangi oleh orang kampung dan orang Melayu seluruh Bentong termasuk yang sudah pindah ke Lebu, ke Asap atau ke Janda Baik. Mereka itulah punca perjudiannya.

Dia berbaik dengan Zaidi sebab dia mempunyai tujuan – iaitu untuk jadi kaya dengan cara menipu orang Melayu.

Pak Kia tetap menaruh dendam pada Pendekar Atan, kerana dia menganggap pendekar itu sebagai petualang bangsa. Pak Kia marah pada Zaidi, kerana sanggup berbaik dengan Pendekar Atan. Tetapi cara Zaidi berlainan daripada cara abangnya. Dia berbuat baik tidak bererti dia merelakan perbuatan pendekar itu. Zaidi akan memusnahkan Pendekar Atan dengan cara yang lembut tetapi berkesan dan akan melenyapkan seluruh pengaruh pendekar itu. Hal itu berjaya dilakukan oleh Zaidi sehingga Pendekar Atan ditangkap oleh polis.

Anak-anak Pak Kia sudah merelakan hidup mereka di Janda Baik. Hidup mereka di sini pun sudah memberikan kejayaan. Walaupun mereka berhadapan dengan makhluk perosak kecil dan besar, tetapi berkat ketabahan mereka segala ancaman itu dapat diatasi.

Alangkah seksanya manusia yang terusir dari peredaran zaman untuk berhijrah ke puncak air meleleh ini.... Perubahan yang dibawa oleh Inggeris dengan penanaman getah dan perlombongan bijih cara besar-besaran menjadi faktor pertama yang menyebabkan orang-orang kampung mencari puncak air meleleh. Di samping itu, bencana alam yang merupakan bah besar

juga menjadi faktor. Tetapi sikap tidak tabah menghadapi cubaan Tuhan dengan bencana alamnya itu dan sikap tidak mengerti akan corak perubahan zaman adalah juga faktor penting yang menjadikan puncak air meleleh ini terpaksa diteroka.

(Hlm. 79 dan 80)

Bahagian ini juga memperlihatkan tentang falsafah hidup orang Melayu ketika itu, yang berpada dengan apa yang ada. Mereka berbahagia dengan hidup yang mereka jalui. Mereka sebenarnya *qana'ah*. Hal ini yang dapat dilihat tentang pegangan Jusuh dalam hidupnya.

"Aku memang miskin, kata Jusuh, tetapi aku senang dalam kemiskinan begini. Tidak banyak yang aku perlukan dalam hidup ini. Mana yang aku perlukan, alhamdulillah, setakat ini masih dikurniakan Allah kepadaku dan keluargaku. Di sini kalau kita rajin, berani, sabar dan tidak tamak, tidak dendki khianat, insya-Allah rezeki akan banyak, sahabat handai akan ramai, musuh tidak ada dan lapar jauh sekali."

(Hlm. 81 dan 82)

Berbeza pandangan Jusuh, Pak Kia, Pak Abu dan peneroka-peneroka lain di Janda Baik daripada pandangan Zaidi tentang kemiskinan dan kekayaan. Bagi Zaidi, kekayaan itu tidak ada batas, kerana segala yang ada di dunia terasa perlu dimiliki unuk menyempurnakan apa yang dikatakan kesenangan.

Bahagian ketiga *Rimba Harapan* termuat daripada halaman 139 hingga halaman 214. Kisah Pendekar Atan muncul semula. Pendekar Atan adalah lambang orang Melayu yang sudah terlalu faham tentang pemodenan; atau seorang yang sudah terlalu peka terhadap perubahan masa. Tindakannya dalam menghadapi perubahan seperti kata pepatah: "Bujur lalu melintang patah". Pada pertimbangan Pendekar Atan, yang penting ialah kekayaan, sebab kekayaanlah yang paling penting dalam hidup orang di dunia ini. Persahabatannya dengan Tauke Chan selama sebelas tahun itu menyebabkan dia tahu serba

sedikit cara mereka itu mencari kekayaan, seperti yang digambarkan oleh Keris Mas:

"Makanan, rumah dan pakaian memanglah perlu tetapi tidak susah mendapatkannya. Asal rajin bekerja tentu dapat makan, tentu dapat tempat berlindung dari panas dan hujan, tentu dapat pakaian pembalut badan. Tetapi mencari wang banyak, mencari kekayaan, tidak semudah itu. Rajin saja tidak mencukupi."

Bahagian keempat novel *Rimba Harapan* ini mengisahkan tentang perubahan keadaan berlaku lagi. Kedai Zaidi kurang dikunjungi orang, Pak Kia semakin aman tinggal di Janda Baik, Zaidi mengalih corak perniagaannya iaitu dengan meraih barang-barang tanaman keluaran Janda Baik untuk dibekalkan ke Kuala Lumpur. Pak Kia berjaya membunuh musuh utamanya babi hutan tetapi dirinya cedera. Tutung dan Tapa ditipu oleh Pendekar Atan, tetapi peristiwa tersebut membongkar seluruh niat jahat yang selama ini terpendam dalam hati Pendekar Atan. Itulah kemudahan dan kesengsaraan hidup manusia silih berganti. Keris Mas tidak menghukum dan memberi syor corak apakah yang baik. Terpulang kepada kita sebagai pembaca memikirkannya. Yang mahu disampaikan oleh Keris Mas ialah faktor dan manusia yang menerima perubahan itu.

Keris Mas adalah tokoh pemikiran yang banyak jasanya dalam menggerakkan pemikiran intelektual generasi zamannya. Boleh dikatakan seluruh daya usaha dicurahkannya untuk menghasilkan karya kreatif yang benar-benar tinggi mutunya. Di samping itu, jelas terlihat dalam cerpen, novel dan eseinya yang digembbleng untuk isu sosiopolitik yang dialami oleh masyarakat Melayu. *Rimba Harapan* dan *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* adalah manifestasi daripada pemikiran sosiopolitik beliau tentang masyarakat Melayu.

Rimba Harapan adalah pentafsiran terhadap suatu sejarah penting dalam perkembangan hidup dan pem-

kiran orang Melayu. Ketari, Janda Baik, dan Bentong hanyalah cebisan contoh daripada ribuan contoh tentang saat getir dalam kehidupan orang Melayu di bumi tumpah darah mereka sendiri. Ketari, Janda Baik, dan Bentong adalah bukti pengusiran orang Melayu daripada tanah asal mereka.

Daripada *Rimba Harapan* ini Keris Mas menggambarkan pada kita tiga golongan manusia Melayu dan sikap mereka dalam menghadapi arus perubahan itu. Pertama, golongan tradisional Melayu yang diwakili oleh Pak Kia yang menolak segala bentuk perubahan dan mahu hidup seperti neneh moyangnya dahulu. Kedua, golongan moden yang diwakili oleh Zaidi, Cikgu Brahim dan Pendekar Atan yang sedar dan mahu turut serta dalam arus perubahan politik, ekonomi dan agama. Ketiga, golongan orang Melayu yang jahil dan malas seperti Tapa dan Tutung yang sedikit pun tidak terusik dengan apa juar corak perubahan.

Mastika, Mei 1990

Masalah Nilai dan Perubahan Sosial dalam Rimba Harapan

A. RAHIM ABDULLAH

NILAI positif atau positivisme penting untuk pembangunan manusia. Tanpa positivisme dan keyakinan diri manusia tidak akan berhasil membangun, atau akan gagal menghadapi tantangan alam dan persekitarannya. Nilai inilah yang menjadi amanat (mesej) penting novel *Rimba Harapan* (DBP, 1986) karya Keris Mas. Novelis ini juga cuba mengaitkan masalah modenisasi, perubahan sosial, dan pembangunan bangsa yang berlaku di Malaya pada awal abad ke-20 M.

Nilai-nilai positif yang penting untuk mempertingkat darjah atau tahap pembangunan (mental dan fizikal) tidak selalu disinggung oleh pengkritik sastera dalam konteks sastera dan pembangunan sosial, berbanding dengan nilai seni dan estetika. Maka itu tujuan tulisan ini, antara lain, cuba mencari nilai-nilai positif yang dapat menghubungkan maksud pencapaian daripada karya sastera itu sendiri. Hal ini kerana salah satu nilai baru yang dikatakan positif itu harus dapat memancarkan nilai-nilai yang mementingkan eksplorasi, sifat hemat dan jiwa yang bersaing (Keontjaraningrat, 1974:69).

Dipetik daripada buku *Konsep Nilai dalam Kesusasteraan Melayu*, diselenggarakan Siti Aisah Murad, 1996, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daripada aspek semiotik (sistem tanda), novel ini bukan sahaja berbicara tentang perubahan nilai orang Melayu, malah memperlihatkan adanya hakikat paradoks yang tindih-menindih. Dikatakan demikian kerana sesuai dengan hakikat sastera sebagai hasil konvensi budaya, ia akan membawa kita kepada kemungkinan-kemungkinan lain. Antaranya soal perubahan nilai masyarakat Melayu yang terpaksa berdepan dengan angin perubahan – yang sering diistilahkan sebagai modenisasi. Proses ini pula banyak membawa kesan terhadap individu dan anggota masyarakat. Ada yang bersifat positif, tetapi tidak kurang pula yang bersifat negatif. Angin perubahan dan gejala moden ini juga turut merombak struktur masyarakat dan mengubah sikap dan perwatakan anggota masyarakat. Inilah kesan yang sering ditemui dalam kebanyakan teks sastera. Novel *Rimba Harapan* juga turut menyinggung masalah sosial semacam ini. Namun, ada persoalan lain yang lebih besar yang cuba disampaikan oleh Keris Mas dalam novelnya ini – iaitu soal konvensi sosial dan konvensi sastera – yang sekali gus memperlihatkan adanya pertentangan.

Salah satu sifat semiotik ialah adanya unsur-unsur atau hal-hal yang saling bertentangan. Karya sastera terhasil daripada pengalaman konvensi sosiolinguistik atau kebahasaan, yang dikenali sebagai konvensi budaya. Novel ini mengambil latar sejarah masyarakat Melayu dekad 1930-an, maka itu pemahamannya memerlukan pengetahuan sejarah (walaupun hal ini kadangkala dianggap tidak penting).

Sebagai sebuah karya sastera, novel tidak mungkin terkecuali daripada pertembungan antara kenyataan dan cereka. Apabila membaca teks sebagai cerminan kenyataan, tentulah kita kecewa; sebaliknya jika membaca teks sebagai bahan rekaan semata-mata, kita juga akan terkeliru. Hal ini terjadi kerana adanya hubungan atau interaksi antara cereka dan realiti. Sebab itulah dalam sastera khususnya, interaksi itu dijadikan prinsip semiotik

yang penting. (A. Teeuw, 1988:229).

Nilai baru (modenisme) dan masalah pengembangan sosial adalah dua hal yang sering disamaartikan, walaupun kedua-duanya dapat dicerakinkan. Dalam hal ini *Rimba Harapan* secara tidak langsung mengajak pembaca berfikir atau menilai akan perubahan sosial yang berlaku ke atas sekumpulan masyarakat Melayu dan bukan Melayu selepas Perang Dunia Pertama. Untuk melihat tahap-tahap perubahan itu dengan ukuran luaran dan dalaman (pembangunan fizikal dan mental), pendekatan struktural semiotik sangat membantu.

Ferdinand de Saussure yang dianggap sebagai tokoh penting meletakkan dasar ilmu bahasa moden, telah menetapkan bahawa bahasa sebagai sistem tanda yang merupakan kesatuan antara dua aspek yang tidak terpisah antara satu sama lain – penanda (*significant*) dan petanda (*signifier*) – yang saling berkomunikasi (A. Teeuw, 1988: 43–44).

Pengarang novel *Rimba Harapan* juga secara samar mempertentangkan dua hal yang penting dalam ukuran modenisasi dan perubahan sosial ini. Yang baik dan yang tidak baik, atau nilai positif dengan nilai negatif menjadi titik tolak dan permasalahan novel ini. Salah satu ciri semiotik (sistem tanda) yang ada hubungannya dengan pembangunan manusia ialah wujudnya beberapa pertentangan sistem dan sosiobudaya.

Sebelum pembicaraan ini dilanjutkan kepada masalah nilai dan sikap, ada baiknya maksud *Rimba Harapan* sebagai judul novel ini dicari tanda dan maknanya. Mengapa pengarang tidak memilih “belantara harapan” atau “hutan harapan” dan “hutan bertuah” atau kata-kata lain yang agak sinonim? Kata “rimba” bukan sahaja berbeza daripada “belantara” atau “hutan”, malah dapat diasosiasikan sebagai sebuah dunia mungkin yang lain. Hakikat wujudnya dunia mungkin yang lain dalam sesbuah cereka adalah suatu hal yang tidak aneh dalam proses penciptaan. Adakah “rimba” yang mempunyai

makna yang tersendiri itu memang sebuah "dunia baru" yang serasi bagi orang Melayu yang terpaksa berhijrah dari kampung halaman masing-masing?

Kita mungkin bertanya lagi: Adakah dunia baru atau dunia lain yang akan menjadi sejarah masa depan orang Melayu (yang secara tidak langsung menjadi pengungsi itu) kecuali rimba belantara yang belum diteroka? Atau secara lebih ironis, pengarang di bawah sedarnya mempertentang dua buah dunia dan dua sistem yang menyebabkan orang Melayu berpecah, dan akhirnya mereka 'dijajah' oleh sistem-sistem baru ini?

Walaupun sebahagian daripada rimba itu telah dibuka dan diberi nama baru, tetapi di sana masih ada sebuah dunia tersendiri yang mengikat amalan tradisi dan sistem orang Melayu yang menempuh kehidupan baru. Misalnya nama Janda Baik; menurut Orang Asli, kononnya tempat seorang Batin bertemu semula dengan jandanya yang membawa diri, kerana ditinggalkan oleh suaminya. Janda itu melayan dan menerima bekas suaminya dengan baik, lalu mereka berlaki-bini kembali dan membuat kampung di situ. (Hlm. 105)

Menurut Keris Mas, kegigihan orang Melayu mengalahkan hutan rimba dengan segala kayu-kayan, semak belukar, gajah harimau, babi monyet, musim hujan dan panasnya, bahkan penyakit dan hantu syaitannya. Kegigihan dan keberanian anggota masyarakat Melayu tradisional itu terbukti hasilnya dengan kejayaan pembukaan Janda Baik. Watak Pak Kia yang konservatif itu mempunyai doa sepanjang hayatnya supaya Janda Baik akan kekal karar menjadi warisan tradisional untuk anak cucunya kemudian hari (*Dewan Sastera*, Oktober 1987: 34).

Daripada perspektif semiotik, dunia dalam novel *Rimba Harapan* ini dapat dilihat dalam kemungkinan-kemungkinan berikut:

1. Dunia tradisi orang Melayu mulai berubah.

2. Dunia orang Melayu diserapi nilai baru.
3. Dunia baru orang Melayu tidak sama dengan dunia orang bukan Melayu.
4. Dunia baru orang Melayu di luar bandar, sedangkan dunia orang bukan Melayu di bandar.

Rimba Harapan daripada aspek sejarah memperlihatkan period perkembangan sosial dan pemikiran orang Melayu selepas Perang Dunia Pertama yang terpaksa berpindah ke kampung baru, akibat dasar dan sistem kapitalis penjajah Inggeris yang mahu mengaut kekayaan di Malaya. Keris Mas menggambarkan realiti masyarakat yang mengalami gejala perubahan, dan mereka terpaksa menempuh bermacam-macam masalah (luaran dan dalaman) apabila berada di tempat baru – dunia lain yang amat berbeza daripada dunia mereka sebelumnya. Dengan itu jelaslah pengarang cuba menjelaskan perubahan sikap orang kampung yang berdepan dengan gejala baru ini.

Beberapa watak diberikan ciri-ciri perwatakan yang berbeza; yang mahu menerima perubahan dan yang menolak perubahan. Dua kelompok manusia yang mempunyai sikap saling bertentangan ini ialah: Pertama, golongan muda yang moden dan progresif sikap/perwatakannya; kedua, golongan tua yang berfikiran tradisional. Golongan muda yang berfikiran terbuka dan memerlukan perubahan ialah Zaidi, Cikgu Brahim, Cikgu Nasir dan Karim. Golongan tua yang menentang perubahan ialah Pak Kia (abang Zaidi), Pak Abu, Tapa, Tutung dan Jusuh.

Melalui novel ini, pengarang mengutarakan sikap dan pemikiran baru yang harus dipunyai oleh warganegara yang mahu membangun. Hal ini sesuai sekali dikuasai oleh rakyat di negara sedang membangun. Keris Mas setelah terlibat dengan penulisan lebih 40 tahun, tentulah mampu melihat perbezaan sikap dan proses sosialisasi yang berlaku dalam masyarakat dan lingkungannya. Dengan suatu sikap dan pemikiran yang terbuka barulah

dapat ditangkap maksud atau konsep modenisme itu. Hal ini juga sangat berhubungan dengan pemikiran pengarang dalam kesusasteraan itu sendiri. Oleh itu, kita harus dapat melihat perkembangan ini bagi menentukan arah pemikiran sasterawan atau novelis dalam karya-karya mereka sejajar dengan arah perkembangan masa, suasana, dan masyarakatnya. Teori yang dikemukakan oleh Hippolyte Taine (1863) ini memungkinkan kita melihat perubahan sosial yang luwes dan lebih terarah dengan kehendak zaman selepas merdeka.

Menurut Taine, teks sastera mestilah dianggap sebagai pernyataan tentang psikologi seseorang individu dan seterusnya merupakan pernyataan tentang suasana, persekitaran dan tempoh yang di dalamnya individu itu hidup, serta jenis bangsa yang dianggotainya. Hal ini terkenal dengan formula tiga istilah: *la race, le milieu et le moment* (An Jefferson & David Robey, 1984:4). Berdasarkan konsep ini jelaslah bahawa *Rimba Harapan* menerapkan dua nilai penting dalam pembangunan: Perlunya nilai positif dan perlunya permasalahan pembangunan itu sendiri dilihat daripada aspek dalaman dan luaran. Hal ini dapat dikesan menerusi pembahagian bab yang mempunyai kepentingan tersendiri, dan juga wujudnya dua kelompok manusia yang saling bertentangan itu.

Dari segi pembahagian bab, novel ini terbahagi kepada empat bahagian. Tiap bahagian dibahagikan kepada sub-bahagian. Bahagian satu mengisahkan tentang kehidupan masyarakat Melayu di Ketari. Sepanjang 63 halaman pengarang mengisahkan tentang konflik yang dihadapi oleh masyarakat Melayu sebelum mereka berpindah ke Janda Baik. Di sini Pak Kia dihimpit dengan pelbagai kebimbangan akan kehidupannya di Ketari. Misalnya, sawahnya tidak menjadi, cuaca tidak menentu, dan banjir melanda kampung mereka. Pak Kia hidup dalam suasana lama. Namun, Pak Kia agak bernasib baik, kerana adiknya (Zaidi) hidup mewah, disebabkan perubahan sikapnya. Zaidi berhasil membuka kampung baru dan bertanam

getah di kampung darat. Di samping itu, Zaidi juga berniaga barang-barang hutan.

Pada bahagian satu ini juga dapat dilihat sikap dan pemikiran pengarang yang menginginkan suatu mobiliti sosial jika seseorang mahukan kemajuan. Dalam hal ini masyarakat Melayu di desa yang masih kuat pengaruh dan fahaman tradisi itu harus mempunyai sikap yang keras dan mampu berusaha melawan tradisi. Di sini kelihatan pengarang menolak cara hidup tradisi yang statik dan merugikan orang Melayu sendiri. Hakikat ini terlihat pada petikan berikut:

Kemudian datang musim kemarau panjang. Tanah sawah menjadi kering kontang, merekah-rekah. Sungai Bentong dan Sungai Benus tidak berair. Lubuk-lubuknya yang dulu dalam tiba-tiba menjadi kubang kerbau.

(Hlm. 6)

Hidup ala kadar bukan sahaja merugikan peribadi malah seluruh masyarakat dan bangsa. Watak Jusuh misalnya, dapat dijadikan alasan bagaimana bentuk peribadi dan masyarakat yang tidak boleh berkembang. Sikap dan pemikiran Jusuh dan Pak Abu yang negatif itu dapat dilihat pada petikan yang berikut:

Kalau tidak ada Pak Abu dan tidak ada Jusuh dia sendiri berasa tidak mempunyai sokongan yang kuat. Pak Abu mesti ditolong supaya dia sendiri tetap mempunyai kawan sehaluan yang kuat dan keras hati.

(Hlm. 83)

Jusuh sedar akan kemiskinannya tetapi tidak cuba mengatasinya. Ini suatu hal yang ironis kerana banyak hal yang negatif dan bertentangan dengan agama, tetapi masih dibiarkan. Jusuh tidak berupaya mengerjakan baki tanah yang telah dikerjakan Jasin (arwah). Sekarang tanah itu termasuk dalam bahagian tanah Pak Kia. Tetapi, akhirnya keadaan Jusuh sudah agak senang, mempunyai tanah dan rumah sendiri yang tidak diganggu-gugat oleh wang tauke-tauke estet dan tuan-tuan lombong. Jusuh

memanglah contoh keazaman, ketekunan, dan keberanian orang Melayu bekerja untuk mengelakkan kehidupan berkeluarga yang aman dan tenteram. Hutan rimba serta penghuninya daripada gajah sampai kepada ulat dan pacat dapat dikalahkan oleh semangat orang seperti Jusuh.... "Orang seperti Jusuh ini malangnya tidak mengenal perubahan zaman. Kalau tenaga, keberanian dan kerajinan itu digunakan untuk mengejar kemajuan sudah pasti orang Ketari, orang Benus dan orang Bentong semuanya tidak akan lari ke hutan." (Hlm. 106)

Petikan ini memperlihatkan ada dua perbezaan sikap yang tidak disenangi pengarang. Orang kampung akan terus rugi kerana terlalu setia mengerjakan sawah yang tidak begitu menguntungkan (kerana banyak masalah), sedangkan berkebun getah lebih baik hasilnya. Ketika Inggeris memperkenalkan tanaman getah bagi memenuhi keperluan industri dan perkembangan teknologi, harga getah menjadi mahal. Tetapi, sikap orang Melayu masih dingin terhadap tanaman ini jika dibandingkan dengan tanaman padi (yang menjadi warisan zaman-berzaman).

Untuk mempertentang nilai dan sikap ini pengarang menampilkan golongan muda yang progresif. Zaidi misalnya begitu kontras dengan fahaman Pak Kia, abangnya sendiri. Bahkan Zaidi, Cikgu Brahim dan Cikgu Nasir merupakan agen perubahan – sebagai pembanteras fahaman keliru (konservatif) orang Melayu (kaum tua) dalam hal beragama. Zaidi dan teman-temannya menjadi reformis Islam yang bergerak untuk menghapuskan faham "kemunduran beragama" di kalangan anggota masyarakat Melayu. Sikap moden mereka ini terlihat sebagai berikut:

Orang Ketari biarlah jadi orang Ketari selama-lamanya. Kalau Bentong menjadi besar Ketari, tentulah ikut kembang menjadi besar juga. Tanah inilah modal orang Ketari. Kalau sekarang mereka lari ke hutan, Ketari ini nanti akan menjadi bandar cina seperti Bentong juga.

(Hlm. 15)

Dalam hal ini Keris Mas mempunyai gagasan yang menarik, iaitu betapa manusia Melayu memerlukan mobilisasi. Walaupun ia positif, namun ada implikasi sosialnya, iaitu mengakibatkan perpindahan orang Melayu ke kampung baru itu. Tempat atau tanah kelahiran mereka akan jatuh ke tangan orang asing, dan hal ini sesungguhnya suatu tragedi dan ironi bagi orang Melayu sendiri.

Dalam proses peralihan, dengan kepintaran golongan kapitalisme (didalangi oleh penjajah), orang Melayu yang cetek pemikirannya akan mudah tertipu. Mereka dikelabui oleh pujuk rayu dan sandaran material. Misalnya perwatakan Tuan Pekok (kapitalis) dan Pendekar Atan (tali barut Tuan Pekok). Sebagai kapitalisme Inggeris, Tuan Pekok menggunakan kedudukan Pendekar Atan untuk menjayakan cita-cita kapitalismenya, agar orang Melayu menjualkan tanah mereka untuk dijadikan lombong bijih. Pendekar Atan bekerja keras di Ketari, memujuk orang tua seperti Pak Kia, Pak Abu, Tutung, dan Tapa. Pengarang melukiskan watak Pendekar Atan (hlm. 140–141) yang boleh diibaratkan sebagai api dalam sekam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini merupakan suatu gejala sosial yang begitu berbahaya.

Persediaan orang Melayu membuka tanah rimba di Janda Baik (halaman 64–139) dikupas di bahagian kedua novel ini. Tetapi, langkah Pak Kia yang menghentikan persekolahan anaknya Karim adalah suatu tindakan yang negatif dan tidak disenangi oleh Zaidi. Pak Kia betanggapan Karim mestilah mewarisi cara hidup nenek moyangnya. Dia tidak mahu anaknya itu menjadi anak Melayu yang hidup seperti kiambang terapung di air, ke atas tidak berpucuk, ke bawah tidak berakar. Anak-anaknya mestilah berakar tunjang pada kehidupan yang ada caranya, dan cara nenek moyangnya. (Hlm. 83)

Seperti yang disentuh awal tadi bahawa nilai positif dalam pembangunan amat perlu. Mobilisasi penting kerana ia suatu yang positif dan membangun. Menurut

Zaidi, dia mestilah ada sikap dan cara yang tersendiri. Palsafah Zaidi untuk menjadi manusia yang maju dan berkembang haruslah dengan intelek. Ini menandakan pentingnya pendidikan – supaya kita bisa jadi orang yang cerdik:

Rajin. Banyak tipu muslihat. Cerdik. Itu saja tidak cukup untuk jadi kaya. Sebab kalau hendak jadi kaya mesti ada *ong*, ada nasib baik.

Persahabatan baik Pendekar Atan dengan Tauke Chan (kapitalis) adalah peluang baik untuk maksud pengertian *ong* itu. Dan hal ini ditandai oleh kata-kata perlu mencari wang dengan cara berjudi tapi mesti banyak bersabar dan cerdik.

(Hlm. 140)

Cara untuk cepat menjadi kaya biasanya melalui judi yang merupakan kegemaran orang Melayu pada suatu waktu. Hal ini bukan sahaja bertentangan dengan nilai Melayu dan Islam, malah ditentang oleh sikap konservatif Pak Kia sendiri. Pendekar Atan yang kaki judi itu didendam oleh Pak Kia, kerana dianggapnya petualang bangsa. Oleh kerana Zaidi berbaik-baik dengan Pendekar Atan, Pak Kia turut tidak senang dengan cara adik lelakinya itu. Hal ini sebenarnya suatu gambaran perwatakan yang biasa berlaku dalam masyarakat Melayu pada suatu waktu dulu, atau apa yang berada dalam mentaliti orang kampung yang agak sempit pandangan dunianya sampai waktu masa kini.

Perbezaan sikap antara Pak Kia (golongan tua) dengan Zaidi (golongan muda) ini cukup menarik bagi memperjelas lagi arah pemodenan yang dipelopori oleh Zaidi. Zaidi berbaik-baik dengan Pendekar Atan bukanlah bermaksud dia sanggup membiarkan Pendekar Atan meneruskan perbuatan kejinya itu. Zaidi cuba memusnahkan Pendekar Atan dengan cara yang lembut, tetapi amat berkesan. Dengan cara ini dia akan melenyapkan seluruh pengaruh pendekar Atan. Kejayaan Zaidi terbukti apabila Pendekar Atan ditangkap polis, kerana berjudi dan menipu tanah

orang Melayu. (Hlm. 252-260)

Terlihat juga gejala lain yang mulai menular dalam konteks sosial yang sedang berlaku perubahan. Misalnya watak Maidin (India Muslim) yang membuka kedai di perkampungan tersebut. Maidin menjadi semacam mediator di antara kawasan pedalaman dengan kawasan bandar. Pengarang menggambarkan bagaimana orang Melayu sanggup berkorban tenaga untuk kebahagiaan orang lain (Madin dan Tauke Chan yang berjaya mengaut keuntungan). Mungkin fahaman atau pengertian membantu orang lain itulah yang salah dan menyebabkan orang Melayu mundur. (Hlm. 69)

Pengarang novel *Rimba Harapan* tidak secara langsung mengeksploit permasalahan kaum ini; tetapi jika diamati, hakikat ini menjadi begitu tersirat berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Maidin dan Tauke Chan. Daripada aspek sejarah Tanah Melayu pada peringkat awalnya, Inggeris memang tidak mahu campur tangan dalam masalah sosiobudaya orang Melayu. Tetapi, akhirnya Inggerislah yang mengamalkan dasar "*pecah dan perintah*" sehingga mengakibatkan wujudnya ketegangan kaum. Pihak Inggeris secara diplomasi memisah-misahkan Melayu, Cina dan India, serta menganalisis keadaan mereka secara berasingan; kemudian melihat hubungan sosial yang wujud di kalangan mereka (Shamsul Amri Baharuddin, 1979:12).

Jelas bahawa kemasukan orang Cina dan orang India, terutamanya pada awal kurun ke-20 – zaman kemuncak kekuasaan politik Inggeris di Tanah Melayu – mewujudkan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Pada tahun 1913, terdapat 250 000 orang Cina yang bekerja di lombong-lombong di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kemasukan kaum pendatang yang amat berleluasa ini berlaku hingga tahun 1929. Pada tahun 1926, misalnya, jumlah orang India sebanyak 174 795 orang, yang mana 149 414 orang dibawa atas dasar perjanjian.

Kaum imigran yang dibawa bekerja di lombong dan estet itu kemudiannya berjaya melibatkan diri dalam lapangan ekonomi, dan mereka akhirnya mendapat galakan, serta bantuan daripada penjajah Inggeris. Mereka dalam konteks ini telah membantu penjajah menggeledah dan terus merampas kekayaan bumi Tanah Melayu yang subur (A.M. Thani, 1990:3-5). Inilah akibatnya, dan inilah yang cuba digambarkan realitinya oleh Keris Mas dalam novel yang mempunyai dimensinya yang tersendiri ini – sebagai sebuah dunianya yang kaya – yang mulanya khusus untuk kaum bumiputera sahaja. Tetapi, malangnya dasar penjajah membawa berbagai-bagai dimensi baru. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu miskin dalam negara yang miskin, dan kini mereka miskin pula dalam negara yang kaya.

Berikut diperlihatkan perbezaan sikap antara Zaidi (golongan muda) dengan Pendekar Atan dan Pak Kia (golongan tua). Sikap serta keberanian Zaidi bertindak sebagai *moderate* (menerima perubahan atau nilai-nilai baru) serta fahaman nasionalisnya dapat dilihat daripada dialog-dialog yang berikut:

1. "Tentang itu Pendekar memang tahu. Tapi apa ertinya kekayaan negeri ini kalau orang Melayu mesti lari masuk hutan. Tak aniaaya namanya?"
2. "Itulah dia. Kena pindah. Pendekar fikir mereka ada pilihan lain? Mereka kena pindah. Mereka terpaksa pindah. Orang jadikan mereka macam kerbau; kena halau, mahu atau tidak mahu masuk kandanglah."
3. "Kalau pendekar faham cakap saya tentu pendekar tak ikut-ikut cakap orang, menuduh saya menghasut. Saya jadi kaki Cikgu Brahim menghasut orang Ketari jangan jual tanah; lawan orang putih; lawan kerajaan. Macam-macam lagi. Pendekar tahu, saya ini sayangkan orang Melayu. Saya sendiri tidak duduk diam. Saya berkerja, berusaha dan berkebun. Kalau saya lawan kerajaan tentu saya tak buka kebun getah, tak

berniaga dan akhirnya tentu saya pun lari masuk hutan...."

4. "Pendekar pun tak mahu masuk hutan tapi pendekar tak merasa apa-apa kalau orang lain kena halau. Itulah bezanya saya dengan pendekar."
5. "Abang. Saya ini hendak berbuat kebajikan. Orang Islam yang berbuat kebajikan mesti sabar. Erti sabar itu ialah menerima macam-macam cubaan, tapi tidak mengalah kepada kemungkaran atau kejahatan. Lama macam manapun kita mesti berusaha...."
6. "Kalau abang berkeras juga hendak ke Janda Baik, apa boleh buat. Memang abang belum dapat memahami fikiran saya. Abang gunakanlah duit jualan tanah bahagian abang untuk meneruskan niat abang hendak terus bersawah ladang, berkampung halaman cara lama. Saya akan gunakan bahagian saya untuk buka kebun beberapa ekar lagi."

Sementara sikap konservatif Pak Kia yang tidak mudah mengalah – tetapi tetap setia pada nilai-nilai lama – dapat dilihat daripada dialog dan petikan berikut:

1. "Abang saya itu lembut orangnya. Tapi tentang hak dan kebenaran dia tidak pernah mahu beralih. Dengan manusia atau dengan binatang atau dengan apa saja...."
2. "Zaidi ingin menceritakan betapa Pak Kia tidak dapat memaafkan Pendekar Atan yang didapatinya menjalankan tipu muslihat menjualkan tanah orang Ketari dan orang Benus.
3. "Sifat Kia itu sifat orang berani, Cik Zaidi, terpuji dan susah dapat satu dalam sepuluh."
4. "Tapi keberanian mesti pakai fikiran, tak boleh pakai perasaan saja. Itulah kelemahan abang saya. Kata orang tua-tua, ikut rasa binasa, ikut hati mati."
5. Bahawa luka Pak Kia ini sudah kena kuman. Luka itu tentu mula mengandung nanah. Itulah sebabnya dia

terasa bisa mendenyut-denyut. Penolong penghulu mencadangkan supaya Pak Kia dibawa turun ke Bentong, masuk hospital.

"Takkan dia mahu," Mak Sinah membantah.

6. Di keliling tempat tidur Pak Kia, terutama dekat kepalanya, bergeletakan berbagai-bagai benda peralatan Tuk Pawang termasuk tempat perasapan, kain buruk, tepak sirih, mangkuk jeluk, labu air, daun-daun kayu, pelita dan macam-macam lagi.
7. "Jangan sekali-kali mahu jadi macam sekarang ini, datang orang kaya-kaya, datang orang pandai-pandai kita dihalaunya dengan wang ringgit dan tipu muslihat. Jangan gelap mata melihat wang ringgit. Kalau kamu nanti sudah tua macam ayah sekarang, ingatkan kepada anak cucu supaya jangan mahu menjual kampung halaman. Jangan mahu terbuang sekali lagi."

Satu gejala positif yang dapat dikutip dalam novel ini ialah tentang amalan konsep gotong-royong. Pengarang *Rimba Harapan* memperlihatkan konsep kerjasama sosial masih kuat diamalkan di tengah-tengah kalangan anggota masyarakat Melayu. Apa lagi hal ini berlaku pada sekitar tahun 1930-an, ketika masyarakat Melayu belum diamuk oleh gejala Barat, ketika membuka tanah baru – menebang, menebas hutan – orang-orang kampung bergotong-royong membuka perkampungan Janda Baik. Jalan yang tidak sempurna juga memerlukan paduan tenaga orang-orang kampung Janda Baik melaksanakannya. Tatkala Zaidi dengan penolong penghulu mendaki Bukit Tok-Tok, orang Janda Baik sedang membaiki jalan itu. Tuk Empat Kadir dengan Jusuh dapat membawa kira-kira 20 orang sehari untuk bekerja gotong-royong. Masing-masing membawa bekal sendiri dan tidak mendapat bayaran satu sen pun.... (Bahagian Empat, Bab 3, hlm. 232).

Konsep gotong-royong dalam masyarakat Melayu tradisi mempunyai nilai yang cukup besar. Menurut

Koentjaraningrat, terdapat empat konsep utama dalam aktiviti tolong-menolong antara warga sedesa ini. Antaranya, manusia tidak hidup sendiri, tetapi dilingkungi oleh masyarakatnya dan alam sekitarnya. Anggota masyarakatnya masih mahu memelihara hubungan baik antara satu sama lain, masih ada kepentingan bersama untuk saling berusaha, yang semuanya didorong oleh perasaan atau jiwa yang sama tinggi dan sama rendah. (Koentjaraningrat, 1974:70). Dalam hal ini, pengarang menggambarkan seperti berikut:

Mereka yang bekerja mencangkul tanah pun tidak banyak bercakap. Mereka akan bekerja hingga masuk Zuhur saja. Lepas itu mereka akan pulang untuk menjalankan kerja sendiri. Sekarang sudah dua belas hari mereka bergotong-royong begini.... Yang perlu, jalan mesti dapat dilalui basikal. Mereka memang tidak akan menonggang basikal di situ. Yang mereka hajatkan cuma kalau boleh menggunakan basikal untuk memunggah hasil tanaman.

"Patutnya kerja kami 'dah selesai. Tapi empat hari ini kami kurang tenaga sikit. Hari Pak Kia kemalangan itu kami semua tidak ke mari. Empat hari ini empat tenaga 'dah tak ada. Kalau tidak, Jusuh dengan Salim dan Pak Kia dengan Karim tak pernah tak datang."

Dalam pemikiran Melayu, pemodenan harus dilihat sebagai cara bagaimana memperbaiki atau mempertingkat kedudukan sebuah masyarakat menjadi maju. Masyarakat boleh menguasai perindustrian, perniagaan, pelajaran, pemikiran, perekonomian, politik, kemasyarakatan dan kebudayaan. (A. Rahman Aziz, 1990:53). Bagaimanapun, gejala lain, khususnya sejarah feudalisme, telah mencetuskan pelbagai masalah bagi masyarakat Melayu, misalnya kemiskinan, penindasan, kebebasan yang terbatas, ketidaksamaan sosial, mobiliti terhad, pembantutan intelek dan kesedaran terkekang, pembantutan individualisme, rasionalisme dan juga keyakinan diri.

(Shaharuddin Maarof, 1989:122). Hakikat ini cukup jelas berlaku di banyak negara sedang membangun, termasuk di rantau Asia. Sebab itulah modenisasi dan perkembangan sosial di rantau ini berat sebelah dan terkebelakang. Syed Hussein Alatas (1988:136) mengatakan bahawa para elit masyarakat Asia juga dipengaruhi oleh dualisme. Mereka berjaya memasukkan hasil dan prosedur ilmiah moden tertentu ke dalam masyarakatnya, tetapi gagal memasukkan pandangan ilmiahnya. Untuk perkembangan ekonomi dan masyarakat terdapat tidak kurang dua cara bagi memenuhi maksud pembangunan. Pertama, menaikkan taraf ekonomi negara; dan, kedua merapatkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin. (Syed Hussein Ali, 1979:16). Bagi melaksanakan maksud ini penekanan dalam semua lapangan haruslah dilakukan. *Ibid.* Dengan adanya peluang yang lebih baik, orang Melayu dapat menjadi peniaga yang berjaya dan tidak sahaja dimonopoli oleh orang asing (bukan Melayu). Menerusi sistem sosial penduduk di rantau ini yang semakin kompleks telah membentuk sistem kepimpinan yang semakin tersusun. Golongan yang menjadi pemimpin kemudian menguasai pertumbuhan politik dan ekonomi. (Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1989:101). Apabila kegiatan perdagangan mulai berkembang di kalangan orang Melayu, kedudukan sistem ekonomi mereka pada zaman kerajaan Melayu (sebelum kedatangan Barat) sudah mencapai peringkat tamadun yang tinggi. Peradaban Melayu didapati semakin meningkat apabila orang Melayu menganut agama Islam. Perubahan pesat yang berlaku dalam budaya Melayu itu sedikit sebanyak dapat juga meningkatkan lagi sistem ekonomi orang Melayu pada keseluruhannya, di samping pengaruh budaya asing yang meliputi juga sistem ekonomi dan membawa perubahan kepada cara hidup orang Melayu, merupakan proses perubahan yang pesat sekali (*Ibid.*:102).

Rimba Harapan memaparkan detik-detik perubahan yang dimaksudkan ini – suatu perubahan pesat dalam

sektor ekonomi dan sosial yang membuka era baru. Maka itu, dengan perubahan yang pesat dalam sistem ekonomi itu, terlihat adanya pembahagian tahap antara tradisional dengan moden, dikira sejak zaman penjajahan iaitu pada akhir abad ke-19 (*Ibid.*:112).

Novel *Rimba Harapan* berjaya memaparkan suatu hakikat sosial orang Melayu yang berubah akibat berlakunya pola-pola hubungan sosial yang adakala tidak selari dan sesuai dengan kehendak manusia dan waktu. Hal ini terjadi kerana sistem sosial adalah suatu sistem aksi yang mewujudkan beberapa interaksi individu. Yang penting antaranya adalah standard moral (*norms*) atau norma-norma. Sementara konsep *urban-bias* dalam pembangunan memang terjadi dalam *Rimba Harapan*, apabila orang Melayu digambarkan sebagai pengeluar yang setia, tetapi sayangnya mereka tidak dapat menjadi pemasar yang utama (A.Rahman Aziz, 1990:54).

Oleh itu, hipotesis tentang 'rimba harapan' sebagai 'rimba bertuah' atau 'hutan makmur' untuk orang Melayu lebih berupa paradoks belaka. Andainya kita mahu mencari nilai yang positif (dengan harapan boleh memberi sumbangan baik) untuk mencapai kemakmuran masyarakat, tentulah persoalan atau perbandingan antara baik dan buruk, dan antara yang membangun dengan yang mundur tetap menjadi pemerhatian kita tanpa mengira waktu dan ruang lingkungannya.

Bibliografi

- Abdul Rahman Aziz, 1990. "Tiga Kelompok Sosial Melayu dalam Rimba Harapan", *Mastika*, Mei 1990. Hlm. 53-55.
- A.M. Thani, 1990. *Integrasi Sosial dalam Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jefferson, An dan Robey, David, 1988. *Teori Kesusastraan Moden; Pengenalan Secara Perbandingan*. Terjemahan Mokhtar Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1987. "Proses Mental yang Melahirkan Rimba Harapan". *Dewan Sastera*, Oktober 1987. (Hlm. 32-34)
- Koentjaraningrat, 1974. *Kebudayaan Mentalitet dan Pembangunan*. Jakarta: P.T. Gramedia.

MASALAH NILAI DAN PERUBAHAN SOSIAL DALAM RIMBA HARAPAN

- Shamsul Amri Baharuddin, 1979. "Keperibadian Nasional: Antara Cita-cita Unggul dan Realiti". *Dewan Masyarakat*, Ogos 1979.
- Shaharuddin Maarof, 1989. "Renungan ke Atas Sejarah Massa Melayu". *Di Sebalik Jendela Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Malaysia Berhad.
- Syed Husin Ali, 1979. *Apa Erti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas, 1988. *Intelektual Masyarakat Berkembang*. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Teeuw, A., 1988. *Sastra dan Ilmu Sastra*. Pustaka Jaya. Jakarta: Giri-mukti Pasaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1989. "Sistem Ekonomi Orang Melayu" dalam Mohd. Taib Osman (ed.). *Masyarakat Melayu, Struktur Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weines, Myron, 1975. *Modenisasi: Dinamika Pertumbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keris Mas dan Transformasi Minda dalam Pembangunan

A. RAHIM ABDULLAH

DALAM zaman yang mencabar, kesediaan anggota masyarakat untuk menerima perubahan adalah penting. Andainya mereka mahu atau menghargai perubahan yang lebih baik, maka langkah yang lebih positif haruslah disegerakan.

Lucy Mair menganggap, semua anggota masyarakat tidak bersedia merebut peluang baru, lebih-lebih lagi apabila usaha tersebut menyebabkan mereka harus meninggalkan cara hidup yang biasa. Hal ini terjadi kerana separuh daripada mereka dikatakan dihalang untuk melakukan demikian, yang berpunca daripada peranan yang ternilai oleh sektor moden yang tidak dapat dicapai tanpa pendidikan yang agak meluas (Mair, 1989:273).

Tujuan penelitian ini antara lain untuk melihat kesejajaran teori Malinowski yang menyarankan supaya manusia melihat sesuatu kebudayaan sebagai peristiwa penting – yang setiap penggunaannya mempunyai erti tertentu dan mendapat sokongan yang positif (*ibid.*: 258) dengan pendekatan sistem tanda atau sistem semiotik dalam konteks kebudayaan. Lebih daripada itu tentulah untuk melihat keberhasilan Sasterawan Negara Keris Mas dalam saranannya untuk membangun masyarakat dan fungsi minda dalam membuka cakerawala pemikiran bangsa.

Sasterawan adalah manusia sensitif, intelektual yang sentiasa berusaha melihat dan mampu mentafsirkan sesuatu gejala atau unsur yang negatif dan positif. Keris Mas cukup terlibat dengan permasalahan modenisasi yang dialami oleh orang Melayu di negara ini. Sebagai sasterawan yang intelektual, Keris Mas mengharapkan adanya penyesuaian (*reconciliation*) terhadap maksud pembangunan yang sebenarnya. Sebagai intelektual Melayu dia sedar tentang pentingnya perubahan sosial bangsa Melayu, tetapi tanpa penyesuaian ataupun pemahaman terhadapnya, individu mahupun seluruh anggota masyarakatnya akan terus dihimpit gejala negatif sehingga mereka tidak boleh membangun peribadi dan perpaduan seluruhnya. Melalui novel-novel *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1983), dan *Rimba Harapan* (1986) pemikiran dan saranan pembangunannya akan dikupas.

Umberto Eco mengemukakan dua kod yang agak sesuai dengan kajian ini, iaitu kod budaya (*cultural codes*) dan komunikasi massa. Kajian semiotik yang bertumpu pada fenomena yang agak sulit disebut lebih mendekati sistem komunikatif. Sementara komunikasi massa pula mengaitkan berbagai-bagai disiplin ilmu – daripada psikologi hingga sosiologi dan pendidikan (Eco, 1964). Akhir-akhir ini pula kaedah semiotik itu sendiri dimanfaatkan untuk menjelaskan sejumlah fenomena komunikasi massa. Oleh itu, penelitian beberapa buah novel Keris Mas ini ada kaitannya dengan beberapa teori dan analisis komunikasi massa yang dapat diterapkan bagi tujuan melihat:

1. Masyarakat industri yang secara sepintas lalu tampak homogen tetapi memiliki banyak perbezaan dan pertentangan.
2. Jalur komunikasi yang jangkauannya bukan satu kelompok tertentu, tetapi lingkaran penerima yang tidak tertentu dalam pelbagai situasi sosial.

3. Kelompok produktif yang bekerja dan mengirimkan pesan yang ditentukan melalui sarana industri.

Dalam karya-karyanya (cerpen dan novel) dan juga tulisan-tulisan non-sastera, Keris Mas sering mengemukakan pandangan dan tafsiran yang cuba menyedarkan orang Melayu agar benar-benar berhasil mengisi kemerdekaan. Orang Melayu juga diajak menilai makna kemerdekaan: Adakah sikap individu, kumpulan, institusi, pemerintah atau sistem lainnya turut menyekat kemajuan bangsa sehingga masalah ini menjadi semacam sindrom sosial yang tempang dan berlanjutan di negara ini? Begitu juga kritikannya terhadap ketidakadilan, penindasan secara fizikal mahupun mental, menjadi bahan yang cukup menarik untuk diberikan pertimbangan. Dalam hal ini, kritikan sastera pula begitu penting untuk melihat pemikiran pengarang yang kreatif, walaupun pada aspek lain ia boleh dianggap mampu memperlihatkan sejauh mana berhasil atau tidak, bernilai atau tidak, baik atau tidak sesbuah karya kreatif.

Keris Mas sendiri adalah penilai dan pengkritik sastera tanah air (sejak tahun 1950-an), editor majalah/akbar, anggota panel Hadiah Sastera Malaysia dan panel Anugerah Sastera Negara, jadi tentulah sedikit banyak turut mempengaruhi karya-karya kreatifnya dalam usaha menangani kesusteraan nasional dan sosiobudaya orang Melayu. Keterlibatannya itu tentulah memperlihatkan ketokohnya sebagai pengarang kreatif dan bahawa dia juga mempunyai gagasan dan persepsi sebagai pengkritik sastera dan sosial yang baik dan bertanggungjawab dalam menghasilkan karya kreatif. Oleh itu, pandangan kritis dalam novel-novelnya cukup menarik diperhatikan, dan hal ini sejajar dengan apa yang diperkatakan oleh David Daiches tentang hakikat kritikan dan ruang lingkup kesusteraan itu sendiri:

In modern criticism, investigation of a writer's social origins and of the effect which social factors had on his work,

has been at least as common as psychological studies of a writer's state of mind, and the two have often gone together.

(Daiches, 1963:358)

Menghubungkan fenomena sosial dan permasalahan-nya dengan maksud fenomena komunikasi massa yang disarankan oleh Eco tadi ada kesejajarannya. Ini kerana sasterawan atau pengarang kreatif sering kali memerhatikan dan memasukkan segala hal itu ke dalam karyanya. Melalui karyanya dan kritikan terhadap karya tersebut, besar kemungkinan jalur hubungan sosiologi itu boleh dianggap sebagai suatu sains. Bagaimanapun, sosiologi dan sastera tercakup dalam struktur sosial dan sejarah. Begitu juga sifat-sifat yang lahir akibat daripada struktur tersebut telah mengambil tempat dan menghasilkan pengetahuan yang bernalas (*Ibid.*: 359). Oleh itu, tidak syak lagi sasterawan dapat kita anggap sebagai ahli sosiologi yang mampu melihat dan menyampaikan segala bentuk fenomena dan permasalahan sosial dengan tujuan menyampaikan pesan dan maklumat penting kepada anggota masyarakatnya.

Dalam hal ini sasterawan haruslah dapat melukiskan kenyataan tentang hakikat perkembangan sosial selaras dengan kebenaran dan fakta sejarah. Bagi sasterawan yang menganut fahaman realisme sosial, mereka bukan sahaja cuba melukiskan hakikat sosial sejelas mungkin, malah cuba pula mengubah sistem yang tidak disenangi-nya itu.

Bagi maksud seni ciptaannya, hubungan antara sastera dengan masyarakat sangat jelas. Menurut Diana Spearman, hubungan antara fiksyen dan mimpi siang berkait rapat dengan aspek biologi. Hal ini juga dapat menyuluh atau menerangi keadaan hubungan antara novel dan masyarakat. Biasanya pengalaman biologi dan cereka tidak dapat melangkaui jauh daripada sesuatu tema tanpa berhenti pada novel sehingga ia menjadi suatu

alegori, laporan atau proses puisi. Itu semua tema yang universal, misalnya menentang masyarakat, tindakan yang di luar undang-undang, jenayah ataupun suatu dosa. (Spearman, 1966:293)

Dalam menghubungkan bahasa pengarang dengan pandangan dunia dan masyarakatnya, unsur semiotik memang perlu digunakan. Roger Fowler juga semacam bersetuju bahawa proses komunikasi massa berlaku dalam dialog pengarang dengan karyanya dan dengan sasaran pembaca (khalayaknya). Kedudukan pengarang dan masyarakat adalah seperti berikut:

Language and world-view, and language and community, are undoubtedly related. Many sociolinguists would argue, that individuals, habitual perspectives on 'reality' are a consequence of his place in the socio-economic structure, and that the influence of social structure also operates to encode this cognitive habits in typical patterns of language usage.

(Fowler, 1983:75)

Hakikat ini jelas berlaku pada Keris Mas, misalnya novel *Anak Titiwangsa* (DBP, 1967), yang mengungkapkan pengalaman baru bagi anak muda kampung yang berhijrah ke kota. Pengalaman baru mereka dipertembungkan dengan nilai-nilai tradisi dan urbanisasi lalu menjadi konflik. Sebagai contoh, konflik yang dialami Sudin, mengembalikan watak ini ke kampungnya semula untuk membangunkan desa yang mundur dengan nilai baru yang dipelajarinya di kota. Ini suatu hal yang menarik, suatu pesan sosial Keris Mas, yang jarang diungkapkan oleh penulis lain dalam dekad 1960-an. Keris Mas dapat menyelam masalah penghijrahan belia ke bandar. Fenomena ini menjadi salah satu masalah negara di Malaysia pada dekad 1980-an. Barangkali fenomena ini cukup unik dan dianggap luar biasa oleh sarjana Barat seperti David J. Banks (1987) yang banyak meneliti novel-novel Melayu selepas merdeka.

Berbicara tentang komunikasi massa dalam sastera, kita dapat melihat pemikiran Keris Mas terhadap proses dan cara-cara mengisi kemerdekaan. Hal ini agak dominan dalam cerpennya di mana beliau sering mengajak pembaca membuka cakerawala pemikiran mereka dalam membangun minda orang Melayu menerusi kesusasteraan. Dalam novelnya juga pembaca dapat menangkap pesanan ini, misalnya menerusi watak Pak Cik Samad (wartawan), Sudin, Karim, Malik, Hanim, dan Ah Kaw (dalam *Anak Titiwangsa*), Encik Muhammad, Rahim, Syarifah Mahani, dan Sudin (dalam *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*) dan pertentangan nilai antara Pak Kia dengan Zaidi, khususnya golongan lama dengan golongan moden (dalam *Rimba Harapan*). Sesungguhnya sejak tahun-tahun 1950-an lagi, ketika menjadi editor majalah *Mastika* (Julai 1952) dan ketika semangat "Seni untuk Masyarakat" dilaungkan, Keris Mas sudah menggesa supaya dikaji rakyat yang menderita jiwa mereka. Antara lain beliau mengungkapkan:

Kita telah menderita kejatuhan dalam segala lapangan hidup, mengalami penjajahan, mengalami kemiskinan dan mengalami kemunduran kerana jiwa bangsa kita terlalu lemah berhadapan dengan kemajuan peradaban dan kebudayaan manusia di seluruh dunia yang semakin lama semakin maju. Jiwa yang lemah ini tidak akan dapat dibangunkan kalau satu aliran fikiran yang maju yang berani menentang peradaban dunia tidak diciptakan dalam jiwa anak-anak Melayu.

(A.M. Thani, 1981:141-142)

Sesuai dengan judulnya *Anak Titiwangsa*, maka soal 'anak' diberikan fokus utama oleh Keris Mas sebagai pesanan kepada masyarakat baru merdeka, bahawa inilah generasi baru yang bakal merubah nasib dan jiwa bangsa yang miskin. Sebab itulah pengarang mempertahankan Sudin sekalipun bertembung dengan nilai-nilai baru di kota dengan aroma dan tarikan duniaawi yang bisa

mengalahkan iman anak muda. Benarkah kota yang penuh dengan pelbagai cabaran itu boleh memberikan kejayaan hidup kepada manusia kerdil seperti Sudin dan kawan-kawannya (yang berasal dari kampung) jika mereka tidak ada pengisian (ilmu dan pengalaman)? Kita tentu bersetuju bahawa kebimbangan atau rasa tidak yakin orang kampung yang cuba mendapatkan pekerjaan di kota pada awal dekad pascamerdeka itu merupakan suatu gejala baru bagi orang Melayu. Barangkali hal ini terjadi kerana pengaruh kampung dan tradisi cukup kuat dipegang oleh anggota masyarakat Melayu desa sehingga dunia baru (kota) tidak dapat menjanjikan kejayaan ekonomi. Tambahan pula dalam pemikiran orang Melayu, di kotalah berkembangnya segala gejala negatif - kongsi gelap, pelacuran, penipuan, dan sebagainya. Hal ini terjadi pada Karim, Lim Ah Siak dan Mutu yang daripada segi semiotiknya, pengarang meletakkan tiga bangsa ini sebagai warga baru Malaysia yang bakal menangani pembangunan negara Malaysia. Tanpa ketiga-tiga bangsa ini berganding bahu dan saling memahami, tentulah matlamat pembangunan negara dan bangsa itu tidak dapat dilaksanakan.

Monolog Sudin yang berikut adalah salah satu sifat orang Melayu yang berasa kurang yakin terhadap diri sendiri:

"Bolehkah Abang Dolah dan kawan-kawannya akan lebih berjaya daripada arwah ayah? Alat mereka, modal mereka dan pengalaman mereka tak lebih tak kurang macam arwah ayah juga. Mereka hanya ada tulang empat kerat dan sedikit bantuan dari kerajaan."

(*Anak Titiwangsa*: 92-93)

Sudin seterusnya dilambung kebimbangan lagi apabila bertemu Pak Cik Samad (wartawan/intelektual) yang selanjutnya dapat melahirkan pemikiran bernas bagi membuka minda bangsa Melayu. Pak Cik Samad yang telah lama

menetap di Kuala Lumpur itu boleh menasihatkannya supaya kembali ke kampung, membangunkan desanya dengan menjadi petani moden. Sedangkan cita-cita awal Sudin ke kota mahu jadi wartawan terkenal macam bapa saudaranya itu.

Barangkali pembaca tidak nampak bahawa dalam novel *Anak Titiwangsa* (diterbitkan dalam tahun 1967 dengan wajah yang sesuai dikategorikan sebagai novel dewasa/berat; tetapi apabila dicetak ulang pada tahun 1980-an, wajahnya berubah menjadi novel remaja) berlaku dialog pembangunan dalam diri Keris Mas. Konsep ini agak baru dibincangkan dan menjadi isu besar negara dunia ketiga atau negara sedang membangun. Tugas membangunkan negara terletak pada setiap warganegara yang waras dan sihat tubuh badan. Bagi menolak salah faham orang Melayu yang menganggap hanya kota yang maju dan membangun, maka Keris Mas menyarankan supaya pembangunan di desa dimulakan segera dengan menggunakan berbagai-bagai prasarana yang ada dan bakal diperoleh oleh warga desa.

"Tetapi bolehkah saya melebihi Abang Dolah? Pak Cik Samad sudah mengaku dia tidak boleh. Bolehkah saya hidup cara kampung kembali? Saya tidak pernah benar-benar mencuba hidup di kampung dengan cara kampung. Dari kecil saya hanya sempat mengikut-ikut sahaja cara hidup ayah, tetapi saya belum pernah lagi hidup betul-betul dengan cangkul atau pahat getah."

(Hlm. 92).

Ilmu penting sebagai katalis dan pencetus dinamika baru dalam negara yang baru mencapai kemerdekaan. Hakikat ini dapat dipelajari Sudin menerusi Malek yang suatu waktu bergiat dalam politik. Sudin disedarkan tentang pengisian ilmu – andainya dia hendak menjadi petani moden, maka segala-galanya memerlukan pengetahuan teknik dan peralatan moden (hlm. 93).

Idea pembangunan ala moden ini tentulah merang-

kumi berbagai-bagai hal, skop dan selok-belok yang menjalinkannya supaya tidak terpisah antara satu sama lain. Menurut Moore, apa yang terlibat dalam pemodenan adalah penyusunan semula sebuah masyarakat tradisional atau pramoden secara menyeluruh kepada bentuk teknologi, serta organisasi sosial yang melambangkan negara Dunia Barat yang maju, mewah daripada segi ekonomi dan agak stabil politiknya (Wilbert E. Moore 1986:214). Dalam hal ini Keris Mas boleh dianggap sebagai arkitek dan perancang pembangunan masyarakat yang ideal dan berusaha memberi pembaharuan terhadap masyarakatnya.

Memahami novel dalam konteks pembangunan dan sosial agak berbeza daripada cara memahami novel sebagai sebuah karya sastera *per se*. Andai kata pemahaman terhadap sebuah teks karya dikaitkan dengan proses sosial, maka takrif yang dipakai oleh Schoorl agak bersesuaian dengan apa yang disarankan oleh Keris Mas dalam novel-novelnya. Takrif modenisasi yang diberikan oleh Schoorl ialah melihat adanya perubahan pada sesuatu masyarakat itu, iaitu suatu proses perubahan masyarakat dalam segala aspeknya: Ekonomi, perkembangan dalam kebudayaan, seperti sistem kepercayaan, nilai dan norma. Bagaimanapun, gejala modenisasi ini cukup kompleks, kerana itu ia sering kali terbatas sifatnya, apatah lagi kerana ia berkaitan dengan transformasi masyarakat dalam semua aspek. Justeru itu, Schoorl mengakui hakikat definisinya yang terhad itu:

"Modenisasi masyarakat itu secara umum sekali boleh jadi dapat dirumuskan sebagai penerapan pengetahuan ilmiah yang ada kepada semua aktivitas, semua bidang kehidupan atau kepada semua aspek-aspek masyarakat."

(J.W. Schoorl 1980:4)

Untuk melihat proses modenisasi ini, kita sekadar dapat cuba mendefinisikannya dengan aspek-aspek tertentu daripada proses seluruhnya, ataupun dengan

menggunakan indikator iaitu memilih suatu gejala yang berubah bersama-sama dengan bergeraknya modenisasi masyarakat berkenaan. (*Ibid.*: 5). Dalam menilai perkembangan hasil sastera dan budaya, ukur tara tersebut juga dapat dimanfaatkan. Malah kebudayaan dalam ertiannya yang amat luas itu lebih merupakan suatu cara berfikir yang menjelmakan berbagai-bagai anggapan, perbuatan dan kebiasaan yang kesemuanya bersatu menjadi kebudayaan sesuatu bangsa (Takdir Alisjahbana, 1950: 25). Bahkan konsep kesusasteraan yang disarankan oleh Hippolyte Taine itu haruslah dapat ditafsir dan difahami sebagai hasil daripada tiga faktor yang saling berhubungan, iaitu konsep masa, bangsa dan suasana (*moment, race* dan *millieu* (Danziger dan Johnson, 1983:276).

Apabila berbicara tentang arah dan tujuan perkembangan kesusasteraan moden, ia tidak harus dipisahkan daripada perkembangan masyarakat dan kebudayaan manusia di seluruh dunia yang semakin menuntut tanggungjawab manusia individu mahupun masyarakat bersama (Takdir Alisjahbana, 1971:7). Ini jelas sekali kerana manusia sendiri bertanggungjawab atas perkembangan masyarakat dan kebudayaannya (J.W. Schoorl, *op. cit.*: 9). Hal ini berkaitan pula dengan masalah moral dan kedudukan sesebuah karya sastera apabila ia dihantar atau beredar di tengah-tengah masyarakat dalam memenuhi proses komunikasi yang dimaksudkan sebelum ini. Apabila masyarakat dapat merasai peranan dan tanggungjawab moral terhadap pembinaan dan pengembangan kebudayaan dan kesusasteraan, maka di tahap itu sesebuah karya sastera tidak lagi menjadi hasil karya individu, sebaliknya ia menjadi hak bersama, sebagai sastera massa (Boen S. Omarjati, 1982). Novel sebagai pernyataan sosial dapat mengungkapkan realiti dan aspirasi rakyat. Konsep ini sejajar dengan maksud bahawa novel dalam konteks negara Malaysia harus berhubungan dengan realiti. Hakikat ini berbeza daripada takrif novel di Barat, apabila novel dimaksudkan sesuatu yang bebas,

tiada apa-apanya ikatan yang akan menghalang perkembangannya (Umar Junus, 1985:3 dan 1987:228-239).

Andai kata karya-karya Keris Mas dilihat dari sudut kritikan realisme sosial, tentulah kita akan menemui maksud tema atau pemikiran, pertentangan kelas dan sebagainya. Dalam novel *Rimba Harapan* misalnya, pembaca mungkin sedar bahawa ada dorongan yang dicetuskan oleh pengarangnya untuk manusia bertindak melawan kejahanan di samping memerhatikan juga aspek-aspek bahasa, stil dan keindahan yang seharusnya dianggap amanat atau pesan karya tersebut. Dalam *Rimba Harapan* pembaca dipaparkan dengan konflik nilai, masalah harga diri, maruah dan kelangsungan hidup bangsa Melayu yang terpaksa berdepan dengan nilai-nilai baru dan tuntutan masa yang menyebabkan mereka berasa kehilangan arah. Perpindahan ke kampung baru merupakan suatu penghijrahan yang simbolis dalam sejarah bangsa. Malah pesan ini juga semacam meminjam konsep penghijrahan yang ada dan difahami dalam sejarah Islam. Jika kita mahukan perubahan dan membina kehidupan yang lebih baik, tidak dapat tidak perpindahan harus berlaku dan perlu dilakukan oleh manusia yang menginginkan perubahan atau manusia yang dinamikanya utuh.

Dari sudut kekeluargaan, *Rimba Harapan* kelihatan ironis kerana berlaku pertentangan fikiran antara adik dan abang yang tidak bersefahaman. Pak Kia (abang) dan Zaidi (adik) tidak sependapat dalam soal kemajuan dan pembaharuan ini. Malah konflik tersebut boleh dianggap berlaku akibat perjuangan dan fahaman Zaidi terhadap kemajuan (modenisasi). Sedangkan Pak Kia ingin hidup secara tradisi – yang tidak lagi sesuai dengan suasana atau perubahan masa. Zaidi sedar akan perlunya perubahan sikap dalam usaha menangani pembaharuan ini. Dan dia harus berani meneroka bidang yang lebih mencabar seperti membuka ladang getah (yang ketika itu mendapat hasil yang baik berdasarkan permintaan di Eropah yang giat

dengan kilang perusahaan). Soal pentingnya pelajaran (dalam konteks ilmu yang disentuh sebelum ini) terhadap anak-anak Melayu juga disentuh oleh tokoh Zaidi dengan penuh kesedaran:

"Saya tidak risaukan dia. Tapi anaknya itulah yang banyak saya fikirkan. Saya mahu anak itu tinggal dengan saya di Ketari supaya boleh belajar dan dapat mengikuti serta memahami kehidupan cara baru sekarang ini. Masa dia nanti keadaan tidak akan serupa masa kita sekarang. Takkan masa itu orang boleh hidup dengan padi dan jagung saja."

(Hlm. 235)

Watak Pak Kia, di satu pihak, memperlihatkan penting tangannya terhadap modenisasi. Dia inginkan kehidupan harmoni, tetapi di pihak lain dia begitu konservatif, lembut dan mengalah dengan alam sekitar. Sebagai manusia yang digugah oleh tekanan fizikal dan kesempitan hidup, Pak Kia akhirnya mengalami perubahan mental dan sikap. Sebab itu, perwatakannya tidak begitu jelas, bagaikan air pasang surut. Teliti dialog Zaidi yang menggambarkan sikap, mental, dan pandangan hidup orang Melayu pada zaman itu:

"Abang saya itu pelembut orangnya. Tapi tentang hak dan kebenaran dia tidak pernah mahu beralah. Dengan manusia atau dengan binatang atau dengan apa saja begitulah sikapnya."

(Hlm. 234)

Zaidi ingin menceritakan betapa Pak Kia tidak mahu mengalah kepadanya tentang berkampung halaman cara moden, iaitu tidak semata-mata dengan sawah dan dusun sahaja, malah harus dengan kebun getah juga. Zaidi ingin menceritakan betapa Pak Kia tidak dapat memaafkan Pendekar Atan yang melakukan tipu muslihat menjualkan tanah orang Ketari dan orang Benus. (Hlm. 234)

Budaya dan masyarakat yang bersifat dinamis tentu-

lah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Lazimnya itulah harapan dan wawasan pengarang atau sasterawan. Dengan perubahan ini juga tentulah berbagai-bagi sistem turut berubah, antara lain yang sering ditekankan ialah ekonomi dan politik. Dalam masyarakat moden hari ini, ukur tara kemajuan sesebuah negara tidak lain daripada bidang atau nilai ekonomi. Malah kejayaan seseorang juga selalu diukur berasaskan pencapaian material (Wan Abdul Kadir, 1989:92). Bertolak daripada perubahan itu (biasanya perubahan masyarakat Melayu berlaku secara evolusi) kita dapat melihat bagaimana Keris Mas memberikan kewajaran dan kritikan sosial terhadap perubahan budaya dan ekonomi yang dialami oleh orang Melayu setelah merdeka, dan dalam konteks pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia selepas meletusnya Tragedi 13 Mei 1969.

Dalam program pembangunan lima tahun DEB, sistem sosial masyarakat Malaysia kelihatan semakin kompleks sehingga membentuk sistem kepimpinan yang semakin tersusun. Hal ini menyebabkan golongan yang menjadi pemimpin kemudiannya menguasai pertumbuhan politik dan ekonomi negara. Hal ini juga mengakibatkan betapa jelasnya jurang pemisah di antara golongan yang memerintah dengan yang diperintah. Inilah realiti yang dicetuskan oleh Keris Mas melalui novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Perubahan pesat dalam sektor ekonomi moden membuka era baru dalam sistem ekonomi penduduk tempatan, malah turut mengorbankan beberapa institusi sosial yang penting. Demikianlah kita dapat membaca pentafsiran Keris Mas yang kaya dengan ciri nasionalismenya dalam menegakkan keadilan masyarakat. Kesedaran ini bukanlah suatu hal yang asing dalam masyarakat di Asia Tenggara, lantaran gerakan kesedaran rakyat peribuminya, akibat tekanan-tekanan sosial, ekonomi dan politik yang ditimbulkan oleh penjajah dan kuasa Barat, terutamanya pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Kamaruzzaman A. Kadir, 1985:2). Jika Za'ba

(selepas Syed Sheikh al-Hadi) dianggap tokoh terawal generasi muda (dekad 1920-an) yang memberi sumbangan besar terhadap perjuangan memajukan masyarakat Melayu melalui persuratan (Khoo Kay Kim 1985:148). maka Keris Mas pula tokoh penerus yang memperjuangkan gagasan ini melalui persuratan, khususnya melalui karya kreatif (cerpen dan novel). Jika Za'ba melalui eseи dan makalah (bukan-kreatif) banyak menyuarakan saranan pembangunan bangsanya, maka Keris Mas yang menggunakan karya kreatif dan tulisan eseinya yang tajam mengkritik masalah sosial, agama dan ekonomi orang Melayu itu wajar diterima sebagai tokoh besar – intelektual/sasterawan Melayu dalam dekad 1940-an hingga dekad 1980-an.

Pemikiran Keris Mas tentang sikap dan pandangan progresif terhadap masyarakat bolehlah dikaitkan dengan konsep Islam yang dinamik dan maju. Dalam soal perkahwinan misalnya, Keris Mas mempunyai pendapat yang tersendiri. Secara halus beliau mengkritik sikap negatif masyarakat Melayu (Islam) yang mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran, sehingga kepentingan agama Islam sendiri diperkecilkan. Dalam novel *SBDKL*, ketika Syarifah Mahani hendak ditunangkan dengan Rahim, pengarang memperlihatkan sikap Mahani dan ibunya, Puan Sri Syarifah Mu'inah, yang lebih bersedia mengadakan majlis tersebut secara sederhana. Pernyataan sosial Syarifah Mahani yang tidak disenangi itu dijelaskan sebagai berikut:

"Orang-orang ini tidak tahu apa ertiinya pertunangan ini. Mereka lebih tidak mengerti apa ertiinya perkahwinan nanti. Mereka hanya menikmati hiburan yang praktikal, hiburan yang mereka sendiri menjalankan peranannya. Mereka saling menghibur antara satu sama lain. Kalau ada yang tidak puas hati kerana peranannya terasa tidak berkesan, dia akan mencari salah orang lain, kerana sangkanya orang lain itulah yang menyebabkan peranannya tidak berkesan."

Kesudahan semua upacara dan istiadat seperti ini sering menimbulkan kecil-kecil hati. Mereka pelakon, pekerja pentas, pengarah dekor, jurusolek dan lain-lain termasuk pak pacak yang ingin menghibur diri sendiri."

(Hlm. 209)

Dalam novel ini juga Keris Mas cuba mengkritik fahaman Islam yang konservatif dan menghalang orang Melayu daripada maju dan terus bekerja keras. Misalnya tentang pelajar wanita di institusi pengajian tinggi yang anti keduniaan dan enggan bekerja. Melalui dialog Mahani dan Cik Puan Tipah, fenomena sosial ini disinggung oleh pengarang dengan agak jelas.

"Budak-budak bertelelung begitu biasanya tidak mahu bekerja," Cik Puan Tipah seperti menyatakan keharusan.

"Budak-budaknya juga, mak cik. Setengahnya itu memang diberi syaran dan ajaran bahawa orang perempuan tidak boleh bekerja di luar rumahnya. Tetapi banyak pula yang belajar agama biasa saja seperti kita belajar agama. Mereka patuh kepada ajaran guru, menutup aurat dan mengerjakan amal ibadah tetapi tidak pula dilarang bekerja."

"Ada kawan aku, anak gadisnya mendapat 8A masa sekolah dulu. Dia terpilih belajar ke London. Macam kata engkau itulah, tak lama dulu dia kahwin di sana dan terus berhenti belajar. Baru-baru ini dia pulang bersama suaminya membawa anak kecil seorang. Emaknya macam nak pengsan melihat anaknya berjubah lingkup sampai tak nampak muka. Bersalam dengan kaum keluarga pun dia tidak mahu. Haram, katanya." Cik Puan Tipah seperti melepaskan geram.

(Hlm. 234)

Islam yang dinamik dan bentuk modenisme yang diinginkan oleh Keris Mas itu ada kaitannya dengan konsep dan perjuangan ASAS '50 yang bergerak aktif di

Singapura dahulu. Slogan "Seni untuk Masyarakat" yang dipopularkan oleh ASAS '50 itu menjadi begitu intim dengan Keris Mas. Walaupun fahaman ini ditentang oleh Hamzah Hussein yang lebih senang dengan konsep "Seni untuk Seni", namun bagi Keris Mas, "Seni untuk Masyarakat" lebih banyak membawa kebaikan kepada masyarakat, terutamanya apabila dihubungkan dengan fahaman kolot dan yang berkaitan dengan agama dan akidah.

Untuk menghidupkan perdebatan agama secara zaman kaum muda dan kaum tua dahulu saya rasa perkaranya agak sukar bagi kaum sasterawan. Melalui sastera saya kira manusia Melayu boleh diserapkan dengan fahaman yang rasional dan berdasarkan fikiran dengan tidak menyentuh masalah agama secara perdebatan khilafiah.

(Keris Mas, 1979:134–135)

Sebelum novel *SBDKL* dihasilkan, Keris Mas masih percaya dengan konsep "Seni untuk Masyarakat" ini, malah penting bagi orang Melayu memegangnya bagi mengelak keruntuhan bangsa Melayu disebabkan gelombang Barat dan nilai-nilai negatif, seperti katanya:

Saya hanya khuatir kalau tiba masanya manusia Melayu dan masyarakatnya sudah menjadi begitu sofistikated macam orang Barat oleh kerana kemewahan hidupnya dan kelupaannya terhadap tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* sesama manusia dalam masyarakatnya, maka waktu itu kita akan melihat satu masyarakat yang runtuh bukan kerana penindasan ekonomi lagi tetapi oleh ketakburan dan kebebasan untuk menikmati apa yang baik dan indah untuk diri masing-masing saja.

(*Ibid.*,:136)

Dengan itu jelaslah bahawa segala ilmu pendidikan agama secara moden yang diterima oleh Keris Mas di Indonesia itu dimanfaatkannya dalam karya sasteranya dan

dalam tulisan eseinya yang begitu bersemangat menyuarakan gerakan dan pemikiran Islam ala moden, sebagaimana yang dilakukan oleh Jalaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh pada awal abad ke-20. Yang menariknya ayah Keris Mas juga berfahaman kaum muda. Beliau banyak menyimpan majalah *Seruan Azhar* (diterbitkan di Kaherah oleh pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia) yang memancarkan faham reformasi Islam Muhammad Abduh dan Jalaluddin al-Afghani. Begitu juga dengan guru-guru Keris Mas di Sumatera, ada yang berkelulusan al-Azhar dan bersemangat radikal (*Ibid.*:16 dan 17).

Kemenangan di pihak generasi muda dalam *SBDKL* dapat dianggap sebagai lanjutan dan proses kesinambungan daripada novel *Anak Titiwangsa* dan kemudiannya terjelma lagi dalam novel terakhirnya *Rimba Harapan*. Dalam *SBDKL*, generasi muda ini semacam mendapat saranan sosial pengarang yang begitu kompak. Pengarang menimbulkan kecurigaan generasi tua terhadap kemampuan generasi muda membangunkan masyarakat dan bangsa. Menjadi lumrah alam, yang lama harus digantikan dengan yang baru. Sebab itulah pengisian kemerdekaan seharusnya memberi peluang melatih generasi baru mentadbir, meneroka bidang-bidang baru, mencicipi perdagangan dan perusahaan berat, dan bergiat dalam arena politik.

Generasi muda berpendidikan agama yang tidak begitu ekstrem mendapat tempat dalam masyarakat Melayu, terutamanya di kampung yang sedang membangun. Perubahan baru ini menandakan bahawa pembangunan masyarakat Melayu, khususnya di desa atau luar bandar, berjalan dalam suasana dan tempo yang cukup sederhana. Pembangunan fizikal masih perlu diseimbangkan dengan pembangunan mental atau kerohanian. Apabila pengarang memenangkan hujah Lebai Maarup terhadap kegunaan dan masa depan tanahnya, sehingga menimbulkan rasa rendah diri Encik Muhammad, wiraniaga yang angkuh itu (hlm. 341-344), maka jelaslah bentuk dan

nilai pembangunan yang perlu dipunyaī dan dipertahankan orang Melayu hari ini dan pada masa akan datang. Dalam dialog Encik Muhammad dan Lebai Maarup yang berikut, dapat kita tangkap maksud pembangunan dan modenisme yang disarankan itu.

"Wakaf?" Encik Muhammad terkejut dan tercengang. Dia memandang muka Sudin minta penjelasan. Tetapi Lebai Maarup cepat pula menambah.

"Maksud saya hendak wakafkan kepada encik atau keluarga encik sampai masa akan datang memakainya untuk keperluan-keperluan agama...."

(Hlm. 341)

Lebai Maarup masih tetap tenang dan sabar. "Begini, Cik Muhammad. Baiklah kita melihat perspektif ini lebih jelas. Ilmu kita bergantung kepada pemikiran yang halus dan hati-hati. Ilmu Tuhan juga yang akan mengatasinya. Bukan begitu? Perlombongan Syarikat Encik Muhammad tidak akan selesai dalam masa empat lima tahun. Saya kira-kira mesti akan berlanjutan hingga lima belas atau dua puluh tahun. Dalam masa yang lama begitu bukan saja sebuah surau diperlukan untuk para pekerja tetapi juga sebuah pejabat. Jadi Syarikat Lombong Lembah Tualang patut mendirikan sebuah kompleks dalam satu kawasan yang baik seperti kawasan dari Kampung Pulai ini. Dalam kompleks itu encik akan mendirikan sebuah bangsal atau rumah tempat tinggal pekerja, kawasan rekreasi atau kawasan sukan, kawasan pejabat, stor dan lain-lain."

(Hlm. 343)

Pandangan Lebai Maarup jauh lebih bererti daripada pandangan dunia dan cita-cita Encik Muhammad yang mahu mencari kekayaan di atas tanah orang kampung. Hal ini kerana Lebai Maarup dapat mengimbangi antara tuntutan lahiriah dan tuntutan rohaniah. Cita-cita Lebai Maarup yang mahu menyelamatkan tanah pusakanya itu dilakukan melalui tindakan mewakafkannya, dan hal

ini mempunyai tanda yang dalam dan simbolis. Lebai Maarup dapat dikatakan mempunyai nilai dan pandangan hidup duniawi dan ukhrawi yang tidak pernah difikirkan oleh saudagar besar (Melayu) lain, sekalipun mereka semua berasal dari desa yang tidak membangun.

Dari aspek lain, perwatakan golongan muda ini juga lebih jelas berjaya membawa fahaman moden Islam yang dinamik dan lebih meyakinkan masyarakat dewasa ini. Sharifah Mahani, wanita anggun ini, boleh dianggap mempunyai wawasan dan modenisme yang progresif dan radikal, di samping Rahim (suaminya). Bahkan keduanya menjadi penentang *establishment* (orang tua masing-masing) yang selama ini mendapat kemuliaan atau penghormatan masyarakat setempat. Adakah nilai baru yang diterima oleh golongan muda ini boleh dianggap sesuatu yang menyalahi adat, atau sebaliknya disenangi oleh kalangan Islam yang progresif? Hal ini begitu jelas apabila pengarang menghiasi watak Mahani dengan ideal sekali. Mahani diperlihatkan dengan ciri-ciri keislaman yang moden dan progresif. Walaupun dia tidak bersetuju dengan *establishment*, menentang tindakan majikannya (mentuanya) sendiri, Mahani juga mempunyai pandangan yang berbeza daripada keluarga bangsawan Tan Sri Syed Aris. Ketika mengadakan majlis pertunangannya dengan Rahim, Mahani diperlihatkan berada dalam keadaan yang serba sederhana dan tenang.

Mahani telah selesai sembahyang Maghrib. Menjelang Isyak dia duduk-duduk sahaja dalam biliknya bersama beberapa orang sahabat dan kerabatnya yang karib. Mereka makan dalam bilik itu. Lepas makan dia disuruh berpakaian. Nanti lepas istiadat pinang meminang, wakil-wakil Rahim akan naik ke atas menyarungkan cincin tunang. Tetapi Mahani tidak mahu berpakaian lekas-lekas. Dia mahu sembahyang Isyak dahulu. Apa hal pun upacara sarung cincin itu hanya akan dilakukan lama selepas Isyak nanti....

Majlis kahwin nanti pun kita tak usah sibuk-sibuk.

Mahani berkata kepada dirinya sendiri. Orang-orang ini tidak tahu apa ertiinya pertunangan ini....

(Hlm. 208-209)

Apabila dikaitkan dengan fenomena sosial dan pembangunan, tentulah sikap orang seperti Mahani dan Rahim serta golongan muda lain yang berpendidikan sekular, mahupun radikal dan progresif dalam gerakan Islam semasa boleh dianggap sebagai sesuatu yang wajar, ditebuskan pengarang bagi membuka minda dan cakerawala pemikiran bangsa Melayu seluruhnya. Pada zaman pasca-merdeka, tidak ramai golongan muda Melayu yang dapat memenuhi tuntutan semasa yang sepatutnya terjadi di sebuah negara merdeka. Hal ini pernah disentuh oleh Syed Hussein Alatas, bahawa selepas merdeka Malaysia tidak ada sistem pendidikan yang boleh menyedarkan generasi muda supaya menjadi manusia kreatif dan intelektual sehingga merugikan bangsa Melayu sendiri. (Syed Hussein Alatas, 1988:2)

Dalam konteks pembangunan hari ini, amat wajar jika masyarakat dan massa melihat kepentingan kaum penulis atau sasterawan sebagai salah satu ciri intelektual dan sebagai agen perubahan sosial. Pemikiran Keris Mas yang menarik dalam hal ini ialah mengangkat martabat wanita sebagai agen perubahan sosial melalui watak Mahani, yang diberi pemikiran moden dan cukup unik. Antara tuntutan adat dan kepentingan agama misalnya, Mahani memberikan pendapat yang cukup menarik kepada ibunya (isteri Tan Sri Syed Aris yang berketurunan Arab):

"Umi jangan pedulikan kehendak orang. Kita tak perlu sibuk-sibuk menghabiskan wang dan tenaga," dia berkata kepada ibunya. Itulah pertama kali dia sedikit berkasar dengan ibunya. Itu berlaku sepuluh hari yang lalu, tatkala ibunya bercadang hendak mengadakan majlis besar-besaran. Dia terlajak mengeluarkan kata-kata itu kerana ibunya berkeras hendak menyembelih lembu seekor, menjemput 300 orang tetamu dan keluar-

ga, mendirikan sabak di pekarangan rumah untuk masak-memasak. Kata uminya, keluarga Tan Sri Syed Aris bukan keluarga biasa. Kita keluarga terkenal dan dihormati orang.

Apa kata orang, apa kata sahabat handai kaum keluarga, kalau pertunangan anak kita satu-satunya ini dibuat sunyi sepi saja.

"Riuh-rendah pun apa gunanya. Takkan darjat kita turun-temurun kerana riuh-rendah," kata walidnya. Dan waktu itulah dia memberanikan diri menyokong ayahnya....

(Hlm. 209-210)

Dalam hal kebangsawanahan ini, Keris Mas turut mengkritik golongan elit Melayu atau golongan Syed (Arab); malah dengan berlangsungnya perkahwinan Rahim-Mahani, golongan elit yang selalu dianggap mempunyai kelas tertentu dalam struktur masyarakat Melayu di Malaysia mulai jatuh. Menjerusi perkahwinan anak wiraniaga Encik Muhammad dengan anak perempuan Tan Sri Syed Aris ini, terlihat semacam adanya mesej dan pengertian tertentu yang disampaikan oleh Keris Mas. Barangkali perubahan baru ini boleh difahami sebagai suatu agenda baru dalam negara baru yang mempunyai wawasan baru.

Tanda yang diperkenalkan oleh Keris Mas ini sesungguhnya dapat ditafsirkan daripada pelbagai sudut dan pendekatan. Malah dengan adanya sikap terbuka Syed Ibrahim (bapa saudara Mahani) menandakan persoalan kelas dalam masyarakat majmuk Malaysia tidak perlu dipertikaikan lagi, terutamanya apabila dilihat daripada perspektif Islam yang menentang kelas dan keturunan. Sekiranya pengarang inginkan sesuatu rupa masyarakat Malaysia tanpa kelas, maka melalui perkahwinan dan fahaman Islam yang sebenar sahajalah aspirasi tersebut akan terlaksana. Di sinilah realisme sosial berjaya dimanfaatkan oleh Sasterawan Negara ini tanpa dirasakan

sebagai suatu hal yang sengaja diada-adakan.

Dalam soal percintaan juga pengarang berhasil memperlihatkan fenomena baru di kalangan intelektual generasi muda. Percintaan Rahim-Mahani terjadi dalam keadaan yang cukup sederhana. Melalui sudut pandangan Mahani pengarang cuba meyakinkan pembaca tentang pengertian cinta pada zaman moden ini: Sekalipun sederhana, tetapi tetap anggun dan utuh.

Dia cinta kepada Rahim. Itu sudah pasti. Kepastian itu menjadi batu pejal yang tidak mungkin pecah lagi oleh apa jua pun apabila telegramnya dijawab oleh Rahim dengan tiga patah perkataan saja: *I love you*. Telegramnya kepada Rahim mengandungi 29 perkataan yang mengajukan tiga pertanyaan.... Tetapi kasih sayang, cinta dan bahagia sebenarnya bukan sesuatu yang bergantung pada kata-kata. Cinta bukan perkara yang perlu diperkatakan tetapi dirasa, dinikmati dan diamalkan.

(Hlm. 210)

Hal ini seolah-olah menggambarkan gaya baru berkomunikasi orang muda pada zaman yang serba canggih. Tetapi, lebih daripada itu, penyimpangan ini juga memperlihatkan berlakunya perubahan nilai daripada yang negatif kepada yang dinamik dalam mentaliti generasi muda berpendidikan tinggi di negara ini. Mereka tidak akan lagi menghabiskan masa menulis surat berjela-jela, menyatakan perasaan masing-masing, kerana banyak lagi tugas penting yang harus mereka tumpukan dalam pembinaan negara. Sebab itulah pengarang semacam berusaha menimbulkan kesedaran di kalangan generasi muda, bahawa sudah sampai masanya hal-hal cinta, kasih dan sayang yang bersifat Laila dan Majnun atau Romeo dan Juliet dihapuskan daripada pemikiran anak muda dalam usaha membangun negara bangsa. Di sinilah novel *SBDKL* amat menarik dilihat dengan pendekatan semiotik komunikasi massa, dan kesannya begitu jelas apabila kita me-

lihat pesan karya itu tidak sebagai sastera *per se*, tetapi sebagai transformasi minda untuk saranan pembangunan.

Penentangan generasi muda terhadap golongan *establishment* pula merupakan suatu gejala baru dalam masyarakat Melayu. Ia terjadi kerana wujudnya konflik peribadi dan sosial, seperti perbezaan sikap antara anak dan orang tuanya, penentangan rakyat dengan pemerintahnya. Dalam zaman moden penentangan tersebut tidak ditafsirkan sebagai penderhakaan. Dalam *SBDKL Keris Mas* meletakkan konflik, krisis moral dan sosial ini dengan tepat, malah tafsiran tentang penderhakaan ataupun sebaliknya cukup mudah disimpulkan oleh pembaca apabila golongan muda diberi kemenangan. Di sinilah faktor nilai diperlukan bagi memecahkan permasalahan ini.

"Kita tidak menjadi penderhaka kepada orang tua. Itu pasti. Dan itulah yang akan diterangkan kepada Rahim kelak. Tetapi kita pasti akan berjuang menentang kejahilan bukannya menentang orang tua."

(Hlm. 211)

Penentangan generasi muda terhadap "kejahilan" ini membawa nilai yang baik andainya ia dilihat daripada perspektif moden dan dinamik. Apabila nilai baik berjaya menundukkan nilai buruk (kejahilan), maka hal ini merupakan suatu kemenangan menurut Islam, bahkan ia menyarankan orang Islam berjuang memerangi yang *batil* (buruk) dan menegakkan yang *hak* (benar dan baik).

Puncak dan sasaran penentangan ini dijelaskan oleh Rahim dalam suratnya kepada Mahani – penentangan terhadap ayahnya sendiri, Muhammad bin Datuk Indera Idris, dan konco-konconya, termasuk Tan Sri Syed Aris (ayah Mahani).

"Mereka itu ialah pelopor generasi yang menjadi alat pembangunan Malaysia. Oleh sebab itu mereka amat kuat. Kita adalah tergolong dalam generasi ini yang pada hemat mereka akan menjadi *motto* cita-cita dan perjuangan mereka. Tetapi sebenarnya kita, aku dan

engkau adalah generasi akan datang yang terpencil dari golongan sendiri. Bersedialah."

(Hlm. 211)

Pernyataan ini juga memperlihatkan manifestasi kegejisan pengarang terhadap fenomena baru masyarakat Melayu yang ingin cepat kaya, dan sanggup pula melakukan penipuan terhadap kaum dan bangsanya sendiri. Pengarang mengecam hebat sikap golongan *establishment* yang cuba merosakkan generasi muda sebagai alat untuk meneruskan perjuangan buruknya dalam menegak atau mengekalkan *status-quonya*. Di sinilah pengarang memperlihatkan puncak ketegangan, konflik sosial dan jurang kekeluargaan yang sedang menular dalam masyarakat *tycoon* atau usahawan baru negara Malaysia dalam menuhi matlamat DEB untuk kaum bumiputera.

Novel *SBDKL* tidak berterus terang mengupas keburukan hati watak utamanya Encik Muhammad, wiraniaga Melayu yang bijaksana menggunakan kedudukannya untuk mengaut kekayaan. Barangkali pembaca yang kurang teliti tidak mampu memahami maksud pengenalan bab 37 yang berbunyi:

Orang di Kuala Lumpur tidak ada kerja lain melainkan mengejar wang, kemewahan dan keseronokan. Encik Muhammad tidak mengira apapun halangan di hadapannya, dia tetap jalan terus hingga kalau mungkin, seluruh wang dalam negeri ini terkumpul dalam simpanan atau kekuasaannya.

(Hlm. 291)

Kenyataan ini hasil pemikiran atau renungan watak Sudin, orang kepercayaan Encik Muhammad sendiri yang berada di Kampung Pulai dan di Pekan Tualang. Sudin hampir-hampir ketawa mendengar apa yang kononnya dikatakan laporan penyiasatan oleh Mat Akil itu disampaikan kepadanya.

Kita mungkin dapat menilai hati budi Encik Mu-

hammad berdasarkan watak-watak lain yang menentangnya, termasuk Rahim, anaknya yang radikal dan terpengaruh dengan nilai moden (hasil pendidikan Barat). Begitu juga dengan penentangan pasif oleh Imam Saad, bapak Sudin. Kemudian, kita akan lebih terbuka lagi berhadapan dengan ketokohan Lebai Maarup yang berpengaruh menentang usaha Encik Muhammad untuk mendapatkan tanah orang Melayu di Kampung Pulai bagi faedah perniagaan lombong Syarikat Lombong Lembah Tualangnya itu.

Dalam hal ini, Keris Mas meletakkan watak Lebai Maarup sebagai antagonis yang cukup halus dan bijaksana. Lebai Maarup dianggap pendakwah yang sanggup menggadai nyawanya, dan dialah orang yang boleh memberi pimpinan akhlak dan moral manusia zaman moden ini. Dia rela dipandang kecil, diperlakukan kecil, tetapi sanggup memikul beban yang besar, sanggup dicis, sanggup dicerca, sanggup difitnah, dan sanggup dipukul dalam gelap. (Hlm. 296)

Keris Mas sengaja tidak mahu mengangkat ketokohan Lebai Maarup secara terang-terangan dalam penentangannya terhadap usaha licik wiraniaga Melayu itu. Dalam konteks gerakan dakwah masa kini, gambaran tokoh Lebai Maarup memang menarik dan wajar dijadikan model. Sementara Sudin, yang diperalatkan oleh tauke besar atau orang kaya baru itu, memang sedar dan sesekali berada dalam dilema. Tetapi, sebagai orang muda, dia juga mempunyai cita-cita sendiri. Sudin ingin mengikuti jejak langkah Encik Muhammad dan dapat tinggal di Kuala Lumpur. Jika Syarikat Lombong Lembah Tualang itu maju, dia tentu akan ikut maju. Sudin tidak mahu ikut jejak ayahnya Imam Saad yang bergerak ikut landasan takdir semata-mata. Sudin juga berperang dengan nasib yang menimpa Lebai Maarup dan berharap dapat menlongnya suatu waktu nanti. (Hlm. 294)

Lebai Saad pernah memberitahu Sudin pada suatu pagi bahawa orang Kampung Pulai akan jahanam. Hal tersebut

cukup mengganggu fikiran Sudin.

Akhlik orang muda Kampung Pulai telah lama runtuh. Keimanan yang tua-tuanya sudah longgar. Encik Muhammad datang melengkapkan semuanya. Semua mahu ke Felda kerana nampak wang harga tanah atau sagu hati rumah dan tanaman. Anak-anak muda pula tidak akan menolong orang tua mengerjakan kebun kelapa sawit di tengah panas. Mereka ini akan selalu ke bandar mencari hiburan.

(Hlm. 293)

Kata-kata Imam Saad itu ada benarnya jika dihubungkaitkan dengan fenomena semasa yang memperlihatkan kesakitan jiwa manusia yang semakin parah itu.

"Aku ini sudah tua, Sudin. Tak ada daya aku lagi hendak membetulkan yang salah. Di Pekan Tualang nanti aku akan menjadi imam dan doa aku akan lebih banyak panjang sehingga ke akhir hayat sekadar minta diam-punkan kerana kegagalan aku menghidupkan cahaya Allah dalam hati orang kampung ini."

(Hlm. 295).

Berdasarkan saranan (idea) pembangunan yang dicetuskan Keris Mas melalui novel-novelnya, kita tidak dapat menafikan keberhasilannya untuk membawa transformasi budaya dan sosial oleh Melayu ke suatu era dan tamadun baru. Sesungguhnya transformasi mindanya itu relatif dengan maksud tanda (*sign*), objek dan interpretan yang dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce. Ketiga-tiga ini ada kerjasama dengan tindakan dan pengaruh. Subjek yang dimaksudkan oleh Peirce bukan manusia, tetapi ketiga-tiga entiti semiotik yang sifatnya abstrak yang tidak dipengaruhi oleh kebiasaan berkomunikasi secara konkret. Malah menurut Peirce, tanda adalah segala sesuatu yang ada pada seseorang untuk menyatakan sesuatu yang lain dalam beberapa hal atau kapasiti. Tanda dapat bererti bagi seseorang jika hubungan yang 'bererti'

ini diperantara oleh interpretan.

Menurut Eco (1976, 43–44) pula, tanda sebagai sesuatu yang atas dasar konvensi masyarakat dapat diwakili sesuatu yang lain – ia akan atau dapat menjadi tanda kalau ditafsirkan sebagai tanda oleh interpreter. Dalam hal ini, Keris Mas secara tidak disedari telah memungkinkan penggunaan kaedah semiotik komunikasi massa dan budaya dengan berjaya, dalam usahanya untuk merubah status pemikiran sosial dan cara hidup orang Melayu di Malaysia dengan kaedah dan dinamika baru.

Dengan pemikiran modenismenya, Keris Mas mengupas segala masalah atau sindrom sosial yang menghalang kemajuan bangsa Melayu, baik pada zaman sebelum merdeka, selepas merdeka, mahupun zaman teknologi dan pembangunannya yang semakin canggih. Dengan modenisme sahajalah (baik dalam konteks keagamaan mahupun kemajuan kebendaan) akan dapat mengubah minda dan sikap orang Melayu untuk bersaing dengan bangsa lain yang lebih maju supaya menjadi bangsa yang terhormat, bukan sahaja di negara sendiri malah di peringkat antarabangsa. Tanpa pemikiran yang jernih yang dapat menyaring maksud dan wawasan modenisme ini, maka selama itulah bangsa Melayu tidak dapat membangunkan kekuatan mental dan fizikalnya. Maka itu tidak hairanlah jika peneliti dari luar negara yang melihat novel-novel Keris Mas, terutamanya *SBDKL* (*The Big Businessman from Kuala Lumpur: A Malay Entrepreneur Return to the Village*), begitu unik dan penting sebagai bahan utama dalam penelitian perkembangan novel-novel Melayu yang bersifat *The Mold of the Return the Village Novels* (David J. Banks 1987:134). Sarjana dari Amerika ini juga melihat adanya fenomena baru berlaku dalam novel-novel Malaysia selepas merdeka, iaitu kembalinya manusia kota ke desa.

Kecurigaan pengarang terhadap gejala dan fenomena yang akan berlaku dalam masyarakatnya wajar diberi kredit dan tempat yang terhormat. Sebagai seniman dan

intelektual, pengarang atau sasterawan mampu membaca dan menterjemahkan segala gejala lewat karyanya, guna untuk mengingatkan masyarakat akan bahayanya fenomena dan kesannya itu. Keris Mas adalah satu-satunya pengarang Melayu yang dapat menangkap riak dan gelombang pascamoden, yang kini sedang menular di seluruh jagatraya.

Bibliografi

- A.M. Thani, 1981. *Esei Sastera Asas '50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banks, David J., 1987. *From Class to Cultural Social Conscience in Malay Novels since Independence*, siri monograf, Universiti Yale.
- Boen S. Oemarjati, 1982. "Harus Dilihat Proses Kreatifnya". *Optimis*, No. 28, Jakarta: PT. Sinar Agape Press.
- Daiches, David, 1963. *Critical Approaches to Literature*. London: Longmans, Green & Co. Ltd.
- Danziger, M.K., & Johnson, W.S., 1983. *Pengenalan Kritikan Sastera*. Terjemahan Johan Jaaffar, Hamdan Yahya & Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eco, Umberto, 1976. "Sebuah Pengantar Menuju Logika Kebudayaan". Terjemahan oleh Anita K. Rustapa dan Taufik Dermawan dalam Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest (ed.) 1992, *Serba-Serbi Semiotik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Fowler, Roger, 1983. *Linguistics & The Novel*. Methuen. London & New York.
- Kamaruzzaman A. Kadir, 1985. "Nasionalisme dan Kesusasteraan Melayu Modern" dalam *Nasionalisme dalam Persuratan*. Kuala Lumpur: Muzium Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1979. *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim, 1985. "Nasionalisme dan Sastera Sebelum Perang" dalam *Nasionalisme dalam Persuratan*. Kuala Lumpur: Muzium Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mair, Lucy, 1989. "Perubahan Sosial" dalam *Antropologi Sosial Permaian*. Terjemahan Azemi Salem. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moore, Wilbert E., 1986. *Perubahan Sosial*. Terjemahan Chew Hock Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schoorl, J.W., 1980. *Modernisasi: Pengantar Sosiologi Pembangunan Negara-negara Sedang Berkembang*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Spearman, Diana, 1966. *The Novel and Society*. London: Routledge & Keagen Paul.

SASTERAWAN NEGARA KERIS MAS: TANGGAPAN TOKOH DAN SARJANA

- Sutan Takdir Alisjahbana, 1950. "Dalil-dalil Preadapis" dalam *Indonesia*, no. 4-5, hlm. 25.
- Sutan Takdir Alisjahbana, 1971. *Perkembangan Sejarah Kebudayaan Indonesia dilihat dari Jurusan Nilai-nilai*. Jakarta: Idayu Press.
- Syed Hussein Alatas, 1988. *Intelektual Masyarakat Berkembang*. Jakarta: LP3ES.
- Umar Junus, 1985, "Kita dan Tradisi Barat". Kertas kerja Hari Sastera 1985, di Pulau Pinang 28 November-1 Disember 1985. Lihat juga dalam *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 228-239.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1989. "Sistem Ekonomi Orang Melayu" dalam Mohd. Taib Osman (peny.) *Masyarakat Melayu, Struktur Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mencari Sebahagian Teks yang Hilang di dalam Novel *Pahlawan Rimba Malaya*

A. RAHIM ABDULLAH

AHLI fenomenologi menganggap imaginasi dan ilusi sebagai sumber utama pembinaan sesebuah teks (karya sastra). Mengikut Freud, imaginasi dan ilusi merupakan realiti yang telah mendak dan tersimpan dalam takungan fikiran bawah sedar, dan ia akan terkeluar pada bila-bila masa.

Fenomenologi juga menjadi alat komunikasi bagi pembaca yang kreatif atau peneliti yang sensitif untuk mencari hal-hal yang tersirat di dalam sesebuah teks. Begitu juga dengan soal pengaruh mempengaruhi yang terjadi turut melibatkan faktor imaginasi, ilusi, dan realiti pembaca yang mulai aktif dan menjiwai kecelaruan teks (Supardi Muradi, 1989).

Kajian ini besar hasratnya untuk melihat kemungkinan itu dalam novel *Pahlawan Rimba Malaya* (PRM) yang dihasilkan oleh Keris Mas lebih 50 tahun yang lalu. Dengan fenomenologi juga kita percaya bahawa dunia teks adalah dunianya yang tersendiri, terbina dengan segala pancaroba dan permasalahannya sendiri, yang kadangkala terasing daripada dunia kenyataan andainya dilihat daripada pelbagai sudut. Namun, bukan tidak mungkin pembaca atau peneliti juga diberikan peluang dan harapan untuk mencari sebanyak mungkin makna atau pesan yang disampaikan ataupun yang tidak mungkin dapat diterima

pembaca kerana masalah tertentu.

Kita percaya, tafsiran terhadap sesuatu teks adalah relatif, seperti yang dikatakan Paul de Man, bahawa "*reading is misreading*". PRM, sesungguhnya mencabar pembaca untuk mengutip makna sebanyak mungkin. Mungkin terlalu awal bagi peneliti untuk meletakkan teks ini sudah ada kecenderungan *defamiliarization* – ia dicipta dalam bentuk yang berbeza, tetapi ada rasionalnya apabila dikaitkan dengan mesej dan suasana sosiobudaya yang berbeza (Kamaruddin Abdul Rahman, 1998).

Tanggapan awal peneliti terhadap novel ini, bahawa ia mendekatkan kami kepada sebuah teks yang bersifat metafora, bukan metonimi. Hal ini kerana sebagai sebuah metafora ia lebih inovatif dan produktif, kerana ia hidup dan sentiasa membuka makna baru.

Apabila mengaitkan sesebuah teks dengan teori semiotik, tidak dapat tidak makna akan ditemui apabila berlaku pertembungan antara unsur bunyi dengan konsep yang dipegang oleh sesuatu konteks, masa, dan budaya. Memang ada sedikit pertembungan antara *signifier* dengan *signified* – antara Keris Mas dengan masyarakatnya. Tetapi, apabila novel ini berada di tengah masyarakat, ia berjaya menghilangkan identiti pengarangnya.

Sebab itulah membaca PRM akan lebih bermakna dengan bentuk, cara atau kaedah *writerly process*, membaca melalui proses menulis seperti yang disarankan Roland Barthes (Kamaruddin Abdul Rahman, 1998). Kita semacam dijambatani suatu proses komunikasi/dialog (pembaca) antara masa kini dan masa lampau (pengarang). Sebab itu, kita senang dengan Gadamer yang menyaranakan bacaan sesebuah teks tidak boleh terlepas daripada suasana masa lampau dan juga konteks budaya (zaman) yang melahirkan teks berkenaan.

Sasterawan Negara Keris Mas menghasilkan PRM, novel pertamanya ini (diterbitkan kali pertama dalam tulisan Jawi oleh Pustaka Permai, Kota Bharu, Kelantan, 1946) penuh dengan ilusi dan imaginasi yang berupaya

memancing minat pembaca pada zaman selepas Perang Dunia Kedua. Karya ini kaya dengan unsur nasionalisme, patriotisme, dan integrasi kaum (yang boleh dianggap karya awal) di negara ini.

Oleh kerana ia terbit dalam tulisan Jawi dalam jumlah halaman yang cukup nipis (seolah-olah tidak menepati takrif novel zaman sekarang yang memerlukan lebih 100 halaman), serta pengarang sendiri menanggapnya sebagai tragedi yang melukai jiwanya, maka kita dapat menganggap karya ini banyak memberikan maklumat lain yang lebih menarik, terutamanya tentang tiga unsur yang disebutkan tadi.

Unsur-unsur yang penting itu tidak sampai kepada pembaca lantaran ia dibuang (proses penyuntingan) begitu sahaja mana-mana bahagian atau bab yang dikira tidak penting oleh penerbit atau pencetak.

Menerusi teks yang terkhianati (sebagai teks yang hilang atau yang dipendekkan) itulah kita dapat mencari hakikat ilusi dan imaginasi pengarang untuk mempertalikannya dengan pembaca. Mudah-mudahan dengan kaedah ini akan ditemui juga ceraian sebahagian teks yang hilang itu. Hal ini penting untuk mengenalpasti hal-hal yang di luar jangkaan khalayak, lebih-lebih lagi harapan peneliti ataupun pengkritik.

Mungkin terdapat semacam lompatan bab dan peristiwa penting yang terjadi antara bab "Budi Berpautan" dengan bab "Penutup" yang mencacatkan novel ini. Adakah bahagian-bahagian berkenaan dirasakan tidak penting oleh pihak editor atau penerbitnya, sehingga apabila novel ini diterbitkan menjadi begitu nipis dan meninggalkan kesan yang amat menghiris perasaan Keris Mas?

"Budi Berpautan" terdiri daripada lima halaman, mengisahkan perjuangan gerila Jefri dan Ah Lan, yang kemudiannya bertemu semula. Gadis Cina itulah yang menjaga Jefri yang luka parah dalam pertempuran dengan tentera Jepun, dan akhirnya menumbuhkan bibit-bibit percintaan.

Ayat terakhir "Budi Berpautan" berbunyi seperti berikut:

Termenung dalam khayalnya ia duduk dengan tekun menjaga kekasihnya anak muda Melayu yang keras hati itu dalam sunyi yang bengap di tengah-tengah rimba raya larut jauh malam.

Sementara bab "Penutup" (empat halaman) pula dimulai dengan keterangan berikut:

Telah hampir pula dua bulan masa berlalu, masa yang penuh mengandung peristiwa-peristiwa yang dahsyat yang memperhubungkan cincin-cincin riwayat dalam salasilah sejarah perjuangan hidup manusia.

Seterusnya pengarang menjelaskan, setelah Jefri sembah daripada lukanya – kerana beberapa kali bertempur dengan musuh – dan dia juga mengalami konflik percintaan, sama ada meneruskan percintaannya dengan Ah Lan ataupun mengambil keputusan nekad:

Sebagai seorang anak Melayu yang insaf dan berpelajaran, tidaklah sanggup ia memisahkan fikirannya dari masyarakat bangsa dan tanah airnya. Ia telah berjuang antara hidup dan mati, sekian lamanya menyerahterahkan bakti jiwa dan raga, semata-mata untuk membela kehormatan dan kepentingan bangsanya di kemudian hari. Ia merasa bahawa bangsa Melayu yang lemah itu tiadalah mudah akan mendapat tempat yang tinggi dalam suasana dunia yang penuh tipu muslihat ini. Kerana itu untuk menentukan nasib bangsa di kemudian hari wajiblah anak-anak Melayu berjuang dan berjuang terus tidak berhenti-henti lepas satu kemenangan kepada kemenangan yang lain pula.

(Hlm. 51-52)

Barangkali dalam bab inilah berlaku penyuntingan yang banyak oleh pihak berkenaan sehingga pelukisan peperangan atau pertempuran hebat (dahsyat) yang

dialami Jefri itu tidak dikisahkan secara terperinci dengan babakan yang lebih menarik. Tidak munasabah kiranya Keris Mas sekadar menyebut dalam sebaris ayat tentang bagaimana kemalangan yang menimpa watak utama novelnya itu sehingga akhirnya menyebabkan dia tewas sebagai pahlawan tanah air Malaya.

Kisah hubungan cinta Jefri dan Ah Lan kemudiannya, semacam berada dalam urutan kisah yang lain, yang harus boleh berdiri sendiri. Hal ini dapat diperhalusi menerusi petikan tadi, yang bagi kami ia merupakan intipati pemikiran penting Keris Mas tentang perjuangan orang Melayu masa kini (pada tahun 1940-an) dan masa depan.

Petikan itu juga boleh dianggap puncak pemikiran Keris Mas tentang gagasan nasionalisme Melayu, dan bentuk perjuangan (fizikal dan mental) yang harus dilakukan orang Melayu, jika mereka mahu menjadi bangsa yang berjaya dalam abad moden. Pernyataan pengarang dalam petikan itu juga boleh dianggap sebagai bayangan dan ramalan penting Keris Mas tentang masa depan sosio-budaya Melayu, yang akan dan selepas menerima kemerdekaan daripada penjajah Inggeris, setelah bangsa itu kembali memerintah negara ini apabila Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua.

Semangat nasionalisme pengarang memang padu dalam kenyataannya itu, terutamanya tentang "perjuangan bangsa Melayu dalam membela kehormatan dan kepentingan bangsanya di kemudian hari"; "bangsa Melayu yang lemah tiada mudah mendapat tempat yang tinggi dalam suasana dunia yang penuh tipu muslihat ini"; dan "wajib anak bangsa Melayu terus berjuang walaupun mencapai kemenangan".

Besar kemungkinan ada sesuatu hal atau faktor lain yang dikisahkan pengarang dalam manuskrip asalnya, tetapi bahagian itu dianggap tidak penting, maka ia dihilangkan. Ataupun bagi mengatasi masalah yang akan lebih membebankan pihak penerbit dengan biaya kos Percetakan (kekurangan kertas dan harga dakwat) pada

zaman selepas perang itu, maka ia perlu disunting di mana-mana bahagian yang dikira tidak begitu penting. Biasanya bab terakhirlah yang menjadi mangsa penyuntingan yang tidak berhemah itu!

Kita percaya minat pengarang yang berjiwa muda, dengan tema khas dalam karya cerpennya seperti cinta, kepincangan masyarakat, perjuangan kebangsaan, kisah darurat, dan kefahaman feudal pada peringkat awal itu mampu memberikan PRM sebagai karya yang cukup baik, jika manuskripnya tidak dikhianati sedemikian rupa.

Pada sisi yang lain pula, kelihatan sesuatu yang disengajakan pengarang, apabila watak Jefri dimatikan untuk tidak berpeluang berkahwin dengan gadis Cina Ah Lan. Keputusan itu barangkali tidak disengajakan. Tetapi, jika pengarang sengaja mematikan Jefri, tentulah ia dibuat atas suatu kesedaran yang total, iaitu nasionalisme Melayu yang kental dalam diri sasterawan muda itu.

Adakah tidak mungkin kerana sering memikirkan Ah Lan atau lantaran dilema antara perjuangan bangsa dan cintanya pada gadis Cina itu, menyebabkan Jefri tewas dalam pertempuran dengan musuh?

Nasionalisme itu juga barangkali berpengaruh dari pada pengalaman ilmu agamanya yang mungkin tidak boleh menerima perkahwinan campur antara Melayu (Islam) dengan Cina. Tanggapan ini pula barangkali boleh dikaitkan dengan ideologi lain yang lebih besar kesan dan bahayanya terhadap orang Melayu dan agama Islam, iaitu komunisme.

Jika hal ini diperdalam lagi, kita mungkin melihat dalam perjuangan membebaskan tanah air, dua bangsa boleh bersatu melawan penjajah yang kejam, kerana kedua-duanya mempunyai dasar atau matlamat perjuangan yang sama. Tetapi, apabila negara aman, barangkali corak kehidupan dan matlamat masing-masing juga akan berbeza, lantaran falsafah dan ideologi perjuangan akhirnya berbeza.

Sebab itulah sambungan petikan tadi terasa ada garis pemisah pada manuskrip asalnya, kerana secara tiba-tiba kita bertemu dengan pernyataan berikut yang agak kurang relevan dengan maksud petikan itu yang terlalu kuat dengan persoalan nasionalisme Melayunya. Jika diteliti ada semacam konflik pengarang yang dipindahkan kepada watak Jefri. Antara lain, jelasnya:

Mengabdi kepada bangsa dan tanah air atau menyerah di bawah pengaruh cinta dan kasih. Itulah yang membimangkan Jefri. Sungguhpun cintanya kepada Ah Lan tidak akan menghalangi perjuangannya atau mematahkan semangatnya, tetapi bukankah Ah Lan itu seorang gadis Cina, gadis yang berlainan bangsa dan agama dengannya. Meskipun agama Ah Lan boleh ditukar, tetapi kebangsaan, darah daging, kebudayaan dan adat istiadat bukanlah perkara yang boleh ditukar atau diubah hanya dengan pengaruh cinta. Dalam keyakinan Jefri, Melayu itu ialah Melayu yang kekal abadi selama-lamanya sebagai satu bangsa yang subur dalam kawasan tanah air yang luas dengan agama, kebudayaan dan adat istiadat yang satu.

(Hlm. 52)

Pada paragraf seterusnya pengarang mengisahkan perjuangan Jefri terus-menerus dan mencapai kemenangan dengan pasukan gerilanya di hutan Pahang. Tetapi, dalam pertempuran kecil ia terkena tembakan tiga butir peluru musuh, lalu lemah dan sempat beramanat kepada Encik Rahim untuk memintanya menulis dua pucuk surat sebelum meninggal. Pertama kepada ketua pasukannya, dan yang kedua kepada Ah Lan. Kisah ini diceritakan pengarang dalam 15 para sahaja.

Pada paragraf pertama yang panjang itu, pengarang melukiskannya sebagai berikut:

Dalam perjuangan itu, dalam perjuangan batin antara perasaan dan keyakinan, Jefri maju terus menjalankan kewajipannya dari satu kemenangan kepada keme-

nangan yang lain, memusnahkan tenaga peperangan dan propaganda musuh. Sebagaimana segala pasukan gerila di seluruh Tanah Melayu ini mendapat kejayaan terus-menerus, demikian juga pasukan Jefri berpengaruh dan bergerak dengan leluasanya di seluruh negeri Pahang. Hingga sampailah pada satu hari yang nahas yang menamatkan segala kebingungan dan keimbangannya. Dalam satu pertempuran kecil saja pahlawan rimba Malaya itu telah menerima tiga buah peluru musuhnya. Sekali lagi doktor dipanggil. Tetapi alangkah lamanya doktor itu baru akan tiba, dua hari dua malam masanya. Sementara itu luka yang parah pada tubuh Jefri mengeluarkan darah jua. Sehabis-habis tenaga dan kebolehan dresar-dresar dan kawan-kawannya mencuba memberi pertolongan tetapi semuanya sia-sia belaka. Tujuh jam setelah berlakunya malapetaka itu Jefri kelihatan amat lelah sekali, peluh dingin memercik pada seluruh tubuhnya. Makin lama mukanya semakin pucat dan sekali-sekali ia mengeluh menahan kesakitan.

(Hlm. 52)

Dalam surat (amanat) Jefri kepada Ah Lan, antara lain dia menyatakan:

"Berbahagialah engkau, Ah Lan. Sampai ke hujung hayatku engkau tetap kucintai sepenuh hati. Tetapi beri maaflah aku, biarlah pada saat yang akhir ini kunyatakan apa yang selama ini terpendam dalam jiwaku.

Bahawa di antara dua putera yang berasing bangsanya amatlah sulit akan mewujudkan semangat dan tujuan yang bersatu padu, lebih dari garis persahabatan.

Undang-undang ini berlaku juga di antara kita berdua, kerana masing-masing kita mempunyai tujuan dan cita-cita sendiri terhadap kepentingan bangsa kita masing-masing".

Bentuk surat ini juga digunakan Keris Mas untuk novel keduanya, *Korban Kesuciannya* (Utusan Melayu Press Ltd.,

Singapura, 1949) dalam bab "Cinta" apabila Ustazah Aminah menerima dua pucuk surat serentak daripada dua orang pemuda, Busu dan Wan Asri (A. Karim Abdullah, 1993: 93-96). Bagaimanapun, surat Jefri kepada ketua dan Ah Lan lebih pendek, apatah lagi ketika dia berwasiat dalam keadaan nazak sebelum meninggal dunia.

Adakah tidak mungkin Ah Lan melambangkan perjuangan wanita komunis yang tidak diceritakan pengarang kepada pembaca? Malahan pengarang juga tidak memberitahu kepada watak-wataknya ideologi dan matlamat masing-masing di sebalik perjuangan melawan Jepun untuk membebaskan Malaya itu. Hal ini dapat diperhalusi pada paragraf terakhir surat Jefri kepada Ah Lan yang menyebut "masing-masing kita mempunyai tujuan dan cita-cita sendiri terhadap kepentingan bangsa kita masing-masing" yang mengandungi perbezaan matlamat ataupun agenda yang tersendiri, antara orang Melayu dan orang Cina.

Barangkali dengan meneliti bab sebelumnya, kita dapat mentafsir maksud yang tersirat itu. Petikan pada bab "Menjalankan perintah Kedua" memberikan banyak kemungkinan tentang hakikat ini:

Di ibu pejabat garison Jepun dan di pejabat M.P keadaan amat sibuk dan gempar. Telefon berderingan. Sebentar-sebentar terdengar perintah dan herdik yang keras daripada ketua-ketua yang sedang marah. Tiap-tiap muka Jepun itu kelihatan merah padam bagi harimau kelepasan mangsa.

Nona Tan Ah Lan hilang. Seorang penjaga di rumah ketua M.P tempat nona itu dikurung kedapatan mati terbunuuh dalam sebuah belukar getah tidak jauh di darat rumah itu. Itulah peristiwa-peristiwa yang dahsyat yang telah menggemparkan mereka.

· (Hlm. 29)

Pengarang sengaja menyembunyikan tokoh yang berjaya menyelamatkan Tan Ah Lan atas alasan dalam beberapa hal (bukan sebagai suatu teknik penceritaan,

atau unsur suspensi) tetapi boleh ditinjau dari sudut ideologi dan kemanusiaan. Ada bahayanya jika Keris Mas memberikan kejayaan kepada Jefri dan Ah Lan dalam percintaan dan perjuangan mereka itu berakhir dengan perkahwinan.

Barangkali maksud kompromi antara Islam dan komunisme itu akan lebih jelas jika kedua-dua tokoh itu berjaya disatukan menerusi perkahwinan campuran, yang memang tidak begitu popular dalam masyarakat Melayu dan Cina pada zaman itu.

Sebab itulah alasan faktor kemanusiaan memberikan jalan keluar kepada pengarang untuk memilih yang terbaik, menerusi dialog antara Ah Lan dan Jefri pada jalan cerita seterusnya:

"Ah, itu hanya kebetulan sahaja saya menemui nona dalam bahaya dan sudah memang menjadi kewajipan kepada saya untuk menolong siapa sahaja yang dalam kesusahan," jawab Jefri bera tak bera.

"Tetapi," kata Ah Lan pula dengan penuh hormat dan takzimnya, "encik telah bertaruh jiwa, semata-mata hanya untuk menyelamatkan saya."

"Sesungguhnya perkara itu memang kebetulan saja," jawab Jefri bagai terdesak seraya mengalih percakapan kepada yang lain. "Cubalah ceritakan bagaimana mula kisahnya maka Jepun itu mengejar nona pada larut dinihari demikian."

(Hlm. 30)

Keris Mas dalam tulisannya, "Permulaan yang Tragik" dalam buku autobiografinya (1979) mengakui tentang penerbitan novel ini yang amat menyedihkannya, terutamanya tentang nasib novel ini yang terpaksa dipotong di sana sini. Tetapi ada kesan lain yang dapat ditangkap menerusi esei berkenaan, tentang latar sosial yang mempengaruhinya menulis PRM itu.

Pengaruh berita tentang kemerdekaan Indonesia, negara tempat beliau pernah belajar dulu, kehidupan

bangsa dan rakyat yang menderita lahir dan kehidupan fikiran yang kusut, serta suasana kebudayaan yang kering-kontang banyak mempengaruhinya untuk menulis karya. Beliau menegaskan:

Saya terpesona oleh berita-berita kemerdekaan Indonesia, terharu oleh kegagalan hasrat pejuang-pejuang Melayu untuk mencapai kemerdekaan tanah airnya bersama-sama Indonesia dan terpukau oleh berita-berita adanya gerila Melayu yang disebut Wataniah di Pahang, yang baru diketahui peranannya menentang penjajahan Jepun. Dan dalam keadaan terpesona, terharu dan terpukau inilah saya melarikan diri daripada kenyataan hidup yang amat pahit lalu mengembangkan imaginasi seluas-luasnya. Saya menulis *Pahlawan Rimba Malaya* tepat pada waktu saya tidak mempunyai mata pencarian, tidak mempunyai jalan yang jelas dalam cita-cita hendak menyertai perjuangan kemerdekaan seperti yang saya gambarkan dalam bahagian akhir "Pendahuluan" buku ini, iaitu sebaik sahaja Jepun menyerah diri pada tahun 1945.

(A. Rahim Abdullah, 1995: 288-298)

Pengarang yang masih muda ketika menghasilkan PRM itu tentu sahaja sedang berdepan dengan konflik nilai masyarakat dan tatacara kehidupan orang Melayu yang masih banyak mengekalkan pandangan hidup mereka dalam kehidupan seharian. Misalnya prinsip harmoni, kedamaian dan perseimbangan antara kepercayaan, amalan, dan kelakuan. Beliau berjaya menulis lebih 250 halaman manuskrip asal novel itu, tetapi apabila diterbitkan ia tinggal sekadar 46 halaman (lihat buku yang diselenggarakan A. Karim Abdullah, 1993).

Apa yang menjadi hasrat dan idealisme Keris Mas yang begitu ghairah menulis karyanya (novel pertama) itu, tentulah tidak lain daripada gagasan perjuangan bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang besar dan maju setanding dengan bangsa lain di dunia. Apabila melihat penderitaan bangsa akibat dijajah oleh dua kuasa

luar (Inggeris dan Jepun) dan berdasarkan pengalaman dan pengaruh perjuangan bangsa Indonesia, tentulah Keris Mas mempunyai gagasan pemikirannya yang tersendiri untuk memberikan citra bangsa dan wajah Melayu yang jauh lebih baik daripada apa yang dilihatnya.

Sebagai bangsa yang maju dan bertamadun, tentulah bangsa Melayu mempunyai ciri-ciri khas yang boleh melengkapannya menjadi bangsa yang aman makmur dan sentiasa mempunyai perkaitan yang kukuh dengan alam sekitarnya. Dalam hal ini, penggunaan frasa "rimba" itu sendiri memberikan kemungkinan yang cukup menarik dan mengandungi makna tersendiri yang ada hubungannya dengan pandangan dunia orang Melayu sendiri. Misalnya kita tidak dapat membebaskan diri dengan alam sekalipun menjadi bangsa yang maju. Ini disebabkan:

Seseorang itu hendaklah hidup berharmoni dengan dirinya serta dengan alam sekitarnya. Jadi tindak tanduknya seseorang adalah bertujuan mencapai keharmonian ini. Segala cabaran sama ada dari luar ataupun dari dalam diri sendiri akan ditentang supaya kedamaian dan perseimbangan dapat dikekalkan.

(Mat Saat Bak:346)

Watak Jefri juga kami kira lebih banyak dikisahkan pengarang dalam manuskrip asalnya. Sebagai watak hitam putih, Jefri adalah wira Melayu, pahlawan rimba Malaya yang diberikan perwatakan hebat dari segi fizikal dan batinnya. Tetapi, oleh kerana novel ini dipendekkan, kita hanya dapat melihat perwatakannya sebagai wira bangsa itu menerusi dialog pada bab "Siap Sedia" yang antara lainnya berbunyi:

"Sesungguhnya berat tanggungan kita, encik," kata Jefri perlahan-lahan setelah wakil ketua itu menutup percakapannya.

"Bergoncangkah keimanannmu kerana itu?"

"Oh, tidak sekali-kali, encik. Semakin berat kerja ini semakin mengobar-ngobarkan semangat saya."

Bukankah saya telah bersumpah di muka Tuhan bahawa saya akan berjuang sampai kepada titisan darah yang penghabisan sekali."

"Nah, peganglah sumpah engkau itu sampai cita-cita kita berhasil, sampai tujuan-tujuan pergerakan kita dapat diciptakan untuk keselamatan dan kesentosaan bangsa dan nusa kita."

(Hlm. 40)

Seperkara yang perlu ditekankan ialah hakikat perjuangan secara gerila (bukan "gorila" seperti yang tercatat pada teks selenggaraan A. Karim Abdullah, 1993) itu adalah hakikatnya yang tersendiri, dan bukannya hakikat atau realiti pembaca. Ini kerana di sebalik kisah Jefri yang menderita diseksa Jepun, perjuangannya melawan Jepun bersama kisah cintanya dengan gadis Cina, Tan Ah Lan, bagi membebaskan tanah air daripada kuasa penjajah itu, pengarang mengharapkan pembaca turut mempertimbangkan beberapa hal penting.

Dalam konteks sastera yang penuh dengan keindahan (estetik dan artistik) itu ada beberapa agenda lain yang tersirat.

Pertama, tentang konsep dan takrif Melayu yang cukup menarik disampaikan pengarang melalui suatu perjuangan yang panjang, seperti mana petikan pada halaman 52 itu. Dalam hal ini Keris Mas melihat watak bangsa Melayu sejak zaman 1940-an dan selepasnya memerlukan banyak perubahan kerana mereka pada masa itu belum lagi matang. (A. Rahim Abdullah, 1995:241)

Pada tahun 1960, ketika menjadi ketua pengarang majalah *Dewan Bahasa*, Keris Mas menyebut tentang masalah watak Melayu yang kurang dinamik pada waktu itu yang belum mampu melahirkan karya sastera Melayu yang kuat. Antara lain katanya:

Perjuangan yang tegas tidak ada, baik ke dalam diri sendiri, mahupun keluar terhadap musuh. Antara cita-cita dengan musuh, yang menghalang tercapainya cita-

cita itu, terbentang sikap yang samar-samar dan bukannya medan perjuangan yang bergolak.

Itulah sebenarnya watak bangsa Melayu pada waktu itu. Di belakangnya berdiri latar fikir yang belum matang dan pengalaman yang belum masak. Di kalangan bangsa Melayu baharu, terdapat individu-individu yang sedar, yang berfikiran dan berpengalaman, tetapi belum tumbuh apa yang dikatakan kesedaran umum. Fikiran umum belum terbentuk. Sikap belum dapat dipastikan selain merayu-rayu dan berharap...."

(*Ibid.*: 241)

Bagi golongan penulis yang lebih moden dan memahami aspirasi rakyat dan tuntutan semasa, Keris Mas melihatnya sebagai suatu aliran baru yang mula tumbuh sejak zaman penjajahan Jepun. Dengan kata lain, pengarang secara tidak langsung meletakkan dirinya sebagai angkatan baru yang dinamik dan progresif kerana mendapat inspirasi daripada perkembangan kesusasteraan moden di Indonesia, khususnya Angkatan '45:

"Angkatan ini bolehlah dikatakan pembawa aliran yang terbaharu dalam perkembangan prosa Melayu khususnya dan kesusasteraan Melayu umumnya. Angkatan inilah yang melanjutkan zaman moden perkembangan kesusasteraan Melayu yang suasana permulaannya telah wujud pada masa pendudukan Jepun dahulu itu. Penulis-penulis mulai menyedari hakikat bahawa hasil kesusasteraan itu ialah buah daripada hubungan yang langsung antara pengarang dengan masyarakat; bahawa pengarang dan masyarakat tunduk pada hukum beri-memberi."

Prosa Melayu zaman ini yang berupa cerita-cerita pendek kebanyakannya menampakkan aliran baharu dalam gaya baharu, isi baharu dan cara penumpahan fikiran baharu, bukan sahaja berjejak pada bumi tanah air ini, tetapi menyelam ke dalam penghidupan lahir dan batin masyarakat."

(*Ibid.*: 254-255)

Demikianlah yang dapat kita tanggap menerusi teks yang cukup menarik itu untuk dilihat dan dikaitkan pula dengan pemikiran dan maksud perjuangan sasterawan Keris Mas, yang pada masa menulis novel PRM itu usianya masih sekitar 24 atau 25 tahun sahaja. Tetapi, sebagai pemikir dan intelektual, usia tidak menjadi ukuran untuk beliau melahirkan gagasannya yang jelas tentang orang Melayu dan konsep nasionalismenya yang tinggi dan jarang diperhatikan orang pada masa kini.

Sesungguhnya novel pertama Keris Mas ini kaya dengan nilai dan semangat nasionalisme Melayu. Pengarang berjaya menerapkan tema nasionalisme dan patriotisme Melayu yang kuat menerusi watak Jefri yang diangkat sebagai wira bangsa yang gigih berjuang (walaupun akhirnya tewas dan meninggal) tanpa mengira kepentingan peribadi, semata-mata mahu memerdekakan bangsa dan nusanya.

Kami yakin novel pertama Keris Mas ini mampu mengungkapkan pemikirannya yang jelas tentang perjuangan, nasionalisme, dan masa depan orang Melayu andai kata novel ini berjaya diterbitkan seperti mana manusia asalnya yang melebihi 250 halaman itu. Jika novel ini tidak dipotong, disunting atau dipendekkan seperti mana manuskrip asalnya, pasti ia lebih jelas memperlihatkan sikap dan wawasan Keris Mas tentang erti perjuangan dan konsep Melayu.

Ketika mengumpul, menyusun, dan menyelenggara buku *Koleksi Terpilih Keris Mas* (1995), kami terkesan bahawa ideologi nasionalisme Melayu Raya merupakan tahap pertama bagi menggembangkan semangat dan kekuatan rakyat untuk mencapai kemerdekaan:

Beliau percaya bahawa perjuangan rakyat harus berkembang lebih jauh daripada itu. Rakyat memerlukan satu macam pemberontakan politik dan sosial sejagat untuk menghapuskan penjajahan dan penindasan imperialis dan kapitalis yang pada waktu itu berleluasa di Malaya, Indonesia dan seluruh Asia dan Afrika.

Hasil pembacaannya, dia merasakan kebenaran daripada horizon baharu ini kerana pemimpin-pemimpin seperti Dr. Burhanuddin dengan dasar reformasi Islam dan Ishak Haji Muhammad yang percaya sikap sosial demokrasi Barat itu memang diperlukan oleh rakyat Malaya dan Indonesia untuk menjadi dinamik dan demokratik.

(*Ibid.*: xx-xxi)

Menerusi kaedah fenomenologi sebagai alat komunikasi yang cuba menghubungkan pencarian makna dengan teks yang serba kekurangan itu, kita dapat mencari beberapa kemungkinan tentang mesej dan pemikiran pengarang dan seterusnya kekuatan novel ini sebagai sebuah novel Melayu terawal di negara ini yang membicarakan persoalan perjuangan bangsa Melayu dan gagasan masa depannya, baik untuk konteks negara serantau maupun dunia antarabangsa.

Tanggapan awal bahawa novel ini mendekatkan kepada sebuah teks yang bersifat metafora, hampir mencapai kebenaran, bahkan dengan ramalan itu juga ia mampu membentuk sebuah kenyataan, yang mana novel pertama Keris Mas ini juga turut menyentuh tentang sosiopolitik Melayu masa lalu dan akan datang.

Dewan Sastera, September 1998.

Bibliografi

- A. Karim Haji Abdullah, 1993. *Dua Novel Keris Mas: Pahlawan Rimba Malaya & Korban Kesuciannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah, 1995. *Koleksi Terpilih Keris Mas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Abdul Rahman, 1998. "Fusion of Horizon: Satu Kaedah Bacoan" lihat Shukri Mattali. "Kaedah Bacaan Teks Penting. Berita Harian, Khamis, 2 April.
- Mat Saat Bakri, 1993. "Psikologi Melayu" dalam Abu Hassan Othman (peny.) *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supardi Muradi, 1989. *Fenomenologi Sastera Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dari Perspektif Pembangunan Kini

SHAHNON AHMAD

DILIHAT daripada perspektif pembangunan kini, novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)* karya Keris Mas secara tersirat menonjolkan sifat-sifat negatif dalam pembangunan manusianya meskipun pada akhirnya dilerakan sifat-sifat itu. Sekali imbas Keris Mas bagaikan secara indah menyusun plot penuh kelogikan untuk memperoleh kesan positif secara luarannya, tetapi keahlian Keris Mas mengeksploit beberapa sudut gaya bahasa tidak dapat melarikan diri daripada memperoleh kesan negatifnya secara dalaman.

Dalam keghairahan dan kerancakan proses pembangunan negara dengan Dasar Ekonomi Barunya yang lebih menekankan penglibatan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian, maka tumbuhlah peribadi-peribadi satu dimensi, watak-watak "one-way street" yang hanya memikirkan supaya produktiviti perdagangan dan perindustrian selalu melimpah ruah untuk terus dikecapi nikmatnya oleh nafsu amarah sendiri.

Peribadi-peribadi ini ligat berputar dan cepat pula menambahkan jumlah menjadi JUTARA (Jutawan Bumiputera). Kerjanya cuma memikirkan muslihat atau perancangan 'plot-plot' bagi mencapai tujuan produktiviti yang tidak pernah ada paras maksimumnya itu, tanpa memperhitungkan faktor lain yang boleh menjelaskan kemanusiaan.

Umpamanya sifat perimbangan dunia-akhirat, perimbangan jasmaniah-rohaniah, kesederhanaan dalam hidup, rasa malu dan segan jauh diketepikan dalam sebarang perancangan. Sebab kelimpahruahan benda yang didapati tidak pernah ada halangan dan kerana kebetulan mereka dilahirkan secara bertuah sebagai bumiputera, maka peribadi ini kehilangan akar tradisi sendiri. Meskipun peribadi-peribadi ini nampak mesra berkomunikasi dengan semua anggota masyarakat, terutama anggota masyarakat yang sekar, tetapi sebenarnya mereka tersing dan tersisih daripada masyarakat itu. Hubungan dalam erti kata yang sebenarnya sudah luput ikatan akarnya. Hal ini disengajakan oleh JUTARA-JUTARA ini demi kesucian status dan kelainan nilai hidup baru yang terhasil daripada pembangunan jenis ini. Dia sebenarnya bukan Bumiputera mengikut pengertian peribumi yang berakar umbi pada tradisi, tetapi Bumiputera yang jauh berbeza cara hidupnya.

Dia rasa dia lebih berkuasa daripada Bumiputera yang lain. Dia mempunyai hak yang lebih daripada Bumiputera yang lain. Dia boleh memberi perintah kepada sesiapa sahaja; malah mungkin secara tidak disedarinya kerana kehilangan akar, dia telah mencipta institusi pengabdian atau perhambaan bentuk baru di kalangan Bumiputera dan dia tegak sebagai tuan kepada abdi-abdi itu. Dan, abdi-abdi itu bukan hanya terdiri daripada golongan di luar dirinya, malah kadang-kadang sudah sampai hati menjadikan anggota keluarga sendiri sebagai ahli-ahli itu, tidak kira sama ada abang sendiri, isteri sendiri, anak sendiri, menantu sendiri, dan sebagainya. Malah, dia sendiri itu pun sudah diperakukan sebagai abdi kepada benda yang menjadi matlamat hidupnya. Sesungguhnya dia sudah menjadi orang baru, orang yang lain daripada Bumiputera, orang yang tersisih daripada tradisinya.

Demikian kalau kita mengikuti perkembangan watak utama novel Keris Mas yang terbaru ini iaitu Encik Muhammad, satu nama yang sengaja dipilih oleh Keris

Mas untuk memaklumkan kesuciannya dilihat dari segi Islam tetapi secara ironi dan sinis Keris Mas mempamerkan kontradiksi-kontradiksinya. Malah, tajuk novel ini pun memberi kesan yang amat mencemuhkan. Keris Mas bagaikan benar-benar menjijikkan saudagar-saudagar besar Bumiputera yang sejenis Encik Muhammad ini.

Encik Muhammad bin Orang Kaya Indera Datuk Idris bin Muhammad Saman bertuah kerana keunikannya sebagai orang Melayu yang jelas ada hak-hak keistimewaannya. Dia menjadi salah seorang pengarah urusan bagi salah sebuah anak syarikat Tan Enterprise. Dengan hasrat untuk memperluaskan lagi keistimewaannya itu, Encik Muhammad ingin membuka Syarikat Lombong Lembah Tualang. Di sinilah Encik Muhammad menunjukkan sifat satu dimensinya itu; malah keseluruhan novel ini mengisahkan perkembangan perwatakan ini sahaja. Kebetulan lagi dalam perancangan ini melibatkan tanah pusakanya sendiri yang bertalian dengan keluarganya dan juga orang kampung yang serba sederhana dan tidak banyak cakap itu. Mereka tidak terfikir langsung tentang niat di sebalik perancangan Encik Muhammad itu.

Maka keseluruhan cerita novel ini ialah untuk menunjukkan sejauh mana "bijaksana" dan telitinya "plot" Encik Muhammad merancang agar semua orang berpindah dari tanah itu bagi memudahkannya membuka syarikat yang diidam-idamkan itu. Plot-plot ini secara langsung melibatkan abangnya, isterinya, anaknya, menantunya, temantemannya, dan anak-anak saudaranya. Hubungan Encik Muhammad dengan kaum keluarga ini jelas memberikan kesan kehilangan kemesraan yang sebenar, kerana niat di sebalik kepala Encik Muhammad tidak lain daripada memanipulasi dan mengeksplot mereka untuk tujuannya itu.

Dalam erti kata yang lain, meskipun ternyata jelas ikatan kekeluargaannya, tetapi ikatan itu bertukar kepada hubungan antara tuan dengan abdi-abdinya sahaja. Keadaan ini lebih terasa apabila muslihat Encik Mu-

hammad terpaksa melibatkan orang-orang di luar keluarga seperti Yang Berhormat Muhd. Yusuf, sahabatnya yang kemudian menjadi besannya Tan Sri Syed Aris, Sudin, Imam Saad, Puan Sri Mu'inah, pemandu Kassim, Sani, Muhammad Akil, Pak Salim, Tuk Empat Dahlan, dan akhirnya pendakwah Lebai Maarup. Taktik dan plot saudagar besar mengeksploit dan memanipulasi manusia itu benar-benar menunjukkan peribadi yang sudah kehilangan akar. Peribadi satu dimensi yang langsung tidak memperhitungkan kemurniaan kemanusiaan yang lain kecuali hajatnya itu sahaja.

Dimensi keperibadiannya hanya satu, berkisar dalam lingkungan keruntuhan dirinya, keluarganya, masyarakatnya, dan seterusnya bangsanya sendiri. Dia selalu suka di atas seperti yang ditunjukkan dalam kerja-kerja manipulasi dan eksplorasi itu. Dia gemar puji, takbur dan riak, tetapi selalu sembunyi setiap langkahnya, dia benar-benar ingin mewah semewah-mewahnya dan had kemewahan itu tidak ada. Dia hidup berpura-pura dan sering menyangkal nikmat Allah. Dia amat menghormati orang lain asalkan ada tujuan untuk memperalatkan orang itu. Hidupnya menjadi tersangat cemas kalau ada sesuatu yang menjuruskan dirinya ke dalam kerugian atau kehilangan. Dia tidak membela kebenaran demi kerana kebenaran, dan dia pantang benar menerima kebenaran itu terutama yang boleh menjaskan status dan keuntungan bagi dirinya. Dia cukup pintar menggunakan kuasa dan kekayaannya sehingga kadang-kadang menjadi suatu nikmat pula baginya. Sifat rasa malunya sudah luput terutama apabila tiba detik-detik kecemasan yang boleh menenggelamkan habuan-habuannya.

Sifat-sifat ini, jelas di sana sini, dalam perancangan "plot"nya, dipamerkan oleh Encik Muhammad, watak utama dalam novel Keris Mas ini. Meskipun dalam novel ini terdapat lebih 25 orang watak yang berperanan, tetapi peranan yang diberikan kepada mereka tidak lebih daripada hanya pelengkap kepada watak utama. Sebagai

individu, watak-watak ini tidak dibangun dan diperkembang secara wajar. Mereka hanya hadir apabila ada ciri-ciri yang perlu dilekatkan pada watak bagi memudahkan perancangannya. Dan watak-watak ini diwujudkan kadang-kadang secara mengejut, apabila ada liku-liku baru yang diperlukan oleh Encik Muhammad untuk menyelesaikan plotnya.

Umpamanya watak Sani hanya diberi peranan apabila masalah pertukaran imam diperlukan. Watak Mat Akil diperkembang kerana ada kelicikan dalam muslihat Encik Muhammad; malah watak pendakwah Lebai Maarup pun tiba-tiba wujud sebagai watak penyudah untuk seiring dengan watak Rahim bagi meleraikan kekusutan cerita. Pendek kata, watak-watak dalam novel ini benar-benar pelengkap kepada watak utamanya. Pelengkap ini pun selalunya diperangkapkan kerana faktor perangkap manusia telah dijadikan salah satu alat penting dalam perdagangan dan perindustrian. Sudin dalam satu detik pernah berbisik dalam hatinya begini: Encik Muhammad mencapai kejayaannya kerana dia berani. Berani menghadapi apa jua cabaran. Tetapi bukan keberanian sahaja yang menjadi keutamaan bagi saudagar besar itu. Dia cerdik. Dia memasang perangkap. Dan orang tidak tahu di mana Encik Muhammad menahan perangkapnya. Itulah kepintaran kelas satu seorang yang ingin berjaya dalam dunia dagang itu.

Encik Muhammad itu sendiri pun bukan watak yang bulat. Manusia bulat tidak boleh diwujudkan oleh pembangunan yang seumpama itu. Pertentangan yang wujud dalam diri Encik Muhammad pun bukan antara kebenaran, dan kebatilan atau antara kebenaran dan kebenaran, tetapi lebih kepada di antara keburukan, dengan keburukan kerana perwatakannya sengaja diperkembangkan atas landasan manusia batil. Hanya manusia itu sahajalah akan lahir daripada pembangunan yang seluruhnya mengutamakan kebendaan. Meskipun watak lain yang banyak itu tidak berkembang, tetapi

mutu novel ini dilihat dari perspektif pembangunan kini tidaklah terjejas. Saya kira Keris Mas sengaja menciptakan watak-watak seumpama ini untuk memperjelas akibat pembangunan yang songsang; malah watak Encik Muhammad sebagai *one-dimensional man* itu pun disengajakan untuk meninggalkan kesan negatif akibat pembangunan yang hanya mementingkan kebendaan tanpa had kuantitinya itu.

Keris Mas bagaikan mengingatkan kita: Nah! Inilah peribadi-peribadi hasil daripada pembangunan yang songsang. Kehidupannya diarah untuk satu tujuan sahaja iaitu pembolotankekayaan kebendaan. Untuk mencapai tujuan itu, lihatlah bagaimana kotornya eksplotasi dan manipulasi dilaksanakan sehingga luput harga diri. Manusia satu dimensi ini penindas yang halus, menyingkir dan menafikan dimensi yang lain; malah dimensi yang lain itu adalah musuhnya. Dimensi itu menjadi kabur dan tidak penting dalam pembangunan manusia. Mereka boleh dipungut-pungut dan dipindah-pindahkan seperti biji-biji catur sahaja oleh dalang-dalang. Pembangunan seumpama ini bukanlah pembangunan, tetapi keruntuhan dirinya, keluarganya, masyarakatnya, dan bangsanya,

Demikian pandangan Keris Mas terhadap pembangunan manusia berdasarkan novelnya ini. Pembangunan yang menjurus ke arah keruntuhan, baik dalam bidang sosioekonomi, sosiopolitik atau sosiobudaya dan sebagainya. Pembangunan yang terus kepada pembangunan di luar diri manusia, bukan bermula dengan pembangunan manusia itu sendiri. Pembangunan yang benar bermula dengan pembangunan manusia itu sendiri dan kemudian baru mengorak langkah untuk pembangunan di luar manusia, baik dalam bidang ekonomi, politik, budaya, dan sebagainya.

Dilihat daripada perspektif ini, Encik Muhammad tidak layak membangun dan memperluas perdagangannya sebelum dia berusaha membangunkan dirinya sendiri terlebih dahulu meskipun dia sebagai Bumiputera me-

miliki berbagai-bagai hak keistimewaan. Anaknya Rahim yang telah menunjukkan kepekaan terhadap kemanusiaan itu dirasakan lebih sebagai Bumiputera menjadi saudagar. Ataupun orang-orang seperti Lebai Maarup. Kedua-duanya telah membekali diri dengan kefahaman-kefahaman tentang fitrah diri, status diri, tanggungjawab diri, dan keupayaan diri. Mereka berdua ini Bumiputera yang takutkan Allah dan kerana itu tidak terus mengambil sebarang langkah sebelum memperhitungkan faktor lain yang boleh mematikan kemanusiaan. Berbeza daripada tindak-tanduk Encik Muhammad yang tidak langsung takutkan Allah; malah dalam beberapa peristiwa di kampung cuba memperalatkan Allah.

Kelicikannya memperalatkan abangnya Mahmud, Wakil Rakyat Muhd. Yusuf Sudin, anak saudaranya Jahid, orang tua yang baik hati Pak Salim, dan lain-lain benar-benar menunjukkan Encik Muhammad tidak pernah berasa takut kepada Allah. Dalam tindak tanduknya meskipun Encik Muhammad hanya sebagai latar belakangnya, tetapi banyak likunya yang kotor. Dialognya adalah dialog yang berlapisan, yang lunak pada sebutan kata-kata tetapi rencong di lapisan dalam. Setiap langkahnya dalam perkiraan untuk menguntungkan dirinya meskipun langkah itu sekali gus boleh juga memutuskan rezeki orang lain. Hubungannya dengan isteri, anak, bakal menantu, bakal besan, abang dan anak-anak saudara sendiri bertatahkan muslihat yang bobot dengan lonjakan nafsu amarah yang sentiasa menguasai dirinya. Pada detik-detik tertentu, terutama apabila berada di kalangan manusia yang sederhana dan *simple* di kampung, Encik Muhammad cuba menunjukkan kesedarannya, bagaikan berusaha sedikit sebanyak untuk meningkatkan nafsu amarahnya itu ke tingkat nafsu *lawiwamah* atau seterusnya nafsu *mulhamah*; tetapi kemudian ternyata Encik Muhammad (alangkah indahnya nama ini) penindas yang kejam dan tidak bertimbang rasa.

Pembangunan jenis ini memanglah pesat perkem-

bangannya, kerana tidak ada perhitungan pinggiran yang boleh menghalangi perancangan. Bujur lalu melintang patah. Dan proses pembangunan jenis ini boleh sahaja dalam masa yang pendek melahirkan seratus atau seribu Encik Muhammad atau sejuta Encik Muhammad.

Pembangunan jenis ini sering dipersoalkan orang di mana-mana. Di Barat dalam tahun 1960-an paling hebat bahananya apabila seorang ahli falsafah politik bernama Robert Marcuse menjadi juara menyuarakan bencana yang bakal menimpa masyarakat dunia yang dibangunkan atas landasan pembangunan yang songsang ini. Dengan suara yang kena pada ketikanya itu, dengan cepat pula beliau diterima sebagai wira, malah sebagai 'nabi' bagi golongan muda. Pembangunan manusia satu dimensi ini terus-menerus dicanang oleh kelompok ini untuk menunjukkan kesan negatif yang mengancam dunia dan umat manusia. Marcuse kemudian menerbitkan bukunya yang menjadi kitab bagi golongan ini bertajuk *One-Dimensional Man*. Keseluruhan buku ini memuatkan kritik Marcuse terhadap masyarakat dagang dan industri moden, iaitu suatu masyarakat yang berdimensi satu: Matlamat hidup mengisi perut sebanyak-banyaknya.

Kesan pembangunan jenis ini sekali imbas amat mempesonakan, kerana manusia dengan mudah berada di atas, mengatasi segala yang lain termasuk Allah. Manusia sudah boleh mentadbirkan segala urusan manusia tanpa masuk campur kuasa Allah. Dengan itu, tanpa sebarang halangan lagi, manusia menguasai segala bidang alam, meliputi setiap inci udara, laut dan bumi; tetapi ternyata kepesonaan dan kekaguman itu meleset besar, kerana manusia sebenarnya bukan dalam zaman pembangunan seperti yang dilaungkan oleh para pemimpin. Sesungguhnya manusia berada dalam zaman kehancuran dan keruntuhan. Kesannya bukan sahaja merangkuli sosio-ekonomi dan sosiopolitik malah sosiobudaya. Mengikut Marcuse, masyarakat hasil daripada pembangunan perdagangan dan perindustrian moden jenis ini tetap merupa-

kan masyarakat tersisih kerana mengasingkan manusia yang menjadi warganegaranya kemar usiaannya. Dalam masyarakat yang hanya terbangun untuk mengejar dan mengejar kebendaan tetapi tersisih dari pada kemanusiaannya akan luput fungsinya yang sebenar. Dilihat daripada aspek sosiobudaya pun, manusia ini tidak lagi bersuara dan berkreatif. Seni sastera dalam masyarakat yang terbangun atas landasan songsang ini akan hilang jiwanya. Kalaupun wujud seni sastera dalam masyarakat seumpama ini ia lebih merupakan alat pengikat sosial dan pendukung *order establishment* semata-mata, kerana sastera yang terpancar daripada masyarakat itu menafikan dimensi yang lain termasuk dimensi artistik itu sendiri.

Teori Marcuse dalam tahun-tahun 1960-an, ketika dunia sedang ghairah tentang kepincangan masyarakat dagang dan industri moden, memang hebat. Tetapi kemudiannya Marcuse ditolak oleh golongannya sendiri. Penolakan itu bukan kerana salahnya teori Marcuse, tetapi kerana Marcuse sendiri tidak berani melibatkan diri dalam gerakan untuk melahirkan teorinya kepada kenyataan. Dia dianggap orang yang "cakap tak serupa bikin".

Namun, gambaran akibat daripada masyarakat yang dibangunkan sebagai manusia satu dimensi seperti Encik Muhammad dalam novel Keris Mas amat menakutkan. Encik Muhammad, nampak pemurah tetapi sebenarnya penindas. Dia nampak seperti orang baik-baik dan bijak, tetapi kebaikan dan kebijaksanaan itu bukan sebagai ciri-ciri keindahan yang sepatutnya ada dalam diri manusia melainkan benar-benar sebagai alat mempermudahkan jalan untuk diri sendiri. Encik Muhammad umpamanya nampak benar-benar berjuang agar abangnya, Penghulu Mahmud, dianugerahkan bintang kebesaran Datuk. Dia sendiri bagaikan tidak memerlukan gelaran itu, tetapi yang nyata itu berupa muslihat dan Penghulu Mahmud diperalatkan. Penglibatan Encik Muhammad yang sanggup berkorban habis-habisan sewaktu menyambut keberangkatan tiba sultan ke kampung atau sewaktu kenduri

perkahwinan Sudin-Gayah di rumahnya benar-benar mempamerkan niatnya Encik Muhammad yang jahat. Yang Berhormat Muhd. Yusuf yang sepatutnya berkuasa di daerahnya itu mudah sahaja diperkudakan oleh Encik Muhammad. Begitu juga taktik-taktik gerakan terhadap Tan Sri Syed Aris, Imam Saad, Tuk Empat Dahlam, dan Pak Salim.

Peranan Encik Muhammad di belakang layar untuk menukar-nukar kalangan imam Kampung Jeram Medang, Kampung Pulai dan Pekan Tualang lagi sekali menunjukkan kehodohan gerak tindaknya Encik Muhammad ini. Cara Keris Mas mengolah taktik Encik Muhammad memperkudakan wakil rakyat dan imam-imam kampung terasa bagaikan suatu amaran bahawa kelak dalam pembangunan jenis ini orang politik dan ulama tidak lagi berkuasa. Mereka mudah diperkosakan dan diperkudakan oleh JUTARA Bumiputera seperti Encik Muhammad yang benar-benar tahu dunianya. Segala peristiwa yang berlaku – baik yang penting mahupun yang remeh-temeh – didalangi oleh saudagar seumpama Encik Muhammad ini, kerana di sebalik peristiwa itu akan terjelma pula natijah yang menguntungkan para saudagar. Keris Mas bagaikan berpesan sekali lagi: Wahai orang politik dan alim ulama! Awasilah pedagang jenis ini. Dalam bidang politik, bukan awak yang berkuasa, tetapi JUTARA jenis ini. Dalam bidang agama pun sama sahaja. Ulama akan diperkudakan oleh JUTARA jenis ini. Wang mengatasi segala, termasuk kuasa dan ilmu. Dalam pembangunan kini sudah nampak kenyataan bahawa kuasa dan ilmu sudah boleh diperdagangkan.

Di bahagian awal novel ini Keris Mas amat teliti dalam penyusunan plot. Liku-liku dalam perkembangan cerita – baik dalam perkenalan watak-watak mahupun dalam tindak-tanduknya – menjurus kepada perwatakan Muhammad yang timbul secara berkesan sebagai dalang dalam perancangan penubuhan Syarikat Lombong Lembah Tualang dengan segala keruwetannya. Hanya di baha-

gian akhir novel ini ternyata sedikit gopoh-gapah perkembangannya. Penimbulan beberapa orang watak baru seperti Sani dan Lebai Maarup secara mengejut itu tidak pula diberi fungsi yang berkesan. Watak Rahim, Mahani, Robert dan Lily yang sejak awal ditimbulkan amat cepat perkembangannya, bagaikan peleraian daripada segala permasalahan manusia yang kompleks ini amat mudah diselesaikan.

Pembangunan yang diasaskan atas landasan rapuh yang digambarkan melalui perwatakan Encik Muhammad ternyata tidak berkesudahan. Dan menerusi Rahim, anak Encik Muhammad, yang berlainan nilai daripada orang tuanya, Keris Mas menegaskan bahawa pembangunan jenis ini baik tetapi tidak seharusnya melandai agama, moral dan kebajikan masyarakat orang Melayu. Integrasi antara idea Lebai Maarup, pendakwah yang bijak tetapi tidak ada kelulusan formal, dengan idea Rahim, intelektual yang benar-benar intelektual, adalah suatu paduan utuh yang diperlukan dalam pembangunan masa kini. Hanya pembangunan yang berteraskan iman, ilmu, dan amal yang boleh menjaminkan kesejahteraan dan kebahagiaan bagi semua; baik di dunia maupun di akhirat. Manusia tidak cukup hanya berdimensi satu. Ia perlu berdimensi dua sebagai dasar pembangunan dirinya – satu sebagai hamba Allah dan satu lagi sebagai Khalifah Allah.

Peleraian – meskipun agak mengejut – novel ini jelas menjurus kepada status manusia yang unggul yang boleh menjaminkan pembangunan dalam erti kata yang sebenarnya. Keris Mas amat optimistik dalam gagasan ini, seperti yang jelas diungkapnya di para terakhir novel besarnya ini yang berbunyi: "Sunyi sepi. Masing-masing memandang ke depan. Ke dunia baru yang akan bermula."

Konsep Wira Melayu Moden: Sintesis Keris Mas Melalui Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

SHAHNON AHMAD

WIRA dapat disimpulkan maknanya sebagai insan ideal yang tertontjol, merealisasikan aspirasi seluruh anggota masyarakatnya. Padanya tersirat berbagai-bagai pengertian yang unggul dan keunggulan itu menyarankan pula berbagai-bagai lapisan makna penuh idealisme yang diidam-idamkan. Dan idealisme itu dilepaskan lagi untuk menempuh pula berbagai-bagai ranjau luar duga melintasi detik-detik episod yang panjang berjungkir-jungkir. Dan setiap selekoh dalam perjalanan diri yang panjang itu, berbuah pula perubahan demi perubahan kepada makna wira mengikut zaman dan iklim persekitaran.

Pada detik yang terawal, wira adalah integrasi pelbagai idealisme kelelakian yang bobot dengan kegagahperkasaan aspek fizikalnya. Kepejaluan otot dan tulang-belulangnya adalah lambang idealisme keperwiraannya. Segala kekuatan itu bukan sahaja di luar dugaan malah dibantu oleh kuasa *supernatural* yang ditibakan oleh berbagai-bagai *magical agents* dan *magical helpers*; malah kegagahperkasaan itu dilahirkan jauh sebelum lahir wira yang berkenaan. Waktu dalam rahim ibu dan waktu kelahiran itu sendiri pun jelas memperlihatkan bayangan bakal wira

* Konsep Wira dalam Sastera Melayu, 1993. Diselenggarakan Siti Aisah Murad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

yang akan wujud itu. Ciri-ciri *miraculous birth* dipapar untuk memperoleh landasan dan asal usul yang kukuh untuk kelak dapat memperkembang wira itu. Dan kemudian wira itu dibesarkan dalam suasana yang serba pesona dan kagum. Dirinya penuh dengan ilmu ketangkasan fizik dan keajaiban. Dengan bekalan yang tersebat pada tubuh serba gagah, wira itu pun melangkah keluar melengkapi kedewasaan dan membijaksanakan pengalaman mengikut nilai-nilai sezamannya. Biasanya langkah selepas keluar itu dalam bentuk pengembaraan yang berliku penuh ujian luar duga, sesudah memperoleh panggilan atau seruan untuk memenuhi sesuatu tuntutan (*quest*) yang juga penuh dengan keajaiban. Maka antara jarak bermulanya langkah pertama bagi memenuhi seruan sehingga ter-genggamnya hasrat yang diidam-idamkan, wira dengan segala kepejalan fizik, segala ilmu hikmah dan kebijaksanaan serta bantuan daripada agen-agen akan menempuh berbagai-bagai ujian, mengalami pengorbanan demi pengorbanan, memperoleh kemenangan lepas satu-satu, dan akhirnya muncul sebagai wira yang tidak ada tolok bandingnya lagi.

Keperwiraan pada detik terawal ini dapat disimpulkan sebagai membawa makna idealisme dan keagungan sesuatu bangsa mempamerkan ciri-ciri pahlawan mithali yang perlu diteladani oleh setiap anggota masyarakat yang melahirkan wira itu. Meskipun segala-galanya tidak berpijak di bumi nyata, namun sebagai suatu idealisme, ia merupakan citacita dan harapan yang seharusnya tersisip dalam perancangan dan strategi tidak langsung bagi sesuatu bangsa. Bagi bangsa Melayu, ciri awalan wira ini umumnya terangkul pada sifat watak-watak utama dalam kisah-kisah tradisional, cerita-cerita penglipur lara seperti dalam *Awang Sulung Merah Muda*, *Malim Dewa*, *Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Terung Pipit*, dan *Hikayat Raja Muda*. Dan dalam ceritera-ceritera kemudian kelak jelas terakam dalam *Hikayat Hang Tuah* dan yang seiras dengannya.

Pembangunan dan pengembangan manusia terus ber-

lalu mengikut sejarah dengan perubahan-perubahan; baik perubahan ke arah kemantapan, maupun perubahan ke arah kehakisan kemanusiaan itu sendiri. Sastera yang sebelumnya lebih memancarkan idealisme di luar kedayaan manusia, kini beralih kepada realisme yang lebih berlandaskan realisme rasa dan realisme sentimen, tidak lagi pada idealisme wajah kegagahperkasaan fizik seorang wira. Maka bertemulah kita dengan wira-wira baru melalui karya-karya baru muncul yang memperlihatkan makna-makna kelainan daripada yang lampau. Harapan dan cita-cita para wira ini juga lebih bertitik tolak daripada luapan rasa, pada tindak tanduk yang romantis, dan pendekatan yang lebih terarah ke bumi nyata, meskipun aspek peristiwa luar duga yang ditempuh masih tebal. Tetapi, cabaran yang ditempuh bukan lagi dalam lingkungan keajaiban alam dewa dewi. Bantuan yang tiba juga tidak lagi yang bersifat *supernatural*, namun pendekatan para wira ini masih berada dalam khayalan, masih bermimpi dan kadang-kadang masih boleh terbang bak burung di angkasa, dan kadang-kadang lagi boleh mengelamun menderitakan diri mengenangkan cita-cita yang tidak sampai yang seringnya dalam kedirian wanita yang cantik dengan pipinya masih bak pauh dilayang dan betisnya masih bak bunting padi. Proses penderitaan diri dan pemeditahan rasa ini dialami dan diatasi dengan muslihat yang lebih nyata kalau dibandingkan dengan perjuangan wira yang lebih awal. Biasanya halangan yang ditempuh adalah manusia biasa juga, bukan jin dan dewa yang serba gagah. Dan biasanya juga proses penderitaan dan pemeditahan rasa itu bermula bilamana wira keluar bertemu dengan wanita yang dipadan, tetapi pertemuan itu direnggangkan oleh sesuatu yang kelainan nilai. Dalam detik-detik pemisahan inilah berlaku apa yang boleh disebut sebagai pengembalaan rasa yang dialami oleh wira, sama dengan pengembalaan fizik yang dialami oleh wira terawal. Berbagai-bagai halangan ditempuhnya dan akhirnya diatasi juga dan terkabullah cita-cita yang

diidam-idamkan. Dalam beberapa buah cereka sebelum perang, dengan mudah kita dapat bersua dengan wira-wira pedih rasa ini.

Suatu kelainan yang agak ketara kalau dibandingkan dengan wira sebelumnya ialah tentang kesempurnaan sifat-sifat wira itu. Wira terawal lebih merupakan watak yang serba sempurna tanpa sebarang cacat cela. Ia lebih bersifat individualis; berlainan daripada wira kemudian yang tidak lagi diboloti oleh seseorang. Sudah nampak bahawa wira kemudian mulai memperlihatkan sifat-sifat manusia biasa yang umumnya mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Kelainan ini lebih jelas lagi bilamana perubahan berlaku pada konsep wira itu sendiri yang lebih merupakan hak kolektif dan bukan hak individu. Sesuatu yang unggul itu mulai diterima sebagai kepunyaan bersama dan diperjuangkan secara bersama pula untuk memperoleh nikmat yang juga dikongsi bersama.

Perubahan seterusnya pada konsep wira ini kelihatan dalam karya-karya sastera terbaru, khususnya dalam novel dan cerpen. Daripada wira yang gagah perkasa anggota fiziknya berpindah kepada wira yang pedih rasa yang berjuang untuk meredakan kepedihan rasa itu. Daripada situ berpindah lagi kepada wira akal yang lebih memeningkatkan daya inteleknya. Inteleknya menjadi titik tolak dalam sebarang penentuan nilai dan penentuan tindakan. Kekuatan fizik dan rasa dipinggirkan begitu sahaja, malah banyak yang dibuangkan jauh-jauh supaya tidak lagi mengganggu akal wira yang menjadi pengisah dalam segala bicara dan persoalannya.

Wira akal ini umumnya terdiri daripada golongan yang memperlihatkan ciri-ciri perjuangan untuk memperoleh kuasa politik dan kuasa kebendaan dengan menghalalkan segala cara untuk menjaminkan perolehannya yang dihitungkannya sebagai produk ala material. Seperti juga dengan wira rasa, wira akal ini juga tidak dibolot oleh individu, malah pada individu itu diperlihatkan ciri-

ciri yang bertentangan dengan keunggulan kemanusiaan itu sendiri. Konsep wira diserpih dan dibahagikan kepada berbagai-bagai watak dalam karya sehingga terasa benar kehilangan wira dalam karya kecuali kalau diusahakan cantuman sifat-sifat wira yang sengaja diselerakkan itu. Dalam beberapa karya novel terbaru di Malaysia, keadaan ini mudah dipungut.

Dalam hubungan inilah saya ingin meneroka novel Sasterawan Negara Keris Mas yang berjudul *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur (SBDKL)* dan cuba mencirikan sifat-sifat wira Melayu seperti yang disintesiskan oleh Keris Mas. *SBDKL* adalah *The Roman a Theses*, sebuah novel bertenden, sebuah novel tesis, apabila sesuatu tesis sengaja dirancang untuk mendasarinya. Daripada tesis itu berkembang kepada suatu antitesis dan berakhir dengan suatu sintesis. Tesis, antitesis dan sintesis ini memperlihatkan ciri-ciri konsep wira Melayu baru yang dilahirkan oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB). Sebagai suatu tesis yang menitiktolakkan karya ini, Keris Mas membentangkan gagasan kapitalisme-individualisme yang dipikul oleh wira novel ini, iaitu Encik Muhammad atau nama sepenuhnya Muhammad bin Orang Kaya Indera Datuk Idris bin Muhammad Saman. Tesis kapitalisme-individualisme ini bukan yang diperjuangkan oleh Keris Mas sepenuhnya, tetapi suatu realiti, suatu produk yang terhasil daripada dasar pembangunan negara yang lebih khusus dikenali sebagai DEB itu.

DEB dengan segala kecanggihan dan ketidakawalan-nya telah berjaya melahirkan ramai wira Melayu baru dalam wajah usahawan, ahli perniagaan untuk melompat cepat menjadi kaya-raya dengan harta benda, malah akan menjadi lebih berkuasa daripada orang politik sekalipun pada satu hari kelak. Dalam novel *SBDKL* ini watak Encik Muhammad mewakili golongan wira Melayu baru dalam wajah usahawan cepat kaya ini. Encik Muhammad yang melambangkan wira Melayu baru ini mempunyai warisan Melayu yang totok tetapi mentalitinya amat tebal dengan

ciri-ciri feudalisme. Dia menerokai niatnya untuk menjadi usahawan dengan menubuhkan sebuah syarikat yang diberi nama Syarikat Lombong Lembah Tualang dan beliau menjadi pengarah syarikat bumiputera itu. Tetapi, untuk memperlihatkan kejayaan yang spontan, Encik Muhammad terpaksa menguasai penduduk Kampung Pulai supaya berpindah tanpa sebarang tolak ansur lagi. Sebahagian besar penduduk di sini terdiri daripada kaum kerabatnya yang rapat. Dan novel ini seterusnya menceritakan bagaimana Encik Muhammad sebagai wira Melayu baru yang terlalu ingin cepat kaya bergerak dalam watak kapitalis bumiputera yang individualistik, mengeksplor segala elemen yang ada bagi memenuhi tuntutan cita-citanya; atau dalam erti kata yang lebih tersirat, cita-cita DEB.

Keris Mas sebenarnya tidak menolak konsep wira sebagai kapitalis ini. Kapitalisme sebagai satu sistem mendominasi harta secara persendirian. Hasrat Encik Muhammad untuk menjadi kaya-raya dengan membuka syarikat lombong amat baik asalkan pertimbangan terhadap pihak lain diperhitungkan dengan penuh saksama supaya tidak timbul eksplotasi kemanusiaan secara rakus dan keadilan dapat dipertahankan. Gagasan ini perlu digalakkan supaya lahirlah wira Melayu seperti Encik Muhammad yang kuat motivasinya, yang berkreatif, yang bercita-cita melambung tinggi dan yang senantiasa gigih menghadapi sebarang cabaran. Tetapi, tidak demikian yang berlaku terhadap wira Melayu baru ini. Selain kapitalis, Muhammad juga individualis totok yang tidak langsung memperhitungkan aspek-aspek kemanusiaan yang memaknakan keadilan, kesamarataan, ketinggian akhlak dan keluhuran budi pekerti. Individualisme adalah satu teori sosial yang cenderung kepada kebebasan seseorang yang berjuang dalam pemusatkan pada diri dalam perasaan serta dalam segala tindakan. Perhitungan lain yang menjurus kepada kemanusiaan yang unggul memang disedari tetapi disisihkan, kerana dianggap penghalang kepada kehendak dan cita-cita diri. Seorang individualis

adalah orang yang benar-benar *self-centred*; dan dalam kehidupannya yang sebenar adalah orang yang hidup sebatang kara, menyisihkan diri daripada masyarakat.

Encik Muhammad wira Melayu baru yang pintar, licik, dan amat halus. Sebagai wira yang ingin cepat kaya memang amat ketara, tetapi sebagai wira individualis yang totok dan hidup bergelumang dengan sifat penindasan dan ketidakadilan amat rahsia dan berjaya disiratkan secara halus dan bersopan. Dalam *SBDKL* ini kelicikan Encik Muhammad sebagai wira amatlah halus dan licin. Dalam usahanya memindahkan kaum keluarganya ke tempat lain bagi membolehkan lombongnya dibangunkan, Encik Muhammad sebenarnya penindas yang amat kejam. Dia bersikap kejam terhadap abangnya Haji Mahmud, tetapi kekejaman itu dilindungi dengan usahanya yang lain sehingga abangnya mendapat gelaran Datuk Indera. Encik Muhammad bersikap baik dengan Encik Muhd. Yusuf sehingga secara tidak sedar wakil rakyat itu diperalatkan untuk kepentingan dirinya. Encik Muhammad benar-benar mengeksplotkan watak Sudin, anak Imam Saad, sehingga akhirnya Sudin berkahwin dengan Gayah. Encik Muhammad membelanjakan segala urusan perkahwinan itu untuk memperlihatkan ketinggian budinya, padahal yang sebenar tersembunyi di sebalik budi itu ialah hasrat kerakusannya untuk memperalat manusia kerdil itu. Encik Muhammad bersikap kejam terhadap Tuk Empat Dahlan, penghulu Kampung Pulai, sehingga penghulu itu pun dipindahkan juga dari kampung halamannya. Encik Muhammad menjinakkan samseng-samseng kampung seperti Mat Akil dan konco-konconya, dan akhirnya samseng-samseng itu disuap dengan kenyangnya dan terus diperalatkan untuk kepentingan dirinya. Encik Muhammad memperalatkan juga Jahid, anak saudaranya; Salim, tuan kedai di Kampung Pulai; malah Syarifah Mahani, anak Tan Sri Syed Aris, yang menjadi semacam setiausaha kepada Encik Muhammad itu pun dieksplot sebanyak mungkin demi mempertahankan kapitalisme-

individualisme yang mendasari kehidupannya.

Dalam novel ini Keris Mas amat jelas mempertahankan penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian. Dianggapnya natijah daripada penyertaan itu akan lahirlah wira-wira bangsa yang baru dalam masyarakat Melayu; berlainan daripada wira-wira dahulu kala yang gagah perkasa dan tampan susuk tubuhnya, ataupun wira-wira rasa yang banyak terawang, romantis dan banyak terbang di angkasa dengan khayalan dan mimpi yang lunak-lunak.

Namun, Keris Mas tidak pula bercita-cita mengintegrasikan wira kapitalisme bumiputera ini dengan wira individualisme bumiputera, kerana individualisme dengan sendirinya adalah kontra dengan tamadun Melayu, dengan hasrat dan cita-cita bangsa. Individualisme akan melahirkan peribadi satu dimensi (*one dimensional man*). Segala-galanya bersifat kesendirian dan terhakislah nilai dan norma murni masyarakat Melayu yang bertunggakkan konsep ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni; hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

Wira baru bumiputera yang berdimensi satu ini akan menjadi bukan bersifat kemelayuan lagi, tetapi asing daripada akar tunjangnya. Wira ini mungkin menjadi jutawan segera tetapi merupakan jutawan yang benar-benar *self-centred*. Mereka akan menyusun plot dan merangka strategi tanpa paras maksimumnya, tanpa memperhitung sebarang nilai murni selain hanya untuk bolotan hawa nafsunya sendiri seperti yang diwakili oleh watak Encik Muhammad dalam novel *SBDKL* ini. Mereka akan memperguna segala-galanya yang terjangkau untuk kepentingan diri semata-mata dan ini termasuk isteri, anak-pinak dan kaum keluarganya. Mereka sanggup berasuah dan menyelewengkan wang serta kuasa hak milik sesiapa sahaja untuk kepentingan diri mereka sendiri. Wira jenis ini tidak akan ada sebarang rasa segan silu dan malu. Seperti wira Encik Muhammad dalam *SBDKL* mempergunakan segala taktik dan strategi untuk merealisasi kedirian

dalam sahsiah kapitalis-individualis ini. Peribadi wira seperti Encik Muhammad ini memang sekali imbas nam-pak begitu mesra, halus, bersopan dan berakhhlak tinggi serta amat suka menolong orang lain; tetapi peribadi ini asing dan tersisih daripada tamadun Melayu, peribadi lain daripada yang lain; bukan peribadi Melayu yang mengenal dirinya sendiri yang berakar umbi pada tradisi dan agama. Peribadi wira seumpama ini daripada acuan lain, iaitu acuan kapitalisme-individualisme.

Dalam hubungan dengan anggota masyarakat, peri-badi wira Melayu baru seperti Encik Muhammad ini men-cripta suatu macam institusi pengabdian bentuk baru dan peribadi itu tegak sebagai tuannya. Dalam konteks *SBDKL* ini, meskipun kelihatan begitu bersopan, halus dan mesra, wira Melayu baru dalam peribadi Encik Muhammad adalah tuan kepada abangnya Mahmud; tuan kepada bakal menantunya Mahani; tuan kepada Sudin, suami anak sau-daranya Gayah; malah tuan kepada Wakil Rakyat Muhd. Yusuf. Dalam hubungan ini ternyata lagi wira baru ini pun abdi kepada sistem kapitalisme-individualisme yang dianutinya. Kepentingan diri sendiri menjadi matlamat perjuangannya dengan menafikan hak dan perasaan orang lain. Dalam sepucuk surat kepada Mahani, Rahim menulis tentang ayahnya, Encik Muhammad: "Ayah memang punya sifat semula jadi untuk selalu berlaku tidak patut dan tidak adil. Dia tidak tahu menimbang hati orang lain, kecuali berpura-pura. Yang diketahuinya ialah menimbang hati dan memuaskan nafsu kekayaan-nya sendiri." (*SBDKL*, hlm. 157). Dan dalam satu peristiwa yang lain, Rahim menulis kepada ayah dan emaknya demikian:

Ayah dan emak tidak usah berpura-pura dengan Rahim. Tak ada gunanya. Rahim tahu ayah menjadi salah seorang tenaga yang penting dalam proses pembangunan ekonomi orang Melayu walaupun ayah hanya berfikir untuk mencari kekayaan bagi kepentingan ayah saja. Orang-orang macam ayah sudah banyak jum-

Iahnya dalam negeri kita sekarang. Makin banyak orang macam ayah makin berjaya dan lekas berjaya rancangan pembangunan ekonomi orang Melayu. Ayah dan emak percayakah itu? Apa ayah fikir menyingkirkan beratus-ratus orang kampung yang tidak berdaya dari kampung halaman mereka seperti di Kampung Pulai itu merupakan satu langkah pembangunan ekonomi orang Melayu. Yang pastinya ia merupakan satu penganiayaan dan penzaliman terhadap orang-orang kampung yang miskin dan tidak berdaya.

(SBDKL, hlm. 217)

Demikian kapitalisme-individualisme yang menjadi tesis dan landasan bermulanya novel Keris Mas; suatu tesis yang *real*, yang menukarkan wajah wira Melayu daripada yang lama kepada wajah yang baru. Keris Mas, dalam beberapa hal, menerima konsep wira Melayu yang berpremisan kapitalisme ini asalkan sistem itu tidak pula berkapukan dengan sistem individualisme. Keris secara terus terang menolak individualisme sebagai ciri yang membentuk wira Melayu baru ini, kerana individualisme bukan sahaja asing dengan tamadun Melayu dan agama, malah memperlihat kekejaman dan ketidakadilan akan berterusan. Lalu Keris Mas memberi antitesis kepada tesisnya itu. Pada mulanya antitesis ini hanya diterapkan melalui watak Rahim. Rahim dihantar oleh ayahnya ke London untuk melanjutkan pelajaran di sana, tetapi Rahim berkembang menjadi idealis, mewakili golongan intelek yang lebih berdasarkan rasionaliti. Dia mementingkan kemanusiaan dalam penentuan hidupnya. Dia menjadi berani kerana benar dan berjuang untuk menegakkan kebenaran yang diyakininya itu. Meskipun dalam tindak-tanduk Rahim itu tidak menyebut istilah-istilah Islam tetapi banyak ciri keislaman yang menjadi dasar perjuangannya. Dia anti kekejaman, kezaliman dan ketidakadilan seperti yang diperjuangkan oleh ayahnya. Dalam surat-suratnya kepada Mahani, kekasihnya yang kebetulan pula bertugas sebagai setiausaha kepada

ayahnya, Rahim mengkritik secara berterus terang tentang ayahnya yang berwajah kapitalis-individualisme. Beliau sebenarnya menyokong pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Dia menyokong ayahnya untuk menubuhkan syarikat lombong bagi memajukan orang Melayu dan untuk melahirkan usahawan baru, tetapi bukan berlandaskan kapitalisme-individualisme seperti yang diperjuangkan oleh ayahnya. Rahim lebih cenderung kepada sosialisme yang anti kezaliman dan penganiayaan serta memperjuang kesama-rataan dalam pembahagian kekayaan. Padanya rakyat dan golongan bawahan perlu diberi hak yang sama, dan dia menentang eksplorasi yang kejam seperti yang dilaksanakan oleh ayahnya sendiri. Keris Mas menonjolkan watak Rahim sebagai alternatif yang lebih bermakna dan diyakininya patut menjadi wira Melayu yang lahir dari-pada generasi baru. Sebagai wira Melayu daripada generasi yang baru, Rahim bukan sahaja berilmu malah benar-benar mengenali dirinya sebagai orang Melayu yang agresif, adil, dan saksama. Dia gigih memperkatakan tentang nasib bangsanya dan berani mengeluarkan pandangan-pandangan yang bernas meskipun menyakiti kedua-dua orang tuanya yang jelas ditentangnya. Penentangan Rahim terhadap ayah dan ibunya bukan ala Tenggang yang mengasari ibunya, tetapi lebih kepada penentangan terhadap fahaman-fahaman yang dianuti ayah. Rahim tetap menghormati mereka sebagai ayah dan ibu, dan berdoa agar ayahnya masih boleh berubah sikap kapitalis-individualisnya.

Dalam novel ini didapati Keris Mas mencipta wira Melayu yang sebenar melalui watak Rahim. Cara Keris Mas membentuk wira Melayu baru ini agak menarik. Beliau menggunakan cara epistolasi, iaitu satu teknik memperkenalkan perwatakan melalui surat. Dengan cara begini perasaan ibu bapa dijaganya. Surat-surat itu datang dari luar negara, iaitu dari London, sebuah kota besar dunia yang melambangkan kemajuan sains dan teknologi.

Rahim sebagai wira baru Melayu berada di tengah-tengah Kota London, mengaut ilmu untuk kepentingan bangsa dan negaranya; bukan untuk kepentingan diri seperti yang menjadi landasan kehidupan ayahnya. Rahim hanya sementara di luar negara, kerana hasratnya meluap-luap untuk pulang membawa idea-idea baru yang lebih beras untuk bangsa dan negaranya. Akhirnya dia pulang sebagai penawar dan penyelesai masalah yang membelenggu bangsanya sendiri. Dia berkahwin dengan Mahani yang akur dengan falsafah hidupnya.

Jelas di sini Keris Mas membentuk wira baru Melayu melalui peribadi Rahim dengan suatu proses konvensi yang menjadi akar kepada bangsa Melayu. Rahim dikeluarkan dari tanah airnya untuk mengembara; tetapi bukan mengembara seperti para watak romantis dalam penglipur lara. Rahim dikeluarkan untuk mencari ilmu yang selaras dengan kemajuan kemanusiaan itu sendiri; kerana ilmu itulah kelak yang akan membijaksanakan dirinya, dan dia pulang membawa kebijaksanaan itu.

Untuk memperjelas lagi idealisme tentang wira Melayu baru ini, Keris Mas tidak sahaja melahirkan Rahim, malah watak lain supaya watak itu menyepadukan dirinya dengan watak Rahim dan lahirlah watak wira Melayu yang sebenar seperti yang dikehendakinya. Watak lain itu ialah Lebai Maarup. Lebai Maarup ini hanya seorang lebai, berkelulusan tahap SPM sahaja, tetapi beliau tahu tentang agama secara mendalam sekali. Liberalisme agama yang dianuti Lebai Maarup sebenarnya liberalisme Islam yang selama ini dipegang oleh Keris Mas sendiri. Seorang lebai yang memperjuangkan fahaman Islam yang telah dirintis oleh Muhammad Abduh, Sheikh Jamaluddin al-Afghani, dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Tokoh-tokoh agama ini lebih terkenal di negara kita sebagai tokoh yang membawa fahaman Kaum Muda, dan demikian watak Lebai Maarup yang dilukis oleh Keris Mas. Lebai Maarup membekali dirinya dengan kefahaman Islam yang liberal. Lebai Maarup mengenali diri, status dirinya, tanggungjawab diri

dan keupayaan dirinya. Setiap tindakan yang diambil dalam kehidupannya dia memperhitungkan ketuhanan dan kemanusiaan secara perinci. Untuk rancangan membangunkan Kampung Pulai, Lebai Maarup rela mewakafkan tanahnya dua ekar untuk didirikan sebuah kompleks kemudahan dan juga sebuah surau.

Sikap Lebai Maarup seumpama ini pada mulanya ditentang habis-habisan oleh Encik Muhammad; malah Lebai Maarup diseksa, dipukul oleh orang-orang upahan Encik Muhammad, dan akhirnya dimasukkan ke hospital.

Demikian watak Rahim dan watak Lebai Maarup yang dicipta Keris Mas sebagai antitesis kepada watak Encik Muhammad yang menjadi tesis. Pada Keris Mas, Encik Muhammad sebagai wira Melayu baru perlu dihapuskan, dan digantikan oleh suatu kesepaduan antara watak Rahim dan watak Lebai Maarup yang melambangkan keilmuan, kemanusiaan yang tinggi dan Islam yang sebenar. Hal inilah akhirnya menjadi sintesis kepada teori Keris Mas melalui novelnya ini. Inilah juga ciri-ciri wira Melayu baru yang sebenar seperti yang terpendam dalam diri Keris Mas.

Dalam sintesis ini integrasi antara kerahiman dan kemaarufan adalah kesepaduan yang menjurus kepada kelahiran wira Melayu baru yang sebenar. Kesepaduan antara kedua-duanya melambangkan suatu jenis kepimpinan Melayu yang ideal, suatu idealisme wira Melayu yang diperlukan sangat sekarang untuk membawa bangsa Melayu ke arah kecemerlangan kehidupan dalam segala aspek dan dalam erti kata yang sebenar, baik di dunia maupun di akhirat kelak.

Manusia Berkepentingan dalam *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

ABDULLAH TAHIR

APABILA membicarakan hasil karya sastera, saya lebih gemar melihat sesebuah karya sastera sebagai karya *per se* tanpa banyak melibatkan biografi atau latar belakang pengarangnya. Sebuah karya sastera mestilah bulat dan mempunyai *organic unity*. Dengan demikian saya lebih cenderung memperincikan sesebuah karya dengan mengambil salah satu daripada banyak aspek yang terdapat dalam *organic unity* itu. Lagipun saya selalu mengamalkan disiplin kritikan bahawa ia boleh melahirkan karangan yang bukan catatan laporan, ia biarlah bersifat menganalisis atau menghuraikan, terutamanya memperkatakan satu-satu aspek tertentu, menyelesaikan apa yang disebut sebagai masalah kritikan (*critical problem*), dan menggunakan pendekatan apa dan bagaimana?

Dengan pendirian seperti ini maka dalam perbincangan ini saya memilih aspek watak dan perwatakan, kerana saya lihat aspek inilah yang terkuat dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)* ini. Dan, *discourse* yang akan saya lalui ialah melihat manusia berkepentingan dalam novel ini.

(ii)

"Sunyi sepi. Masing-masing memandang ke depan, ke

dunia baru yang akan bermula."

Demikian saya petik ayat terakhir yang menyimpulkan cerita dalam novel karya terbaru Keris Mas sesudah menerima Anugerah Sastera Negara, dan memakan ruang yang agak panjang – 365 halaman. Ayat akhir ini tidak menunjukkan optimis maupun pesimis, kerana sebagai dunia baru yang bermula, ia tentunya akan mengalami pelbagai kemungkinan. Ayat ini hanya menyelesaikan masalah Encik Muhammad dan Syarikat Lombong Lembah Tualangnya (SLLT), membereskan kerja Sudin, meneangkan perasaan nostalgia Imam Saad, menyampaikan hasrat murni Lebai Maarup, dan lebih daripada itu menguatkan lagi kedudukan kuasa politik Yang Berhormat Encik Muhd. Yusuf. Ayat ini sekira-kira dapat menyelesaikan masalah manusia yang berkepentingan termasuk juga Mahani dan Rahim, anak hartawan Encik Muhammad sendiri.

Keris Mas sangat ghairah hendak mengemukakan sebuah cerita yang melibatkan tiga generasi manusia dan cukup bertalian dengan persoalan hidup orang Melayu semasa, khasnya dalam hubungan dengan dunia perniagaan dan perdagangan dengan *constraint* lainnya seperti sikap, masalah dakwah dan penerimaan masyarakat terhadap projek-projek kerajaan, dan dalam novel ini khasnya projek FELDA. Ketiga-tiga generasi yang saya maksudkan itu ialah pertama, generasi orang tua Encik Muhammad dan Datuk Tan, iaitu Orang Kaya Indera Datuk Idris, anak Orang Kaya Indera Datuk Muhammad Saman. Riwayat hidup orang besar ini telah diselidiki oleh seorang profesor di sebuah universiti, dan riwayat hidup orang besar ini pula dipelajari oleh Datuk Chong Seng-Katanya, "Saya sedang membaca riwayat hidup seorang besar, dan saya sedang memikirkan bagaimana hendak menjadikan anak orang besar ini sekarang menjadi orang besar juga."

Generasi kedua dan ketigalah yang paling banyak terlibat dalam sepanjang jalinan pergerakan cerita. Generasi

kedua secara mudah terdiri daripada orang-orang seperti Mahmud (kemudian bergelar Orang Kaya Indera Datuk Mahmud), Encik Muhammad, Datuk Tan, Tan Sri Syed Aris, Yang Berhormat Muhd. Yusuf, Imam Saad, Pak Salim, dan Tuk Empat Dahlan. Kesemua manusia ini mempunyai kepentingan dalam lingkungan kegiatan sendiri-sendiri.

Generasi ketiga pula terdiri daripada orang-orang muda lingkungan umur 20-30 tahun seperti Rahim, Robert, Jahid, Syarifah Mahani, Sudin, Sani, Lebai Maarup, Jamaluddin, Mat Akil, Kasim, Kemat Jerangkung, dan Muhammad Alif.

Cerita dan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh tokoh-tokoh generasi pertama dibataskan demikian rupa oleh Keris Mas, dan hal ini amat wajar kerana cerita mereka itu berfungsi sebagai latar sejarah sahaja bagi memperjelas lagi peristiwa-peristiwa yang lebih penting yang dialami oleh watak-watak generasi kedua dan ketiga.

Nampaknya dalam mencapai kepentingan masing-masing manusia generasi kedua (peringkat ayah) lebih lihai daripada pemikiran generasi ketiga yang rata-rata tanpa sedar telah menjadi alat; alat kepada tokoh empat serangkai - Encik Muhammad, Datuk Tan, Tan Sri Syed Aris, dan Yang Berhormat Muhd. Yusuf. Malah antara keempat-empat orang itu pula ada yang menjadi 'alat', seperti Yang Berhormat Encik Muhd. Yusuf, yang sanggup menjadi alat SLLT kerana berkepentingan untuk menunjukkan kepada rakyat sekitar wilayah Tualang yang atas jasa baik beliaulah orang-orang Kampung Pulai dapat menyertai projek FELDA yang dirancangkan itu. Kita kurang pasti adakah Encik Muhammad menjadi 'alat' kepada Datuk Tan, tetapi yang pasti Datuk Mahmud (saudara tua Encik Muhammad) menjadi pak turut kepada kehendak adiknya yang dikatakan Saudagar Besar dari Kuala Lumpur itu. Pintarnya Encik Muhammad 'mempermainkan' saudara kandungnya sendiri sehingga sanggup berjuang dan berikhtiar mendapatkan gelar Orang Kaya Indera, dan kemudian berjaya pula meng-

gagalkan rancangan usahasama abangnya dengan Tauke Chan hendak mengusahakan projek perumahan di atas tanah pusakanya.

Suatu persoalan yang agak menarik, nampaknya, dalam dunia perdagangan dan perniagaan dalam konteks Malaysia, Keris Mas semacam merasakan bahawa dunia tersebut bagaikan hutan rimba bagi orang Melayu, seperti kancil melawan harimau; tetapi kancil tetap juga berbaik-baik dengan harimau kerana bagi Encik Muhammad, kancil dan harimau itu bukan musuh tetapi lawan dan orang berlawanan tidak semestinya bermusuhan (hlm. 69).

Demikianlah pada pengalaman Encik Muhammad, berkongsi dengan harimau – tidak kira harimau itu Cina, India atau Melayu sendiri – memang banyak bahayanya, banyak tipu helahnya. Kod moral dalam dunia dagang sangat kuat, tetapi sangat runcing seperti hujung jarum. Istilah menipu, mempermatakan, membohong, berpur-pura dan sebagainya itu boleh ditafsirkan begitu halus dan runcing sehingga kadang-kadang tidak masuk akal, tetapi memang ada batasnya sampai seruncing mana baru dapat dikatakan melanggar kod moral itu. Demikianlah pada tanggapan Keris Mas, kalau kita berkongsi dengan harimau maka kita sepatutnya menjadi kancil. Jangan menjadi harimau juga, apatah lagi menjadi gajah atau buaya.

Istilah yang saya sering dengar diucapkan oleh teman-teman ahli perniagaan ialah "perang, kita perang!" Yang saya dapat mengertikan 'perang' dalam perniagaan itu ialah kita bersungguh-sungguh; jika tidak kita kalah; dan dalam perang kalau kalah mungkin kita tertawan atau kita terbunuh. Bagi saya, kalau orang Melayu ingin maju dan berjaya dalam perniagaan, mereka mestilah menjadi seperti kucing yang hendak menangkap tikus – matanya bulat, kaki yang melangkah tidak kedengaran, tiba-tiba secepat kilat tikus dapat ditangkap, tepat pada bahagian lehernya!

Dalam keadaan seperti itu, dalam dunia dagang khususnya, maka tidak hairanlah segala tindakan dibuat atas dasar berkepentingan sendiri. Datuk Tan sebagai kongsi Encik Muhammad dalam Firma Serba Dagang Internasional, atau Ladang dan Perusahaan Lada Muhammad dan Tan, atau Syarikat Lombong Lembah Tualang – yang kesemuanya anak Syarikat Tan Enterprise – jelas sekali terlihat tidak mengambil kira kecekapan Encik Muhammad menguruskan semua syarikat itu, tetapi kerana Encik Muhammad mempunyai sesuatu yang bagi Datuk Tan amat berkepentingan dalam memajukan lagi perniagaannya.

Demikianlah secara nyata dapat dipastikan apabila Datuk Tan sendiri pernah menyatakan kepada isterinya sebagai berikut; "Kalau Encik Muhammad menjadi Orang Kaya Indera sudah tentu dia juga akan menjadi kongsi kita yang penting untuk mendapatkan konsesi tanah lombong dalam wilayah itu." Dengan adanya kepentingan seperti inilah kata-kata "zaman ini seperti zaman datuk nenek dahulu juga, perniagaan dan perusahaan akan lebih terjamin kalau ada persefahaman antara orang Melayu dengan orang Cina" menjadi suatu helah belaka. Nampaknya sepanjang-panjang pengurusan perniagaan antara Encik Muhammad dan Datuk Tan, secara tidak langsung Encik Muhammad menjadi 'alat' Datuk Tan dari awal hingga akhir seperti Datuk Mahmud menjadi alat adiknya Encik Muhammad dari awal hingga akhir atau seperti Yang Berhormat, Sani Sudin, Imam Saad, Tuk Empat Dahlam dan Mat Akil menjadi 'alat' kepada 'alat' Encik Muhammad dari awal hingga akhir.

Ada beberapa perkara yang amat menarik diteliti daripada aspek watak dan perwatakan, terutamanya tingkah laku dan perangai serta cara berfikir dan bertindak manusia yang saya anggap berkepentingan yang menjiwai, menggerak dan menghidupkan jalinan cerita dalam novel ini. Pembaca kerap sekali dapat mengenali watak Encik Muhammad melalui surat-surat daripada

Rahim kepada Mahani, melalui lamunan atau ingatan Encik Muhammad sendiri, dan juga melalui pelukisan secara langsung oleh pengarang yang lebih banyak menggunakan sudut pandangan serba tahu.

Pada anggapan Rahim, ayahnya (Encik Muhammad) orang yang pura-pura, selalu bersikap tidak adil, dan hanya ingin memuaskan nafsu kekayaannya sendiri. Pandangan ini bertambah jelas apabila secara berani Rahim menulis kepada Mahani yang menjadi setiausaha ayahnya, dan akhirnya menjadi isterinya. Begini pandangan Rahim terhadap ayahnya, "Ayah memang punya sifat semula jadi untuk selalu berlaku tidak patut dan tidak adil. Dia tidak pernah tahu menimbang hati orang, kecuali berpura-pura. Yang diketahuinya ialah menimbang hati dan memuaskan nafsu kekayaannya sendiri." (Hlm. 157)

Pada suatu ketika yang lain Rahim menganggap ayahnya sebagai berikut: "Mereka itu adalah pelopor generasi yang menjadi alat pembangunan Malaysia. Oleh sebab itu mereka amat kuat. Kita adalah tergolong dalam generasi ini yang pada hemat mereka akan menjadi *motto* cita-cita dan perjuangan mereka. Tetapi sebenarnya kita, aku dan engkau, adalah generasi akan datang yang terpencil dari golongannya sendiri." (Hlm. 211)

Rahim dapat membaca tingkah laku dan kegiatan serta tindakan ayahnya seperti membaca buku bergambar. Rahim sama sekali tidak menolak ayahnya sebagai orang baik, warak dengan caranya sendiri, tetapi tidak mungkin dia sedar bahawa dia sedang meruntuhkan kemanusiaan dan segala yang murni daripada kemanusiaan bangsanya kerana niatnya memang baik. Tetapi, Encik Muhammad lahir daripada pemikiran Barat seratus peratus walaupun dia ingin memaju dan menolong bangsanya sendiri. Dia menganut individualisme Barat yang tulen dan ulung. Itulah kesilapannya. Individualisme Barat melahirkan hukum masyarakat dan kemanusiaan yang sebahagianya amat buruk, yang hanya akan ada kasih sayang sesama manusia selama kepentingan dan tujuannya

terjamin dan kepentingan begini tidak lebih banyak menuju kepada sebuah peradaban kebendaan semata-mata.

Ada konflik yang melebarkan jurang antara dua generasi ini. Bagi Rahim, dia melihat hidup dan kehidupan masa depan generasinya lain sama sekali. Meskipun dia bukanlah orang idealis yang romantik, tetapi dia orang rasional yang praktikal. Sebetulnya dia bukan menentang pembangunan, tetapi secara praktis dia menentang apabila melihat adanya kebodohan manusia yang akan memusnahkan kemanusiaan. Sikap ini terpancar dengan jelas apabila Rahim mendapat khabar ayahnya hendak menghalau kesemua orang Kampung Pulai ke rancangan FELDA dan hendak jadikan tanah kampung itu sebagai tempat melombong bijih oleh SLTT yang dimiliki oleh ayahnya dan Datuk Tan.

Dalam mencapai cita-citanya yang berkepentingan sendiri itu ternyata pandangan dan sikap Rahim cukup mencabar kewibawaannya sebagai pedagang Melayu yang sedang meningkat maju. Sebagai orang yang berpengalaman bagi mencapai kepentingannya itu dia boleh melakukan apa sahaja, kuasa wang akan menundukkan siapa sahaja baik yang jahat, yang warak, mahupun yang cerdik.

Dengan memperalatkan Sudin, dia bisa menarik Yang Berhormat Muhd. Yusuf menjadi 'alat'nya apabila wakil rakyat itu termakan umpan Sudin yang berkata, "Yang Berhormat tidak usah bimbang, Yang Berhormat tidak akan terlibat sebesar rambut pun dalam rancangan ini. Saya sendiri sahaja yang bergerak diam-diam. Sebaliknya Yang Berhormat akan mengambil kesempatan nanti sebagai orang tengah untuk mencari penyelesaian. Dengan cara itu Yang Berhormat ada peluang memasukkan jarum yang menguntungkan rancangan kita dengan Tauke Chan di samping mendapat kehormatan dari kedua pihak." (Hlm. 59)

Sewaktu memperdaya Yang Berhormat Muhd. Yusuf,

Sudin menjadi broker Tauke Chan; tetapi sewaktu dia terperangkap oleh Encik Muhammad yang menjodohkan anak saudaranya Gayah dengan Sudin, Sudin menjadi budak suruhan Encik Muhammad yang bertungku-lumus mempengaruhi orang Kampung Pulai supaya bersedia menjualkan tanah mereka di Kampung Pulai itu kepada SLTT. Dengan bantuan Jahid dan nasihat Encik Muhammad, Sudin berjuang bermati-matian diperalatkan Pak Salim, ayahnya Imam Saad, Tuk Empat Dahlam, Mat Akil (meskipun Mat Akil pernah memusuhi dan memukul kepalanya kerana Gayah), Sani dan juga Yang Berhormat; untuk melancarkan berbagai-bagai helah agar rancangan pak sunya itu berjaya.

Malah sebahagian daripada sebab Sudin mengahwini Gayah juga kerana berkepentingan hendak berteduh di bawah payungkekayaan Encik Muhammad; dengan Encik Muhammad sendiri juga berkepentingan kerana apabila dia berjaya menjodohkan Sudin dengan Gayah maka 'konflik lama' antara keluarganya dengan keluarga Imam Saad akan pupus dan dapatlah beliau memperalatkan Imam Saad untuk menjayakan cita-citanya itu.

Betapa pintar dan *subtlenya* Encik Muhammad memperdayakan Imam Saad dan Tuk Empat Dahlam. Dengan pengaruh dua orang terpenting di Kampung Pulai dia mengharapkan seluruh orang kampung itu (pemilik tanah yang bakal dilombong) akan menjualkan tanah mereka kepada SLTT dengan segala senang hati. Pendeknya, selain amat cekap dalam menguruskan perdagangannya Encik Muhammad juga berjaya menjadi tokoh "*the hidden persuader*" – suatu kepandaian yang hanya bisa dicapai melalui pengalaman.

Oleh pengarang dilukiskan watak Encik Muhammad sebagai manusia yang hidup terapung-apung di awanan kebaikan dan di atas buih kejahatan. Dia dikatakan warak dan selalu sembahyang dan berwirid selepas solat, tetapi pada waktu yang lain sejarah hidupnya amat hitam. Hal ini dapat disaksikan dengan amat nyata; pertama kisah-

nya dengan Mary, bekas setiausahaanya, apabila Mary pernah mengajarnya semacam satu cara hidup yang amat manis – "segala ketegangan urat saraf, segala kekusutan dan kelesuan hilang beransur-ansur seperti angin yang menghilang dengan halus dan lembut. Malah dia sering melupakan Cik Puan Tipah isterinya yang gagah dan berwibawa itu!"

Sebahagian besar hidup usia mudanya bergejolak di atas apungan gelodak buih hitam. Dia pernah menyebabkan orang lain masuk penjara. Dia pernah menyebabkan saudagar-saudagar kecil kehilangan perniagaan semata-mata tidak mematuhi kontrak atau menyusahkan perkembangan dagang majikan Inggeris di tempat dia berkhidmat sebelumnya. Dia pernah tercebur di lembah kemaksiatan – pernah minum arak, berzina, menipu, menganiaya orang.

Watak Encik Muhammad yang berupa manusia berkepentingan nombor wahid ini tidak sekadar berani berhadapan dengan apa sahaja cabaran, malah cerdik dan pandai memasang perangkap dan menjerumuskan lawan ke dalam perangkapnya. Anehnya orang tidak pernah tahu di mana dan bagaimana Encik Muhammad menahan perangkapnya. Itulah kepintaran yang perlu dimiliki oleh seorang ahli dagang, kononnya. Dia belum pernah kelihatan, pada mata umum, menjalankan apa jua taktik kotor. Sebab, dia menjalankan taktik baik hati dan pemurah, baik dalam taktiknya menawan hati orang Kampung Pulai yang sebahagiannya adalah anak buahnya sendiri, baik dalam membantu Yang Berhormat Muhd. Yusuf untuk menyelamatkan orang Kampung Pulai. Selain itu, yang membawa kejayaannya dalam dunia dagang ialah sikapnya yang tegas dengan konsep hidup berniaganya. Baginya, "berniaga dan berusaha tidak boleh dicampuradukkan dengan segala macam dan segala bentuk sentimen dan emosi." (Hlm. 183)

Nampaknya kelihaihan, kecekapan, kehalusan cara yang dilakukan oleh Encik Muhammad sedikit sebanyak

dapat dipelajari oleh Sudin dan diamalkan untuk kepentingannya sendiri. Sejak semula Sudin dan Gayah tidak berminat menyertai rancangan FELDA bersama orang-orang dari Kampung Pulai. Maka itu Sudin bersungguh-sungguh benar menjayakan projek Pak sunya itu. Dia berjaya memiliki Gayah sesudah terlantar di rumah sakit dipukul oleh Mat Akil. Meskipun Sudin kemudianya berjaya memperalatkan Mat Akil dan kawan-kawannya, tetapi masih berdendam dengan Mat Akil dan menggunakan Kemat Jerangkung untuk memerangkap Mat Akil. Mat Akil yang dalam baik-baik dengan Sudin dan bekerja kerana kepentingan untuk mendapatkan wang itu sesungguhnya berhasrat merebut Gayah daripada Sudin. Sebab itu, suatu waktu Mat Akil pernah berkata kepada hatinya sendiri, "Waktu itu tibalah masanya membalaik hati. Dia mesti memperoleh Gayah walaupun sekali sahaja untuk selama hidupnya." Tetapi, ternyata akhirnya Sudin lebih *lihai* dan cekap apabila dalam peristiwa pergaduhan Mat Akil dengan Lebai Maarup di surau, Mat Akil dan kawan-kawannya diberkas oleh pihak mata-mata gelap. Tentulah itu urusan Kemat Jerangkung yang sering menjadi *informer*. Sudin berpura-pura berjanji dengan Mat Akil akan mencari seorang *lawyer* untuknya dalam perbicaraan di mahkamah nanti. Tetapi, Sudin sendiri sudah tahu Mat Akil dan kawan-kawannya pasti akan meringkuk di dalam penjara; dan lebih pada penggunaan *lawyer* juga untuk kepentingan pak sunya agar jangan sampai terbongkar bahawa perselisihan dan punca pergaduhan tersebut ada hubungannya dengan proses membeli tanah Kampung Pulai oleh SLT.

Kita tidak berapa pasti apa sebenarnya kepentingan Tan Sri Syed Aris dalam hubungannya dengan dunia dagang Encik Muhammad itu. Tan Sri Syed Aris cuma diketahui sebagai teman akrab Encik Muhammad, yang kemudian merelakan anak gadisnya Mahani menjadi setiausaha Encik Muhammad. Mahani ialah anaknya dengan Syarifah Naemah yang mati ketika melahirkan

Mahani, dan kemudian Encik Muhammad berkahwin pula dengan Syarifah Mu'inah, adik kandungan Syarifah Naemah. Mahani sendiri tidak pernah tahu bahawa dia bukan anak kandungan Syarifah Mu'inah. Pembaca tidak dapat memastikan bahawa Tan Sri Syed Aris menjadi *partner* atau *sleeping partner* Encik Muhammad dalam perniagaan sama ada dalam Firma Serba Dagang Internasional ataupun dalam SLLT. Yang nyata kepentingannya ialah inginkan anaknya itu bersuamikan Rahim, anak Encik Muhammad yang sedang menuntut di London. Keinginan itu lebih nyata jika dilihat pada hasrat Syarifah Mu'inah, isteri Tan Sri Syed Aris.

Satu-satunya manusia yang tidak berkepentingan dalam novel ini ialah Lebai Maarup. Dia sanggup mewakafkan tanahnya seluas hampir dua ekar, dan hal itu memeningkan Encik Muhammad. Tetapi, akhirnya, dengan kebijaksanaan Sudin dan Mahani menerangkan kepada Rahim kedudukan sebenar tentang Lebai Maarup itu, Encik Muhammad terpaksa juga tunduk kepada kehendak Rahim yang selari dengan kehendak Lebai Maarup – tanah Lebai Maarup dan Imam Saad dijadikan tapak kompleks SLLT. Konflik yang berlarut-larutan itu pun akhirnya selesai di situ.

Dilihat daripada tingkah laku dan berbagai-bagai kerena manusia yang berkepentingan itu apakah hasrat sebenar Keris Mas dalam hubungan motif atau persoalan penting yang menjiwai seluruh novel *SBDKL* ini? Suatu hal yang terpuji, bagi saya, ialah penerokaan Keris Mas dalam bidang dunia dagang orang Melayu yang sebelum ini belum pernah dibuat oleh mana-mana novelis Melayu. Maksud saya peneropongan mendalam pergolakan yang dialami oleh pengusaha atau ahli perniagaan Melayu seperti yang dide dahkan dalam novel ini adalah suatu kerja yang amat sulit apalagi Keris Mas sendiri tidak pernah terlibat dalam dunia dagang. Namun, saya percaya, Keris Mas mempunyai ramai sahabat yang berdagang dan sudah tentu berkesempatan bertukar-tukar fikiran dengan mereka.

Persoalan bagaimana pedagang-pedagang besar Melayu memajukan perusahaan mereka, terpaksa menyelesaikan berbagai-bagai masalah termasuk masalah peribadi, masalah kongsi niaga, dan berdepan dengan orang-orang kampung yang buta niaga seperti terpancar dalam novel ini sesungguhnya baharu merupakan secebis daripada dunia perniagaan orang Melayu. Malah persoalan dan konflik yang terdapat dalam novel ini masih pada tahap luaran jika kita meneropongi hakikat dan masalah sebenar yang sedang dan akan dialami oleh usahawan-usahawan Melayu. Masih terlalu banyak lagi persoalan lain yang sedang mencengkam leher peniaga-peniaga Melayu; antaranya seperti kesulitan mendapatkan pinjaman bagi meluaskan perniagaan, masalah persaingan dengan peniaga bukan Melayu yang sudah *established* dan menguasai ekonomi negara ini, masalah sikap, masalah kemahiran dan ilmu perniagaan, berniaga secara hidup segan mati tak mahu, atau barangkali kita menerokai kisah hidup jutawan Melayu itu sendiri yang sudah menjadi gergasi dalam dunia dagangnya.

Dalam hubungannya dengan novel *SBDKL* (sebenarnya dari Wilayah Tualang, kerana Encik Muhammad asalnya anak Wilayah Tualang), hal yang agak menarik ialah ia mencakupi persoalan hidup dan kehidupan kelompok manusia kota yang sangat terbuka pemikiran mereka dan sangat *sophisticated* keadaan sosial mereka dan juga dibentangkan pergolakan hidup di desa yang manusianya berada dalam serba kekurangan dan terlalu mengharapkan bantuan serta duduk di bawah payung orang yang lebih berwibawa tetapi mempunyai sikap, pendirian dan usaha yang sendiri-sendiri. Gambaran kehidupan desa dengan berbagai-bagai persoalannya seperti yang didedahkan oleh Keris Mas cukup menarik; sehingga kadangkala terasa persoalan mereka itu menenggelami persoalan dunia dagang yang sebenar.

Pada mulanya, sewaktu membaca sebahagian novel ini di *Mingguan Malaysia* sebanyak 34 siri, saya meng-

harapkan Keris Mas akan lebih menumpukan kepada persoalan dunia dagang Melayu yang lebih serius daripada sekadar konflik dengan orang kampung dengan Encik Muhammad terpacak berdiri sebagai dalang. Namun, saya tidak berasa kecewa dengan terlengah-lengahnya urutan cerita untuk menemui peleraian konflik-konflik yang ditimbulkan, kerana demikianlah realitinya dan merupakan sebahagian daripada sekian banyak *constraint* yang dialami oleh siapa sahaja untuk perniagaan mereka hatta bagi melicinkan pelaksanaan projek-projek kerajaan sendiri.

Saya selalu beranggapan bahawa sebuah karya cereka yang baik, khususnya novel, ialah yang mempunyai kesimbangan antara isi dan bentuk atau struktur. Saya kira, hal ini disempurnakan secara agak baik oleh Keris Mas dalam novel *SBDKL* ini. Kekuatan yang sangat ketara ialah dari segi perwatakan. Pelukisan watak-watak dilakukan dengan cara yang pelbagai dan hal ini sesungguhnya berjaya menghindarkan rasa bosan pembaca.

Watak Rahim, misalnya, muncul secara realistik dan beraksi hanya dalam Bab 48, iaitu bermula dengan kepulangannya dan disambut oleh Mahani di Lapangan Terbang; tetapi pembaca sudah pun mengenali Rahim secara tidak langsung melalui surat-suratnya kepada Mahani, melalui ingatan Mahani, melalui dialog antara Encik Muhammad dan Cik Puan Tipah, dan juga melalui ingatan Sudin dan Jahid sepupunya sendiri. Begitu juga dengan pelukisan watak Encik Muhammad, dilakukan melalui percakapannya, melalui lamunannya, melalui surat-surat Rahim, melalui kaca mata Mahani, malah juga melalui Tan Sri Syed Aris. Sementara watak-watak lain juga diperkenalkan melalui watak-watak tertentu, misalnya watak Ali diperkenalkan melalui watak Sudin sewaktu percakapannya dengan Penghulu Mahmud (= Datuk Mahmud) (hlm. 50); watak Sudin diperkenalkan melalui watak Pak Salim, pekedai di Kampung Pulai (hlm. 90); watak Imam Saad diperkenalkan melalui watak Sudin

yang suka berkahwin cerai tanpa memberitahu orang tua disampaikan melalui dialog (hlm. 91).

Saya percaya semua ini dilakukan oleh pengarang dengan penuh sedar dan memangnya teknik begitu sangat baik; selain berjaya mengelakkan rasa bosan pembaca ia juga lebih memadatkan dan juga menghindarkan cara langsung yang kini dikatakan oleh golongan *new criticism* sebagai *stereotype*.

(iii)

Nampaknya sekian lama masa saya habiskan membicarakan novel ini, masih belum terlihat tanda kelemahannya. Saya tidak akan menganggap apa yang bakal saya bincangkan ini sebagai kelemahan, tetapi lebih kepada 'kesalahan kecil'. Rasanya peranan yang dimainkan oleh watak-watak yang mendukung cerita novel ini cukup diberi pertimbangan wajar oleh pengarang sekadar untuk menyelesaikan ceritanya. Tetapi, dengan memberikan nama 'Ali' kepada dua watak yang berlainan agak mengelirukan iaitu Ali budak attendant jaga kereta dan Ali suami Minah yang pada mulanya menjadi drebar Encik Muhammad dan kemudian menjadi pengurus ladang orkid seluas lima ekar di Jeram Medang kepunyaan Cik Puan Tipah itu.

Demikian juga saya merasakan tidak begitu logik watak Muhammad Alif, anak arwah Maimunah yang menjadi anak saudara Encik Muhammad sendiri tidak dikenalinya, sedangkan anak itu menjadi pensyarah di sebuah universiti dalam negara. Bagaimana pula Sani, Sudin ataupun Jahid boleh tidak mengenali Lebai Maarup yang sejak kecil sama sepermainan, meninggalkan kampung bertani di Tanjung Karang pulang dan tidak dikenali sehingga diberitahu oleh Bilal Endut sebagai anak saudaranya. Penemuan watak Sani yang mempunyai masalah kewangan kerana 'berniaga gali dan kambus lubang' dengan Sudin juga terasa sangat *artificial* -

maksud saya terasa terlalu diada-adakan dan tidak *natural*. Saya kira, walaupun watak Sani itu ditimbulkan kerana hendak menyelesaikan masalah bapanya (imam tua), akan menjadi lebih wajar kalau dielakkan teknik secara kebetulan (lihat Bab 23).

Akhirnya, saya juga berasa tidak yakin bagaimana syarikat induk dinamakan sebagai Tan Enterprise sahaja; kalau *enterprise* sangat kecil. Secara nyata Firma Serba Dagang Internasional lebih hebat daripada nama Enterprises; sedangkan ia anak syarikat (*subsidiary*) kepada Tan Enterprise. Bagaimana pula sebuah firma yang begitu besar, ada ladang lada hitam, mengusahakan import eksport dengan cara taukenya selalu '*lunch*' begitu hebat digambarkan mempunyai seorang setiausaha sahaja dan kemudian barulah pembantu setiausaha dan seorang kerani. Sepatutnya suasana di pejabat di Bangunan Maju Jaya itu dilukiskan secara lebih terperinci dan meyakinan. Mana ada syarikat import eksport yang taukenya mempunyai seorang setiausaha sahaja?

Akhirnya, kita menunggu sebuah lagi karya novel Keris Mas yang lebih hebat daripada *SBDKL* ini.

Deivan Sastera, April 1983

Saudagar Besar dari Kuala Lumpur: Suatu Kesan daripada Sudut Bahasa

AWANG SARIYAN

SAUDAGAR Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL) yang lahir daripada tangan seorang sasterawan besar tidak sahaja menarik daripada segi tema, persoalan dan perwatakan-nya, malah menarik juga daripada segi bahasanya. Kebangkitan seorang saudagar Melayu, yang melibatkan kehidupan tokoh-tokoh kecil serta masyarakat desa, politik dan muslihat dalam dunia dagang, sikap dan budi manusia dari latar yang berbeza – kesemuanya dipadukan dan dipersembahkan dengan berhasil melalui penguasaan bahasa yang ada pada pengarangnya Keris Mas.

Supaya pembicaraan saya ini tidak menjadi suatu kajian ilmiah atau sebuah buku ulasan, saya membatasi pembicaraan saya dengan hanya menyentuh aspek-aspek yang berikut ini sepantas kilat:

1. Aspek kata – dengan tumpuan kepada pemilihan kata dan perbandingan.
2. Aspek sintaksis – dengan tumpuan kepada pemilihan pola ayat.
3. Kejanggalan bahasa bukan stail.

Aspek Kata

Daripada sudut pemilihan kata, pengalaman hidup banyak membantu Keris Mas mengungkapkan sesuatu

secara tepat dan lancar. Keris Mas berhasil memilih kata untuk melukiskan sosiobudaya yang melatarceritanya. Dengan variasi kata yang luas Keris Mas berjaya menggambarkan gaya hidup, sikap, watak, dan sekitaran golongan tertentu, walaupun kadang-kadang dapat saya rasakan betapa Keris Mas tidak berusaha mencari kata Melayu yang tepat lalu terus menggunakan kata dan ungkapan Inggeris seperti *dashing, ready made, air-con, brief-case, bilik study, second-hand, lawyer, perfume*, dan sebagainya. Dalam pada itu, penulisipan beberapa kata yang jarang diguna orang pada masa ini menimbulkan suatu kesegaran pula pada bahasanya. Walaupun kata seperti *cakatan, perunggu, berandai-andai, bertarik-tarak, gengsi, mengoja, santai* barangkali tidaklah asing pada setengah-setengah orang, namun saya yakin bahawa penggunaan kata-kata tersebut mendorong kebanyakan pembaca membuka kamus atau sekurang-kurangnya bertanya-tanya untuk mengetahui maknanya.

Gambaran sosiobudaya dalam SBDKL terpancar juga dengan penggunaan kata ganti diri. Misalnya Keris Mas menghidupkan watak dan suasana kekeluargaan golongan keturunan Arab dengan kata sapa *walid* dan *umi*. Gelar *cik puan* diguna untuk isteri saudagar besar yang serba mewah hidupnya. Yang Berhormat tetaplah untuk wakil rakyat yang turut mendalangi usaha saudagar besar 'membeli' rakyat Kampung Pulai.

Suatu hal yang menarik tentang penggunaan kata ganti dalam novel ini ialah perubahan kata ganti dan kata sapa disebabkan adanya perubahan sikap watak. Hal ini jelas berlaku apabila saudagar besar Encik Muhammad cuba menghilangkan perasaan seorang lelaki terhadap seorang wanita yang bukan mahramnya dan supaya dia dianggap sebagai bapa kepada wanita itu, dia segera menukar kata ganti awak kepada *engkau* dan daripada saya kepada *aku* ketika berkata kepada setiausahaannya (hlm. 8-9). Mahani yang menjadi setiausaha itu segera pula menukarkan kata sapa *tuan* dengan *pak cik*. Sayang-

nya suasana kekeluargaan yang hendak dihidupkan antara seorang saudagar dengan setiausaha yang jelita itu gagal dipertahankan oleh Keris Mas sendiri apabila hubungan tidak rasmi yang sudah wujud itu dikembalikan semula menjadi hubungan rasmi antara tuan dan setiausahaanya apabila Encik Muhammad menggunakan kata ganti *awak* kepada Mahani, sedangkan daripada mula cerita kata ganti tersebut menandai hubungan yang rasmi. Hal ini terjadi dalam beberapa peristiwa, misalnya ketika Encik Muhammad menerima surat daripada anaknya Rahim (hlm. 76). Tidak mungkin Encik Muhammad lupa akan kehendaknya supaya Mahani menganggapnya sebagai ayah, dan Mahani sejak menerima ingatan Encik Muhammad memang memanggil Encik Muhammad sebagai pak cik.

Penggunaan kata *sapa* yang tidak konsisten berlaku juga dalam surat *Jahid* kepada Encik Muhammad. Pada suatu ketika *Jahid* menggunakan *anakanda* untuk dirinya, iaitu suatu hal yang memang biasa dalam surat-menyurat kepada orang yang berpangkat ayah saudara, apatah lagi *Jahid* memang daripada kalangan masyarakat desa yang mementingkan budi bahasa. Namun, selanjutnya *Jahid* hanya menggunakan namanya; dan hal ini sesuai pula dengan panggilan *pak su saja*, bukan *ayahanda*, kepada Encik Muhammad (hlm. 2). Perubahan sedemikian, dengan tidak ada sebab, pada saya, adalah hal yang tidak wajar.

Namun, ketepatan Keris Mas memilih ungkapan untuk melukiskan sesuatu ternyata istimewa. Perhatikanlah beberapa petikan yang berikut sebagai contoh:

1. Cik Puan Tipah segera tenggelam dalam surat yang dibacanya – hlm. 20 (untuk menunjukkan pentingnya surat daripada *Jahid* dan besarnya perhatian Cik Puan Tipah terhadap kandungan surat itu).
2. Syarifah Mu'inah meneruskan dialog yang separuh monolog itu – hlm. 27 (tidak seluruh percakapan itu

ditujukan kepada suaminya Syed Aris, malah sebenarnya kata-katanya lebih merupakan suatu keinsafan pada dirinya).

3. Perkataan Jahid terasa *menikam hati jantungnya* (apa)bila dia menyebut (bahawa) nenek moyangnya dahulu meneroka hutan rimba, bahkan berperang mati-matian untuk mendapatkan dan mempertahankan harta – hlm. 35 (untuk melukiskan keharusan pada diri Cik Puan Tipah).
4. Kereta itu berhenti di sebelah Mercedesnya sendiri yang *serta-merta kelihatan kecil dan usang* – hlm. 36 (sebagai perbandingan antara kereta Penghulu Mahmud yang dihadiahkan oleh Tauke Chan dengan kereta Mercedes 280S Encik Muhammad yang masih baru).
5. Kedua-duanya, Yang Berhormat Encik Muhd. Yusuf dan Encik Muhammad, tersenyum: *senyum tegang* – hlm. 69 (sebagai gambaran senyum yang terukir bukan kerana gembira, tetapi senyum berpura-pura antara dua orang yang sedang berhujah).
6. Ayahnya memang dari muda lagi sudah dirasa(kan)-nya tua – hlm. 79 (untuk menjelaskan tiadanya perasaan yang lain selain perasaan senak kepada ayah, sebagai perbandingan dengan perasaan Mahani kepada Encik Muhammad yang baharu sahaja dirasakannya tua kerana dianggap sebagai ayah sendiri).
7. Kereta buatan Jepun 1200 c.c. itu meluncur *merajai jalan raya yang lengang* – hlm. 255 (sebagai gambaran kurangnya kenderaan di jalan itu).

Namun, ada juga ungkapan dalam *SBDKL* yang ternyata tidak berjaya menunjangi maksud yang sebenarnya. Misalnya terdapat ungkapan yang berbunyi:

“Seketika, suasana menjadi sunyi; sunyi sampai ke degup jantung”

(hlm. 27)

Kita biasa mendengar ungkapan seperti *dingin sampai ke tulang*, tetapi sukar kita bayangkan bagaimana *sunyi*

sampai ke degup jantung, sehingga ungkapan demikian lebih merupakan hiasan yang tidak berfungsi.

Aspek lain yang turut memperkuat bahasa SBDKL ialah perbandingan. SBDKL agak kaya dengan perbandingan. Hampir kesemua perbandingan yang disajikannya merupakan perbandingan baharu. Dengan kata lain, Keris Mas cuba melanjutkan tradisi gaya perbandingan dengan isi yang baharu. Sebagai contoh, saya perturunkan beberapa petikan di sini:

1. Cik Tipah berhenti sebentar di tengah-tengah tangga yang membekok landai itu, mendengarkan betapa lembutnya dan betapa harmoninya melodi bass yang dimainkan beralun-alun seperti bayu bersambut ombak di tepi laut. (Hlm. 24)
2. Alam seperti dipeluk raksasa gelap yang hitam. (Hlm. 27)
3. Fikiran Mahani lapang tetapi hatinya seperti kabus di kaki bukit itu, menunggu matahari panas barangkali baru akan cerah. (Hlm. 33)
4. Kedua-duanya seperti orang katik berhadapan dengan ahli gusti heavy-weight yang duduk sendat pada kerusi rehat berkusyen tipis. (Hlm. 51)
5. Dia rasa kecil sekali, kecil seperti melukut di tepi gantang. (Hlm. 63)
6. Kod moral dalam dunia dagang sangat kuat tapi sangat runcing seperti hujung jarum. (Hlm. 68)
7. Masuk dari pintu gerbang, orang melihat rumah itu seperti mahligai tersandar ke(pada?) langit hitam. (Hlm. 140)
8. Bunyi cacing gelang dan bunyi jengkerik bersahutan, bertali-tali memanjang seperti bunyi gesekan biola bertingkah piano. (Hlm. 278)
9. Jawapannya seperti peluru menyingsgahi sasarannya pada muka Encik Muhammad. (Hlm. 338)

Unsur personifikasi, walaupun tidak begitu meluas,

dimanfaatkan oleh Keris Mas dalam *SBDKL* untuk membantu penceritaannya. Contohnya:

1. Batu hampar tempat mereka berchat itu telah mulai (mula-P) *dijamah sinar panas*. (Hlm. 49)
2. Derum motosikal yang ditunggangnya membunuh bunyi siulnya. (Hlm. 155)
3. Encik Muhammad melayan fikirannya, sekali gus menikmati pandangan yang indah dari dalam kereta Mercedes 280S yang meluncur laju sepanjang *lebuh raya yang membelah tanah tinggi yang hijau oleh hutan dara*. (Hlm. 179)
4. Ketenangan malam membalut hati suami isteri itu. (Hlm. 205)
5. Barangkali saya pun sama seperti Cik Mat, *sudah sama-sama diselimuti tua*. (Hlm. 269)
6. *Pondok di tepi sungai itu mati* dan suara Mat Akil jelas didengar oleh kawan-kawannya. (Hlm. 280)
7. Dan malam merangkak perlahan menidurkan segala cita-cita. (Hlm. 333)

Sepanjang yang dapat saya perhatikan, unsur perbandingan dan personifikasi diguna oleh Keris Mas lebih untuk membantu penceritaannya daripada untuk membina dialog watak. Hal ini, pada saya, sedikit sebanyak ada hubungannya dengan kesan yang saya peroleh, iaitu bahawa kekuatan *SBDKL* lebih banyak bergantung pada penceritaan penulis daripada dialog watak-watak.

Aspek Sintaksis

Jika gaya bahasa seseorang penulis hendak ditinjau berdasarkan pemilihan pola-pola transformasi, Keris Mas dalam *SBDKL* nampaknya cenderung memilih pola transformasi dua dasar (gabungan dan pancangan) dan pola transformasi berdasar banyak, di samping memanfaatkan pola-pola ayat inti dan transformasi yang sederhana.

Penerapan pola-pola transformasi yang bersifat dominan dalam *SBDKL* segera mengingatkan saya kepada persoalan yang berbangkit daripada pendapat Umar Junus bahawa novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan yang juga secara meluas menerapkan pola-pola transformasi sedemikian itu merupakan suatu "pemberontakan" terhadap gaya bahasa novel-novel sebelumnya. Anwar Ridhwan dikatakan Umar Junus 'memberontak' terhadap kebiasaan beberapa orang penulis novel sebelumnya yang menjadikan bahasa sehari-hari sebagai gaya dan malah Anwar Ridhwan dikatakannya kembali kepada gaya hikayat. Adakah Keris Mas turut 'memberontak' dan cuba mengembalikan audiens kepada gaya hikayat juga?

Yang ketara ialah bahawa penerapan pola-pola transformasi sedemikian merupakan mekanisme yang tidak dapat dielakkan untuk menjalinkan persoalan sosial, politik, perdagangan, dan kemanusiaan yang kompleks. Persoalan dalam *SBDKL* menjelmakan suatu perkembangan dan perubahan sikap, semangat dan dilema masyarakat Melayu khususnya, dalam kepesatan pembangunan negara.

Barangkali juga ayat-ayat masih dapat disederhanakan biarpun yang diperkatakan merupakan sesuatu yang kompleks. Namun, itulah gaya Keris Mas dalam *SBDKL*, dan Keris Mas memang menguasai pola-pola transformasi tersebut dengan baiknya. Tetapi, rupa-rupanya gaya tersebut digunakannya juga dalam dialog watak sehingga sering kali dapat dirasakan bahawa Keris Mas menjelma dalam watak-watak tertentu. Dengan kata lain, kerap kali bahasa watak sukar dibedakan daripada bahasa pencerita. Bahasa watak Datuk Tan, misalnya, dapat menjadi bukti. Percakapan Datuk Tan dan isterinya, walaupun tentang perkara yang agak serius, iaitu bagaimana hendak menjadikan Encik Muhammad sebagai rakan kongsi perniagaan yang lebih kuat seperti pada zaman datuk neneknya, ternyata bukan bahasa Datuk Tan. Saya petik salah satu contohnya:

"Inilah yang kita cari dari laporan-laporan sejarah seperti ini. Saya yakin orang Melayu telah diputuskan dari tradisinya oleh kehendak Inggeris. Orang Inggeris memberikan tempat yang tersendiri kepada orang Melayu sebagai orang-orang yang memerintah atau sebagai alat pihak yang memerintah dan dengan demikian orang Inggeris dapat menggantikan tempat orang Melayu itu berkongsi dengan kita mencari keuntungan dari perdagangan dan perusahaan di negara ini. Tandanya ada tradisi itu boleh kita lihat pada kawan kita, Encik Muhammad. Dia memperlihatkan kewibawaan seorang dagang dan usahawan yang ulung, lebih baik dari setengah-setengah orang Cina sendiri. Ini tandanya orang Melayu sudah mulai akan mengambil tempatnya yang dulu dirampas oleh Inggeris".

Kelihatan formal sekali percakapan Datuk Tan dalam suasana yang amat tidak formal, seakan-akan suatu ceramah pula. Dalam suatu peristiwa yang lain, bahasa Datuk Tan digambarkan pula dengan pelat kecinaan. Perhatikanlah kata-kata Datuk Tan kepada Encik Muhammad:

... Dia tahu saya tahu sejauh mana dia punya kuat. Dia bukan bodoh mahu cari fasal dengan kita." (Hlm. 273)

Perhatikan juga kata-kata Mahani ketika membela tunangnya Rahim di hadapan Encik Muhammad bakal mentuanya:

"Tapi Rahim anak bangsa dan negara ini, dibesarkan dalam pelukan tradisi dan kebudayaan orang Melayu."

Demikian juga kata-kata Muhammad Alif, anak saudara Encik Muhammad, dalam pertemuan waris-waris Datuk Mahmud:

"Saya dengar bahawa saya ini mesti memanggil ketua keluarga kita yang nombor dua dengan panggilan pak su."

Kesalahan dan Kejanggalan Bahasa Bukanlah Stail

Soal kesalahan bahasa barangkali tidak termasuk dalam soal gaya bahasa. Namun, sebagaimana kata Keris Mas dalam rencananya "Bahasa dalam Cerita Pendek: Kesalahan dan Kejanggalan Bukanlah Stail" (*Dewan Bahasa*, Jun 1963), "... penggunaan kata yang tidak tepat, stail yang keinggerisan dan ayat-ayat yang tidak lengkap serta pemakaian penambahan yang salah dan lain-lain lagi ... menjadi cacat bagi karya sastera walaupun isinya baik, temanya baik dan lain-lainnya semua baik."

Sehubungan itu, Umar Junus pernah menimbulkan soal **kesalahan bahasa dalam karya sastera** yang disifatkannya tidak fungsional, malah mencacatkan kekuatan karya tersebut.

Demikianlah, sesudah selesai membaca *SBDKL*, saya mendapat kesan bahawa karya tersebut masih belum dapat lepas daripada beberapa kesalahan dan kejanggalan bahasa. *SBDKL* akan lebih sempurna jika penyuntingan bahasa dilakukan secara lebih teliti. Saya tidak bermaksud bahawa bahasa dalam *SBDKL* demikian buruknya. Malah, jika dibandingkan dengan bahasa dalam karya penulis-penulis lain, bahasa dalam *SBDKL* jauh lebih sempurna jika diukur daripada sudut tatabahasa; dan, sebenarnya, bahasa Keris Mas dalam karya-karya yang lebih awal jauh lebih baik daripada bahasanya dalam *SBDKL*.

Secara ringkas sahaja, di bawah ini saya petik beberapa kesalahan dan kejanggalan bahasa yang terdapat dalam *SBDKL*:

1. Aspek Kata dan Frasa

Kesalahan bahasa yang agak menonjol dalam *SBDKL* dalam hal kata dan frasa berpusat pada imbuhan, hukum D-M, penjodoh bilangan, kata kerja transitif dan kata kerja intransitif.

Tentang imbuhan awalan, saya menemukan kata *memerhatikan* (hlm. 2,7), *mengkagumi* (hlm. 5), *mem-*

pesanakan (hlm. 7), *mengenepikan* (hlm. 13, 217), *memberhentikan* (hlm. 71), tetapi *diberhentikan* (hlm. 264), *membersarkan* (hlm. 226, 271), tetapi *dipersarkan* (hlm. 226); yang seharusnya *memperhatikan*, *mengagumi*, *memesonakan*, *mengetepikan*, *menghentikan* (sesuai dengan bentuk pasifnya *dihentikan*), *mempersarkan* (sesuai dengan bentuk pasifnya *dipersarkan*). Ada juga saya temukan kata *perlaksanaan* (hlm. 117) yang seharusnya dituliskan *pelaksanaan*.

Tentang imbuhan akhiran, saya menemukan kata *dinasihatkan* dalam ayat "... orang tua itu memang sudah dinasihatkan oleh doktor supaya mohon bersara" (Hlm. 251). Menurut rumus morfologi bahasa Melayu, akhiran yang tepat ialah *i*, bukan *kan*. Tetapi, dalam bentuk aktif Keris Mas menggunakan akhiran yang tepat pula: *Tuan Pegawai Daerah sudah menasihatinya* (hlm. 251).

Dalam hal hukum D-M, ada berlaku kesalahan, tetapi ada juga bentuk yang betul. Saya menemukan frasa *lain-lain anak syarikat* (hlm. 113) dan *lain-lain hiburan sementara* (hlm. 218) yang jelas menyalahi susunan kata dalam bahasa Melayu. Namun, saya ada menemukan bentuk yang betul, iaitu *hal-hal lain* (hlm. 77 dan hlm. 323).

Kesalahan yang berhubungan dengan penjodohan bilangan terdapat, misalnya, pada frasa *pepohon pinang Jawa* dan sebuah *epal*.

Tentang kata kerja transitif, berlaku penyimpangan daripada rumus tatabahasa yang menetapkan bahawa kata kerja transitif tidak boleh dipisahkan daripada objeknya dengan penyisipan keterangan, sendi atau apa-apa unsur yang lain. Contohnya *memikirkan tentang hatinya* (hlm. 78), *memandang ke jalan* (hlm. 88), *memandang sekali lagi kepada Pak Salim* (hlm. 93), *menjualkan banyak tanah orang kampung* (hlm. 94), *memanjangkan lagi fikirannya* (hlm. 152), *menerangkan sepenuhnya apa yang berlaku* (hlm. 169). Namun, Keris

Mas tidaklah menyimpang seluruhnya daripada rumus tersebut.

Berhubungan dengan kata kerja intransitif pula, terdapat penyimpangan daripada rumus tatabahasa yang menetapkan bahawa kata kerja intransitif tidak menerima objek. Maka bentuk seperti *mengerti masalah itu* (hlm. 288), *berjumpanya* (hlm. 292), *tahu perkara sebenarnya* (hlm. 308) tidak dapat dianggap bentuk bahasa yang gramatis. Demikian juga penambahan akhiran *kan* pada adjektif dan kata kerja intransitif merupakan suatu penyimpangan seperti pada frasa *tidak sukakan Sudin* (hlm. 136) dan *tidak kenalkan dia* (hlm. 129). Namun, di balik itu, banyak pula bukti yang menunjukkan bahawa rumus tersebut dipatuhi, seperti pada frasa *lupa akan jasanya* (hlm. 124), *mengerti betul akan tugasnya* (hlm. 222), *mengerti akan masyarakat Melayu* (hlm. 242), *mengerti akan kebenaran* (hlm. 188), *mengerti akan perasaan dan fikiran suaminya* (hlm. 198).

2. Aspek Ayat

Pola ayat dalam *SBDKL* yang ketara sekali menyimpang daripada rumus tatabahasa ialah ayat pasif dengan pelaku ketiga.

Rumus ayat pasif dengan pelaku ketiga dalam bahasa Melayu ditandai oleh awalan *di*. Contoh-contoh penyimpangan daripada rumus tersebut ialah:

- Tidak ada apa yang mereka risaukan waktu itu. (Hlm. 21)
- ... mereka mempunyai hak ke atas tanah yang mereka kerjakan itu. (Hlm. 34)
- ... kehadiran Mahani dimaklumkan oleh semacam bau harum yang lembut dari minyak wangi yang dia tidak tahu jenisnya. (Hlm. 53)
- Ayahnya setuju walaupun melanggar syarat yang dia sendiri menetapkan. (Hlm. 75)

- e. ... apakah yang dapat mereka kerjakan pada tanah yang tidak mencukupi (Hlm. 79)
- f. ... sukar bagi mereka menyusun sebuah masyarakat dengan cara hidup yang sudah mereka amalkan ...
- g. semuanya dia kenal. (Hlm. 255)
- h. Dia menjawab seperti disuruh-suruh oleh kuasa yang tidak tahu dari mana puncanya. (Hlm. 268)

Namun, seperti kesalahan yang lain, banyak sekali bukti yang menunjukkan bahawa Keris Mas sebenarnya patuh kepada rumus tersebut. Daripada pemerhatian saya, hal ini berlaku dalam semua karya sastera (prosa) yang pernah saya baca. Hal ini membuktikan, bahawa secara sedar atau tidak, para penulis tidak dapat lepas daripada tatabahasa sebagai rumusan tentang sistem bahasanya. Penulis hanya memerlukan disiplin yang lebih untuk mengawal bahasa ketika menulis.

Ada kalanya juga dapat saya rasakan betapa Keris Mas gagal menguasai sintaksis sehingga lahir ayat yang janggal seperti *Tadi atas mengatakan dia tahu Kasim sekarang bekerja menjadi drebar kereta besar seorang besar Melayu.* (Hlm. 127)

Baik juga saya sentuh di sini tentang kelemahan penyuntingan dan penyemakan pruf yang menyebabkan timbulnya kesalahan ejaan, tanda baca, dan malah nama watak sehingga pemahaman pembaca menjadi terganggu. Dalam satu episod, dikatakan Datuk Tan (lelaki) bangun mencari suaminya, walhal yang dimaksudkan ialah Datin Tan. Watak Mat Akil pernah bertukar menjadi Sudin. Syed Aris yang sebenarnya bakal menerima menantu dikatakan bakal menerima mentua pula.

Demikianlah, novel *SBDKL* penuh dengan kekuatan bahasa, tetapi memerlukan penyuntingan yang lebih rapi.

Keris Mas Meletakkan Amar Maaruf di Tahap Paling Atas

SAHLAN MOHD. SAMAN

PEMBACA pasti sudah tertarik hati pada judul novel terbaru Keris Mas, walaupun agak tebal, 365 halaman, jika diimbas ke dalamnya. Sudah pasti novel tersebut membawa suatu persoalan mutakhir yang biasanya amat mengghairahkan dengan kehadiran kalimat "Kuala Lumpur" itu.

Kesan pertama setelah selesai membaca *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)* terletak pada perspektif yang diguna ketika membacanya. Kalau kita meletakkan seluruh minat terhadap perkembangan watak utamanya – Encik Muhammad – kita berasa kasihan, geram, lemah, dan berbagai-bagi lagi yang kurang seronok, terutama pada cara dijatuhkan "hukuman" ke atas cita-cita pernia-gaannya yang begitu tinggi.

Tetapi, kalau kita meletakkan diri kita di tengah-tengah pergolakan semua watak pentingnya – Encik Muhammad, Sudin, Yang Berhormat Muhd. Yusuf, Mahani, Imam Saad, dan Lebai Maarup – kita dapat membuat dua kesimpulan pula. Pertama, wang ringgit dan segala bentuk kekayaan dunia, jika disalahgunakan, pasti mendatangkan mudarat. Kedua, nilai moral yang tinggi – kejujuran, merendah diri, serta sifat *amar maaruf nahi mungkar* – tetap tegak walau taufan apa pun melanda hidup ini. Tuhan sentiasa menyebelahi orang yang benar.

Itulah antara pegangan Keris Mas ketika menulis dan menyiapkan manuskrip novelnya.

Ketiga-tiga kesan itu adalah antara puluhan persoalan besar yang ditimbulkan. Jika perhatian kita tertumpu pada Encik Muhammad, pada mulanya kita berasa amat seronok dengan rancangan perdagangannya ingin membuka ladang lada hitam di Johor, menubuhkan Syarikat Lombong Lembah Tualang yang matlamatnya sudah pasti untuk mempertinggi taraf hidup rakyat luar bandar, Melayu. Paling menyeronokkan juga kerana Encik Muhammad sendiri berdarah daging perniagaan sejak datuknya, Muhammad Saman, dan ayahnya, Orang Kaya Indera Datuk Idris. Sekurang-kurangnya bertambah lagi bakal jutawan Melayu di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tetapi, masa seronok itu ditenggelamkan oleh kegalannya. Setelah mengatur strategi yang begitu licin dan halus, rupa-rupanya masih juga ada jurai kelemahannya sebagai insan yang tidak sempurna.

Sifat tidak jujurnya terhadap orang-orang Kampung Pulai dapat dihidu juga akhirnya oleh Imam Saad, Lebai Maarup, dan Rahim.

"Untuk menundukkan seekor harimau (pegangan Encik Muhammad sendiri) hanya seekor 'kancil bijak' yang mampu. Segala yang licin dan halus mestilah ditentang oleh strategi yang sama, bukan seperti tindak-tanduk Mat Akil atau Kemat Kerangkung dengan konco-konconya."

Di tahap ini, Keris Mas menyalurkan pegangan hidup Islamnya bahawa yang *batil* tetap pupus apabila tiba ketikanya. Encik Muhammad terpaksa tunduk pada permintaan Lebai Maarup dan Rahim supaya tanah wakaf lebai dan imam itu tidak dilombong, sebaliknya didirikan kompleks bangunan yang dapat menampung keperluan sosial dan agama sebuah masyarakat Islam.

Sebab wujudnya perbezaan perspektif hidup antara Encik Muhammad dengan kumpulan Lebai Maarup (yang satu mementingkan keuntungan dagang serta kekayaan, dan yang satu lagi meletakkan amar *maaruf* atas segala

perlakuan yang lain), maka terjadilah pertembungan. Sayangnya, hal ini tidak diberikan perlukisan secara dramatis atau padat seperti gambaran konflik pada Oedipus, pada Agamemnon, pada Dmitri Karamozov, pada Stephen Dadalus, pada Siti Salina, pada Lahuma, atau pada Tukya.

Puncak novel ini, yang letaknya pada pertemuan ayah-anak dalam sebuah kamar, membincangkan soal Kampung Pulai, tidak diberikan gambaran terbuka. Keris Mas hanya menceritakan secara sorot-balik melalui watak Rahim. Segala-galanya menjadi hambar dan tawar.

Kemenangan yang diberikan kepada Rahim adalah suatu usaha gigih seorang usahawan yang terlalu ingin memperkuuh kedudukan perniagaannya. Pun begitu, ia semacam suatu ingatan kepada usahawan Melayu kini bahawa dalam proses mengisi 30 peratus bumiputera ke dalam sektor swasta itu, mereka diingatkan supaya mengadakan imbangan yang baik antara material dan non-material, atau antara jasmaniah dan rohaniah. Secara ideal, ia memang tidak boleh dipertikaikan; tetapi secara amalan masih banyak persoalan sampingan yang mengkhianatinya.

Ringkasnya, Keris Mas semacam ingin menjadi seorang Dostoyevsky yang sering mengemukakan *prophetic insight*-nya, menjalinkan urutan sejarah (di sini urutan sejarah keluarga Encik Muhammad) serta soal-soal semasa tentang moral, politik, intelek dan agama. Semua itu memang terang terbentang dalam *SBDKL*. Perbezaan,besar yang wujud antara Dostoyevsky dan Keris Mas ialah cara penyampaian mereka. Penulis agung Rusia itu amat dramatis, membiarkan watak-wataknya bergerak dan berkembang sendiri hingga ke saat-saat *to-be or not-to be* seperti Hamlet; sedangkan penulis Melayu ini pula lebih menggunakan kebolehan penceritaannya bagi mengaitkan segala episodnya, menyebabkan kita seolah-olah membaca atau meneliti sebuah laporan lengkap tentang sesuatu kejadian.

Keghairahan Encik Muhammad untuk menjayakan

lombong yang dirancangkan itu sungguh kita rasakan. Beliau menjalankan apa sahaja cara yang halal melalui Sudin, Yang Berhormat Muhd. Yusuf, Karim, Mat Akil, malah abangnya sendiri, Datuk Indera Mahmud.

Orang sanggup melakukan apa sahaja kerana wang. Mat Akil sanggup mencederakan Lebai Maarup. Yang Berhormat Muhd. Yusuf sanggup menjadi orang perantaraan, juga alat. Sudin sanggup menjadi jurubicara, malah Encik Muhammad sendiri berjaya kerana;

"... dia berani. Dia berani menghadapi apa juga cabaran. Tapi bukan keberanian saja yang menjadi keutamaan pada saudagar besar itu. Dia cerdik. Dia memasang perangkap. Dia menjerumuskan lawan ke dalam perangkap itu. Dan orang tidak tahu di mana Encik Muhammad menahan perangkapnya. Itulah kepintaran kelas satu dari seorang yang ingin berjaya dalam dunia dagang ini".

(Hlm. 295)

Itulah antara kesanggupan yang dilakukan oleh watak protagonis seperti Encik Muhammad. Kita tidak pula harus melupakan bahawa di sebalik keadaan begitu pastilah wujud golongan antagonis yang nampak akan keserongan tindak-tanduk watak utama itu.

Rahim, anaknya sendiri, Mahani, bakal menantunya. Lebai Maarup, orang yang baru balik dari kampung setelah berpuluh tahun di perantauan. Tidak ketinggalan Muhammad Alif, anak buahnya yang menjadi pensyarah di Universiti Malaya itu. Rahim, terutamanya, berlawanan dengan ayahnya. Baginya, ayahnya itu sedang menjalankan suatu proses penipuan yang terbuka:

"Apa ayah fikir menyingsirkan beratus-ratus orang kampung yang tidak berdaya dari kampung halaman mereka seperti di Kampung Pulai itu merupakan satu langkah pembangunan ekonomi orang Melayu. Yang pasti ianya merupakan satu penganiayaan dan penzaliman terhadap orang kampung yang miskin dan tidak berjaya."

(Hlm. 217)

Kesemua watak tersebut (kalaupun boleh digolongkan sebagai antagonis) menentang Encik Muhammad dengan cara tersendiri. Pada lahirnya mereka terpaksa mengalah. Sebenarnya mereka menang moral sahaja – menang dalam menegakkan nilai-nilai suci Islam yang dianggapnya akan berbahaya kalau Encik Muhammad menguasai keseluruhan perancangan dan perlaksanaan lombong itu. Orang Melayu akan terusir daripada Kampung Pulai. Dan, nilai-nilai baru yang buruk sudah tentu akan menular subversif.

Di akhir novel ini, Keris Mas meletakkan *poetic justification* terhadap Encik Muhammad, saudagar besar dari Kuala Lumpur, yang tiba-tiba menjadi kecil, lemah dan rebah terdampar (walaupun tidak mati) menjelang pelaksanaan projek raksasa yang matlamat sebenarnya hanya untuk menghimpun lagi harganya bersama Datuk Tan.

Kehadiran Datuk Tan dalam Firma Dagang Internasional yang dikemudikan oleh Encik Muhammad, pengarah urusannya, kuat sekali memberi gambaran usaha sama Melayu-Cina yang begitu lumrah di bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Agaknya, Keris Mas mahu menghidupkan kembali semangat perkongsian dan muhibah yang dipelopori datuknya sejak puluhan tahun dahulu.

Terasa pada kita sikap peniaga kini berbeza daripada peniaga yang lalu. Betapa eratnya kerjasama orang Cina dan orang Melayu. Adakah hal begitu boleh wujud, terutamanya daripada kalangan orang Cina seperti yang diwakili oleh keluarga Datuk Tan?

Semuanya itu terdapat pada *prophetic insight* Keris Mas. Lombong itu belum dilancarkan, Encik Muhammad terpaksa menerima runtunan Rahim dan Lebai Maarup. Mungkin juga Keris Mas perlu diberi masa untuk meneruskan jilid kedua siri saudagar besarnya.

Keris Mas mengambil persoalan semasa sebagai bahan mentahnya – politik, sosial, ekonomi, budaya, dan agama. Dalam memberikan pertimbangannya, dia meletakkan *amar maaruf* di tahap paling atas, diikuti oleh tindakan

tanduk pengurusan dagang, dan soal kemiskinan di luar bandar pada masyarakat Melayu. Sengatnya apabila memperjuangkan penduduk Kampung Pulai atau Pekan Tualang tidaklah sebisa sengat yang pernah digunakan sewaktu menulis cerpen pada zaman ASAS '50 dahulu.

Keris Mas kini lebih rasional dan objektif. *SBDKL* memperlihatkan perbezaan sikap dan pandangan hidupnya dahulu dan sekarang. Dan, pada jalinan-jalinan persoalan juga Keris Mas seharusnya diberi pujian kerana ketelitian serta pengetahuan yang agak mendalam dalam bidang strategi pengurusan dagang.

Sayangnya, beliau sendiri tidak menjadi usahawan seperti Encik Muhammad.

Berita Harian, 5 Mac 1983

Sifat-sifat Penting Watak Utama Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

AMINUDDIN MOHD. YUSOF

NOVEL-NOVEL Melayu sejak sekian lama terdedah kepada kajian-kajian mendalam secara struktur, baik aspek dalaman seperti tema, perwatakan, gaya bahasa, plot dan sudut pandangan; mahupun aspek luaran seperti biografi pengarang atau sejarah perkembangannya (Hashim Awang, 1983). Namun, percubaan untuk menyelidiknya secara kuantitatif, kalaupun ada, tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh. Novel, seperti juga karya-karya sastera yang lain, merupakan jelmaan daripada idea pengarang tentang tabii manusia. Watak-watak dan ciri-ciri mereka sering diperkenalkan melalui penceritaan pengarang, melalui dialog atau fikiran watak-watak lain atau melalui lamunan atau dakwaan watak-watak itu sendiri. Ciri-ciri ini boleh dikuantifikasi untuk melahirkan pemeriksaan yang objektif terhadap perwatakan sebuah novel.

Tulisan ini berupa sebahagian daripada keputusan kajian kuantitatif yang dilakukan terhadap novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (*SBDKL*) (1982) karya Keris Mas. Tujuan asal kajian ini ialah untuk memeriksa teori personaliti terselindung (*implicit personality theory*) pengarang ini, iaitu bagaimana beliau mengamati manusia yang diwakili oleh watak-watak dalam novelnya dan cara beliau mengorganisasi watak-watak itu dalam sistem

gagasan atau struktur kognitifnya. Dalam tulisan ini hanya dikemukakan keputusan yang berhubung dengan watak utama dan sifat-sifat penting watak itu.

SBDKL berlebar di sekitar usaha, kegigihan, masalah, dan cabaran yang dihadapi oleh seorang usahawan Melayu bernama Encik Muhammad bin Datuk Idris untuk memperluas perniagaannya dengan mengusahakan perlombongan di sebuah kawasan yang masih berpenghuni. Melalui novel ini, Keris Mas menggarap kehidupan seorang pedagang dalam dunia perniagaan yang mencabar, halangan terhadap perubahan dan kehidupan masyarakat desa yang ketinggalan. Tema ini cukup semasa dengan zaman kebangkitan semula orang Melayu dalam bidang perniagaan. Jika benar dakwaan Abdul Ghani Abdullah (1983) bahawa Keris Mas pernah menulis kerangka novel yang ceritanya seakan-akan sama dengan novel ini pada tahun 1971/1972, nyatalah bahawa *SBDKL* berupa suatu tindak balas terhadap Dasar Ekonomi Baru (Kerajaan Malaysia, 1975) yang juga dimulai pada sekitar tahun yang hampir sama.

Abdullah Tahir (1983) menganggap novel ini mempunyai kekuatan yang istimewa daripada segi watak dan perwatakan. Abdullah Tahir yang melihat watak-watak dalam novel ini sebagai manusia berkepentingan, mendapati Keris Mas cuba mengetengahkan sebuah cerita yang melibatkan tiga generasi, iaitu generasi orang tua Encik Muhammad dan Datuk Tan; generasi kedua yang terdiri daripada Encik Muhammad, Mahmud, Datuk Tan, Tan Sri Syed Aris, Yang Berhormat Muhd. Yusuf, Imam Saad, Pak Salim dan Tuk Empat Dahlam; dan, generasi ketiga terdiri daripada orang-orang dalam lingkungan 20-30 tahun seperti Rahim, Robert, Jahid, Mahani, Sudin, Sani, Lebai Maarup, Jamaluddin, Mat Akil, Kasim, Kemat Je-rangkung, dan Muhammad Alif.

Novel ini mengetengahkan tidak kurang 60 watak, termasuk yang tidak diberi nama seperti ibu Sudin dan ayah Sani. Oleh sebab itu, amatlah sesuai dikenal pasti

yang mana antara watak-watak ini paling penting dalam sistem kognitif Keris Mas. Sungguhpun kepentingan sesuatu watak mungkin boleh dikesan berdasarkan peranannya dalam cerita, tetapi cara yang lebih tepat ialah dengan memeriksa kekerapan sesuatu watak itu dihuraikan dengan sifat atau tingkah laku, kerana semakin kerap seseorang watak diberi huriaian semakin dekatlah ia dengan hati pengarangnya.

Sebahagian sifat watak-watak utama dalam *SBDKL* ini sudah disimpulkan oleh Abdullah Tahir (1983) selepas cuba membaca apa yang ingin dilukiskan oleh pengarangnya. Abdullah Tahir melihat Encik Muhammad sebagai "... manusia yang hidup terapung-apung di awangan kebaikan dan di atas buih kejahanatan". Encik Muhammad dianggap warak tetapi juga jahat, berani berdepan dengan cabaran, cerdik dan pandai memasang perangkap, baik hati dan pemurah. Sifat-sifat kelihaihan, kecekapan dan kehalusan cara Encik Muhammad ini, bagi Abdullah Tahir, mulai dipelajari juga oleh Sudin. Oleh kerana Abdullah Tahir sentiasa cuba membaca fikiran pengarang, sifat-sifat watak yang disimpulkan oleh beliau mungkin mengandungi interpretasi beliau sendiri terhadap fikiran pengarang, tambahan pula apabila diasaskan kepada hipotesis bahawa novel ini mengemukakan sekumpulan manusia yang berkepentingan.

Kajian yang dilaporkan di sini cuba memeriksa sifat penting watak-watak utama dalam novel ini dengan cara yang lebih terperinci berdasarkan kekerapan sesuatu watak diberi penghuraian dalam bentuk sifat atau nama trait. Dengan menyerahkan interpretasi tentang perhubungan antara watak-watak dengan trait-trait kepada pekali korelasi, interpretasi subjektif terhadap apa yang sebenarnya hendak disampaikan oleh pengarang mungkin dapat dielakkan.

SBDKL dipilih sebagai bahan kajian ini kerana mempunyai sekurang-kurangnya dua keistimewaan. Pertama, novel ini cuba meneroka kehidupan dunia dagang orang

Melayu – suatu tema yang menurut Abdullah Tahir (1983) belum pernah diteroka oleh mana-mana novelis Melayu sebelum ini. Tema ini amat bersesuaian dengan zaman kebangkitan semula orang Melayu dalam bidang perniagaan. Keris Mas, yang dapat merasakan kocakan arus baru ini, cuba menggarap kehidupan masyarakat pedagang dan melukiskan watak-watak keusahawanan seperti yang difahaminya sehingga menjadikan novelnya cukup semasa dengan perkembangan sekelilingnya.

Kedua, novel ini mempunyai kekuatan yang agak ketara daripada segi perwatakan. Abdullah Tahir (1983) menyatakan rasa tertariknya dengan cara pelukisan watak-watak yang dilakukan oleh Keris Mas dalam novel ini. Sebuah karya yang kuat daripada segi perwatakannya amat sesuai dijadikan bahan kajian yang cuba memeriksa sifat watak-watak itu. Tambahan pula, berbanding dengan setengah-setengah karya lain, novel ini banyak sekali menggunakan nama trait untuk menghuraikan watak-wataknya.

Pemilihan novel *SBDKL* sebagai bahan kajian dengan sendirinya menjadikan pengarangnya sebagai subjek tunggal kajian ini. Keris Mas merupakan salah seorang sasterawan daripada ASAS '50. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya kepada perkembangan kesasteraan negara, beliau dikurniakan Anugerah Pejuang Sastera pada tahun 1975 dan Anugerah Sastera Negara pada tahun 1981. Novel *SBDKL* berupa karya terbaru beliau selepas menerima Anugerah Sastera Negara.

Setiap nama yang stabil bagi setiap watak yang disebut namanya dalam novel kajian telah dikira kekerapan penggunaannya. Daripada lebih 60 watak lebih yang diketengahkan, kira-kira separuh sahaja yang diberikan penghuraian dengan menggunakan trait. Trait ini dikesan sama ada melalui ucapan pengarang sendiri, dialog atau pemikiran watak lain atau pemikiran atau bawaan watak itu sendiri. Trait yang disebut secara jelas sahaja diambil kira.

Trait-trait ini kemudiannya dikelompokan ke dalam

34 kategori trait yang diasaskan kepada trait personaliti yang ditemui Cattell (1972) dalam usahanya merangka ukuran 16PF, iaitu alat mengukur profil personaliti. Pengkategorian perlu dilakukan kerana terdapat variasi nama-nama trait yang hampir sama. Tambahan pula, nama-nama trait yang diguna melebihi had bilangan maksimum yang dibenarkan oleh alat analisis yang diguna dalam kajian ini. Dengan menggunakan kategori ini, trait-trait yang dianggap serupa digolongkan ke dalam kategori yang sama.

Kekerapan sesuatu kategori trait diguna untuk menghuraikan watak-watak diambil sebagai markah yang mungkin diperoleh oleh sesuatu watak. Bilangan maksimum yang ditemui ialah 20, iaitu bagi trait menarik yang menghuraikan Syarifah Mahani. Angka ini dijadikan markah tertinggi yang boleh didapati sesuatu watak. Kembalikan daripada angka itu, iaitu -20 dijadikan markah minimum. Mana-mana watak yang tidak langsung tidak dihurstai dengan sesuatu kategori trait diberi markah 0, yang membawa makna *neutral*. Atas sebab-sebab teknikal, tanda-tanda tolak dibuang dengan cara menukar semua markah menjadi positif, menjadikan markah tertinggi 40, *neutral* 20 dan terendah 0.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan teknik *Repertory Grid* yang dicipta oleh Kelly (1950) dan kemudiannya diprogram untuk membolehkannya dianalisis dengan komputer oleh Slater (1972). Kaedah ini, antara lain, mendedahkan perhubungan yang wujud antara gagasan-gagasan, antara peristiwa-peristiwa dan antara gagasan dengan peristiwa itu (Collett, 1979). Dalam kajian ini kategori-kategori trait dijadikan gagasan, sementara peristiwa atau unsur yang terdiri daripada watak-watak yang didapati dihuraikan dengan sekurang-kurangnya satu trait.

Watak-watak penting dalam *SBDKL* dapat dikesan daripada senarai jumlah kuasa dua (*sum of squares*) bagi watak-watak itu. Saiz perkadaran hasil tambah ini mem-

beri ukuran kepentingan watak-watak itu dalam sistem gagasan Keris Mas. Jadual 1 memaparkan unsur-unsur yang memberi sumbangan kepada lebih dua peratus daripada varians. Didapati hanya 20 daripada 39 watak yang dijadikan objek kajian memainkan peranan penting dalam novel ini jika diukur berasaskan penghuraian trait-trait. Watak-watak lain hanya memberi sumbangan tidak lebih daripada dua peratus varians.

Jika digunakan kriteria hampir 10 peratus varians sebagai titik kesignifikan (angka ini dipilih secara arbitrari), didapati empat watak sahaja yang benar-benar penting dalam sistem gagasan Keris Mas, iaitu (mengikut kepentingan) Encik Muhammad (26.15%), Mahani (12.81%), Rahim (12.37%) dan Sudin (9.55%). Ini bermakna Keris Mas lebih kerap menghuraikan watak-watak ini dengan menggunakan trait-trait berbanding watak-watak lain. Terhadap watak-watak lain beliau sama ada memberikan terlalu sedikit trait atau tidak memberikannya langsung; dan hal ini menggambarkan sikap tidak acuh pengarang terhadap watak-watak itu. Bagi Keris Mas keempat-empat watak ini jauh lebih penting daripada yang lain dalam sistem gagasannya.

Jadual 1 Watak-watak penting dalam sistem gagasan Keris Mas.

| Kod bil. | Nama watak | Jumlah | Jumlah ganda dua | Peratus variasi |
|----------|------------------|--------|------------------|-----------------|
| 1 | Encik Muhammad | 11.78 | 8.89 | 26.15 |
| 2 | Mahani | 5.49 | 4.35 | 12.81 |
| 11 | Rahim | 1.47 | 4.20 | 12.37 |
| 16 | Sudin | 2.55 | 3.24 | 9.55 |
| 14 | Y.B. Muhd. Yusuf | 1.42 | 1.49 | 4.39 |
| 13 | Jahid | 2.21 | 1.26 | 3.72 |
| 6 | Penghulu Mahmud | -0.57 | 1.13 | 3.32 |
| 39 | Man | -2.11 | 0.95 | 2.80 |
| 12 | Puan Tipah | 0.99 | 0.94 | 2.77 |
| 31 | Lebai Maarup | -1.17 | 0.93 | 2.72 |

Analisis *Repertory Grid* juga menghasilkan jumlah variasi daripada min bagi setiap gagasan. Dalam kajian ini gagasan terdiri daripada kategori nama trait yang digunakan oleh Keris Mas seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 2. Trait yang memberi sumbangan sekurang-kurangnya 1% kepada variasi sahaja yang diperlihatkan di sini.

Jadual 2 memperlihatkan perbezaan antara trait-trait. Terdapat perbezaan yang amat ketara dalam jumlah variasi daripada min bagi gagasan-gagasan. Trait menarik menyumbangkan variasi daripada min yang terbesar (23.14%). Trait-trait lain yang memberi sumbangan sekurang-kurangnya kepada 10% variasi ialah warak (22.91%), baik hati (20.14%), dan kaki bahas (10.49%). Ini bermakna watak-watak dibezakan dengan cara yang amat ketara oleh trait-trait ini. Watak-watak itu, sebaliknya, memperlihatkan perbezaan yang amat kecil daripada segi praktikal, imaginatif, dan pendendam, iaitu kategori trait yang paling sedikit memberi sumbangan kepada

Jadual 2 Kategori nama trait yang penting dalam sistem gagasan Keris Mas.

| Kod bil. | Kategori nama trait | Min | Variasi | Peratus varians |
|----------|---------------------|-------|---------|-----------------|
| 3 | Menarik | 29.10 | 445.59 | 23.14 |
| 21 | Warak | 19.85 | 441.07 | 22.91 |
| 18 | Baik hati | 20.54 | 387.69 | 20.14 |
| 2 | Kaki bahas | 20.28 | 201.90 | 10.49 |
| 4 | Pintar | 20.41 | 49.43 | 2.57 |
| 6 | Sopan | 20.25 | 41.43 | 2.15 |
| 24 | Handal | 20.33 | 36.66 | 1.90 |
| 10 | Keusahawanan | 20.18 | 33.74 | 1.74 |
| 7 | Cekap | 20.28 | 29.89 | 1.55 |
| 12 | Ramah-tamah | 20.18 | 29.74 | 1.54 |
| 26 | Berwibawa | 20.28 | 21.89 | 1.14 |
| 33 | Bijaksana | 20.31 | 34.31 | 1.78 |
| 34 | Tenang | 20.23 | 48.92 | 2.54 |

variasi daripada min (0.05%).

Program INGRID menghasilkan pekali korelasi antara gagasan dengan unsur yang dinyatakan dalam bentuk kosin. Dengan menggunakan analisis ini, pemeriksaan boleh dilakukan ke atas trait-trait yang berkorelasi secara signifikan dengan watak-watak dalam novel *SBDKL*; dengan itu menunjukkan sifat penting watak-watak itu seperti yang diamati oleh Keris Mas. Kesemua trait yang berkorelasi secara signifikan dengan sepuluh watak penting novel ini dibentangkan dalam Jadual 3. Watak terpenting novel ini, Encik Muhammad, dihuraikan oleh Keris Mas sebagai murah hati ($r = 0.99$), ramah-tamah ($r = 0.93$), berani ($4 = 0.91$), baik hati ($r = 0.90$), tekun ($r = 0.86$), bijaksana ($r = 0.85$), keusahawanan ($r = 0.83$), banyak helah ($r = 0.83$), handal ($r = 0.82$), cerdas ($r = 0.76$), sabar ($r = 0.71$), bertimbang rasa ($r = 0.69$), pintar ($r = 0.54$), jujur ($r = 0.50$), bercita-cita tinggi ($r = 0.41$), berwibawa ($r = 0.41$) dan bermaruah ($4 = 0.39$).

Jadual 3 juga mengandungi trait-trait yang berkorelasi secara signifikan dengan Syarifah Mahani. Gadis ini dihuraikan sebagai bersifat menarik ($r = 0.92$), sopan ($r = 0.92$), cekap ($r = 0.91$), berfikir panjang ($r = 0.78$), halus cara ($r = 0.74$), pintar ($r = 0.69$), merendah diri ($r = 0.63$), dan bermaruah ($r = 0.78$). Mahani berkongsi sifat pintar dan bermaruah dengan Encik Muhammad. Rahim, anak muda daripada generasi baru, pula diperlihatkan sebagai orang yang suka berterus terang ($r = 0.99$), praktikal ($r = 0.99$), tidak imaginatif ($r = 0.99$), kaki bahas ($r = 0.98$) dan jujur ($r = 0.51$). Rahim berkongsi sifat jujur dengan Encik Muhammad tetapi tidak mempunyai sebarang sifat yang sama dengan Mahani.

Watak Sudin, seperti yang juga diperlihatkan dalam Jadual 3, berkorelasi secara signifikan dengan trait-trait pendendam ($r = 0.99$), tenang ($r = 0.95$), matang ($r = 0.83$), tidak halus cara ($r = 0.54$), keusahawanan ($r = 0.50$) dan pintar ($r = 0.39$). Sudin mempunyai kesamaan dengan Encik Muhammad dalam sifat-sifat pintar dan

Jadual 3 Hubungan antara kategori trait dengan watak-watak utama.

| Trait-trait | Encik Muham-mad | Syarikat Mahani | Rahim | Sudin | Y.B. Muhd. Yusuf | Jahid | Penghulu Mahmud | Lebai Maarup | Man |
|---------------------|-----------------|-----------------|-------|-------|------------------|-------|-----------------|--------------|-----|
| Murah hati | 0.99 | | | | | | | 0.59 | |
| Ramah-tamah | 0.93 | | | | | | | | |
| Berani | 0.91 | | | | 0.40 | | | 0.51 | |
| Baik hati | 0.90 | | | | | | | | |
| Tekun | 0.86 | | | | | | | 0.65 | |
| Bijaksana | 0.85 | | | | 0.95 | | | | |
| Keusahawanan | 0.83 | | | 0.50 | | | | | |
| Banyak helah | 0.83 | | | | 0.55 | | | | |
| Handal | 0.82 | | | | 0.44 | | | | |
| Cerdas | 0.76 | | | | | | | 0.86 | |
| Sabar | 0.71 | | | | | | | | |
| Bertimbang rasa | 0.69 | | | | | 0.51 | | | |
| Pintar | 0.54 | 0.69 | | 0.39 | | | | | |
| Jujur | 0.50 | | 0.51 | | | | | | |
| Bercita-cita tinggi | 0.41 | | | | | | 0.84 | | |
| Berwibawa | 0.41 | | | | | | | | |
| Bermaruah | 0.39 | 0.45 | | | | 0.88 | | | |
| Menarik | | 0.92 | | | | | | | |
| Sopan | | 0.92 | | | | 0.44 | | | |

sambungan Jadual 3

keusahawanan, sama dengan Mahani dalam sifat pintar tetapi bertentangan daripada segi kehalusan cara. Trait-trait yang berhubungan secara signifikan dengan Y.B. Muhd. Yusuff pula ialah bijaksana ($r = 0.40$). Tiga daripada sifat-sifat ini serupa dengan Encik Muhammad iaitu berani, banyak helah, dan bijaksana. Tidak ada sebarang sifat yang sama antara Yang Berhormat ini sama ada dengan Mahani, Rahim atau Sudin.

Jadual 3 juga menunjukkan trait-trait yang berkorelasi secara signifikan dengan Jahid, Penghulu Mahmud, dan Man. Jahid didapati bersifat bermaruah ($r = 0.88$), matang ($r = 0.55$), bertimbang rasa ($r = 0.51$), berfikir panjang ($r = 0.49$), dan sopan ($r = 0.44$). Hanya dua trait yang berkorelasi secara signifikan dengan Penghulu Mahmud iaitu bercita-cita tinggi ($r = 0.84$) dan tidak tekun ($r = 0.52$). Puan Tipah pula didapati berhubung secara signifikan hanya dengan dua kategori trait iaitu tegas ($r = 0.89$) dan berwibawa ($r = 0.72$). Lebai Maarup dihuraikan secara signifikan sebagai bersifat cerdas ($r = 0.86$), tekun ($r = 0.65$), berani ($r = 0.51$) dan ramah-tamah ($r = 0.59$). Watak penting yang terakhir, iaitu Man, berkorelasi negatif secara signifikan dengan trait warak ($r = 0.99$), membawa makna Man orang yang tidak warak.

Tiga persoalan tentang perwatakan dalam novel *SBDKL* cuba dijawab oleh kajian ini, iaitu siapakah watak-watak, apakah trait manusia yang penting digunakan oleh pengarang untuk membezakan watak-wataknya, dan apakah sifat penting watak utamanya? Berasaskan kekerapan penghuraianya dengan menggunakan trait-trait, hanya empat watak yang diberi lebih banyak tumpuan dalam novel ini iaitu Encik Muhammad, Mahani, Rahim, dan Sudin. Kesemuanya memberi sumbangan kepada sekurang-kurangnya 10% variasi daripada min. Watak-watak ini hidup di sepanjang cerita. Oleh sebab itu, tidaklah menghairankan jika Keris Mas perlu lebih kerap menggunakan trait-trait untuk menghuraikannya. Dengan sebab itu, watak-watak ini, bolehlah dianggap sebagai

watak-watak utama novel ini.

Y.B. Muhd. Yusuf, Jahid, Penghulu Mahmud, Puan Tipah, Lebai Maarup dan Man boleh dianggap sebagai watak-watak sampingan atau pembantu kerana memberi sumbangan yang lebih kecil kepada variasi jika dibandingkan dengan watak-watak utama, tetapi tidak terlalu kecil jika dibandingkan dengan watak-watak lain. Watak-watak antagonis – Lebai Maarup dan Man – dihidupkan dalam jangka masa yang lebih singkat berbanding dengan watak-watak lain, tetapi kedua-uanya masih muncul sebagai watak-watak pembantu yang lebih penting daripada watak-watak lain yang setengah-setengahnya hidup sejak awal cerita. Hal ini menunjukkan bahawa Keris Mas menggunakan trait-trait secara intensif untuk menghuraikan kedua-dua watak itu dalam jangka masa yang singkat.

Kajian ini mengesahkan pandangan Abdullah Tahir (1983) bahawa sungguhpun *SBDKL* mengemukakan manusia daripada tiga generasi tetapi tumpuan diberikan kepada generasi kedua dan ketiga sahaja. Daripada kedua-dua generasi ini pun hanya sedikit yang benar-benar diberi perhatian utama. Walaupun terdapat lebih 60 watak, tetapi kebanyakannya hanya menjadi latar penceritaan. Berasaskan keputusan yang diperoleh bolehlah disimpulkan bahawa *SBDKL* mengemukakan tiga jenis watak, iaitu watak-watak yang terdiri daripada Encik Muhammad. Mahani, Rahim dan Sudin, watak-watak pembantu yang terdiri daripada Y.B. Muhd. Yusuf, Jahid, Penghulu Mahmud, Puan Tipah, Lebai Maarup dan Man; dan watak-watak tambahan iaitu watak-watak lain yang tidak termasuk dalam dua kategori yang tersebut.

Kemunculan beberapa watak penting mungkin ada kaitan dengan beberapa trait tertentu, kerana empat trait sahaja yang didapati cukup membezakan kalangan watak-watak, iaitu menarik, warak, baik hati dan kaki bahas. Trait-trait ini memberikan sumbangan lebih 10 peratus variasi. Hal ini bermakna trait-trait tersebut

dihurai dengan cara yang amat khusus, iaitu terhadap watak-watak tertentu sahaja. Trait-trait lain disebarluaskan kepada lebih banyak watak, menjadikannya kurang membezakan antara satu sama lain.

Sifat-sifat penting watak utama dan watak pembantu dapat dikesan daripada keputusan analisis hubungan antara watak dengan trait. Encik Muhammad dihuraikan sebagai orang yang murah hati, ramah-tamah, berani, baik hati, tekun, bijaksana, keusahawanan, banyak helah, sabar, bertimbang rasa, pintar, jujur, bercita-cita tinggi, berwibawa dan bermaruah. Watak paling penting ini dihubungkan dengan 17 trait, iaitu separuh daripada kategori trait yang ditemui dalam novel ini. Dalam diri Encik Muhammad terpancar ciri-ciri seorang usahawan yang antara lain, berani mengambil risiko, berdaya usaha, pintar berdepan dengan suasana, banyak helah dalam tindakannya dan berwibawa. Tetapi, usahawan ini baik hati terhadap orang lain dan sentiasa bersedia memberi pertolongan. Sebahagian daripada sifat-sifat watak utama ini yang disimpulkan oleh Abdullah Tahir (1983) seperti berani menghadapi cabaran, cerdik, baik hati dan pemurah disahkan oleh kajian ini.

Sifat Mahani yang paling ketara ialah kecantikannya. Gadis manis ini cukup bersopan santun, cekap, berfikir panjang, halus tindakannya, pintar, merendah diri dan bermaruah. Sifat-sifat ini menggambarkan Mahani sebagai gadis yang amat tertib. Mahani berkongsi sifat pintar dan bermaruah dengan Encik Muhammad.

Watak ketiga penting dalam novel ini, Rahim, merupakan anak muda lambang generasi baru yang gemar mempersoalkan sistem yang sedia ada. Dia kaki bahas, praktikal, tidak imaginatif dan seperti Encik Muhammad, dia orang yang jujur. Walaupun dalam cerita ini dijodohkan dengan Mahani, tetapi, dari segi sifat, mereka tidak mempunyai persamaan yang cukup untuk hidup bersama.

Sudin digambarkan sebagai orang yang riang, tenang, matang, dan pintar; tetapi orang muda ini tidak halus

dalam cara tindakannya dan suka pula menyimpan dendam. Ada benih keusahawanan dalam diri Sudin, menjadikan watak ini sebagai lambang kepada potensi kemajuan yang tidak diperkembangkan seperti yang banyak terdapat di desa kini. Dengan peluang baru perniagaan yang sedang terbuka watak-watak seperti ini sedang berkembang luas dalam masyarakat. Sudin mempunyai kesamaan dengan Encik Muhammad daripada segi kepintaran dan keusahawanan. Mungkin benar seperti kata Abdullah Tahir (1983), Sudin mulai mempelajari kelihaihan, kecekapan, dan kehalusan cara daripada Encik Muhammad.

Y.B. Muhd. Yusuf mempunyai sifat-sifat yang sama dengan Encik Muhammad daripada segi kebijaksanaan, kehandalan, dan banyak helah. Selain itu, dia juga orang yang berani. Barangkali kesemuanya itu, terutamanya banyak helah, adalah sifat-sifat yang tipikal bagi seorang wakil rakyat dalam pengamatan orang biasa. Jahid pula, seperti Mahani, bersifat sopan, bermaruah dan berfikir panjang, seperti Encik Muhammad, dia bertimbang rasa; dan seperti Sudin, dia orang yang tenang. Sifat Puan Tipah yang tegas tidak dimiliki oleh watak-watak lain. Selain itu, Puan Tipah berkongsi dengan suaminya, Encik Muhammad, dari segi kewibawaan.

Watak antagonis terpenting ialah Lebai Maarup. Lebai Maarup dihurai sebagai orang yang cerdas, tekun, ramah tamah, dan berani. Pembaca *SBDKL* mungkin mendapat tanggapan bahawa Lebai Maarup orang alim yang taat beragama. Tetapi, analisis hubungan disignifikan dengan trait watak. Keputusan ini tidak bermakna lebai ini tidak warak, tetapi membuktikan bagaimana pelukisan watak dalam novel boleh dibuat bukan sekadar menggunakan trait-trait malah melalui huraian pakaian, tempat tinggal, cara berkata-kata, dan unsur persekitaran watak yang lain yang kesemuanya tidak diambil kira dalam kajian ini.

Kajian ini hanya cuba mengenal pasti watak-watak

penting dalam *SBDKL* dan sifat-sifat penting mereka berdasarkan kekerapan trait diguna untuk menghuraikan setiap watak. Oleh sebab itu, keputusan yang diperlihatkan di sini bergantung penuh pada perkataan-perkataan trait yang diguna oleh pengarang. Akibatnya sebahagian daripada maklumat yang perlu tentang watak dan perwatakan telah hilang. Watak Encik Muhammad, misalnya, disimpulkan oleh Abdullah Tahir (1983) sebagai manusia yang hidup sekali gus dalam kebaikan dan kejahatan. Tetapi, kajian ini menunjukkan usahawan ini dihuraikan dengan sifat-sifat yang baik kesemuanya.

Pertentangan kesimpulan seperti ini mungkin dapat diselesaikan dengan pemeriksaan yang lebih mendalam terhadap novel ini. Untuk mendapat gambaran yang lebih terperinci perlu dikuantifikasi bukan sahaja trait-trait yang disebutkan malah setiap tingkah laku dan gelagat watak-watak termasuk pakaiannya, cara berjalan, tempat tinggal, cara bercakap, orang-orang yang dihubungi dan tidak ketinggalan juga fikiran dan perasaan. Kajian ini diharap akan dapat merangangkan kajian kuantitatif yang lebih intensif terhadap novel-novel Melayu.

Bibliografi

- Abdul Ghani Abdullah, 1983. "Muslihat Saudagar Besar". *Dewan Sastera*, April, 1983.
- Abdullah Tahir, 1983. "Manusia Berkepentingan dalam Novel *Saudagar Besar* dari Kuala Lumpur". *Dewan Sastera*, April 1983.
- Cattell, R.B., 1972. *Description and Measurement of Personality*. New York: Johnson Reprint Corporation.
- Collett, R., 1979. "The Repertory Grid in Psychological Research". Dalam G.P. Ginsburg (Peny.) *Emerging Strategies in Social Psychological Research*. New York: John Wiley & Sons.
- Hashim Awang, 1983. "Kajian Struktur dalam Novel-novel Melayu: Satu Pasak Mendesak". *Dewan Sastera*, April 1983.
- Illias Zaidi, 1976. *Biografi Penulis dan Karya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- Jurnal *Sari* 3 (2) Julai 1985.
- Kelly, G.A., 1955. *The Psychology of Personal Constructs*. New York: Norton & Co. Inc., 2 Jil.

SIFAT-SIFAT PENTING WATAK UTAMA NOVEL SBDKL

- Kerajaan Malaysia, 1970. *Rancangan Malaysia Kedua 1970-1975*. Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia.
- Keris Mas, 1982. *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slater, P., 1972. *Notes on Ingrid 72*. St. George's Hospital, London. (Mimeo).

Perspektif Psikologi Keris Mas dan Teori Personaliti dalam *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

AMINUDDIN MOHD. YUSOF

NOVEL *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (*SBDKL*) mengetengahkan lebih 60 watak, termasuk beberapa watak yang tidak diberi nama seperti ibu Sudin dan ayah Sani. Dua daripada watak yang ditemui menggunakan nama yang sama iaitu Ali tukang kebun dan Ali jaga kereta. Sungguhpun amat banyak watak yang diguna untuk menghidupkan novel ini, tetapi kira-kira separuh daripadanya sahaja yang diberi huraian dengan menggunakan trait.

Cara yang paling biasa digunakan oleh pengarang untuk menghuraikan trait bagi sesuatu watak dalam karya ialah melalui penceritaan atau kenyataan pengarang sendiri, melalui dialog oleh watak-watak lain yang berinteraksi dengannya, dan melalui dakwaan atau pemikiran watak itu sendiri. Cara ini dijadikan panduan untuk memetik trait watak seperti yang digunakan oleh Keris Mas. Sebagai contoh diturunkan trait yang diperoleh daripada tiga kategori itu;

Ucapan pengarang

- (a) Setiausaha yang jelita itu mempersilakannya masuk. (Hlm. 1)
- (b) Dia disayangi di samping disegani oleh pembantu-

pembantu rumahnya kerana sikapnya yang ramah tapi tegas itu. (Hlm. 2)

- (c) Orang yang melihat merasa akan kemesraan dan keramahan tuan rumah. (Hlm. 146)

Dialog atau Pemikiran Watak Lain

- (a) "Pak Cik Mat tu baik. Dia macam walid, bijak dan bertimbang rasa". (Hlm. 84)
- (b) "Tandanya ada tradisi itu boleh kita lihat pada kawan kita, Encik Muhammad. Dia memperlihatkan kewibawaan seorang dagang dan usahawan yang ulung, lebik baik dari setengah-setengah orang Cina sendiri". (Hlm. 15)
- (c) Sepanjang yang diingatnya Robert bukan kaki lawan. Di sekolah dia terkenal sebagai kaki mengalah. Dia selalu suka damai. Tidak suka gaduh-gaduh. (Hlm. 159)

Pemikiran atau Dakwaan Watak Sendiri

- (a) Sudin tiba-tiba menjadi hairan terhadap dirinya sendiri. Dulu dia tidak pernah berfikir-fikir begitu. Dulu dia hanya *mengikut kata hati* sahaja, bercakap, bertindak dan membuat keputusan *selalu spontan, tidak pernah banyak fikir*. (Hlm. 110)
- (b) "Aku tidak biasa sembunyi-sembunyi. Dengan siapa pun aku *selalu berterus terang*". (Hlm. 156)
- (c) "Saya ini orang *jahil, Lebai*". (Hlm. 330)

Nama-nama trait yang jelas disebut sahaja yang diambil kira untuk tujuan kajian ini. Tiada percubaan dibuat untuk menarik inferens daripada tingkah laku, pakaian, tempat tinggal, pekerjaan, hak milik dan hasil. Trait-trait yang bersifat sementara seperti "Kurang periksa Cik Puan", jawabnya *sopan* dan *hormat* (hlm. 18) juga tidak diambil kira. Novel ini telah dibaca sebanyak tiga kali – pertama, untuk mendapatkan gambaran umum ten-

tang latar belakang ceritanya; kedua, untuk mencatatkan nama-nama watak dan nama-nama trait yang diguna oleh pengarang; dan ketiga, untuk menyemak semula jika terdapat sebarang ketinggalan.

Secara ideal, analisis lebih baik dilakukan ke atas nama-nama trait asal yang digunakan oleh Keris Mas tanpa merubah bentuknya, tetapi hal ini tidak dapat dilakukan kerana dua sebab. Pertama, pengarang menggunakan variasi nama-nama trait yang berbeza untuk merujuk kepada trait-trait yang sama atau hampir sama seperti "baik budi" dan "murah hati". Kedua, nama-nama trait yang diguna dalam kajian ini melebihi bilangan 40, iaitu had maksimum yang dibenarkan oleh alat analisis yang digunakan dalam kajian ini. Oleh sebab itu, nama-nama trait itu diklasifikasi mengikut kategori trait yang ditetapkan.

Pada mulanya dicadangkan untuk mengkategorikan trait-trait itu berasaskan 16 profil personaliti (16PF) Cattell (1972); tetapi, oleh kerana trait-trait personaliti seperti yang terdapat dalam profil itu kecil bilangannya, ada kemungkinan banyak nama trait yang akan kehilangan maknanya jika ia diguna. Tambahan pula terdapat nama trait dalam bahasa Melayu yang kurang mampu dikan-dung oleh 16 faktor itu. Cattell (1972) dalam usahanya merangka ukuran 16PF telah mengenal pasti 171 pem-boleh ubah yang mengandungi sfera personaliti (*personality sphere*) yang lengkap berasaskan senarai trait asas yang merupakan gabungan daripada perkataan yang terdapat dalam kamus dengan istilah teknikal psikologi. Senarai ini nampaknya lebih sesuai diguna sebagai asas untuk mengkategorikan trait-trait yang terdapat dalam novel yang dikaji. Dengan menggunakan senarai ini didapati kesemua nama trait yang diguna oleh Keris Mas dapat dikategorikan ke dalam 34 daripada 171 kategori trait tersebut. Jadual 1 menggambarkan taburan kekerapan nama trait yang disebut oleh Keris Mas.

Dengan menggunakan kategori ini trait yang dianggap

Jadual 1 Kategori nama trait yang disebut dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*.

| Bil. | Kategori trait | Kekerapan |
|------|---|-----------|
| 1. | Bercita-cita tinggi - tak bercita-cita tinggi | 3 |
| 2. | Kaki bahas - bukan kaki bahas | 17 |
| 3. | Menarik - tak menarik | 47 |
| 4. | Pintar - tak pintar | 18 |
| 5. | Berani - penakut | 6 |
| 6. | Sopan - tak sopan | 12 |
| 7. | Cekap - tak cekap | 11 |
| 8. | Riang - muram | 4 |
| 9. | Tekun - tak tekun | 4 |
| 10. | Keusahawanan - bukan keusahawanan | 10 |
| 11. | Berterus terang - berahsia-rahsia | 1 |
| 12. | Ramah-tamah - sompong | 9 |
| 13. | Murah hati - kedekut | 3 |
| 14. | Jujur - tak jujur | 4 |
| 15. | Merendah diri - meninggi diri | 3 |
| 16. | Cerdas - lembab | 2 |
| 17. | Imaginatif - tak imaginatif | 1 |
| 18. | Baik hati - busuk hati | 40 |
| 19. | Bertimbang rasa - tak bertimbang rasa | 9 |
| 20. | Matang - tak matang | 6 |
| 21. | Warak - tak warak | 20 |
| 22. | Sabar - tak sabar | 2 |
| 23. | Praktikal - tak realistik | 1 |
| 24. | Handal - tak handal | 15 |
| 25. | Banyak helah | 4 |
| 26. | Berwibawa - tak berwibawa | 11 |
| 27. | Berhemah tinggi - tak berhemah tinggi | 5 |
| 28. | Halus cara - tak halus cara | 8 |
| 29. | Berfikir panjang - tak berfikir panjang | 6 |
| 30. | Tegas - tak tegas | 2 |
| 31. | Banyak cakap - pendiam | 2 |
| 32. | Pendendam - bukan pendendam | 1 |
| 33. | Bijaksana - bodoh | 12 |
| 34. | Tenang - tak tenang | 9 |

membawa makna yang serupa telah digolongkan ke dalam satu kategori. Misalnya, trait "mahir hubungan awam", "pandai melayan tabii manusia", "menolong" dan yang seumpamanya digolong ke dalam kategori "bertimbang rasa". Jika terdapat keraguan tentang sama ada dua trait itu serupa atau tidak, kedua-duanya dikategorikan ke dalam dua kategori yang berbeza supaya dapat diserahkan kepada analisis pekali korelasi untuk meramalkan statusnya. Trait "pintar" dan "bijak", misalnya, walaupun mungkin membawa makna yang hampir sama tetapi nampaknya diguna oleh Keris Mas untuk maksud yang berbeza; dan, oleh sebab itu, masing-masing dikategorikan sebagai "pintar" dan "bijak".

Kecuali beberapa sifat yang memerlukan inferens, tidak terdapat kesukaran untuk mengkategorikan trait ke dalam kategori yang ditetapkan. Antara contoh nama trait yang sukar diklasifikasi ialah "benar-benar pengurus", "benar-benar saudagar" yang membawa konotasi lebih daripada satu trait tetapi hanya dikategorikan sebagai satu trait iaitu di bawah kategori "keusahawanan". Sementara itu, trait-trait seperti "pandai mentadbir" dikategorikan hanya sebagai "pintar".

Pemberian markah berdasarkan kategori-kategori nama trait terhadap setiap watak dibuat dengan mengira jumlah kekerapan trait itu diguna bagi menghuraikan watak-watak. Didapati watak Syarifah Mahani paling kerap dihuraikan sebagai 'menarik', iaitu sebanyak 20 kali. Tidak terdapat mana-mana watak lain yang dihuraikan dengan mana-mana juga trait yang melebihi angka itu. Oleh sebab itu, angka ini dipilih sebagai skor tertinggi yang diperoleh oleh sesuatu watak. Oleh kerana setengah-setengah trait yang diguna untuk menghuraikan sesuatu watak secara positif diguna pula secara negatif untuk menghuraikan watak lain, maka skor terendah dalam bentuk negatif ditetapkan sebanyak -20. Mana-mana watak yang tidak langsung diberi huraihan dalam sesuatu kategori trait diberi markah 0, yang membawa maksud

neutral dan bukannya negatif. Atas sebab-sebab teknikal, tanda tolak telah dibuang dengan cara menukar kese-mua skor itu menjadi positif. Ini menjadikan markah tertinggi 40, *neutral* 20, dan terendah 0.

Pengamatan seseorang terhadap orang-orang di seke-lilingnya melibatkan perbandingan antara seseorang dengan yang lainnya. Pengarang mungkin mengalami proses yang sama. Apabila Keris Mas menghuraikan Mahani sebagai "cekap", beliau menghayatinya dalam bentuk relatif, iaitu berbanding dengan watak lain yang diamatinya sebagai tidak cekap. Perbandingan ini melibatkan penilaian. Di sebalik setiap penilaian yang dibuat oleh seseorang (sama ada secara sedar atau tidak) tersembunyi teori personaliti terselindungnya tentang realiti peristiwa yang diberinya penilaian. Struktur dan kandungan teori yang terselindung seperti ini boleh diukur dengan menggunakan antara lain teknik *Repertory Grid* yang pada mulanya dikembangkan oleh Kelly (1955) dan kemudiannya diprogramkan supaya boleh dianalisis dengan komputer oleh Slater (1972).

Teknik ini dicipta oleh Kelly (1950) sebagai satu kaedah untuk meneroka sistem gagasan seseorang. Ia merupakan suatu percubaan "... memakai kasut orang lain, melihat dunia mereka seperti yang diamati oleh mereka, mema-hami situasi mereka, prihatin mereka ..." (Fransella dan Bannister, 1977:5). Kaedah ini menyediakan bukan sahaja satu skema sistematis untuk memeriksa gagasan sese-orang malah mendedahkan perhubungan yang wujud antara gagasan-gagasan, antara peristiwa-peristiwa yang dihuraikan oleh gagasan-gagasan itu dan di antara gagasan-gagasan dengan peristiwa-peristiwa itu (Collett, 1979). Oleh kerana ini berupa antara tujuan kajian ini, maka teknik ini dipilih sebagai alat untuk menganalisis sistem gagasan Keris Mas yang menjadi subjek kajian ini.

Sesuatu grid mengandungi gagasan-gagasan yang disusun menegak (dari atas ke bawah) dan peristiwa atau unsur yang disusun mendatar (dari kiri ke kanan). "Un-

sur" ialah benda, peristiwa atau orang yang menjadi objek amatan. Dalam kajian ini unsur terdiri daripada watak-watak yang terdapat dalam novel *SBDKL*. Oleh kerana bilangan watak dalam novel ini (lebih 60 orang) melebihi bilangan yang mampu dianalisis dengan program komputer yang sedia ada, hanya watak-watak yang dihurai-kan dengan sekurang-kurangnya satu trait yang dipilih untuk analisis, menjadikan bilangan unsur bagi grid dalam kajian ini sebanyak 39. Watak-watak lain, kalau dimasukkan pun, tidak akan mempengaruhi keputusan, kerana kesemuanya mendapat markah *neutral* dalam semua trait.

"Gagasan" dalam istilah Kelly merupakan paksi rujukan; suatu dimensi penilaian yang asas, selalunya bukan bersifat lisan, sering tidak dilambangkan dan kerap tidak disignifikasi oleh apa cara pun kecuali oleh proses unsur yang dikuasainya (Fransella dan Bannister, 1977). Ini adalah cara individu melihat dunianya. Dalam kajian ini gagasan yang digunakan ialah kategori nama-nama trait seperti dalam Jadual 1 yang diguna oleh Keris Mas untuk menghuraikan watak-watak dalam novelnya. Dalam semua definisinya, Kelly (1955) terus-menerus menyatakan bahawa gagasan bersifat dwikutub. Kita tidak pernah mengesahkan sesuatu tanpa pada masa yang sama menafikan sesuatu (Fransella dan Bannister, 1977). Oleh sebab itu, walaupun Keris Mas mungkin tidak menyebut kata lawan kepada nama-nama traitnya, kata lawan itu terpaksa diwujudkan secara andaian. Collett (1979) men-cadangkan bahawa bagi kebanyakan trait adalah lebih selamat untuk memberi kata lawan nafian seperti "sopan lawan tak sopan" daripada memberi kata lawan yang khusus seperti "murah hati lawan kedekut". Saranan ini diikuti bagi kategori nama trait yang sukar diberi kata lawannya.

Teknik analisis *Repertory Grid*, melalui program INGRID yang dtulis oleh Slater (1972), menyediakan beberapa jenis analisis. Dalam kajian ini, Model Penilaian atau pertim-

bangun personaliti – iaitu yang menggambarkan bagaimana Keris Mas meletakkan watak-wataknya dalam rangka sistem gagasan – akan dipersembahkan dalam bentuk peta kognitif yang dibina berasaskan analisis komponen asas. Model Inferens sifat-sifat pula – iaitu yang menggambarkan bagaimana Keris Mas mengorganisasikan maklumat-maklumat untuk membina teorinya tentang manusia – diperlihatkan melalui analisis saling hubungan antara gagasan dan peta taburan gagasan-gagasan itu.

Teknik *Repertory Grid* yang bermula daripada persekitaran klinik (Kelly, 1955) diguna dengan berbagai-bagai cara sama ada di dalam atau di luar lingkungan teorinya seperti dalam bidang-bidang psikopatologi (misalnya Makhlof Norris, Jones dan Norris, 1970), psikoterapi (Slater, 1976), struktur dan kekompleksan kognitif (Beiri, 1955), bimbingan kerjaya (Smith, Hartley, dan Stewart, 1978), dan pengamatan sosial (Bender, 1974). Teknik ini juga semakin pesat diguna di Malaysia seperti dalam kajian-kajian Aminuddin (1979), Wan Rafaei (1980), Wan Rafaei (1983), dan Abdul Halim, Wan Rafaei dan Aminuddin (1983).

Trend Dasar dalam Pengamatan Keris Mas

Program INGRID menyediakan analisis komponen asas (*principal component analysis*) yang dapat digunakan untuk melihat trend yang terselindung di sebalik pengamatan seseorang. Ia merupakan kaedah pelbagai dimensi yang digunakan ke atas korelasi antara sesama gagasan, sesama unsur, dan antara gagasan dengan unsur. Sesuatu komponen ialah satu kumpulan gagasan dan unsur yang diamati oleh subjek dengan cara yang sama. Analisis komponen asas ke atas pengamatan Keris Mas menunjukkan bahawa empat komponen memberi sumbangan yang besar kepada varians iaitu 66.0%. Keempat-empat komponen akan dibincangkan di bawah, tetapi atas sebab-sebab teknikal hanya tiga komponen yang pertama akan

dipetakan. Kandungan psikologi bagi komponen-komponen ini ditentukan oleh *loading* dan/atau *vector* bagi setiap unsur dan gagasan. Dengan menggunakan *loading* atau *vector* ini komponen-komponen itu boleh diberi nama khusus berasaskan ciri-ciri umum yang terkandung dalam semua gagasan dan unsur yang membentuk komponen itu.

Jadual 2 menyenaraikan kategori trait dan watak-watak yang paling tinggi *vector* atau *loadingnya* dalam komponen pertama. Komponen ini didapati terbina oleh sifat-sifat murah hati, ramah-tamah, berani, baik hati dan bijaksana yang dikaitkan dengan watak-watak Encik Muhammad dan Mahani. Kesemua trait yang terkandung dalam komponen ini bersifat sosial. Manusia jenis ini dirangsang oleh keperluan sosial dalam istilah Maslow (1960). Unsur sepunya yang nampaknya dimiliki oleh semua trait ini ialah rasa simpati terhadap orang lain. Trait "berani" mungkin diragui sebagai membawa konotasi yang sama tetapi "berani" dalam konteks ini boleh membawa makna "langsung" atau "menonjol diri" dalam

Jadual 2 Trait dan watak penting dalam komponen pertama.

| Bil. | Kategori trait | Vektor | Perkataan lawan |
|------|----------------|--------|-----------------|
| 13 | Murah hati | 0.31 | Kedekut |
| 12 | Ramah-tamah | 0.30 | Sombong |
| 5 | Berani | 0.29 | Pengecut |
| 18 | Baik hati | 0.28 | Busuk hati |
| 33 | Bijaksana | 0.27 | Bodoh |

TINGGI BUDI

RENDAH BUDI

| Bil. | Watak | <i>Loading (+)</i> | <i>Loading (-)</i> | Watak | Isi |
|------|--------------|--------------------|--------------------|-------------|-----|
| 1 | En. Muhammad | 2.96 | -2.30 | Man | 39 |
| 2 | Mahani | 0.23 | -0.19 | Sani broker | 28 |

menghadapi orang lain; berani berhadapan dengan orang lain dan tidak menarik diri.

Perkataan dalam bahasa Melayu yang barangkali paling tepat menggambarkan rasa simpati dan kebijikan sosial seperti ini ialah "budi". *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970) memberi makna budi sebagai (i) akal; kebijaksanaan (ii) sifat baik, perbuatan baik, kebijikan dan (iii) baik hati, pemurah. Istilah "budi" nampaknya merangkumi hampir kesemua sifat yang terkandung dalam komponen pertama sistem gagasan Keris Mas. Ia dengan sendirinya memasukkan trait "bijaksana" yang pada mulanya mungkin diragui sebagai mengandungi konotasi sifat sosial. Oleh itu, amatlah sesuai untuk menamakan komponen ini sebagai "tinggi budi" lawan "rendah budi". Sifat lawan ini dikaitkan dengan Man dan Sani broker.

Jadual 3 memperlihatkan trait-trait dan watak-watak yang tinggi dari segi *loading* atau *vector* dalam komponen kedua. Trait "cekap" dihubungkan dengan sifat menarik dari segi fizikal, sopan, dan berfikir panjang yang mencirikan watak Mahani dan Jahid. Kecuali tarikan fizikal, orang yang digambarkan oleh sifat-sifat ini dikawal kuat, dalam istilah Freud (Cattell, 1972), oleh *superego* mereka. Mereka kuat terikat dengan aturan. Terdapat keinginan untuk menjadi "baik" dalam pandangan orang lain. Dalam profil personaliti Cattell (1972) orang seperti ini bersifat *conscientious* dengan maksud setia kepada hati kecil. Oleh sebab itu, mereka bersungguh-sungguh dan amat berhati-hati dalam tindakan.

Dalam bahasa harian, sifat yang selalu diberikan kepada gadis cantik yang membuat kerja dengan cara yang halus, bersopan santun, cekap dan cekat sehingga dipandang manis ialah "tertib". Tertib asalnya bermakna "teratur". Sifat ini sekali gus menyerlahkan kesopanan dan kecekapan. Kecantikan atau kekacakan menjadi begitu signifikan untuk menambah kesantunan. Perkataan "sopan" atau "sopan santun" mungkin sesuai untuk memberi

Jadual 3 Trait dan watak penting dalam komponen kedua.

| Bil. | Kategori trait | Vektor | Kata lawan |
|------|------------------|--------|-------------------|
| 7 | Cekap | 0.39 | Tak cekap |
| 3 | Menarik | 0.39 | Tak menarik |
| 6 | Sopan | 0.38 | Kasar |
| 29 | Berfikir panjang | 0.35 | Tak fikir panjang |

TERTIB

LEPAS LAKU

| Bil. | Watak | Loading (+) | Loading (-) | Watak | Isi |
|------|--------|-------------|-------------|-------|-----|
| 2 | Mahani | 1.97 | -0.66 | Rahim | 3 |
| 13 | Jahid | 0.45 | | | |

makna kepada sifat begini, tetapi kedua-duanya kurang tepat untuk merangkumi trait cekap dan berfikir panjang. Oleh sebab itu, dimensi ini diberi nama "tertib".

Kata lawan bagi "tertib" yang paling sesuai ialah "lin-cah", kerana salah satu makna perkataan ini yang disebut dalam *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982) ialah "tidak boleh diam atau bergerak selalu". Tetapi, oleh kerana perkataan ini sering diguna dengan maksud negatif, maka nama ini tidak sesuai untuk digunakan di sini. Keadaan bebas daripada aturan di sini tidak membawa makna negatif. Ia hanya menunjukkan seseorang yang melaksanakan kerja dengan cara yang tidak terlalu berhati-hati – suatu sifat yang tidak sangat dirangsang oleh keperluan keselamatan. Oleh itu, kata lawan yang dipilih bagi trait tertib dalam kajian ini ialah "lepas laku" – salah satu trait yang digunakan oleh Keris Mas.

Jadual 4 pula memperlihatkan trait-trait dan watak-watak yang tinggi *loading* atau *vector*nya dalam komponen ketiga. Trait berterus terang mempunyai berat yang sama dengan kaki bahas, tidak imaginatif dan praktikal. Dua watak dicirikan oleh hujung positif dimensi ini iaitu Rahim dan Mahani. Yang tergambar dalam dimensi ini

Jadual 4 Trait dan watak penting dalam komponen ketiga.

| Bil. | Kategori Trait | Vektor | Kata lawan |
|------|----------------|--------|------------------|
| 11 | Terus terang | 0.45 | Berahsia-rahsia |
| 2 | Kaki bahas | 0.45 | Bukan kaki bahas |
| 17 | Tak Imaginatif | -0.45 | Imaginatif |
| 23 | Praktikal | 0.45 | Tak realistik |

BERTERUS TERANG

BERAHSIA-RAHSIA

| Bil. | Watak | Loading (+) | Loading (-) | Watak | Isi |
|------|--------|-------------|-------------|-------|-----|
| 11 | Rahim | 1.92 | -1 | Man | 6 |
| 2 | Mahani | 0.53 | | | |

ialah seorang yang tidak berahsia-rahsia, sedia meluahkan fikiran secara berterus terang dan tidak suka berselindung-selindung dalam perhubungan dengan orang lain. Merujuk kepada profil personaliti Cattell (1971), dimensi ini hampir sama dengan faktor *outspoken*. Walaupun agak kurang tepat untuk menggambarkan istilah ini, keputusan telah dibuat untuk mengekalkan trait pertama dalam dimensi ini sebagai nama komponen ini, iaitu "berterus terang" lawan "berahsia-rahsia". Trait terus terang boleh merangkumi kaki bahas, kerana orang yang suka berhujah jarang berahsia-rahsia. Trait praktikal dan tidak berangan-angan juga serasi dengan nama itu.

Jadual 5 memperlihatkan trait-trait dan watak-watak yang membentuk komponen keempat. Terlalu sedikit residual yang tertinggal selepas diperah tiga komponen yang disebut lebih awal. Hanya tiga trait yang masih tinggal dan mencirikan dimensi keempat ini iaitu tenang, riang dan matang yang dihubungkan dengan watak Sudin. Trait-trait ini menggambarkan kekuatan pertahanan ego, tenang dan riang dalam menghadapi masalah dan matang dalam membuat keputusan. Trait-trait ini – kecuali trait riang – dengan tepat mencirikan juga faktor C dalam profil

Jadual 5 Trait dan watak penting dalam komponen keempat.

| Bil. | Kategori trait | Vektor | Kata lawan |
|------|----------------|--------|------------|
| 34 | Tenang | 0.53 | Tak tenang |
| 8 | Riang | 0.48 | Muram |
| 20 | Matang | 0.46 | Tak matang |

STABIL

MUDAH TERSENTUH

| Bil. | Watak | Loading (+) | Loading (-) | Watak | Isi |
|------|-------|-------------|-------------|-------|-----|
| 16 | Sudin | | -1.76 | | |

personaliti Cattell (1972). Oleh itu, dimensi ini boleh diberi nama yang hampir sama dengan faktor Cattell (1972), iaitu "stabil emosi" dengan kata lawannya "mudah tersentuh".

Keempat-empat komponen yang telah dibincangkan memperlihatkan model inferens sifat dan pertimbangan personaliti yang digunakan oleh Keris Mas. Analisis saling hubungan antara watak dengan trait dan antara watak dan trait sesama sendiri mendedahkan kedimensian yang digunakan oleh Keris Mas – mungkin di luar kesedarannya – untuk menghakimkan manusia yang diwakili oleh watak-watak dalam novelnya. Bilangan trait yang pada asalnya berjumlah 34 itu dikurangkan menjadi empat gagasan asas. Hal ini membawa implikasi bahawa sungguhpun Keris Mas menggunakan lebih banyak pemboleh ubah yang menghuraikan ciri-ciri peribadi, tetapi pada praktiknya sistem gagasannya lebih mudah daripada itu, iaitu mengandungi empat gagasan sahaja. Bilangan dimensi yang diperlukan untuk mewakili pertimbangan terhadap manusia akan menentukan sistem gagasan atau struktur kognitif seseorang (Rosenberg dan Jones, 1972). Dan bagi Keris Mas, bilangan ini empat sahaja.

Menurut Wegner dan Vallecher (1977), dalam kebanyakan kajian tentang pertimbangan personaliti, tiga

dimensi umum yang selalu dikenal pasti ialah penilaian (baik-buruk), aktiviti (aktif-pasif), dan kekuatan (kuat-lemah). Penemuan-penemuan ini inendapat sokongan yang jelas daripada kajian ini. Dimensi pertama, tinggi budi-rendah budi, merupakan suatu penilaian terhadap manusia. Ini dinyatakan dalam trait-trait relatif yang bergantung kepada penilaian seperti murah hati, ramah-tamah, berani dan baik hati yang membentuk dimensi ini. Komponen kedua bersifat aktiviti yang diwakili oleh trait-trait cekap, sopan dan berfikir panjang; sementara komponen ketiga pula lebih bersifat kekuatan (*potency*) seperti yang tercermin dalam trait-trait terus terang, kaki bahas, tak imaginatif dan praktikal – suatu keadaan manusia yang dominan dan bukan *submissive*. Komponen keempat pula, walaupun ada unsur-unsur penilaian tetapi lebih mirip kepada aktiviti seperti yang dicerminkan oleh ketenangan, keriangan, dan kematangan.

Di antara ketiga-tiga dimensi umum ini, dimensi penilaian adalah yang terpenting (Wegner dan Vallacher, 1982). Oleh sebab itu, gambaran lanjut bagi komponen yang terdiri daripada dimensi ini diperlihatkan semula dalam Rajah 1. Rajah ini menunjukkan satu garisan yang mewakili suatu kontinum yang menganjur dari bahagian tinggi budi di hujung sebelah atas sehingga ke rendah budi di hujung sebelah bawah. Trait-trait yang membentuk dimensi ini diplotkan di sebelah kanan, sementara watak-watak diplotkan di sebelah kiri. Dimensi ini mewakili sejenis maklumat yang dijadikan asas membuat inferens. Kesan ‘halo’ sangat nyata kelihatan. Semua ciri baik terletak di sebelah atas; sementara ciri tidak baik terletak di sebelah bawah. Sekali Keris Mas mengamati seseorang sebagai mempunyai mana-mana trait baik atau positif beliau akan melihat orang itu sebagai berke-mungkinan untuk mempunyai trait lain yang baik atau positif juga.

Di antara trait yang terletak di bahagian paling ekstrem positif dimensi ini ialah ramah-tamah. Aminuddin

TINGGI BUDI

| | |
|---|---|
| Encik Muhammad | berani, ramah-tamah, murah hati |
| | tekun, keusahawanan, baik hati, handal, banyak helah, bijaksana |
| | cerdas |
| | bertimbang rasa, sabar |
| | pintar |
| | jujur, berwibawa, bermaruah |
| Lebai Maarup, Y.B. Muhd. Yusuf | bercita-cita tinggi halus cara |
| Mahani | warak |
| | menarik, tenang |
| Sudin, Puan Tipah | sopan, imaginatif, matang |
| Tuk Guru Hj.Ismail, Datuk Tan, Datuk Idris, Sy. Aris, Datin Tan, Kasim, Mat Akil, Gayah | cekap, riang, merendah diri, fikir panjang, tegas, dendam |
| Mary, Penghulu Mahmud, Sy. Muinah, Imam Saad, Tauke Chan, Tuk Empat, Pak Salim, Rahim, Robert, Lily, Lebai Mali, Kemat, Saadiah, Azliah, Datuk Mat Saman, Ali, | kaki bahas, praktikal terus terang |
| RENDAH BUDI | |


Rajah 1 Kedudukan watak dan trait dalam dimensi penilaian.

(1976, 1984) menyarankan kemungkinan bahawa trait-trait peramah-sombong mempunyai nilai kepusatan yang tinggi dalam budaya penutur bahasa Malaysia sama seperti trait-trait *warm-cold* yang dibuktikan oleh Asch (1946) sebagai trait pusat kepada masyarakat penutur bahasa Inggeris. Sungguhpun perkataan yang lebih hampir kepada makna *warm-cold* ialah mesra-dingin, tetapi peramah-sombong juga membawa konotasi kemesraan. Tambahan pula trait-trait ramah-sombong lebih kerap diguna dan mengandungi nilai sosial yang tinggi. Oleh sebab itu, jika perkataan ini boleh diterima sebagai membawa konotasi *warm-cold*, kajian ini sekali lagi memperkuuhkan keputusan Asch (1946) tentang wujudnya trait pusat yang boleh mempengaruhi keseluruhan pertimbangan personaliti seseorang.

Taburan dan Klasifikasi Trait dan Watak

Sehingga kini telah diperlihatkan bahawa Keris Mas memerlukan empat dimensi trait untuk mewakili pertimbangannya terhadap manusia, iaitu tinggi budi-rendah budi, lepas laku-tertib, terus terang-tak terus terang dan stabil emosi-mudah bersentuh. Dimensi-dimensi ini menentukan sistem gagasan atau struktur kognitif beliau. Akan tetapi, oleh kerana setiap dimensi itu bebas daripada yang lain dan tidak berkaitan antara suatu dengan yang lain, pertimbangan terhadap sesuatu watak dalam satu dimensi tidak ada hubungannya dengan pertimbangan terhadap watak yang sama dalam dimensi lain. Untuk melihat pertalian antara satu dengan lain, dimensi-dimensi itu perlulah diplotkan ke dalam satu peta kognitif iaitu satu cara mempamerkan hubungan antara sesama gagasan, sesama unsur, dan antara gagasan dengan unsur (Aminuddin, 1979).

Rajah 2(a) dan 2(b) merupakan peta kognitif mengandungi taburan watak yang menghidupkan novel *SBDKL* yang telah diprojekkan pada dua permukaan glob. Rajah



(a) Permukaan 1



(b) Permukaan 2

Rajah 2 Taburan watak-watak dalam peta kognitif.

3(a) dan 3(b) pula ialah pasangan dua permukaan glob yang sama, mengandungi taburan trait yang diplotkan dengan cara yang sama. Kedua-dua pasangan glob sepatutnya disatukan untuk memberi gambaran yang lebih jelas. Tetapi ini tidak dapat dilakukan kerana watak dan trait yang perlu diplotkan terlalu banyak. Oleh yang demikian, kedua-dua pasang itu boleh dibaca serentak. Paksi komponen kedua pula menganjur dari kiri ke kanan; sementara paksi komponen ketiga menganjur dari atas ke bawah. Komponen keempat tidak dimasukkan, kerana glob ini bersifat tiga dimensi.


Taburan trait dan watak ini boleh dilihat sebagai taburan trait dan watak dalam ruang dalaman peribadi Keris Mas. Dengan menggabungkan Rajah 2(a) dengan 3(a) merupakan permukaan hadapan glob dan Rajah 2(b) dengan Rajah 3(b) merupakan permukaan belakang glob yang sama, dapat diperhatikan bahawa trait-trait yang membentuk komponen pertama – iaitu murah hati, ramah-tamah, berani, baik hati dan bijaksana – bersama dengan trait-trait lain yang berhubungan menonjol ke bahagian hadapan glob. Watak utama yang berada di kawasan ini ialah En. Muhammad; sementara Yang Berhormat Muhd. Yusuf dan Lebai Maarup terletak agak ke selatan sedikit di kawasan yang sama. Trait-trait cekap, menarik, halus cara dan berfikir panjang bersama beberapa trait lain yang membentuk komponen kedua muncul sebagai rumpun berasingan di kutub negatif paksi mendatar. Di sinilah terletaknya watak-watak Mahani dan Jahid. Ke utara kedua-dua watak ini ialah Datuk Tan; sementara jauh ke selatan di kawasan yang sama terdapat Puan Tipah dan Sudin.

Di hujung positif paksi menegak kelihatan trait-trait kaki bahas, praktikal dan berterus terang yang membentuk komponen ketiga. Watak Rahim yang berada di kawasan ini kelihatan terasing daripada watak-watak lain. Kebanyakan watak lain kelihatan berpusat di bahagian belakang glob. Inilah bahagian yang tidak banyak


mengandungi taburan trait, memperlihatkan keadaan berkecuali watak-watak itu dalam ketiga-tiga dimensi. Jika kutub negatif kepada trait dalam Rajah 3(b) diplotkan juga (ini tidak dilakukan di sini), taburan trait itu akan berada ke arah utara watak-watak ini.

Oleh kerana bilangan trait dan watak yang dikaji terlalu banyak dan mungkin bertindan lapis, kedudukan masing-masing tidak dapat diplotkan secara tepat dan mungkin beranjak sedikit daripada kedudukan sebenar. Supaya kelihatan lebih jelas, Jadual 6 mempermudahkan peta tiga dimensi itu dalam bentuk rata. Jadual ini menunjukkan klasifikasi watak mengikut ketiga-tiga dimensi. Seperti disebutkan tadi, sebahagian daripada watak-watak berkecuali dalam salah satu atau kesemua dimensi itu. Oleh sebab itu, sesuatu kriterium diperlukan untuk mengklasifikasikan watak-watak itu sebagai *neutral* dalam dimensi-dimensi berkenaan. Aminuddin (1979) menggunakan satu per empat daripada jarak *vector* sebagai kriterium, tetapi oleh kerana *loading/vector* dalam kajian ini pencong ke kiri, cara ini tidak begitu sesuai digunakan. Kriterium baru yang dipilih untuk kajian ini ialah min *loading*. Mana-mana watak yang mempunyai *loading* yang lebih rendah daripada min akan dianggap berkecuali dalam dimensi itu. Jarak titik *neutral* yang diperoleh bagi masing-masing komponen ialah: -0.21–0.21 (komponen 1), -0.17–0.17 (komponen 2) dan -0.14–0.14 (komponen 3).

Jadual 6 menunjukkan bagaimana Keris Mas mengklasifikasikan trait manusia dan membuat pertimbangan terhadap watak-watak yang menghidupkan novelnya dalam ruang tiga dimensi peta kognitifnya. Dengan meninggalkan kategori yang bersifat *neutral* dalam semua dimensi, didapati terdapat lapan kategori manusia dalam kerangka konsepsi Keris Mas. Jika kombinasi yang melibatkan sifat *neutral* diambil kira, terdapat 27 kombinasi trait yang boleh digunakan. Namun, Keris Mas hanya menggunakan 11 jenis kombinasi untuk mengklasifikasi



(a) Permukaan 1.



(b) Permukaan 2

Rajah 3 Taburan trait dalam peta kognitif.

Jadual 6: Klasifikasi watak dalam tiga dimensi

| Kump. 1 | Tinggi Budi | | Neutral | | Rendah Budi | | | |
|---------------------|-----------------|-----------------|---------|---|-----------------|--------|------------|--|
| Kump. 2 | Lepas laku | Neutral | Terlib | Lepas laku | Neutral | Terlib | Lepas laku | |
| Terus terang | | | Mahami | Datin Tan | | | | |
| Neutral | Encik Muhammad | Penghulu Mahmud | | Datuk Idris Mary | Syed Aris Jabid | | Man | |
| Berahsia- rahsia | Y.B. Muhd Yusuf | Lebai Maarup | | Datin Tan Lily Puan Tipah Sy. Muinah Imam Saad Tauke Chan Pak Salim Iuk Empat Guru Ismail Saemah Lebai Mali Gayah Mat Akil Kasim Kemat Sari Broker Saadiah Azliah Bilal Endut Imam Kuala Mat Saman Ali Kebun Rohana Mr. Wong Yaakub Robert | | Sudin | | |


watak-wataknnya. Beliau bahkan bersikap tidak hirau terhadap 22 daripada watak-wataknnya yang dikaji di sini, kerana watak-watakn itu bersifat *neutral* dalam semua dimensi. Kategori trait yang digunakan dalam novel ini ialah:

1. Tinggi budi, lepas laku tetapi *neutral* dari segi terus terang seperti yang diwakili oleh Encik Muhammad.

2. Tinggi budi, tertib dan berterus terang seperti yang diwakili oleh Mahani.
3. Berterus terang tetapi *neutral* dari segi ketinggian budi dan ketertiban yang diwakili oleh Datuk Tan.
4. Bersifat lepas laku tetapi *neutral* dari segi budi dan terus terang seperti Penghulu Mahmud.
5. Tertib tetapi *neutral* dari segi budi dan terus terang yang diwakili oleh Tan Sri Syed Aris dan Jahid.
6. Tinggi budi, lepas laku dan tak terus terang seperti Yang Berhormat Muhd. Yusuf.
7. Tertib, tak terus terang tetapi *neutral* dari segi budi seperti Sudin.
8. Terus terang, lepas laku tetapi *neutral* dari segi budi seperti Rahim.
9. Tak terus terang dan lepas laku tetapi *neutral* dari segi budi dan ketertiban seperti Robert.
10. Tak terus terang, tinggi budi tetapi *neutral* dari segi ketertiban seperti Lebai Maarup.
11. Rendah budi tetapi *neutral* dari segi ketertiban dan terus terang seperti watak Man.

Sebahagian trait dalam Rajah 3(a) dan Rajah 3(b) diterbitkan semula dalam Rajah 4 supaya dapat diperlihatkan saling hubungan antara satu sama lain. Trait-trait ini didapati mengesani perbezaan antara watak-watak. Hubungan antara trait itu dilambangkan dengan garisan. Darjah kekuatan hubungan diwakili oleh saiz garisan itu; semakin tebal garisan semakin kuat hubungan antara satu sama lain. Peta saling hubungan antara sesama gagasan ini boleh memberi ukuran integrasi dalam sistem gagasan.

Makhlof-Norris, Jones dan Norris (1970) mendangkan dua jenis organisasi topografi, iaitu bertalian (*articulated*) dan tak bertalian (*non-articulated*). Organisasi bertalian adalah cara perwatakan yang mencirikan manusia dengan cara yang kompleks. Di dalam peta ini ditunjukkan keadaan di mana dua atau lebih rumpun utama (*primary clusters*) dihubungkan oleh gagasan hubungan



Rajah 4. Saling Hubungan di antara Trait Penting.

(*linkage constructs*). Organisasi tak bertalian pula mengambil bentuk satu rumpun utama dengan rumpun sampingan (*monolithic*) atau beberapa rumpun utama tetapi tanpa gagasan hubungan (*segmented*).

Dengan menggunakan istilah Makhlouf-Norris, Jones

dan Norris (1970), peta kognitif dalam Rajah 4 menunjukkan terdapat dua rumpun utama yang mengandungi trait-trait yang berhubungan antara satu sama lain, sekurang-kurangnya pada aras signifikan 0.05. Rumpun pertama mengandungi trait handal, keusahawanan, baik hati, ramah-tamah dan bijaksana. Rumpun kedua pula mengandungi rangkaian trait sopan, menarik, cekap dan pintar. Kedua-dua rumpun ini dihubungkan oleh rumpun penghubung yang mengandungi trait pintar dan bijaksana. Terdapat dua trait yang menjadi rumpun sampingan rumpun utama iaitu berwibawa dan tenang, sementara warak dan kaki bahas menjadi gagasan pencilan (*isolates*) kerana tidak berhubung secara signifikan dengan mana-mana rumpun.

Analisis saling hubungan antara trait ini menunjukkan organisasi pengamatan Keris Mas mengandungi struktur bertalian kerana beliau mengkategorikan trait dalam dua rumpun utama yang dihubungkan oleh satu rumpun penghubung. Sistem yang bertalian mengandungi kumpulan gagasan yang terpisah tetapi berhubungan. Ini bermakna dengan mengetahui seseorang bersifat keusahawanan, misalnya, Keris Mas akan menganggapnya sebagai bersifat baik hati, ramah-tamah dan bijaksana. Demikian juga dengan mengetahui seseorang itu menarik beliau akan membuat kesimpulan bahawa orang itu juga mungkin sopan dan cekap. Namun, dengan mengetahui seseorang itu cekap tidak pula membawa implikasi bahawa dia baik hati atau bijaksana. Implikasi antara dua rumpun trait berlaku secara tidak langsung melalui rumpun penghubung. Ini bermakna hanya trait pintar dan bijaksana yang boleh membawa implikasi kepada berbagai-bagi sifat lain yang terdapat dalam kedua-dua rumpun. Trait pintar nampaknya lebih penting daripada trait yang lain kerana ia berhubung dengan hampir semua trait yang lain. Oleh kerana ia mendefinisikan hubungan dengan trait-trait lain, menentukan kedudukan trait-trait itu dan menguasai sistem gagasan seluruhnya, trait ini bolehlah

dipanggil gagasan *superordinat* (Kelly, 1955). Dan ini bersesuaian dengan saranan Makhlof-Norris, Jones dan Norris (1970) bahawa dalam sistem yang bertalian gagasan *superordinat* terletak dalam rumpun penghubung.

Hubungan antara Tarikan Fizikal dan Trait

Trait dalam kategori menarik atau tidak menarik dari segi fizikal, seperti yang ditunjuk terdahulu, merupakan trait yang paling banyak diguna oleh Keris Mas untuk menguraikan hubungan antara kategori trait ini dan dengan kategori trait yang lain.

Jadual 7 Hubungan tarikan fizikal dengan kategori trait.

| Kategori trait | Korelasi |
|------------------|----------|
| Cekap | 0.88 |
| Warak | 0.82 |
| Cerdik | 0.68 |
| Berfikir panjang | 0.63 |
| Cara halus | 0.58 |
| Rendah diri | 0.47 |
| Riang | 0.42 |
| Bermaruah | 0.36 |

Jadual 7 menunjukkan, bagi Keris Mas, seseorang yang menarik dari segi fizikal juga cekap, warak, cerdik, berfikir panjang, halus cara, rendah diri, riang dan bermaruah. Tarikan fizikal juga merupakan kategori trait yang membentuk dimensi kedua iaitu lepas laku tertib. Bagi Keris Mas, dengan mengetahui seseorang itu cantik atau kacak kita boleh meneka ketertibannya.

Kesimpulan Umum

Dua tema boleh disimpulkan daripada analisis yang dilakukan dalam kajian ini. Pertama, model pertimbangan

personaliti yang menggambarkan bagaimana Keris Mas membentuk perwakilan kognitif tentang watak-watak novelnya dalam bentuk sifat-sifat. Kedua, model inferens sifat-sifat yang menunjukkan pertalian, kedimensian, persamaan dan perbezaan antara sifat-sifat dalam pengamatan Keris Mas.

Apabila seseorang pemerhati membentuk perwakilan kognitif tentang orang lain, dia sering melihatnya dalam bentuk sifat-sifat (Wegner dan Vallacher, 1977). Kajian ini menunjukkan Keris Mas menggunakan struktur kognitif yang kompleks untuk menilai manusia. Beliau memerlukan sekurang-kurangnya empat dimensi sifat untuk menghakimi seseorang yang dikenalinya iaitu darjah ketinggian budi, ketertiban, keterusterangan, dan kestabilan emosi. Struktur kognitif Keris Mas juga didapati bersifat bertalian (*articulated*). Kedua-dua kedimensian dan kebertalian merupakan jenis-jenis pembezaan kognitif. Peta kognitif yang telah dipersembahkan menunjukkan bagaimana pengarang ini membuat perbezaan di kalangan manusia. Dengan mempunyai empat dimensi, Keris Mas menunjukkan yang beliau mempunyai empat cara untuk membezakan manusia. Dengan menunjukkan struktur kognitif yang bertalian pula beliau memperlihatkan bahawa manusia boleh dibezakan kepada berbagai-bagai kumpulan dalam sesuatu dimensi.

Kajian ini juga menyokong kebanyakan kajian pengamatan sosial yang mencadangkan tiga dimensi umum yang sering muncul dalam pertimbangan personaliti iaitu penilaian, aktiviti dan kekuatan (Wegner dan Vallacher, 1977). Ketiga-tiga dimensi ini diwakili, oleh dimensi tinggi budi-rendah budi, tertib-lepas laku dan terus terang-tak terus terang. Dimensi keempat, stabil emosi-mudah tersentuh merupakan gabungan daripada dimensi penilaian dan aktiviti. Perbincangan tentang dimensi penilaian menunjukkan kecenderungan Keris Mas untuk terpengaruh dengan kesan 'halo' apabila beliau memberi trait-trait positif sahaja kepada seseorang watak yang

diamatinya sebagai baik. Encik Muhammad misalnya dihuraikan sebagai bersifat positif dalam 16 trait yang kesemuanya positif. Keadaan ini mungkin menggambarkan yang pengarang ini lebih banyak menggunakan trait kutub positif atau tidak menggunakan sama sekali dalam penghuraian watak-watak tertentu dan amat jarang menggunakan kutub negatif.

Berasaskan tiga dimensi pertama, kajian ini mendapati Keris Mas menggunakan 27 kombinasi sifat untuk menghuraikan manusia. Namun, hanya 11 jenis kategori manusia yang diguna untuk menjeniskan watak-wataknya. Sebahagian besar wataknya tidak termasuk dalam manapun kategori yang dibentuk oleh gabungan ketiga-tiga dimensi bebas itu.

Bagaimana Keris Mas membuat inferens terhadap sifat-sifat manusia telah ditunjukkan melalui taburan trait dalam peta kognitif dan peta hubungan antara sesama trait penting. Pada umumnya, Keris Mas melihat empat dimensi utama sifat-sifat. Dimensi darjah ketinggian budi dengan trait marah hati dan ramah-tamah di hujung positifnya mendefinisikan paksi pertama. Paksi kedua didefinisikan oleh dimensi ketertiban dengan kecekapan, menarik, sopan dan berfikir panjang di hujung positifnya dan trait lawannya di hujung negatif. Dimensi ketiga yang membentuk paksi ketiga mengandungi terus terang, kaki bahas, tak imaginatif dan praktikal untuk menerangkan hujung positifnya dan sifat-sifat kebalikan di hujung negatifnya.

Dimensi keempat didefinisikan oleh trait-trait tenang, riang dan matang di hujung positifnya dan mewakili kestabilan emosi. Oleh kerana dimensi terakhir ini tidak diplotkan ke dalam peta, hanya tiga dimensi pertama yang dapat ditunjukkan sebagai mewakili tiga jenis maklumat yang diperlukan oleh Keris Mas untuk menjadi asas membuat inferens terhadap trait-trait manusia. Jika beliau mengetahui salah satunya beliau mungkin boleh mengambil kesimpulan tentang trait-trait lainnya.

Kecenderungan membuat inferens tentang sesuatu trait sebagai dimiliki oleh seseorang berasaskan sesuatu trait lain ini lebih jelas kelihatan dalam analisis saling hubungan antara trait-trait penting. Keris Mas mengkategorikan trait-trait itu ke dalam dua rumpun utama yang dihubungkan oleh satu rumpun penghubung; memperlihatkan satu bentuk sistem yang bertalian. Hanya dua trait – warak dan kaki bahas – tidak boleh membawa implikasi kepada trait lain, kerana kedua-duanya terletak berasingan. Trait yang amat penting peranannya sebagai pemberi maklumat untuk menjadi asas membuat inferens ialah pintar. Inilah yang menjadi gagasan *superordinat* yang menguasai seluruh sistem gagasan Keris Mas. Dengan mengetahui yang seseorang itu pintar, beliau membuat inferens tentang trait lain seperti baik hati, cekap, berwibawa, keusahawanan, dan beberapa lagi.

Kajian ini juga menambah satu lagi bukti tentang pentingnya tarikan fizikal dalam inferens sifat seperti yang ditemui dalam kajian psikologi sosial oleh Dion, Berscheid dan Walster (1972). Trait ini, bagi Keris Mas, akan diiringi trait-trait lain yang baik-baik seperti cekap, warak, cerdik, berfikir panjang, halus cara bertindak, merendah diri, riang dan bermaruah. Orang yang menarik akan terus disimpulkan sebagai tertib atau bersopan santun. Kajian ini menyokong kemungkinan bahawa rupa paras merupakan satu-satunya faktor yang boleh menentukan seluruh pengamatan; satu trait yang amat tinggi kepusatannya dalam teori personaliti terselindung.

Usaha membongkar fikiran manusia untuk melihat kandungannya supaya dapat mengetahui mengapa mereka bertingkah laku dengan cara tertentu masih merupakan impian ahli-ahli psikologi (Wegner dan Vallacher, 1982). Kajian yang dilaporkan di sini hanya merupakan suatu percubaan kecil untuk memahami kandungan itu dengan menggunakan hasil pemikiran seorang pengarang sebagai bahannya dengan bantuan satu alat yang amat terbatas kemampuannya. Beberapa kelemahan mungkin

ditemui terutama dari segi kebolehpercayaan pengkodan trait daripada novel kajian dan pengkategorian trait itu ke dalam kategori yang ditetapkan yang tidak mampu diuji dalam kajian ini. Kajian-kajian lanjutan atau replikasi tentang novel yang sama adalah dialu-alukan untuk membantu menguji kebolehpercayaan itu dan seterusnya kesahan kajian ini.

Bagaimanapun, kajian ini mungkin boleh memberi sumbangan kecil, antara lain, kepada: (i) pengkajian kesusteraan di Malaysia dengan menunjukkan bahawa hasil kesusteraan dan mungkin tulisan-tulisan serius yang lain boleh dikaji secara kuantitatif; (ii) perbendaharaan psikologi, terutamanya persepsi sosial, menambah satu lagi bukti bagaimana pengamatan diorganisasi dalam struktur kognitif; dan (iii) perbendaharaan kaedah kajian dengan memperlihatkan bagaimana kaedah *Repertory Grid* boleh diguna untuk membongkar teori personaliti terselindung seseorang pengarang. Kaedah ini bahkan mungkin lebih sesuai kerana teknik *Repertory Grid* sejak awalnya bersifat peribadi; dan oleh itu, lebih baik digunakan untuk mengkaji manusia secara individu.

Bibliografi

- Abdul Halim Othman, Wan Rafael Abdul Rahman & Aminuddin Mohd. Yusof, 1983. "An Evaluation of the First Diploma in Counseling Programme at the Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika*, 23, 84-95.
- Abdullah Tahir, 1983. "Manusia Berkepentingan dalam Novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur". *Dewan Sastera*, 13, (4), 34-39.
- Aminuddin Mohd. Yusof, 1976. "Pandang Pertama dalam Interaksi Sosial". *Majalah Psikologi*, 1, 12-18.
- Aminuddin Mohd. Yusof, 1979. "Perception of an Attitude Towards Teaching as a Profession among Malaysian Students in the United Kingdom". Unpublished master of science dissertation, University of Manchester Institute of Science and Technology.
- Aminuddin Mohd. Yusof, 1984. "Kepusatuan Trait dalam Teori Personaliti Terselindung: Satu Sorotan ke atas Beberapa Kajian". *Majalah Psikologi*, 5, 1-11.
- Asch, S.E., 1946. "Forming Impression of Personality." *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 41, 258-290.

- Bannister, D., & Mair, J.M.M., 1968. *The Evaluation of Personal Constructs*. London: Academic Press.
- Bender, M.P., 1974. "Does Construing People Involve Similar Behavior Towards Them? A Subjective and Objective Replication". *British Journal of Social and Clinical Psychology*, 15, 93-95.
- Bruner, J.S., & Tagiuri, R., 1954. "The Perception of People" dalam G. Lindzey & E. Aronson (Ed.), *Handbook of Social Psychology*. Cambridge, Mass: Addison-Wesley.
- Cattell, R.B., 1972. *Description and Measurement of Personality*. New York: Johnson Reprint Corporation.
- Collett, P., 1979. "The Repertory Grid in Psychological Research" dalam G.P. Ginsburg (ed.), *Emerging Strategies in Social Psychological Research*. New York: John Wiley and Sons.
- Cook, M., 1979. *Perceiving Others: The Psychology of Interpersonal Perception*. London: Methuen.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Dion, K.K., Berscheid, E., & Walster, E., 1972. "What is Beautiful is Good". *Journal of Personality and Social Psychology*, 24, 285-290.
- Fransella, F., & Bannister, D., 1977. *A Manual for Repertory Grid Technique*. London: Academic Press.
- Hastorf, A.H., Richardson, S.A., & Dornvush, S.M., 1954. "The problem of Relevance in the Study of Person Perception" dalam R. Tagiuri, & L. Petrullo (eds.), *Person Perception and Interpersonal Behavior*. California: Stamford University Press.
- Ilias Zaidi, 1976. *Biografi Penulis dan Karya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- Jurnal Psikologi Malaysia*, bil. 1, 1985.
- Kelley, H., 1950. "The Warm-cold Variable in First Impression of Personality". *Journal of Personality*.
- Kelly, G.A., 1955. *The Psychology of Personal Constructs*. NY: Norton & Co., Inc.
- Kerajaan Malaysia, 1982. *Rancangan Malaysia Kedua 1970-1975*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Makhoul-Norris, E., Jones, H.G., & Norris, H., 1970. "Articulation of the Conceptual Structure in Obsessional Neurosis". *British Journal of Social and Clinical Psychology*, 9, 264-274.
- Maslow, A., 1976. "Theory of Human Motivation" dalam M. Warr (ed.), *Job Satisfaction*. Glasgow: Fontana/Collins.
- Mensh, I.N., & Wishner, J., 1947. "Asch on Forming Impressions of Personality: Further Evidence". *Journal of Personality*, 16, 188-191.
- Rosenberg, S., & Jones, R.A., 1972. "A Method for Investigating a Person's Implicit Theory of Personality: Theodore Dreiser's View of People". *Journal of Personality and Social Psychology*, 22, 372-386.
- Slater, P., 1972. *Notes on Ingrid 72*. St. George's Hospital, London (Mimeo).
- Slater, P. (1,1) "Monitoring Changes in the Mental State of a Patient

- Undergoing Psychiatric Treatment" dalam P. Slater (ed.), *Exploration of Intrapersonal Space* (Vol. 1), 109-122.
- Slater, P., 1977. *Dimensions of Intrapersonal Space* (Vol. 2). London: John Wiley and Sons.
- Tagiuri, R., 1954. "Introduction" dalam R. Tagiuri & L. Petrullo (eds.) *Person Perception and Interpersonal Behavior*. California: Stamford University Press.
- Veness, T., & Brierly, D.W., 1963. "Forming Impressions of Personality: Two Experiments". *Journal of Social and Clinical Psychology*, 2, 11-19.
- Wan Rafaei Abdul Rahman, 1983. "Kegunaan Alat Ujian Psikologi dalam Konteks Silang Budaya: Kesesuaian Repertory Grid di Malaysia Nusantara", 10, 1-16.
- Wan Rafaei Abdul Rahman, 1980. "Achievement Motivation of School Children from Malaysia and the United Kingdom". Unpublished doctoral dissertation, University of Wales Institute of Science and Technology.
- Wegner, D.M. & Vallacher, R.R., 1977. *Implicit Psychology*. New York: Oxford University Press.

Biodata Penulis

A. RAHIM ABDULLAH dilahirkan pada 21 Januari 1948 di Kangar, Perlis. Mendapat pendidikan di Perlis dan Kedah, dan kemudian memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Beliau pernah berkhidmat di DBP selama 16 tahun (1978–1994) bermula sebagai pembantu penyelidik, sidang editor majalah *Dewan Budaya* dan *Dewan Sastera*, dan penyelidik kesusasteraan. Kemudian sebagai Ketua Unit Sastera/Editor Sastera (1994–1999) di Berita Harian. Selepas itu menjadi Ketua Unit Sastera dan Budaya di samping editor buletin *WAY Forward* dengan Yayasan Kesenian Perak. Pada November 2000 hingga Jun 2001 menjadi pegawai penerbitan di Universiti Utara Malaysia. Kini menjawat Ketua Program Penulisan di Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Dalam bidang penulisan Rahim berkarya dalam pelbagai genre – puisi, cerpen, novel, drama, kritikan, dan kajian. Kumpulan puisinya ialah *Catatan Orang Berdua* (1980), *Arah Pengalaman* (1991), *Kembara Arjuna* (1992), dan *Di Sudut Sukma* (1999). Kumpulan cerpennya ialah *Potret di Atas Piano* (1983), *Setulus Hatimu* (1986), *Antara Hujan dan Harapan* (1991); di samping menyelenggarakan beberapa buah antologi cerpen. Novel remajanya *Selagi Dusunku Berbuah* (1987). Menghasilkan sebuah kumpulan drama *Penjual Bunga* (1992) di samping menyelenggarakan beberapa buah antologi drama. Rahim juga menghasilkan beberapa buah buku kajian seperti *Ulasan Drama Tiga Zaman* (1984), *Penilaian Kembali Sejarah Melayu* (1984).

dan *Pemikiran Sasterawan Nusantara: Suatu Kajian Perbandingan* (1995) yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1994/1995. *Dramanya Asar Belum Berakhir* (1985) memenangi hadiah kedua Peraduan Mengarang Drama Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri. Esei "Melihat Nilai Melayu Melalui Dunia Mungkin Noordin Hassan" dan puisi "Cinta Nusantara" karya beliau memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/1997. Beberapa buah cerpen dan puisinya turut memenangi sayembara mengarang anjuran ESSO-GAPENA bagi tahun 1979, 1980, 1981, dan 1995; serta Hadiah Sastera Utusan-Public Bank pada tahun 1987 dan 1988 (bahagian puisi).

A. KARIM ABDULLAH (Allahyarham) dilahirkan pada 6 September 1937 di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh, Pahang. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Melayu Bangau, Temerloh dan Sekolah Melayu Raub. Kemudian di Batu Road School, Victoria Institution, dan CYMA School di Kuala Lumpur.

Aktivis kebudayaan dan kesusasteraan yang lebih dikenali dengan panggilan Bung Karim ini menjawat pelbagai jawatan. Beliau pernah menjadi guru Bahasa Inggeris sebelum berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1961. Di DBP Bung Karim bertugas sebagai penterjemah dan penyunting beberapa majalah. Selepas berhenti daripada DBP pada tahun 1973, beliau menjawat pelbagai jawatan termasuk Pegawai Seranta di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (1982–1988), Setiausaha Sulit kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (1994–1995), Setiausaha Sulit kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koporasi (1995–1996), dan Setiausaha Sulit kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1997–1999).

Bung Karim pernah menjadi salah seorang pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), kemudian Naib Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, dan Ketua Duanya; dan, beliau juga pernah menjadi salah seorang ahli jawatankuasa Gabungan Penulis Nasional (GAPENA).

Di samping itu, Bung Karim cukup menonjol sebagai dokumentator terutamanya bahan-bahan tentang kesusasteraan, kebudayaan, dan pemikiran tokoh-tokoh politik penting tanah air. Antara buku-buku selenggaraan beliau ialah *Amanat Tun Dr. Ismail* (Pustaka Budaya Agensi, 1974), *Gema*

BIODATA

Suci – segugus puisi Zulkifli Muhammad (PBA, 1975), *Pemikiran Tun Razak Tentang Bahasa-Sastera-Budaya* (DPMP, 1978), *Cerpen-cerpen Pak Sako* (DBP, 1987 – bersama Hashim Awang), *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (DBP, 1987), *Pak Sako dari Sudut Pandangan Pak Samad* (1987), *Pemimpin dan Sasteraian* (DBP, 1993), *Ingin Jadi Pujangga* – Koleksi cerpen A. Samad Ismail (DBP, 1995), *Memori Pak Sako – Putera Gunung Tahan* (UKM, 1996), *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (PFB, 1997), dan *Mutiara Fikir Keris Mas* (PBA, 1997).

A. BAKAR HAMID (Prof., Datuk) dilahirkan pada 23 Julai 1938 di Batu Pahat, Johor. Mendapat pendidikan di Universitas Indonesia. Menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu dan pada tahun 1980 menjadi ketuanya. Beliau dilantik Profesor Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif di Universiti Malaya pada 28 Jun 1980. Beliau diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk menduduki Kerusi Tun Razak di Universiti Iowa, Amerika Syarikat. Ketokohnnya menonjol dalam bidang penyelidikan dan penulisan eseи. Antara buku kajiannya ialah *Diskusi Sastera*, *Panduan Memulis Cerpen*, *Sebelas Rejab*, dan *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*. Beliau turut dilantik menjadi panel hadiah Karya Sastera dan Anugerah Sastera Negara. Menjadi editor jurnal *Tenggara*, dan Ketua Yayasan Penataran Ilmu, serta pernah memegang jawatan Pengurus BERNAMA selama empat tahun lebih.

ABDULLAH TAHIR (Haji) lahir di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan, pada 19 Mac 1945, dan meninggal dunia di Subang Jaya, Selangor, pada Julai 1997. Menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif; dan jawatan terakhirnya ialah Profesor Madya di samping Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya. Beliau banyak menghasilkan kajian kesusasteraan di samping menulis cerpen dan puisi, dan turut dilantik sebagai anggota panel Hadiah Sastera Malaysia. Antara karya cerpennya yang dibukukan ialah *Hujan di Daerah Setha*, *Di Perhentian Pertama*, *Di Tengah Perempuan*, dan *Kepulangan Seorang Tua*, *Uri dan....*

A. SAMAD ISMAIL (Tan Sri, [Dr.]), lahir pada 18 April 1924 di Singapura, adalah tokoh wartawan negara yang banyak terlibat

BIODATA

dalam perkembangan kebudayaan, kesusasteraan Melayu dan juga politik. Beliau menghasilkan cerpen dan novel, selain esei kesusasteraan. Kini menjadi penasihat kumpulan akhbar *The New Straits Times*. Antara novelnya ialah *Patah Sayap Terbang Jua, Hud, Kail Panjang Sejengkal, Orang Jauh, Tembok Tidak Tinggi, Menduga Lautan Dalam, Menimba yang Jernih*, dan *Sutinah*.

ABDUL RAHMAN AZIZ (Dr.), pensyarah dan Profesor Madya di Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia ini dilahirkan di Perak dan mendapat pendidikan awal di Teluk Intan dan Ipoh. Melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia, di Universiti Essex, England, dan doktor falsafah di University Collage of London dalam bidang Perancangan Sosial. Banyak menulis kritikan dan kajian kesusasteraan. Setakat ini menghasilkan tiga buku bersama dan lima buku persendirian iaitu *Sosiologi Industri: Suatu Pengenalan; Motivasi dan Pembangunan Diri: Asas Kemahiran Belajar; Kemahiran Sosial Asas; dan Pekerjaan dalam Kehidupan Manusia*.

AMINUDDIN BAKI adalah aktivis dan pemimpin Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Tokoh cendekiawan dan pendidik Melayu yang terkenal ini adalah Ketua Pengarah Pendidikan Kementerian Pelajaran yang pertama. Ketika menjadi pelajar Raffles College, Singapura, pada tahun 1949, Aminuddin menulis esei tentang novel *Korban Kesuciannya* yang tersiar di akhbar *Utusan Melayu*. Tulisannya itu dianggap sebagai pencroka esei dan kritikan sastera Melayu.

AMINUDDIN MOHD. YUSOF (Dr.) adalah Prof. Madya dan pensyarah di Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Banyak menulis artikel ilmiah di jurnal tempatan dan antarabangsa. Mendapat ijazah Sarjana Sains dari University of Manchester pada tahun 1979.

AWANG SARIYAN (Dr.) dilahirkan pada 20 Oktober 1953 di Pontian, Johor. Memperoleh ijazah Sarjana Muda Persuratan (Kepujian) dan Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dan ijazah Sarjana Sastera dan Doktor Falsafah dari Universiti Malaya. Tokoh dan pakar bahasa ini pernah menjadi pegawai penyelidik bahasa dan editor di DBP, pensyarah di

BIODATA

Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa; pensyarah kanan di Universiti Brunei Darussalam, dan Prof. Madya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kini menjadi pengarah di Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebelumnya, beliau menghasilkan ratusan makalah yang terbit di pelbagai akhbar, majalah, dan jurnal; serta lebih 60 buah kertas kerja dan buku tentang bahasa.

HAMZAH HAMDANI dilahirkan ^{di} Sabak Bernam Selangor, mendapat pendidikan hingga ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya. Selepas itu berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai penyelidik/perancang bahasa. Kini memegang jawatan Ketua Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera DBP, di samping Setiausaha Satu GAPENA. Sebagai aktivis sastera, Hamzah juga banyak menghasilkan buku kajian dan turut menulis cerpen, di samping menjadi panel sayembara mengarang. Antara buku selenggaraannya ialah *Novel-novel Malaysia dalam Kritikan, Pemikiran Sastera Nusantara*, dan beberapa antologi puisi Hari Puisi Nasional iaitu siri Gema Membelah Gema.

ILIAS ZAIDI lahir di Teluk Intan, Perak, pada 24 Januari 1945. Mendapat pendidikan di Sekolah Alam Shah Kuala Lumpur, Sarjana Sastera di Universiti Malaya. Selepas berkhidmat dengan BERNAMA, menjadi pensyarah di UiTM Shah Alam dan di kampus Melaka dalam bidang komunikasi. Ilias banyak menulis eseи, novel kanak-kanak, puisi, drama dan buku kajian/ulasan peperiksaan. Antaranya *Kajian Jejak Langkah, Kajian Warisan Prosa Klasik, Kajian Novel Keluarga Gerilya, Kesusteraan Melayu Moden* (3 jilid), dan *Kajian Novel Seorang Tua di Kaki Gunung*.

ISMAIL AHMAD, lahir pada 21 Julai 1935 di Jasin, Melaka, terkenal dengan nama pena AJIKIK. Pernah menjadi guru dan penolong pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia sebelum berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai penyelidik dan editor majalah *Dewan Siswa*. Jawatan terakhirnya di DBP ialah Ketua Bahagian Terjemahan. Karyanya berupa novel remaja, cerpen, dan puluhan cerita kanak-kanak di samping giat menterjemah. Buku antara lain *Si Manis Tiga puluh, Jangan Putih Mata, Satu Kemurnian Hati, Api Masih Membakar,*

BIODATA

Puteri Patung Cendana, dan Pahlawan Kecil dan Lain-lain Cerita.

JOHAN JAFFAR (Datuk), Lahir di Semerah, Batu Pahat, Johor, dan mendapat pendidikan di Universiti Malaya dan di England. Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu ini juga pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai penyelidik/perancang bahasa, editor majalah dan ketua editor Bahagian Majalah. Johan pernah aktif dalam bidang teater sejak di universiti, dengan menghasilkan skrip drama dan TV di samping menghasilkan novel dan cerpen. Naskhah dramanya yang terkenal ialah *Angin kering* dan *Kotaku, Oh, Kotaku*.

KASSIM AHMAD [Dr.], lahir di Alor Setar, Kedah, pada 9 September 1933, mendapat pendidikan di Universiti Malaya (Singapura), dan kemudian ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pernah bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pegawai penyelidik sebelum menjadi pensyarah di School of Oriental and African Studies (SOAS) di London. Sebelum bergiat dalam politik, Kassim berkhidmat sebagai guru di Sekolah Abdullah Munsyi, Pulau Pinang, hingga tahun 1968. Menulis puisi, cerpen, dan kritikan. Buku kajiannya yang penting *Hikayat Hang Tuah, Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah, Dialog dengan Sasterawan, dan Risalah Seni Karang Mengarang*, Kumpulan cerpennya *Kemarau di Lembah*; sementara buku umumnya, *Universiti Kedua*, dihasilkan sewaktu berada dalam tahanan ISA.

MOHAMAD MOKHTAR HASSAN (Dr., Prof. Madya), dilahirkan pada 21 September 1956 di Pelabuhan Kelang, Selangor. Beliau memperoleh ijazah B.A. (Hons.) dan M.A. dari Universiti Malaya, dan Ph.D. dari National University of Australia. Kini beliau Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau banyak mengkaji kesusasteraan Melayu moden. Dua buah bukunya ialah *Sejarah Kritikan Puisi Melayu Moden 1949–1979* (1995) dan *Sosiologi Sastera: Teori dan Aplikasi* (1995).

OTHMAN PUTEH (Dr.) dilahirkan di Kuala Sungai Baru, Melaka, pada 5 Januari 1944, mendapat pendidikan tinggi di Universiti Kebangsaan sehingga peringkat doktor falsafah. Pernah menjadi

BIODATA

guru sebelum berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, UKM. Selepas bersara Othman terus aktif dalam persatuan penulis dan sebagai ahli jawatankuasa Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), sering memberi ceramah penulisan dan menjadi panel hadiah sastera. Othman menghasilkan puluhan novel dan kumpulan cerpen. Antara buku kajiannya ialah *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa tentang Pemikiran dan Struktur, Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja* (diselenggarakan bersama Abdul Ahmad, dan *Pengisian Dunia Sastera*. Novelnya yang terkenal ialah *Munajat di Perkebunan, Kalut, dan Terminal Tiga*.

SAHLAN MOHD. SAMAN (Dr., Prof. Madya) dilahirkan di Sabak Bernam, Selangor, pada tahun 1949, memperoleh ijazah B.A. (Hons.) dari Universiti Malaya. Beliau mengkhusus dalam bidang Kesusasteraan Bandingan di peringkat M.A. (dari University of Philippines) dan Ph. D. dari Universiti Malaya. Kini menjadi pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, di samping Ketua Satu Persatuan Penulis Selangor dan ahli jawatankuasa GAPENA. Sahlan pernah menghasilkan cerpen dan karyanya turut menang dalam pertandingan mengarang. Antara buku kajiannya ialah *Menikmati Karya Sastera* (1984), *Sastera Bandingan: Konsep, Teori dan Amalan* (1986), dan *Novel Perang dalam Kesusasteraan Malaysia, Indonesia dan Filipina: Satu Perbandingan* (1995).

SHAHNON AHMAD (Prof. Emeritus, Datuk). Sasterawan Negara Shahnon Ahmad dilahirkan di Sik, Kedah, pada 13 Januari 1933. Pernah menjadi tentera dan guru. Mendapat pendidikan di Kedah dan di National University of Australia. Pernah menjadi pensyarah kesusasteraan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, sebelum bertugas sebagai pensyarah dan dekan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, dan kemudiannya sebagai Pengarah Pusat Islam di Universiti Sains Malaysia. Setelah bersara dari bidang akademik, beliau aktif dalam politik dan menjadi Ahli Parlimen Sik selepas pilihan raya umum 1999. Selain karya kreatif, Shahnon menulis esei kritikan dan buku kajian. Antara novelnya yang terpenting ialah *Ranjau Sepanjang Jalan, Rentong, Terdedah, Srengenge, Al-Shiqaq 1, Sutan Baginda, Patriarch, Seluang Menodak Baung, Tunggul-tunggul Gerigis, Umi*

BIODATA

dan Abang Syeikul, Tivi dan SHIT. Buku kajiannya ialah *Penglibatan dalam Puisi, Gubahan Novel, Kesusasteraan dan Etika Islam*, dan *Sesimograf Sastera*.

SYED HUSIN ALI (Dr.) dilahirkan di Batu Pahat, Johor, pada 23 September 1936, adalah ahli akademik, pengkritik, ahli politik, dan aktivis sosial. Pernah menjadi profesor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Selain menulis kajian sastera, beliau menghasilkan beberapa buah buku umum seperti *Malay Peasant Society and Leadership*, *Apa Erti Pembangunan, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan*, dan *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya*.

YAHAYA ISMAIL dilahirkan pada 30 April 1940 di Parit Buntar, Perak, mendapat pendidikan dan latihan perguruan. Pernah belajar di Universitas Indonesia, dan memperoleh ijazah M.A. dari University Monash, Australia. Pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, pensyarah di Universiti Sains Malaysia, dan kini menguruskan perniagaan sendiri, dan sebagai penerbit. Yahaya turut menulis novel *Langkah Kiri* dan *Penghuni Kamar 14*. Sementara buku kajian ialah *Mengkaji Fiksyen, Kesusasteraan Melayu Modern dalam Esei dan Kritik (I dan II)*, *Satu Kajian Mengenai Karya-karya Ahmad Rashid Talu: Pertumbuhan dan Perkembangan*, dan *Kejatuhan Lekra di Indonesia*.

Indeks

- Abdul Rahman Aziz 174, 198, 200
Abdul Rahman Rahim 5
Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 38
Abdullah Hussain 19
Abdullah Tahir 104, 271, 306-07, 315, 317-18
Abdul Rahim Kajai ix, 4, 19, 106-7, 128
A.Ghani Abdullah 102
A.Karim Abdullah 239, 241, 243, 246
A.Rahim Abdullah xii, 132, 149, 184, 202, 231, 241, 243, 246
A.Samad Ismail xii, 50, 143
A.Samad Said x, 3, 19, 22
A.Samad Ismail: Politics and Journalism 3
Ahmad Bakhtiar 19
Ahmad Boestamam 5, 14
Ahmad Kamal Abdullah 104
Ahmad Sebi 17
Ali Haji Ahmad 50
Aminuddin Baki x, xii, 42, 43, 165
Aminuddin Mohd. Yusof 304, 320, 335, 338
A.M. Thani 42, 195, 229
Anak Titiwangsa 20, 36, 38, 39, 74, 144, 169-173, 206, 218
Anggun Cik Tunggal 259
Angkatan Baru 44
Angkatan Pemuda Insaf (API) 10, 145
Angkatan '45, 24, 244
Anugerah (Hadiah) Pejuang Sastera 20, 36
Anugerah Sastera Negara x, 55, 56, 57, 83, 272, 307
Anwar Ridhwan 130, 292
Arif Ahmad (MAS) 49
ASAS '50 xi, 10, 13, 15, 16, 19, 22, 23, 24, 26, 27, 31, 35, 38, 42, 43, 44, 47, 49, 50, 62, 63, 98, 144, 154, 169, 173, 216, 217, 307
Asraf 19, 22, 39, 50, 144
Awang Sariyan 286
Awang Sulung Merah Muda 259
A. Wahab Muhammad 144
Awam il-Sarkam 12, 19, 22, 49
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera 19, 36
Bahasa dalam Cerita-cerita Pendek 81, 118, 294
Bahasa Melayu sebagai Bahasa

INDEKS

- Pengantar di Universiti 129
Bahasa Melayu sebagai Pengantar Pelajaran Tinggi 129
Banks, David J. x, xi, 206, 228-229
Banyak Anak 139, 157
Barthes, Roland 232
Bayangan Hitam 134
Bilik Belakang 139
birokrat sastera 52, 69
Boen S. Omarjati 211, 229
Budi Berpautan 233-234
Bukan Kerana Dia 138, 156
Bunga Kembang Tak Jadi 93-94, 134
Cerita Balasan Kebajikan 109
Cerita Sebuah Mimpi 103, 140
Cerita Sepanjang Jalan 11-112, 115, 137, 157
Cheah Boon Keng 3
Ciku Masak di Kuala Lumpur 78
Collett, P. 308, 326, 328
- Dahari Ali 6-9, 11, 12, 143
Daiches, David 204-205, 229
Danziger, M. K. 211, 229
Darah dan Air Mata 136, 157
Dalam Pelukan Wanita Sedar 136
Dasar Ekonomi Baru (DEB) 20, 214, 225, 247
Dewan Bahasa 36, 43, 49-50, 81, 100, 115, 118, 129, 144, 150, 162, 173, 243, 294
Dewan Budaya 52, 78, 85, 103, 144
Dewan Masyarakat xii, 36, 49, 81, 87
Dewan Pelajar 49
Dewan Sastera 21, 27, 46-47, 49-50, 71
Dia Jatuh Cinta 135
Dj Sebalik Jendela Utusan 104, 144
Di Sekitar Pemikiran Kesusastraan Malaysia 157-1972, 130
Di Sisi Rinda 144
Ditimbuni Surat-surat Cinta 138
Dua Zaman 39
Eco, Umberto 203, 205, 228-229
Eisenstadt S.N. 174
"Ekor Kepala" 103-104, 140, 144
Esei Pilihan Keris Mas 38
- Fajar Asia* 32
Fernando, Lloyd 128
feudalisme 198
Firdaus Abdullah 41
Fowler, Roger 206, 229
Fransella, F. 326
Freud, Sigmund 95 234, 329
From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence xi
- Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) 50, 51
Gadamer 232
Gaya Bahasa Sastera xi
Gila Anak Jantan 139
Gitanjali 5
Giu Gan 33
- Habib yang Cerdik 138
Hadiah Karya Sastera 47, 52
Hadiah Sastera Malaysia 204
Hallucination 103, 140, 144
Hamidah Hassan 111
Hamzah x, 49.
Hamzah Hamdani 38
Hari-hari Terakhir Seorang Seniman 292
Harun Aminurrashid 18, 19
Hashim Awang 43, 107
Hemingway, Ernest 9
Hikayat Hang Tuah 259
Hikayat Raja Muda 259

INDEKS

- Hikayat Terung Pipit 259
Himpunan Pelajar Islam 30
Hujan Panas 173
- Ibrahim Haji Yaacob 4, 5, 33, 145
Indonesia Raya 4
Ilias Zaidi 106
imperialisme 160
imperialisme-kapitalis 160
implicit personality theory 304
Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu 111
Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) ix, 4, 18-19, 106-107, 128, 132, 143, 145, 149, 246
Ismail Ahmad 28
- Jaafar Hussein 16
Jafferson, An 189
Jalaluddin al-Aghani 169, 218
Jihat Abadi 173
Jimmy Asmara 22, 49
Johan Jaaffar 22
Johnson 211
- Kamaludin Muhammad 3, 18, 28, 38, 91, 143, 149
Kamarudin Abdul Rahman 232, 246
Kamaruzzaman A. Kadir 214, 229
Kamus Dewan 329
Kami yang Terlibat x, 36.
Kampung Ketari 18, 28-29, 91, 143, 175
Kapitalisme 174, 192
Kapitalisme-individualisme 267
Kassim Ahmad 160
Kedai Sederet di Kampung Kami x, 34, 73, 95-96, 106, 117-119, 139, 157
Keinsafan di Malam Sunyi 93, 137
Kejadian di Dalam Estet 34, 95, 106, 111, 117, 119, 138, 157
Kelly, G.A. 325
Kelly, H. 325
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan 43
Kencana 34, 150
Keontjaraningrat 184, 198
Keras Hati 138
Kesatuan Melayu Muda (KMM) 145, 151
Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KERIS) 4
Khaidir Khatib 19
Khatijah Ismail 102
Khoo Kay Kim 215
Kisah Sepanjang Jalan 34
Koleksi Terpilih Keris Mas 245-246
Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga 13, 49
Kongres Kebudayaan Kebangsaan 46,
Kongres Parti Kebangsaan 120, 144
Korban Kesuciannya x, xii, 35, 39, 42, 74, 165-168, 238
Kritik Sastera di Malaysia 43
Kulliahtul Mu'allimin al-Islamiah 29
- Laila dan Majnun* 223
Lapar 138
Laurenson, Diana 91
Lee Kuan Yew 11, 14-15
- Malayan Union 23, 97, 151
Malay Tribune 9
Malim Dewa 259
Malinowski 202
Mana Sikana 106
Man, Paul de 232
Mangsa Masyarakat 137
Marcuse, Robert 254
Masanya Sudah Terkunci 104, 140, 144
Mastika 6, 19, 35, 44, 49, 83, 86, 95, 96, 99, 106, 137, 183
Matherson, Virginia ix, x

INDEKS

- Mat Kilau 145, 161
Mat Saat Baki 242, 246
Maupassant 9
Mekar dan Segar 106
Melayu Raya 12, 36, 91, 143
 245
Memoranda ASAS 50 xi, 43
Mengembala di Padang Cina
 32, 133
Menjelang Merdeka 35, 36,
 100, 122–123, 139, 158
Menjual Tanah Air" 156
Mereka Tidak Mengerti 36, 41,
 73, 139, 158, 160, 162
Mingguan Malaysia 52, 282
Mohd. Asri Muda (Tan Sri
 Dato) 14
Mohamad Mokhtar Hassan 91
Moore, Wilbert E. 210
M. Noor Azam 40
Muhammad Abdur 10, 218,
 269
Mustapha Hussein 16

Nana yang Cemburu 135
Normah yang Pemalu 136

Othman Puteh 132

Pahlawan Rimba Melayu x, xii,
 34, 39, 42, 73–74, 169,
 231–246
Panji Islam 32, 33, 133
Patah Tumbuh 34, 38–39, 41,
 106, 111, 127–128, 142,
 156, 169
Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 3, 5–7, 10, 18, 33–34, 62,
 143, 145–146, 151
Pedoman Masyarakat 32
Pemimpin Kecil dari Kuala
 Semantan 73, 98–99, 120
Penjual Ubat Merdeka 136
Peristiwa 13 Mei 1969 46
Penulis Tamu 36
Peoples Action Party (PAP) 11,
 13–14
Pertentangan 39

Persatuan Kebangsaan Melayu
 Bersatu 152
Perang Dunia Kedua 18, 30, 32,
 38, 43, 49, 93, 149, 151
Perang Dunia Pertama 175,
 188
Perang Pasifik 134
Perjuangan Perut dan Cinta
 98–99
Perwulaan yang Tragik 240
Pierce, Charles Saunders 227
Pujangga Baru 30

Repertory Grid 308, 310, 325,
 348
Renaissance 174
Rimba Harapan x, xii, 19, 144,
 174–184, 218
Robey, David 189
Romeo dan Juliet 223
Rosmera 168
Runtuh 36, 41, 72, 139, 158

Said Zahari 12, 50
Salah Pemimpin 36, 139–140,
 158
Saleh Daud 5, 7–9, 143
Sastera dan Pembangunan
 Negara 129
Sastera untuk Masyarakat 98,
 104, 144, 155, 217
*Saudagar Besar dari Kuala
 Lumpur* (SBDKL) x, xii, 19,
 53, 74, 144, 182, 214–215,
 217–218, 223, 225, 228,
 271, 281–286, 291–297
Schoorl, J.W. 210–211
Shaharuddin Maaruf 199
Sejarah Melayu 133
Semangat Asia 32
Seni untuk Masyarakat 20, 24,
 31, 42, 47, 73, 82, 98, 104,
 155, 217
Seni untuk Seni 24, 82, 217
Seruan Azhar 218
Shahnon Ahmad x, xi, 18, 124,
 247, 258
Slater, P. 325

INDEKS

- Spearman, Diana 205–206, 229
Suara Rakyat 5
Subuh 173
Suluh Malaya 23, 93, 106, 150
Sumpah Seorang Peon 93, 134
Supardi Muradi 231, 246
Surat dari Tempat Tahanan 95,
 97, 136
Sutan Takdir Alisjahbana 211
Syed Husin Ali 39–40, 50, 57,
 110–111, 142, 149, 199
Syed Hussein Alatas 199, 221
Syed Nasir Ismail 14
Syed Sheikh al-Hadi 215
- Taha Kalu 18
Taine, Hippolyte 189
Teeuw, A. 41
Teori Marcuse 255
Teori personaliti 304
Terkunci 173
Tertawan di Medan Kongres
 136
Tetap Merdeka 98, 136
*The Big Businessman from Kuala
Lumpur: A Malay Entire
Preneur Return to Village* 228
Tun Abdul Razak 13–14
Tunku Abdul Rahman Putra al-
 Haj 13
Tun Seri Lanang 133
- Umar Junus 212, 292, 294
Ungku Aziz 19
Usman Awang (Tongkat warant)
 ix, x, 12, 14, 19, 22, 25–26,
 49, 131, 144
Utusan Melayu 3–0, 11–15, 17–
 19, 35–36, 49, 119, 143, 144,
 146, 150, 154
Utusan Zaman x, 5–6, 9, 34–35,
 45, 52, 84–85, 93, 97–98,
 109, 137, 143, 150, 165, 168
Vallecher, R.R. 332–333
Vector 328, 330, 331, 338
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof
 199, 214
Warta Negara 12, 16–17, 19,
 36
Wasiat Orang Bangsawan 93,
 106–107, 110–111, 156
Wegner, D.M. 332–333
Wellek dan Warren 91
Wijaya Mala 19, 49
- Yahaya Ismail xii, 169
Yusof Ishak 4, 7–8, 11–13, 15
- Za'ba 214
Zainal Abidin Ahmad 32–33